KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA
JABATAN PENDIDIKAN NEGERI SARAWAK

# PROGRAM SEMARAK KASIH SPM 2.0 JPN SARAWAK TAHUN 2021

# SEJARAH

# MODUL SEJARAH KSSM
# KERTAS 2(1249/2)
# [SPM 2021]
# MENJULANG NEGERI SARAWAK

BAHAGIAN A SOALAN SUBJEKTIF RESPONS TERHAD (STRUKTUR) DAN BAHAGIAN B SOALAN SUBJEKTIF RESPONS TERBUKA (ESEI)

PANDUAN PENGGUNAAN MODUL

- BIMBINGAN BERSTRUKTUR UNTUK CALON PELBAGAI ARAS
- TUMPUAN KEPADA KERTAS 2 BAHAGIAN A: SUBJEKTIF RESPONS TERHAD (STRUKTUR) DAN BAHAGIAN B:SUBJEKTIF RESPONS TERBUKA (ESEI)
- BERDASARKAN DKSP/SK/SP KSSM SEJARAH TINGKATAN 4 DAN 5
- GURU-GURU BOLEH MENGAPLIKASIKAN KAEDAH SENDIRI MENGGUNAKAN MODUL BERDASARKAN TAHAP PELAJAR MASING-MASING
- PENYEDIAAN CONTOH MENJAWAB SOALAN FAKTA DAN KBAT
- JAWAPAN YANG DISEDIAKAN MEMBANTU PELAJAR UNTUK MENJAWAB SOALAN

# PANDUAN KERTAS 2 (1249/2)

MASA : 2 JAM 30 MINIT

CADANGAN MASA MENJAWAB : SOALAN STRUKTUR : 1 SOALAN 15 MINIT DAN 1 SOALAN ESEI 30 MINIT.

SOALAN FAKTA: PELAJAR GUNALAH PENGETAHUAN YANG DIPELAJARI, FAHAMKAN SOALAN BETUL-BETUL DAN MARKAH PADA SOALAN SEBAGAI PANDUAN UNTUK MENGEMUKAKAN JUMLAH ISI/FAKTA

SOALAN KBAT : BERIKAN JAWAPAN YANG MUNASABAH DAN PASTIKAN JAWAPAN ADA KAITAN DENGAN SOALAN YANG DITANYA. (RELEVAN)

SEMUA JAWAPAN ADALAH DI DALAM BENTUK ESEI

GUNAKAN PENANDA WACANA : SELAIN ITU/ HAL INI/ DI SAMPING ITU

SOALAN KBAT : ISI, HURAIAN, CONTOH DAN INFERENS

## PANEL PENGGUBAL

| BIL | NAMA | SEKOLAH |
|---|---|---|
| 1 | DAYANG NARALAM BINTI AWANG RAINI | SMK ST THOMAS |
| 2 | NURAIN HUMAIRAH LIM BINTI ABDULLAH | SMK GREEN ROAD |
| 3 | CISELIA MISOW | SMK BATU LINTANG |
| 4 | NORLIZA BINTI JULAI | SMK MATANG HILIR |
| 5 | NORIDA BINTI JOHORI | SMK DALAT |
| 6 | ISMAIL BIN AHMAD | SMK ASAJAYA |
| 7 | DAYANG ZULIANA AWANG JAYA | SMK BATU KAWA |
| 8 | ROMIER ANAK VINCENT | SMK SIBURAN |
| 9 | CECELIA ANAK AYING | SMK PADUNGAN |
| 10 | ADIBAH BINTI ABDUL LATIF | SMK DPHA GAPOR |
| 11 | RAFIDAH BINTI ABD RAZAK | SMK GREEN ROAD |
| 12 | PATRICK ANAK BETOK | SMK SGTAPANG |
| 13 | HIDAYATI LOW BINTI ABDULLAH | SMK KAI CHUNG |
| 14 | LIEW CHING HUI | SMK MATANG JAYA |
| 15 | SIAW HUONG YIANG | SMK PADUNGAN |
| 16 | MAGDALLENE OGAHKU SIRING | SMK ST. TERESA |
| 17 | MOHD HAFIZ BIN ABAS | SMK BAKO |
| 18 | JUMAT ANAK CHEKUT | SMK GREEN ROAD |
| 19 | SUHARTI JOO | SMK DEMAK BARU |
| 20 | ADLINA ANAK SOJEP | SMK LUNDU |
| 21 | MOHD ADIB BIN ZUNAIDI | SMK SANTUBONG |



| TINGKATAN 4 | | | | |
|---|---|---|---|---|
| TEMA : PEMBINAAN NEGARA | | | | |
| TAJUK 9: NASIONALISME DI MALAYSIA SEBELUM PERANG DUNIA KEDUA | | | | |
| 3SK | SK | 9.1 Warisan Negara Bangsa | BAB 1 | WARISAN NEGARA BANGSA |
| | SP | 9.1.1 [1.1] ,9.1.2 [1.2] ,9.1.3[1.3] ,9.1.4[1.4] | | |
| | | | | |
| | SK | 9.2 Nasionalisme | BAB 2 | KEBANGKITAN NASIONALISME |
| | SP | 9.2.1 [2.1],9.2.2[2.2],9.2.3[2.3],9.2.4 [2.4] | | |
| | | | | |
| | SK | 9.3 Nasionalisme di negara kita | BAB 2 | KEBANGKITAN NASIONALISME |
| | SP | 9.3.1 [2.5],9.3.2 [2.6] ,9.3.3 [2.7] ,9.3.4 [2.8] | | |
| | | | | |
| TAJUK 10: PERJUANGAN RAKYAT KE ARAH KEMERDEKAAN TANAH AIR | | | | |
| 5 SK | SK | 10.1 Konflik Dunia | BAB 3 | KONFLIK DUNIA DAN PENDUDUKAN JEPUN DI NEGARA KITA |
| | SP | 10.1.1 [3.1] 10.1.2 [3.2] 10.1.3 [3.3] 10.1.4 [3.4] | | |
| | | | | |
| | SK | 10.2 Perjuangan Rakyat Semasa Pendudukan Jepun | BAB 3 | KONFLIK DUNIA DAN PENDUDUKAN JEPUN DI NEGARA KITA |
| | SP | 10.2.1 [3.5], 10.2.2 [3.6] 10.2.3 [3.7], 10.2.4 [3.8] 10.2.5 [3.9] | | |
| | | | | |
| | SK | 10.3 Era Peralihan Kuasa British di Negara Kita | BAB 4 | ERA PERALIHAN KUASA BRITISH DI NEGARA KITA |
| | SP | 10.3.1 [4.1] 10.3.2 [4.2] 10.3.3 [4.3]10.3.4 [4.4] 10.3.5 [4.5] 10.3.6 [4.6] 10.3.7 [4.7] | | |
| | | | | |
| | SK | 10.4 Persekutuan Tanah Melayu 1948 | BAB 5 | PERSEKUTUAN TANAH MELAYU 1948 |
| | SP | 10.4.1 [5.1] 10.4.2 [5.2] 10.4.3 [5.3] 10.4.4 [5.4] | | |
| | | | | |
| | SK | 10.5 Ancaman Komunis dan Perisytiharan Darurat 1948 | BAB 6 | ANCAMAN KOMUNIS DAN PERISYTIHARAN DARURAT |
| | SP | 10.5.1.[6.1], 10.5.2 [6.2], 10.5.3 [6.3], 10.5.4 [6.4] | | |
| | | | | |
| TAJUK 11 : KEMERDEKAAN PERSEKUTUAN TANAH MELAYU | | | | |
| 4SK | SK | 11.1 Usaha ke Arah Kemerdekaan | BAB 7 | USAHA KE ARAH KEMERDEKAAN |
| | SP | 11.1.1 [7.1], 11.1.2 [7.2], 11.1.3 [7.3], 11.1.4 [7.4], 11.1.5 [7.5] | | |
| | | | | |
| | SK | 11.2 Pilihan raya | BAB 8 | PILIHAN RAYA |
| | SP | 11.2.1 [8.1], 11.2.2 [8.2], 11.2.3 [8.3]. 11.2.4 [8.4] | | |
| | | | | |
| | SK | 11.3 Perlembagaan Persekutuan Tanah Melayu 1957 | BAB 9 | PERLEMBAGAAN PTM 1957 |
| | SP | 11.3.1 [9.1], 11.3.2 [9.2], 11.3.3 [9.3], 11.3.4 [9.4] | | |
| | | | | |
| | SK | 11.4 Pemasyhuran Kemerdekaan Tanah Melayu | BAB 10 | PERMASYHURAN KEMERDEKAAN |
| | SP | 11.4.1 [10.1], 11.4.2 [10.2], 11.4.3 [10.3], 11.4.4 [10.4], 11.4.5 [10.5] | | |

| TINGKATAN 5 | | | | |
|---|---|---|---|---|
| TEMA : MALAYSIA DAN MASA HADAPAN | | | | |
| BAB 2 TAJUK 12: PENGUKUHAN KEDAULATAN NEGARA | | | | |
| 4SK | SK | 12.1 Konsep Kedaulatan Negara | BAB 1 | KEDAULATAN NEGARA |
| | SP | 12.1.1 [1.1] ,12.1.2 [1.2] ,12.1.3[1.3] ,12.1.4 [1.4] | | |
| | | | | |
| | SK | 12.2 Perlembagaan Persekutuan | BAB 2 | PERLEMBAGAAN PERSEKUTUAN |
| | SP | 12.2.1 [2.1],12.2.2[2.2],12.2.3[2.3],12.2.4 [2.4] | | |
| | | | | |
| | SK | 12.3 Raja Berperlembagaan & Demokrasi Berparlimen | BAB 3 | RAJA BERPERLEMBAGAAN DAN DEMOKRASI BERPARLIMEN |
| | SP | 12.3.1 [3.1],12.3.2 [3.2] ,12.3.3 [3.3] ,12.3.4 [3.4], 12.3.5 [3.5] | | |
| | | | | |
| | SK | 12.4 Sistem Persekutuan (Kerajaan Persekutuan & Kerajaan Negeri) | BAB 4 | SISTEM PERSEKUTUAN |
| | SP | 12.4.1 [4.1], 12.4.2 [4.2], 12.4.3 [4.3], 12.4.4 [4.4] | | |
| | | | | |
| TAJUK 13: PEMBENTUKAN MALAYSIA | | | | |
| 2SK | SK | 13.1 Gagasan Pembentukan Malaysia | BAB 5 | PEMBENTUKAN MALAYSIA |
| | SP | 13.1.1 [5.1], 13.1.2 [5.2], 13.1.3 [5.3], 13.1.4 [5.4], 13.1.5 [5.5], 13.1.6 [5.6] | | |
| | | | | |
| | SK | 13.2 Cabaran Selepas Pembentukan Malaysia | BAB 6 | CABARAN SELEPAS PEMBENTUKAN MALAYSIA |
| | SP | 13.2.1 [6.1], 13.2.2 [6.2], 13.2.3 [6.3], 13.2.4 [6.4], 13.2.5 [6.5] | | |
| | | | | |
| TAJUK 14 : KEMAKMURAN NEGARA | | | | |
| 2SK | SK | 14.1 Membina Kesejahteraan Negara | BAB 7 | MEMBINA KESEJAHTERAAN NEGARA |
| | SP | 14.1.1 [7.1], 14.1.2 [7.2], 14.1.3 [7.3], 14.1.4 [7.4] 14.1.5 [7.5], 14.1.6 [7.6] | | |
| | | | | |
| | SK | 14.2 Membina Kemakmuran Negara | BAB 8 | MEMBINA KEMAKMURAN NEGARA |
| | SP | 14.2.1 [8.1], 14.2.2 [8.2], 14.2.3 [8.3], 14.2.4 [8.4], 14.2.5 [8.5] | | |
| | | | | |
| TAJUK 15 : MALAYSIA DI PERSADA DUNIA | | | | |
| 3SK | SK | 15.1 Asas Pembinaan Dasar Luar Malaysia | BAB 9 | ASAS PEMBINAAN DASAR LUAR MALAYSIA |
| | SP | 15.1.1 [9.1], 15.1.2 [9.2], 15.1.3 [9.3], 15.1.4 [9.4] | | |
| | | | | |
| | SK | 15.2 Pemantapan Dasar Luar Malaysia | BAB 9 | ASAS PEMBINAAN DASAR LUAR MALAYSIA |
| | SP | 15.2.1 [9.5], 15.2.2 [9.6], 15.2.3 [9.7], 15.2.4 [9.8] | | |
| | | | | |
| | SK | 15.3 Kecemerlangan Malaysia di Persada Dunia | BAB 10 | KECEMERLANGAN MALAYSIA DI PESADA DUNIA |
| | SP | 15.3.1 [10.1], 15.3.2 [10.2], 15.3.3 [10.3], 15.3.4 [10.4], 15.3.5 [10.5] | | |

1 Kemunculan kerajaan Alam Melayu yang masyhur telah membuktikan asas negara bangsa telah bermula sebelum kedatangan Barat.

(a) Namakan dua buah kerajaan Alam Melayu yang unggul.
**(i) Funan**
**(ii) Champa**

[2 markah]

**Jawapan**

F1: Funan
F2: Champa
F3: Kedah Tua
F4: Gangga Nagara
F5: Srivijaya
F6: Angkor
F7: Majapahit

Buku teks MS 4

1.1 Latar Belakang Negara Bangsa Sebelum Kedatangan Barat

Kemunculan dan kemasyhuran kerajaan Alam Melayu membuktikan asas negara bangsa telah bermula sebelum kedatangan Barat. Proses pembentukan negara bangsa mengambil masa yang lama dan melalui beberapa tahap berdasarkan sesebuah kerajaan. Kehebatan dan keagungan kerajaan Alam Melayu seperti kerajaan Funan, Champa, Kedah Tua, Gangga Nagara, Srivijaya, Angkor dan Majapahit menunjukkan ciri-ciri negara bangsa berkembang dan diwarisi oleh kerajaan Alam Melayu selepasnya.

(b) Jelaskan ciri-ciri negara bangsa kerajaan Alam Melayu yang berikut:

(i) Raja
Raja menjadi **tonggak utama kerajaan**. Kedudukan raja diperkukuhkan dengan **dibantu oleh para pembesar.** Selain itu, **raja memperoleh ketaatan** daripada rakyatnya dan **dianggap suci**. Contohnya, **Raja Champa** dianggap suci dan dan dikaitkan dengan Dewa Siva.

(ii) Undang-undang
Undang-undang **memastikan kesejahteraan** sesebuah kerajaan. Undang-undang **terpakai** di seluruh wilayah pengaruh dan menjadi **panduan dalam pentadbiran**. Contohnya, **kerajaan Majapahit** mengamalkan undang-undang *Kutara Manawa*.

[4 markah]

**Jawapan**

(b) (i)
F1: Tonggak utama kerajaan
F2: Dibantu oleh pembesar
F3: Ditaati dan dianggap suci
C: Raja Champa dianggap suci dan dikaitkan dengan Dewa Siva

(b) (ii)
F1: Memastikan kesejahteraan
F2: Terpakai di seluruh wilayah pengaruh
F3: Panduan dalam pentadbiran kerajaan
C: Kerajaan Majapahit mengamalkan undang- undang *Kutara Manawa*

Buku teks MS 4

1 Raja
Raja menjadi tonggak utama kerajaan. Kedudukan raja diperkukuh dengan sistem pentadbiran yang dibantu oleh para pembesar. Raja memperoleh ketaatan daripada rakyatnya. Raja sentiasa ditaati dan dianggap suci. Contohnya, Raja Champa dianggap sebagai pemerintah yang suci dan dikaitkan dengan Dewa Siva.

2 Undang-undang
Undang-undang dilaksanakan bagi memastikan kesejahteraan sesebuah kerajaan. Undang-undang tersebut terpakai di seluruh wilayah pengaruh dan menjadi panduan dalam pentadbiran kerajaan. Contohnya, kerajaan Majapahit mengamalkan undang-undang *Kutara Manawa*.

[F/H/C/Inf]

(c) Maklumat berikut adalah berkaitan kedaulatan institusi raja di negara kita.

> "Kerajaan akan sentiasa menghormati dan terus mempertahankan kedaulatan institusi raja berperlembagaan," - Tun Dr Mahathir Mohamad, 9 September 2019.
>
> Dipetik daripada:
> *https://www.astroawani.com/berita-malaysia/kedaulatan-institusi-raja-akan-dipertahan-pm-217064*

Berdasarkan maklumat tersebut, mengapakah institusi beraja harus dipertahankan? Berikan komen anda.

| | |
|---|---|
| [F/H/C/Inf] | Institusi beraja perlu dipertahankan kerana institusi ini merupakan **tonggak pentadbiran** negara. Ini disebabkan raja merupakan **lambang penyatuan rakyat**. Misalnya, rakyat mesti mendukung **prinsip Rukun Negara** yang pertama iaitu **Kesetiaan kepada Raja dan Negara**. Kesannya **kedaulatan negara** dapat dikekalkan. [4 markah] |
| Jawapan | F: Tonggak pentadbiran negara<br>H: Raja merupakan lambang penyatuan rakyat<br>C: Mendukung prinsip Rukun Negara yang pertama iaitu Kesetiaan kepada Raja dan Negara<br>Inf: Kedaulatan negara dapat dikekalkan<br>*Mana-mana jawapan yang munasabah* |

| | |
|---|---|
| 2 | Sistem pentadbiran Kesultanan Melayu Melaka mempunyai pentadbiran yang lengkap dan berhierarki. Pentadbiran peringkat pusat dalam Kesultanan Melayu Melaka dilaksanakan oleh Pembesar Berempat. |
| (a) | Apakah tugas Bendahara?<br>……………………………………………………………………………………………………<br>……………………………………………………………………………………………………<br>……………………………………………………………………………………………………<br>[3 markah] |
| Jawapan | F1: Ketua pentadbir<br>F2: Ketua turus angkatan tentera<br>F3: Menasihati sultan dalam pelbagai hal<br>F4: Pemangku sultan<br><br>Buku teks MS 9<br>Bendahara merupakan pembesar yang mempunyai tugasan dan peranan yang sangat penting. Bendahara menjalankan tugas sebagai ketua pentadbir dan ketua turus angkatan tentera. Beliau juga akan menasihati sultan dalam pelbagai hal dan menjadi pemangku sultan. |
| (b) | Kesultanan Melayu Melaka mempunyai sistem kewangan yang teratur. Buktikan.<br>……………………………………………………………………………………………………<br>……………………………………………………………………………………………………<br>……………………………………………………………………………………………………<br>[3 markah] |
| Jawapan | F1: Penghulu Bendahari<br>H1a: Menguruskan perbendaharaan<br>F2: Syahbandar<br>H2a: Mengutip cukai di pelabuhan<br>F3: Pembesar<br>H3a: Mengutip cukai di kawasan pegangan<br>F4: Hasil perbendaharaan disalurkan untuk kepentingan kerajaan<br>C: Membeli senjata / membina istana<br><br>Buku teks MS 9<br>Kesultanan Melayu Melaka mempunyai sistem kewangan yang teratur. Sumber pendapatan Kesultanan Melayu Melaka diperoleh daripada urusan perdagangan, segala jenis cukai dan ufti daripada wilayah taklukan serta naungan. Seorang Penghulu Bendahari dilantik bagi menguruskan perbendaharaan secara teratur. Sementara itu, Syahbandar pula dipertanggungjawabkan untuk mengutip cukai di pelabuhan, manakala pembesar lain mengutip cukai di kawasan pegangan. Hasil perbendaharaan akan disalurkan untuk kepentingan kerajaan seperti membeli senjata dan membina istana. Kebijaksanaan pemerintah mengawal perbendaharaan menjadikan Kesultanan Melayu Melaka semakin maju dan makmur. |
| [F/H/C/Inf] | (c) Jelaskan usaha yang perlu dilakukan bagi memastikan keunggulan sistem pentadbiran negara.<br>……………………………………………………………………………………………………<br>……………………………………………………………………………………………………<br>……………………………………………………………………………………………………<br>……………………………………………………………………………………………………<br>……………………………………………………………………………………………………<br>……………………………………………………………………………………………………<br>[4 markah] |
| Jawapan | F: Melaksanakan sistem pentadbiran yang sistematik<br>H: Melaksanakan peranan masing-masing dengan penuh tanggungjawab<br>C: Menteri Kewangan menguruskan pendapatan negara dan memastikan pembahagian kekayaan negara yang saksama antara rakyat.<br>Inf: Menjamin keharmonian negara<br>*Mana-mana jawapan yang munasabah* |

**3** Keunggulan Kesultanan Melayu Melaka terbukti melalui sistem perundangan yang sistematik.

**(a)** Nyatakan undang-undang bertulis pada zaman Kesultanan Melayu Melaka.

(i) ……………………………………………………………………………………

(ii) ……………………………………………………………………………………

[2 markah]

**Jawapan**

F1: Hukum Kanun Melaka
F2: Undang-undang Laut Melaka

Buku teks MS 10

Kesultanan Melayu Melaka mempunyai dua undang-undang yang berasaskan syariah dan hukum adat, iaitu Hukum Kanun Melaka dan Undang-Undang Laut Melaka. Kedua-dua undang-undang ini diperkenalkan bagi melaksanakan pentadbiran untuk menjamin kemakmuran dan kesejahteraan Kesultanan Melayu Melaka.

**(b)** Jelaskan kandungan undang-undang yang dinyatakan di (a) dari aspek jenayah.

……………………………………………………………………………………………
……………………………………………………………………………………………
……………………………………………………………………………………………
……………………………………………………………………………………………

[4 markah]

**Jawapan**

(i) Hukum Kanun Melaka

F1: Hukuman setimpal dikenakan terhadap perbuatan jenayah

C1: Membunuh, menikam dan mencuri.

F2: Kesalahan yang boleh dikenakan hukuman bunuh

C2a: Dalam Fasal 5.1, apabila seseorang didapati membunuh orang lain tanpa pengetahuan raja ataupembesar, maka dia akan dihukum bunuh.

C2b: Dalam Fasal 4, hukuman bunuh dikenakan kepada sesiapa yang ingkar arahan dan memalsukan titah sultan.

Buku teks MS 10

Perbuatan jenayah menggugat ketenteraman dan keharmonian Kesultanan Melayu Melaka. Pelbagai hukuman setimpal dikenakan terhadap perbuatan jenayah seperti membunuh, menikam dan mencuri. Antara kesalahan yang boleh dikenakan hukuman bunuh termasuklah seperti dalam Fasal 5.1, apabila seseorang didapati membunuh orang lain tanpa pengetahuan raja atau pembesar, maka dia akan dihukum bunuh. Dalam Fasal 4, hukuman bunuh dikenakan kepada sesiapa yang ingkar arahan dan memalsukan titah sultan.

ii) Undang-undang Laut Melaka

F1: Hukuman terhadap perbuatan jenayah yang berlaku meliputi perbuatan mencuri, membunuh dan memberontak.

C1: Dalam Fasal 5, seseorang yang berkelakuan jahat dan membunuh orang di atas kapal, maka orang tersebut akan dikenakan hukuman mati.

Buku teks MS 11

Perbuatan jenayah di atas kapal akan menggugat ketenteraman dan keselamatan isi kapal. Undang-undang ini menjelaskan hukuman terhadap perbuatan jenayah yang berlaku meliputi perbuatan mencuri, membunuh dan memberontak. Contohnya, dalam Fasal 5, seseorang yang berkelakuan jahat dan membunuh orang di atas kapal, maka orang tersebut akan dikenakan hukuman mati.

**[F/H/C/Inf]**

**(c)** Keutuhan undang-undang dapat menjamin kehidupan masyarakat yang aman dan harmoni. Berikan komen anda.

……………………………………………………………………………………………
……………………………………………………………………………………………
……………………………………………………………………………………………
……………………………………………………………………………………………

[4 markah]

**Jawapan**

F: Melahirkan masyarakat yang lebih berdisiplin
H: Mengatasi masalah jenayah
C: Tiada rusuhan yang besar berlaku
Inf: Keselamatan negara terjamin

*Mana-mana jawapan yang munasabah*

4 Hubungan pemerintah dan rakyat pada zaman Kesultanan Melayu Melaka seringkali dikaitkan dengan konsep waadat.

(a) Apakah peranan golongan yang berikut dalam Kesultanan Melayu Melaka?

(i) Sultan

Peranan sultan dalam Kesultanan Melayu Melaka ialah **menaungi dan menjaga keselamatan rakyat**. Selain itu, sultan berperanan **mewujudkan perpaduan rakyat**. Tugas sultan yang lain adalah **memperkenalkan undang-undang** untuk mengawal rakyat

[3 markah]

(ii) Rakyat

Rakyat dalam Kesultanan Melayu Melaka berperanan **menunjukkan taat setia** kepada pemerintah. Sebagai rakyat, mereka **mematuhi segala arahan** pemerintah. Rakyat juga **menyumbang tenaga kerja** melalui sistem kerah seperti **membina jalan** dan istana.

[3 markah]

Jawapan

(i) Sultan

F1: Menaungi dan menjaga keselamatan rakyat
F2: Mewujudkan perpaduan rakyat
F3: Bertanggungjawab terhadap kemakmuran serta kestabilan kerajaan
F4: Memperkenalkan undang-undang untuk mengawal rakyat

Buku teks MS 12

- Menaungi dan menjaga keselamatan rakyat negeri baginda.
- Mewujudkan perpaduan rakyat.
- Bertanggungjawab terhadap kemakmuran serta kestabilan kerajaan.
- Memperkenalkan undang-undang untuk mengawal rakyat.

(ii) Rakyat

F1: Menunjukkan taat setia kepada pemerintah.
F2: Mematuhi segala arahan pemerintah
F3: Tidak akan menderhaka kerana takut ditimpa tulah.
F4: Menjadi tentera.
F5: Menghadiri majlis umum seperti gotong-royong.
F6: Menjadi pengayuh / pendayung kapal perang
F7: Menyumbang tenaga kerja melalui sistem kerah
C7: Membina istana atau jalan.

Buku teks MS 13

- Menunjukkan taat setia kepada pemerintah.
- Mematuhi segala arahan pemerintah dan tidak akan menderhaka kerana takut ditimpa **tulah**.
- Menjadi tentera.
- Menghadiri majlis umum seperti gotong-royong. Menjadi pengayuh atau pendayung kapal perang.
- Menyumbang tenaga kerja melalui sistem kerah seperti membina istana atau jalan.

[F/H/C/Inf]

(b) Kesetiaan rakyat kepada raja menjamin keutuhan sesebuah kerajaan. Buktikan pernyataan tersebut.

Rakyat yang setia kepada raja akan sentiasa **menghormati pemimpin negara**. Hal ini menyebabkan mereka sentiasa **menjaga nama baik** negara. Contohnya, **tidak memburukkan pemimpin** negara di media sosial seperti *Facebook*. Oleh itu, **kesejahteraan negara dapat dikekalkan**.

Selain itu, rakyat yang setia akan **sanggup berkorban** untuk negara. Hal ini dibuktikan dengan **kesanggupan rakyat berjuang** demi kedaulatan negara. Sebagai contoh, perjuangan **Tok Janggut** menentang British di Kelantan. Kesannya, **kedaulatan negara dapat dikekalkan**.

[6 markah]

| | |
|---|---|
| Jawapan | F1: Menghormati pemimpin negara<br>H1: Menjaga nama baik negara<br>C1: Tidak memburukkan pemimpin negara di media sosial<br>Inf: Mengukuhkan kesejahteraan negara<br><br>F2: Sanggup berkorban untuk negara<br>H2: Kesanggupan rakyat berjuang demi kedaulatan negara<br>C2: Perjuangan Tok Janggut menentang British di Kelantan<br>Inf: Mengekalkan kedaulatan negara<br><br>*Mana-mana jawapan yang munasabah* |
| [F/H/C/Inf] | (c) Selari dengan ungkapan 'Bulat air kerana pembentung, bulat manusia kerana muafakat', rakyat Malaysia harus bekerjasama dengan pemimpin bagi memastikan kesejahteraan negara.<br>Bersetujukah anda dengan pernyataan ini?<br><br>Saya ber**setuju** dengan pernyataan tersebut. Rakyat harus **bersama-sama menggembleng tenaga** dengan pemimpin dalam membangunkan negara. Hal ini dapat dilakukan dengan **menyokong program** yang dilancarkan. Misalnya, rakyat tekad menerima vaksin menerusi **Program Vaksinasi**. Oleh itu, **keamanan negara dapat dikekalkan.**<br><br>Selain itu, kerjasama rakyat dibuktikan melalui **kesetiaan kepada pemimpin** yang memerintah. Hal ini boleh dilakukan dengan **mematuhi arahan** yang diberikan oleh pemerintah. Sebagai contoh, rakyat **mematuhi prosedur standard** yang ditetapkan semasa keluar rumah sepanjang musim pandemik Covid-19. Kesannya, k**esejahteraan negara lebih terjamin**.<br><br>[8 markah] |
| Jawapan | Pendirian: Setuju<br><br>F1: Bersama-sama menggembleng tenaga membangunkan negara<br>H1: Menyokong program yang dilancarkan<br>C1: Program Vaksinasi<br>Inf: Mengekalkan keamanan negara<br><br>F2: Setia kepada pemimpin yang memerintah<br>H2: Mematuhi arahan pemerintah<br>C2: Mematuhi prosedur standard yang ditetapkan semasa keluar rumah sepanjang musim pandemic Covid-19<br>Inf: Kesejahteraan negara lebih terjamin<br><br>*Mana-mana jawapan yang munasabah* |

| T4B1 SK9.1 Warisan Negara Bangsa | Soalan Subjektif Respon Terbuka / Bahagian B |
|---|---|

| | |
|---|---|
| 5 | Kewibawaan pemerintah Kesultanan Melayu Melaka terbukti apabila mempunyai wilayah pengaruh yang luas merangkumi keseluruhan Semenanjung Tanah Melayu dan pantai timur Sumatera. |
| (a) | Jelaskan cara peluasan wilayah pengaruh pada zaman Kesultanan Melayu Melaka.<br><br>……………………………………………………………………………………<br>……………………………………………………………………………………<br>……………………………………………………………………………………<br>……………………………………………………………………………………<br>……………………………………………………………………………………<br>……………………………………………………………………………………<br>……………………………………………………………………………………<br>……………………………………………………………………………………<br>……………………………………………………………………………………<br><br>[4 markah] |
| Jawapan | F1: Wilayah taklukan<br>H1: Diperoleh melalui peperangan.<br>C1: Pahang / Kuala Linggi / Kelantan / Rokan / Inderagiri / Kampar<br><br>F2: Wilayah naungan<br>H2a: Wilayah yang menerima ketuanan Kesultanan Melayu Melaka<br>H2b: Melalui perkahwinan/persahabatan<br>C2: Lingga/ Patani/Kedah<br><br>F3: Perolehan wilayah melalui perkahwinan.<br>C3: Kerajaan Majapahit menghadiahkan Siantan kepada Sultan Mansur Shah kerana mengahwini Puteri Majapahit.<br><br>Buku teks MS 7<br><br>**Wilayah taklukan** ialah wilayah yang diperoleh melalui peperangan. Antara wilayah yang ditakluk termasuklah Pahang, Kuala Linggi, Kelantan, Rokan, Inderagiri dan Kampar.<br><br>**Wilayah naungan** ialah wilayah yang menerima ketuanan Kesultanan Melayu Melaka sama ada melalui perkahwinan atau persahabatan. Contoh wilayah naungan ialah Lingga, Patani dan Kedah.<br><br>**Perolehan wilayah melalui perkahwinan.** Contohnya, kerajaan Majapahit menghadiahkan Siantan kepada Sultan Mansur Shah kerana mengahwini Puteri Majapahit. |
| [F/H/C/Inf] | (b) Warisan Kesultanan Melayu Melaka masih kekal sehingga hari ini. Buktikan.<br><br>……………………………………………………………………………………<br>……………………………………………………………………………………<br>……………………………………………………………………………………<br>……………………………………………………………………………………<br>……………………………………………………………………………………<br>……………………………………………………………………………………<br>……………………………………………………………………………………<br>……………………………………………………………………………………<br>……………………………………………………………………………………<br>……………………………………………………………………………………<br>……………………………………………………………………………………<br>……………………………………………………………………………………<br><br>[8 markah] |

| | |
|---|---|
| Jawapan | F1: Negara diperintah oleh raja<br>H1: Lambang penyatuan rakyat<br>C1: Mengamalkan sistem pemerintahan beraja dan demokrasi berparlimen<br>Inf: Memastikan kedaulatan negara kekal terpelihara<br><br>F2: Penguatkuasaan undang-undang<br>H2: Mengukuhkan kerajaan dan melindungi rakyat<br>C2: Perlembagaan dijunjung sebagai undang-undang tertinggi negara<br>Inf: Meningkatkan kesejahteraan negara<br><br>*Mana-mana jawapan yang munasabah* |
| [F/H/C/Inf] | (c) Jelaskan faktor yang mempengaruhi keunggulan sesebuah kerajaan.<br>..........................................................................................................<br>..........................................................................................................<br>..........................................................................................................<br>..........................................................................................................<br>..........................................................................................................<br>..........................................................................................................<br>..........................................................................................................<br>..........................................................................................................<br>..........................................................................................................<br>..........................................................................................................<br>..........................................................................................................<br>..........................................................................................................<br>[8 markah] |
| Jawapan | F1: Pemimpin yang berwibawa<br>H1: Agihan tugas yang tersusun<br>C1: Pelbagai kementerian melaksanakan tugas mengikut portfolio masing-masing<br>Inf: Sistem pentadbiran berjalan licin<br><br>F2: Rakyat yang produktif<br>H2: Mengharumkan nama negara dalam pelbagai bidang<br>C2: Datuk Nicole Ann David mengaharumkan nama negara dalam bidang sukan<br>Inf: Dipandang tinggi di persada dunia<br><br>*Mana-mana jawapan yang munasabah* |

**1** Nasionalisme mempunyai pelbagai tafsiran berdasarkan sejarah, idea dan matlamat perjuangan serta karisma pemimpin yang mendukung perjuangan.

**(a)** Apakah yang anda faham dengan maksud nasionalisme?

Maksud nasionalisme ialah **perasaan cinta yang mendalam terhadap negara dan bangsa**. Selain itu nasionalisme merujuk kepada **semangat kebangsaan** berkaitan dengan perjuangan menentang penjajahan dan pembelaan terhadap bangsa dan negara.

[2 markah]

**Jawapan**

F1: Perasaan cinta yang mendalam terhadap negara dan bangsa
F2: Semangat kebangsaan berkaitan dengan perjuangan menentang penjajahan dan pembelaan terhadap bangsa dan negara
F3: Gerakan untuk mencapai kebebasan politik, ekonomi dan sosial daripada penguasaan orang asing.
F4: Berkait rapat dengan pengalaman sejarah / pengaruh sekeliling seperti keturunan / agama / bahasa / adat resam

Buku teks MS 22

**Maksud Nasionalisme**

Nasionalisme bermaksud perasaan cinta yang mendalam terhadap bangsa dan negara. Nasionalisme boleh diertikan sebagai semangat kebangsaan yang menjelaskan sikap dan pendekatan berkaitan dengan perjuangan menentang penjajahan serta pembelaan terhadap bangsa dan negara. Selain itu, nasionalisme bermaksud gerakan untuk mencapai kebebasan politik, ekonomi dan sosial daripada penguasaan orang asing. Idea nasionalisme tidak sama antara negara dengan zaman kerana idea tersebut berkait rapat dengan pengalaman sejarah dan pengaruh sekeliling seperti keturunan, agama, bahasa dan adat resam.

**(b)** Jelaskan perkembangan idea nasionalisme yang tercetus daripada peristiwa berikut:

(i) Revolusi Keagungan (1688)

Raja James II **membelakangkan parlimen** semasa menggubal undang-undang. Hal ini menyebabkan ahli parlimen bangkit **menentang pemerintahan raja berkuasa mutlak** dengan sokongan Mary II dan suaminya, Raja William of Orange.

(ii) Revolusi Perancis (1789)

Idea nasionalisme yang **memperjuangkan kebebasan, persamaan dan persaudaraan golongan pemikir Perancis** seperti **Jean Jacques Rousseau** (Rousseau) dan Voltaire. Rousseau telah menulis *The Social Contract* dengan mengemukakan keunggulan suara rakyat bagi menjamin kesejahteraan masyarakat.

[4 markah]

**Jawapan**

(i)
F1: Raja James II membelakangkan parlimen semasa menggubal undang-undang
F2: Ahli parlimen bangkit menentang pemerintahan raja berkuasa nlutlak
F3: Dengan sokongan Mary II dan suaminya, Raja William of Orange
F4: Semasa pemerintahan Mary II dan William of Orange, konsep kedaulatan parlimen
F5: Sistem raja berperlembagaan dimantapkan
F6: Bill of Rights digubal
F7: Memberikan keutamaan kepada parlirnen menggubal undang-undang / hak mengutip cukai.

(ii)
F1: Idea nasionalisme yang memperjuangkan kebebasan / persamaan / persaudaraan
H1: Golongan pemikir Perancis
C1: Jean Jacques Rousseau (Rousseau) / Voltaire

Buku teks MS 24-25

**Revolusi Keagungan (1688)**

Revolusi Keagungan (Glorious Revolution) di England berlaku disebabkan oleh keinginan menegakkan kedaulatan parlimen dan hak asasi rakyat.

Revolusi ini tercetus berikutan pemerintahan Raja James II membelakangkan parlimen semasa menggubal undang-undang. Ahli parlimen bangkit menentang pemerintahan raja berkuasa mutlak dengan sokongan Mary II dan suaminya, Raja William of Orange dari Belanda. Menyedari sokongan yang semakin berkurangan, Raja James II melarikan diri ke Perancis.

Peristiwa ini dikenali sebagai Revolusi Keagungan kerana peralihan kuasa berlaku secara aman tanpa pertumpahan darah. Semasa pemerintahan Mary II dan William of Orange, konsep kedaulatan parlimen dan sistem raja berperlembagaan dimantapkan. Bill of Rights digubal untuk memberikan keutamaan kepada parlimen menggubal undang-undang dan hak mengutip cukai.

**Revolusi Perancis (1789)**

Revolusi Perancis tercetus daripada idea nasionalisme yang memperjuangkan kebebasan, persamaan dan persaudaraan oleh golongan pemikir Perancis seperti Jean Jacques Rousseau (Rousseau) dan Voltaire.

Rousseau telah menulis *The Social Contract* yang mengemukakan keunggulan suara rakyat bagi menjamin kesejahteraan masyarakat. Suara rakyat digelar sebagai "hasrat umum" yang merupakan kata sepakat golongan yang mempunyai kesedaran. Menurut Rousseau, kedaulatan suara rakyat lebih tinggi dan penting daripada institusi raja dan birokrasi.

Sasaran golongan revolusi adalah terhadap pemerintahan autokratik Raja Louis XVI (1774–1792) dan golongan bangsawan. Golongan ini memonopoli pelbagai keistimewaan, sebaliknya rakyat terbeban dengan pelbagai cukai.

Golongan revolusi menggempur penjara Bastile, membebaskan tahanan politik dan seterusnya menggulingkan Raja Louis XVI. Revolusi Perancis membawa kemunculan Republik Perancis yang mengakhiri sistem pemerintahan beraja di Perancis.

| | |
|---|---|
| Jawapan | F2: Rousseau telah menulis The Social Contract<br>H2a: Keunggulan suara rakyat bagi menjamin kesejahteraan masyarakat<br>H2b: Suara rakyat digelar sebagai "hasrat umum"<br>H2c: Kedaulatan suara rakyat lebih tinggi<br>F3: Pemerintahan autokratik dan golongan bangsawan memonopoli pelbagai keistimewaan<br>H3: Rakyat terbeban dengan pelbagai cukai<br>F4: Golongan revolusi menggempur penjara Bastile<br>H4a: Menggulingkan Raja Louis XVI<br>H4b: Revolusi Perancis membawa kemunculan Republik Perancis<br>H4c: Mengakhiri sistem pemerintahan beraja di Perancis |
| [F/H/C/Inf] | (c) Nasionalisme penting kepada perkembangan sesebuah negara.<br>Beri penjelasan anda.<br><br>Kepentingan nasionalisme kepada sesebuah negara ialah bagi menjamin **kestabilan politik**. Politik negara yang stabil akan **menjamin keamanan** dan keselamatan negara. Ini akan membolehkan rakyat **hidup dengan sejahtera** dan harmoni serta pembangunan negara dapat diteruskan. Kesannya **kedaulatan negara** terjaga daripada sebarang bentuk penjajahan baru.<br><br>[4 markah] |
| | F: Menjamin kestabilan politik<br>H: Menjamin keamanan<br>C: Hidup dengan sejahtera<br>Inf: Kedaulatan negara terjaga<br><br>*Mana-mana jawapan yang munasabah* |

**2** Pada abad ke 20, beberapa faktor seperti peranan agama, penulisan kreatif, media cetak dan system pendidikan telah mendorong kepada kemunculan gerakan nasionalisme.

**(a)** Nyatakan akhbar dan majalah yang berperanan sebagai penyalur maklumat dan penyebar berita.
(i) ……………………………………………………………………………………
(ii) ……………………………………………………………………………………

[2 markah]

**Jawapan**

F1: Jawi Peranakan
F2: Sekola Melayu
F3: Al-Imam
F4: Neracha
F5: Pengasuh
F6: Fajar Sarawak

Buku teks MS 34


**Media Cetak**
Media cetak seperti akhbar dan majalah berperanan sebagai penyalur maklumat dan penyebar berita. Antara akhbar awal termasuklah *Jawi Peranakan* yang menegur campur tangan British dalam soal agama Islam di Singapura dan isu bahasa Melayu. Terdapat juga akhbar *Sekola Melayu* yang digunakan untuk bahan pembacaan di sekolah Melayu. Kemunculan *Al-Imam*, *Neracha* dan *Pengasuh* pula memuatkan idea pembaharuan. Akhbar *Fajar Sarawak* yang diterajui oleh angkatan intelektual Melayu diterbitkan sebagai wadah bagi mengkritik dasar pemerintahan Brooke yang mengabaikan hak dan kepentingan bumiputera Sarawak.

Muhammad Rakawi Yusuf dan Johari Anang.
*Sumber:* Sabihah Osman dan Nordi Achie, 2011. "Pelopor Persuratkhabaran Sarawak dan Tokoh-tokoh Sosiobudaya-Persuratan Sabah" dlm. Abdul Rahman Haji Ismail dan Mahani Musa (ed.). *Akhbar dan Tokoh Persuratkhabaran Malaysia Kurun ke-21.* Pulau Pinang: Universiti Sains Malaysia.

**(b)** Terangkan faktor sistem pendidikan yang mendorong kemunculan gerakan nasionalisme.
……………………………………………………………………………………
……………………………………………………………………………………
……………………………………………………………………………………
……………………………………………………………………………………

[4 markah]

**Jawapan**

F1: Pendidikan moden Islam melalui penubuhan madrasah
H1: Menerima idea nasionalisme melalui para ulama dan pelajar dari Mesir
C1: Madrasah Al-Attas di Johor Bahru / Madrasah Al-Masyhur di Pulau Pinang / Madrasah al-Idrisiyah di Kuala Kangsar
F2: Melahirkan golongan yang memimpin rakyat
H2: Menuntut hak dalam pendidikan
C2: Raffles Instituition (Singapura) / Maktab Malayu Kuala Kangsar / Maktab Perguruan Sultan Idris
F3: Pelajar didedahkan dengan idea tokoh falsafah Islam / Barat
F4: Memperlihatkan kelemahan bangsa yang dijajah
F5: Mendesak British melakukan pembaharuan

Buku teks MS 35


Maktab Perguruan Sultan Idris (SITC).
*Sumber:* Pusat Maklumat Utusan dan Unit Foto Utusan Melayu (M) Bhd.

**Sistem Pendidikan**
Pendidikan moden Islam melalui penubuhan madrasah telah meniupkan semangat baharu dalam kalangan pelajar pada awal abad ke-20. Antaranya termasuklah Madrasah al-Attas di Johor Bahru (1914), Madrasah al-Masyhur di Pulau Pinang (1916) dan Madrasah al-Idrisiyah di Kuala Kangsar (1926). Institusi ini menerima idea nasionalisme melalui kunjungan para ulama Kaum Muda dari Sumatera Barat dan pulangnya pelajar dari Mesir yang menyebarkan idea kemajuan dan pemodenan kepada masyarakat.

Raffles Institution di Singapura, Maktab Melayu Kuala Kangsar atau Malay College Kuala Kangsar (MCKK) dan Maktab Perguruan Sultan Idris atau Sultan Idris Training College (SITC) melahirkan golongan yang memimpin rakyat menuntut hak untuk mendapatkan pendidikan. Melalui sistem pendidikan, pelajar didedahkan dengan idea tokoh falsafah Islam dan Barat yang memperlihatkan kelemahan bangsa yang dijajah serta mendesak British melakukan pembaharuan. Contohnya, SITC menjadi medan ilmu untuk berbincang dan menghasilkan karya nasionalisme bagi menyedarkan masyarakat.

**[F/H/C/Inf]**

**(c)** Golongan intelektual memainkan peranan penting dalam proses pembangunan sesebuah negara.
Berikan ulasan anda berdasarkan pernyataan tersebut.
……………………………………………………………………………………
……………………………………………………………………………………
……………………………………………………………………………………
……………………………………………………………………………………

[4 markah]

**Jawapan**

F1: Menyebarkan ilmu / maklumat kepada masyarakat
F2: Melahirkan masyarakat yang bijak
F3: Masyarakat yang tidak mudah ditipu
F4: Kedaulatan negara dapat dikekalkan
F5: Dipandang tinggi oleh negara luar

*Mana-mana jawapan yang munasabah*

**3** Perjuangan persatuan-persatuan memperlihatkan perkembangan yang bersifat sosiobudaya dan juga politik telah diterajui oleh pelbagai pihak dalam perkembangan nasionalisme negara.

- Kesatuan Melayu Singapura (KMS)
- Persaudaraan Sahabat Pena (PASPAM)

**(a)** Apakah tujuan penubuhan Kesatuan Melayu Singapura (KMS)?

(i) ……………………………………………………………………………………

(ii) ……………………………………………………………………………………

[2 markah]

**Jawapan**

F1: Memperjuangkan kepentingan orang Melayu dalam pendidikan.
F2: Mementingkan pelajaran teknik.
F3: Mementingkan pengajian tinggi.

Buku teks MS 40

**KESATUAN MELAYU SINGAPURA**

Persatuan awal yang muncul ialah Kesatuan Melayu Singapura (KMS) yang ditubuhkan pada tahun 1926. Penubuhan KMS bertujuan menggalakkan ahli bergerak aktif dalam pentadbiran, memperjuangkan kepentingan orang Melayu dalam politik dan pendidikan serta mementingkan pelajaran teknik dan pengajian tinggi. Kejayaan KMS mendorong penubuhan persatuan negeri lain. Contohnya, Persatuan Melayu Pahang, Persatuan Melayu Selangor dan Persatuan Melayu Negeri Sembilan yang dianggotai oleh kakitangan kerajaan. Mereka bekerjasama dengan British dan meminta supaya lebih banyak peluang diberikan kepada orang Melayu dalam pentadbiran.

**(b)** Huraikan perkembangan persatuan Persaudaraan Sahabat Pena (PASPAM).

…………………………………………………………………………………………………
…………………………………………………………………………………………………
…………………………………………………………………………………………………
…………………………………………………………………………………………………

[4 markah]

**Jawapan**

F1: Ditubuhkan untuk menggalakkan ahli-ahlinya bersatu
H1a: Bertukar-tukar pendapat
H1b: Bermula di Pulau Pinang pada tahun 1934
H1c: Berkembang dan giat mengadakan perhimpunan tahunan seluruh Tanah Melayu antara tahun 1934-1939
F2: Menyatukan pergerakan orang Melayu melalui kongres
H2a: Berjaya menghimpunkan wakil persatuan Melayu
H2b: Brunei, Labuan dan Sarawak
H2c: Mengutarakan isu kebangsaan
F3: Di Sarawak, Muhammad Rakawi Yusuf ialah antara pengasas PASPAM cawangan Kuching
H3a: Mempunyai hubungan dengan ahli KMS
H3b: Bersama Johari Anang mengasaskan Persatuan Melayu Sarawak (PMS)
F4: Di Sabah, ramai daripada kalangan tokoh bumiputera Sabah bergiat aktif dalam organisasi berbentuk penulisan
H4a: Membangkitkan kesedaran tentang pentadbiran di Sabah
H4b: Kesedaran berpersatuan wujud pada akhir tahun 1930-an
F5: Penubuhan cawangan PASPAM di Jesselton (Kota Kinabalu, Tawau dan Labuan pada tahun 1939)

Buku teks MS 40

**PERSAUDARAAN SAHABAT PENA**

Persaudaraan Sahabat Pena (PASPAM) ditubuhkan bagi menggalakkan ahlinya untuk bersatu dan bertukar-tukar pendapat. PASPAM yang bermula di Pulau Pinang pada tahun 1934, berkembang dan giat mengadakan perhimpunan tahunan seluruh Tanah Melayu antara tahun 1934 hingga tahun 1939. Usaha menyatukan pergerakan orang Melayu melalui kongres atau persidangan berjaya menghimpunkan wakil persatuan Melayu dari Brunei, Labuan dan Sarawak untuk mengutarakan isu kebangsaan.

Di Sarawak, Muhammad Rakawi Yusuf adalah antara pengasas PASPAM cawangan Kuching dan mempunyai hubungan baik dengan ahli KMS. Beliau bersama-sama dengan Johari Anang turut mengasaskan Persatuan Melayu Sarawak (PMS) pada tahun 1939. Di Sabah, ramai dalam kalangan tokoh bumiputera Sabah bergiat aktif dalam organisasi berbentuk penulisan sehingga membangkitkan kesedaran tentang pentadbiran di Sabah. Kesedaran berpersatuan dalam kalangan masyarakat Sabah wujud pada akhir tahun 1930-an. Penubuhan cawangan PASPAM di Jesselton (Kota Kinabalu), Tawau dan Labuan pada tahun 1939 meningkatkan kesedaran sosial dalam kalangan ahlinya. Kebanyakan ahli PASPAM di Sabah terdiri daripada guru sekolah Melayu, pegawai rendah kerajaan dan peniaga. Antara tokohnya termasuklah Mohammad Yaakob, Mohammad Shamsudin Osman dan Zakaria Gunn.

| | |
|---|---|
| [F/H/C/Inf] | (c) Pada pendapat anda, apakah ciri-ciri sebuah persatuan yang berkesan?<br>……………………………………………………………………………………………<br>……………………………………………………………………………………………<br>……………………………………………………………………………………………<br>……………………………………………………………………………………………<br>[4 markah] |
| Jawapan | F1: Mempunyai perlembagaan yang baik<br>H1: Dapat memastikan aktiviti persatuan berjalan dengan lancar<br>C1: Misalnya Persatuan Melayu Singapura<br>Inf: Dengan itu, persatuan lebih mudah mencapai matlamat penubuhannya<br><br>F2: Mempunyai pemimpin yang berwibawa.<br>H2: Bertanggungjawab menjalankan tugas<br>C1: Contohnya Muhammad Eunos Abdullah yang menubuhkan KMS<br>Inf: Dengan adanya barisan pemimpin berwibawa, persatuan dapat memberi kesan terhadap ahli dan masyarakat sekeliling.<br><br>*Mana-mana jawapan yang munasabah* |

**4** Kedatangan dan penjajahan kuasa Barat di Asia serta Asia Tenggara telah mencetuskan kebangkitan nasionalisme seterusnya gerakan membebaskan diri daripada penjajahan.

**(a)** Jelaskan faktor yang memyebabkan berlakunya kebangkitan nasionalisme di:

(i) China

Faktor yang menyebabkan berlakunya kebangkitan nasionalisme di China ialah ingin **mengukuhkan peradaban China** dalam kalangan orang Cina daripada penguasaan politik dan ekonomi kuasa asing. Selain itu nasionalime di China juga kerana **kelemahan pemerintahan Dinasti Manchu** yang dianggap sebagai orang luar dan hilang mandat. Masyarakat China **kehilangan kepercayaan terhadap Dinasti Manchu** yang gagal menghalang kemasukan pengaruh Barat.

[3 markah]

(ii) Jepun

Faktor yang menyebabakan berlakunya kebangkitan nasionalisme di Jepun ialah **kesedaran untuk mencapai kemajuan** bagi mengelakkan ancaman imperialimse Barat. Nasionalisme di Jepun juga **menekankan pemodenan Jepun** mengikut model Barat. Kebangkitan nasionalisme di Jepun kerana gerakan **Pemulihan Meiji** iaitu gerakan pembaharuan dalam semua aspek kehidupan.

[3 markah]

**Jawapan**

(i)
F1: Ingin mengukuhkan peradaban China
F2: Kelemahan pemerintahan Dinasti Manchu
F3: Dinasti Manchu gagal menghalang kemasukan pengaruh Barat
F4: Bercorak anti -Barat
F5: Menentang campur tangan kuasa Barat di China

(ii)
F1: Kesedaran untuk mencapai kemajuan bagi mengelakkan ancaman imperialisme Barat
H1: Pemodenan Jepun
F2: Semangat Bushido
H2: Gerakan pemulihan Meiji
C2a: Kuasa tentera yang kuat di Asia / Jepun dihormati oleh kuasa Barat

Buku teks MS 26-27

**Nasionalisme di China**

Nasionalisme di China bertujuan mengukuhkan peradaban China dalam kalangan orang Cina daripada ancaman penguasaan politik dan ekonomi oleh kuasa asing.

Nasionalisme China bermula dengan penentangan terhadap kelemahan pemerintahan Dinasti Manchu (kerajaan Manchuria) yang dianggap sebagai orang luar dan kehilangan mandat. Masyarakat China turut hilang kepercayaan terhadap Dinasti Manchu yang gagal menghalang kemasukan pengaruh Barat. Gerakan nasionalisme seterusnya bercorak anti-Barat kerana menentang campur tangan kuasa Barat di China.

Tokoh yang mempelopori gerakan kebangkitan rakyat di China ialah Dr. Sun Yat Sen. Beliau mengemukakan Tiga Prinsip Rakyat (San Min Chu-i) sebagai ideologi perjuangan, iaitu nasionalisme, demokrasi dan kebajikan sosial. Prinsip tersebut menjadi asas kepada gerakan Revolusi China pada tahun 1911 yang berjaya menumbangkan pemerintahan Dinasti Manchu dan kemunculan pemerintahan republik di China.

**Nasionalisme di Jepun**

Nasionalisme di Jepun pula digerakkan oleh pemerintah Jepun disebabkan oleh kesedaran untuk mencapai kemajuan bagi mengelakkan ancaman imperialisme Barat. Maharaja Mikado Meiji (1868) melancarkan gerakan pemulihan Jepun dengan menekankan pemodenan mengikut model Barat supaya Jepun dihormati oleh kuasa Barat.

Prinsip dan semangat *bushido* dijadikan asas membina nasionalisme dalam kalangan rakyat dan pemerintah semasa era Pemulihan Meiji. Pemulihan meliputi gerakan pembaharuan dalam semua aspek kehidupan yang menjadikan Jepun muncul sebagai negara perindustrian dan kuasa tentera yang kuat di Asia pada awal abad ke-20. Namun begitu, desakan ekonomi dan nasionalisme melampau oleh golongan tentera menjadikan Jepun sebagai kuasa imperialisme di Asia.

**[F/H/C/Inf]**

(b) Terangkan perkembangan nasionalisme di Indonesia

Perkembangan nasionalisme di Indonesia pada awalnya berkisar **isu pendidikan** untuk **mengubah nasib rakyat** akibat dasar penjajah Belanda. Tokoh yang mempelopori perjuangn nasionalisme seperi **Raden Adjeng Kartini** yang memperjuangkan pendidikan kaum wanita melalui karyanya **Hilang Gelap Terbitlah Terang**.

Kemudiannya gerakan nasionalisme berkembang dengan **kemunculan pertubuhan yang lebih tersusun** seperti **Muhammadiyah** untuk **mempertahankan agama Islam daripada ancaman sekularisme Barat**

[6 markah]

**Jawapan**

F1: Isu pendidikan
H1: Mengubah nasib rakyat
C1: Raden Adjeng Kartini
C2: Karyanya Hilang Gelap Terbitlah Terang
F2: Kemunculan pertubuhan yang lebih tersusun
C1: Muhammadiyah
C2: Mempertahankan agama Islam daripada ancaman sekularisme Barat
F3: Penubuhan parti politik
H3: Memperjuangkan kemerdekaan
C3: Parti Nasionalis Indonesia(PNI)
F4: Kongres Pemuda Indonesia melahirkan Ikrar "Sumpah Pemuda" yang menjadi tonggak nasionalisme.
F5: Pembentukan Permuafakatan Perhimpunan Politik Kebangsaan
H5a: Gabungan organisasi dan parti politik Indonesia
H5b: Memperjuangkan kemerdekaan Indonesia.

Buku teks MS 30


Nasionalisme di Indonesia

Nasionalisme di Indonesia pada awalnya berkisarkan isu pendidikan untuk mengubah nasib rakyat akibat dasar penjajah Belanda. Raden Adjeng Kartini mempelopori perjuangan untuk memajukan pendidikan kaum wanita. Karya Kartini, terutama surat yang diutus kepada rakan-rakannya di Eropah dibukukan dan diterbitkan dengan judul *Hilang Gelap Terbitlah Terang* pada tahun 1911. Karya ini kemudiannya diterjemahkan ke dalam bahasa Inggeris dengan judul *Letters of a Javanese Princess*. Karya tersebut mendedahkan dasar diskriminasi Belanda yang menindas dan membawa kemunduran kepada bangsa Indonesia. Kesedaran nasionalisme seterusnya berkembang dengan kemunculan pertubuhan yang lebih tersusun seperti Muhammadiyah untuk mempertahankan agama Islam daripada ancaman sekularisme Barat. Gerakan nasionalisme menjadi semakin radikal dengan penubuhan parti politik yang memperjuangkan kemerdekaan seperti Sarekat Islam (SI), Partai Komunis Indonesia (PKI) dan Partai Nasionalis Indonesia (PNI). Kepimpinan Soekarno menjadikan PNI sebagai sebuah parti yang berpengaruh.

Pada tahun 1928, Kongres Pemuda Indonesia melahirkan ikrar "Sumpah Pemuda" yang menjadi tonggak nasionalisme. Tiga asas dalam sumpah tersebut ialah satu tanah air, satu bangsa dan satu bahasa untuk mewujudkan keutuhan negara bangsa.

Bagi mengukuhkan perjuangan pertubuhan ini, Soekarno mempelopori pembentukan Permuafakatan Perhimpunan Politik Kebangsaan Indonesia (PPPKI). PPPKI ialah gabungan organisasi dan parti politik Indonesia yang memperjuangkan kemerdekaan Indonesia.

**[F/H/C/Inf]**

(c) Sebagai pemimpin sesebuah negara yang berdaulat, apakah usaha yang anda lakukan bagi memastikan kedaulatan negara terus berkekalan?

Sebagai pemimpin sebuah negara yang berdaulat, usaha yang akan saya lakukan bagi memastikan kedaulatan negara terus berkekalan ialah **menguatkan sistem pertahanan negara**. Sistem pertahanan yang kuat dengan **tentera yang ramai** dan **sanggup berkorban** demi mempertahankan kedaulatan negara daripada serangan musuh. Sistem pertahanan juga mempunyai **persenjataan yang moden** bagi menghadapi apa saja bentuk serangan daripada pihak luar. Ini akan dapat **menjamin keselamatan** dan keamanan negara sepanjang masa.

Selain itu, saya akan memastikan **sistem pentadbiran negara berjalan lancar** dan cekap. **Amalan rasuah diperangi** dan individu yang terlibat dikenakan hukuman. Sistem pentadbiran negara diperkukuhkan dengan memastikan **keadilan sentiasa dipelihara**. Kesannya **kemakmuran negara dapat direalisasikan**.

[8 markah]

**Jawapan**

F1: Menguatkan sistem pertahanan negara.
H1: Tentera yang ramai dan sanggup berkorban
C1: Persenjataan yang moden
Inf: Kesannya menjamin keselamatan negara.

F2: Sistem pentadbiran negara berjalan lancar
H2: Amalan rasuah diperangi
C2: Keadilan sentiasa dipelihara
Inf: Kemakmuran negara dapat direalisasikan

*Mana-mana jawapan yang munasabah*

5 Pernyataan berikut berkaitan perkembangan nasionalisme di negara kita.

> Gerakan nasionalisme di Tanah Melayu adalah sama dengan gerakan di negara Asia yang lain. Gerakan ini merupakan satu tindak balas terhadap penjajahan asing. Gerakan nasionalisme lazimnya dikaitkan dengan hasrat untuk menegakkan nilai dan institusi-institusi yang dapat mencerminkan konsep negara yang bebas dan berdaulat.

(a) Terangkan latar belakang perkembangan nasionalisme di negara kita.

………………………………………………………………………………………………………
………………………………………………………………………………………………………
………………………………………………………………………………………………………
………………………………………………………………………………………………………
………………………………………………………………………………………………………
………………………………………………………………………………………………………
………………………………………………………………………………………………………

[4 markah]

**Jawapan**

F1: Dilihat melalui tiga aspek
F2: Dipelopori oleh golongan intelektual
F3: Penulisan oleh golongan guru, penulis dan wartawan
F4: Kewujudan pertubuhan atau persatuan bersifat sosioekonomi dan politik
F5: Diterajui oleh pelbagai pihak

Buku teks MS 36

**2.7 Perkembangan Nasionalisme**

Perkembangan nasionalisme di negara kita boleh dilihat melalui tiga aspek. Pertama, perkembangan nasionalisme yang dipelopori oleh golongan intelektual. Kedua, perkembangan nasionalisme ditinjau melalui penulisan oleh golongan guru, penulis dan wartawan yang menghasilkan karya seperti akhbar, majalah, novel, cerpen serta puisi. Ketiga, perkembangan nasionalisme melalui kewujudan pertubuhan atau persatuan bersifat sosioekonomi dan politik yang diterajui oleh pelbagai pihak.

(b) Maktab Melayu Kuala Kangsar (MCKK) memainkan peranan penting dalam melahirkan golongan intelektual berpendidikan Inggeris.
Bincangkan.

………………………………………………………………………………………………………
………………………………………………………………………………………………………
………………………………………………………………………………………………………
………………………………………………………………………………………………………
………………………………………………………………………………………………………
………………………………………………………………………………………………………
………………………………………………………………………………………………………
………………………………………………………………………………………………………
………………………………………………………………………………………………………
………………………………………………………………………………………………………
………………………………………………………………………………………………………
………………………………………………………………………………………………………

[8 markah]

**Jawapan**

F1: Berperanan dalam perkembangan nasionalisme
H1: Pada awal penubuhannya untuk melatih anak bangsawan
H2: Untuk diserapkan dalam pentadbiran kerajaan
F2: Lepasan maktab menggunakan kedudukan mereka untuk menyuarakan hak
H2: Mendapatkan pendidikan bagi orang Melayu
C2: Lepasan maktab seperti Raja Chulan Raja Abdullah / Mahmud Mat / Mohammed Eunos Abdullah / Raja Uda Raja Muhammad
F3: Bertugas sebagai pegawai
H3a: Menuntut British memperbaiki taraf hidup orang Melayu

Buku teks MS 37

**Intelektual Berpendidikan Inggeris**

Maktab Melayu Kuala Kangsar (MCKK) yang ditubuhkan pada tahun 1905 pula melahirkan intelektual berpendidikan Inggeris dan berperanan dalam perkembangan nasionalisme.

Maktab ini pada asalnya ditubuhkan untuk melatih anak bangsawan bagi diserapkan dalam pentadbiran kerajaan British. Lepasan maktab ini menggunakan kedudukan mereka untuk menyuarakan hak mendapat pendidikan bagi orang Melayu.

Lepasan maktab ini seperti Raja Chulan Raja Abdullah, Mahmud Mat, Mohammad Eunos Abdullah dan Raja Uda Raja Muhammad yang bertugas sebagai pegawai kerajaan menuntut British memperbaik taraf hidup orang Melayu, di samping membuka lebih banyak peluang pekerjaan kepada orang Melayu dalam jabatan kerajaan.

Mereka menyalurkan idea dan tuntutan dengan cara berbaik-baik dengan British serta menggunakan akhbar seperti *Warta Malaya*, *Lembaga Malaya* dan *Utusan Melayu*.

| | | |
|---|---|---|
| Jawapan | H3b: Membuka lebih banyak peluang pekerjaan kepada orang Melayu dalam jabatan kerajaan<br>H3c: Menyatukan idea dan tuntutan dengan cara berbaik-baik dengan British<br>H3d: Menggunakan akhbar<br>C3: Warta Malaya / Lembaga Malaya / Utusan Melayu | |
| [F/H/C/Inf] | (c) Gerakan nasionalisme golongan intelektual mempengaruhi masyarakat di negara kita. Mengapakah ini berlaku?<br>…………………………………………………………………………………………………<br>…………………………………………………………………………………………………<br>…………………………………………………………………………………………………<br>…………………………………………………………………………………………………<br>…………………………………………………………………………………………………<br>…………………………………………………………………………………………………<br>…………………………………………………………………………………………………<br>…………………………………………………………………………………………………<br>…………………………………………………………………………………………………<br>…………………………………………………………………………………………………<br>…………………………………………………………………………………………………<br>…………………………………………………………………………………………………<br>[8 markah] | |
| Jawapan | F1: Golongan intelektual memberikan idea yang bernas<br>H1 Idea tersebut menimbulkan kesedaran dalam kalangan masyarakat.<br>C1 Syed Sheikh Al-Hadi yang menggerakkan idea pembaharuan dalam masyarakat<br>Inf: Hasilnya masyarakat mulai sedar dan menuntut hak mereka<br><br>F2: Penubuhan madrasah oleh golongan intelektual<br>H2: Membentuk intelektual baharu Islam yang berusaha menyatukan rumpun Melayu<br>C2: Madrasah Al-Attas di Johor<br>Inf: Kesannya, penyebaran idea membangkitkan nasionalisme<br><br>*Mana-mana jawapan yang munasabah* | |

**1** Peta berikut menunjukkan lokasi Perang Dunia Pertama.




Peta Eropah menunjukkan lokasi Perang Dunia Pertama antara Kuasa Tengah dengan Pakatan Bertiga

Sumber: Diubah suai daripada Khasnor Johan. *et al*., 1996. *Sejarah Peradaban Dunia*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka

**(a)** Nyatakan negara yang terlibat dalam pakatan ketenteraan Pakatan Bertiga

**(i) Britain**
**(ii) Perancis**

[2 markah]

**Jawapan**

F1: Britain
F2: Perancis
F3: Rusia
F4: Serbia
F5: Itali
F6: Romania
F7: Portugal
F8: Greece

Buku teks MS 54



1914
Pihak yang terlibat dalam Perang Dunia Pertama

| Pakatan | Negara Anggota |
|---|---|
| Kuasa Tengah | • Jerman dan Austria-Hungary.<br>• Pakatan ini kemudian disertai oleh Bulgaria dan empayar Uthmaniyah. |
| Pakatan Bertiga | • Britain, Perancis dan Rusia.<br>• Pakatan ini disokong oleh Serbia, Itali, Romania, Portugal dan Greece. |

**(b)** Huraikan faktor persaingan kuasa imperialis yang mencetuskan Perang Dunia Pertama (1914-1918).

**Perkembangan Revolusi Industri** menyebabkan berlaku persaingan dalam kalangan kuasa imperialis di Eropah. Mereka bersaing **untuk mendapatkan tanah jajahan** bagi memperoleh **bahan mentah** seperti **arang batu**, petroleum dan bijih timah serta **memasarkan hasil industri**. Persaingan tersebut membawa **permusuhan antara kuasa imperialis** di Eropah seperti **Perancis** dan Jerman.

[4 markah]

**Jawapan**

F1: Perkembangan Revolusi Industri
H1a: Bersaing mendapat tanah jajahan
H1b: Bersaing mendapat bahan mentah
C1b: Petroleum / Bijih timah
H1c: Memasarkan hasil industri
H1d: Permusuhan antara kuasa imperialis
C1d: Perancis / Jerman

Buku teks MS 54



Persaingan Kuasa Imperialis

Perkembangan Revolusi Industri menyebabkan berlaku persaingan dalam kalangan kuasa imperialis di Eropah. Mereka bersaing untuk mendapatkan tanah jajahan bagi memperoleh bahan mentah seperti arang batu, petroleum dan bijih timah serta memasarkan hasil industri. Persaingan tersebut membawa permusuhan antara kuasa imperialis di Eropah seperti Perancis dan Jerman.

**[F/H/C/Inf]**

(d) Peperangan memberikan kesan buruk kepada dunia.
Berikan hujah yang menyokong fakta anda.

Setuju. Peperangan memberikan kesan yang buruk kepada dunia. Peperangan menyebabkan **kehilangan nyawa** dan kemusnahan harta benda. Selain itu, peperangan juga **melumpuhkan ekonomi dunia**. Hal ini akan mengakibatkan **pengeluaran produk terhenti** serta tiada urusan perniagaan dijalankan. Tambahan pula, peperangan turut **meruntuhkan tamadun**. Contohnya negara **Iraq** hancur akibat perang yang berlarutan dalam jangka masa yang panjang.

[4 markah]

| | |
|---|---|
| | F1: Menyebabkan kehilangan nyawa/harta benda / prasarana musnah / kebuluran /penderitaan<br>F2: Melumpuhkan ekonomi dunia<br>H2: Pengeluaran produk terhenti / musnah<br>H2b: Tiada urusan perniagaan dijalankan / inflasi<br>F3: Meruntuhkan tamadun<br>H3a: Pembinaan negara terjejas<br>H3b: Negara musnah<br>C3a: Iraq / Syria<br>Inf: Ironinya, lebih membawa keburukan daripada kebaikan<br><br>*Mana-mana jawapan yang munasabah* |

**2** Perang Dunia Kedua berlaku pada tahun 1939-1945. Peperangan ini melibatkan dua pakatan iaitu Kuasa Paksi dan Kuasa Bersekutu.

**(a)** Nyatakan dua faktor tercetusnya Perang Dunia Kedua di Eropah.

(i) ……………………………………………………………………………………

(ii) ……………………………………………………………………………………

[2 markah]

**Jawapan**

F1: Kemunculan ideologi baharu
F2: Ketidakpuasan hati terhadap Perjanjian Versailles
F3: Kegagalan Liga Bangsa-Bangsa

Buku teks MS 58

**Faktor Tercetusnya Perang Dunia Kedua di Eropah**

Perang Dunia Kedua tercetus akibat kemunculan ideologi baharu, ketidakpuasan hati terhadap Perjanjian Versailles dan kegagalan Liga Bangsa-Bangsa.

**(b)** Jelaskan kronologi Perang Dunia Kedua berlaku pada tahun 1939-1945.

……………………………………………………………………………………………

……………………………………………………………………………………………

……………………………………………………………………………………………

……………………………………………………………………………………………

[4 markah]

**Jawapan**

F1: Penaklukan Jerman terhadap Eropah Barat
H1a: Serangan Blitzkrieg/menakluki di Eropah Barat
H1b: Menawan Poland/Denmark/Norway
H1b: Menguasai hampir keseluruhan negara di Eropah Barat pertengahan tahun 1941

F2: Pengeboman Britain
H2a: Serangan udara dan laut September 1940-Jun 1941
H2b: Menyerang / memusnahkan pelabuhan / kawasan perindustrian/pertahanan udara Britain
H2c: Menjejaskan ekonomi Britain

F3: Penyertaan Itali dalam Perang Di Eropah
H3a: Mengisytiharkan perang/Britain dan Perancis Jun 1940
H3b: Itali menyerang Perancis dari arah selatan / Jerman menyerang Perancis dari arah utara

F4: Serangan Jerman ke atas Rusia
H4a: Melancarkan Operasi Barbarossa / menawan Rusia
H4b: Menguasai Rusia / empayar terbesar Eropah / menguasai seluruh Eropah
H4c: Menyasarkan bandar utama di Rusia / Leningrad / Moscow / Stalingrad

Buku teks MS 60

**Penaklukan Jerman terhadap Eropah Barat**

Selepas peperangan diisytiharkan, Jerman memulakan serangan *Blitzkrieg* bagi menakluki negara di Eropah Barat. Jerman berjaya menawan Poland, Denmark, Norway, Belanda, Belgium, Luxembourg dan Perancis. Jerman menguasai hampir keseluruhan negara di Eropah Barat menjelang pertengahan tahun 1941.

**Pengeboman Britain**

Jerman melancarkan serangan udara dan laut terhadap Britain pada bulan September 1940 sehingga bulan Jun 1941. Jerman menyerang dan memusnahkan pelabuhan, kawasan perindustrian dan pertahanan udara Britain. Serangan tersebut telah menjejaskan ekonomi Britain.

**Penyertaan Itali dalam Perang di Eropah**

Itali, sekutu Jerman mengisytiharkan perang terhadap Britain dan Perancis pada bulan Jun 1940. Tentera Itali menyerang Perancis melalui arah selatan, manakala tentera Jerman menyerang Perancis dari arah utara.

**Serangan Jerman ke atas Rusia**

Setelah menguasai Eropah Barat, Jerman telah melancarkan Operasi Barbarossa, iaitu serangan besar-besaran untuk menawan Rusia. Hitler ingin menguasai Rusia, iaitu empayar terbesar di Eropah untuk mencapai cita-citanya menguasai seluruh Eropah. Operasi ini menyasarkan bandar utama di Rusia, iaitu Leningrad, Moscow dan Stalingrad.

**[F/H/C/Inf]**

**(c)** Kemenangan Kuasa Bersekutu semasa Perang Dunia Kedua memberikan iktibar kepada kita tentang kepentingan bekerjasama dan bermuafakat dalam menghadapi cabaran. Buktikan kenyataan berdasarkan pengetahuan sejarah anda.

……………………………………………………………………………………………

……………………………………………………………………………………………

……………………………………………………………………………………………

……………………………………………………………………………………………

[4 markah]

| | |
|---|---|
| | F1: Kerjasama kuasa besar<br>H1a: Pertemuan Presiden Amerika Syarikat Franklin Roosevelt / Perdana Menter Britain Winston Churchill<br>H1b: Membuat keputusan politik dan ketenteraan<br>H1c: Kerjasama diteruskan dengan melibatkan Presiden Rusia, Joseph Stalin<br>H1d: Komander Tertinggi Bersekutu dari Amerika Syarikat mengetuai tentera Bersekutu di medan peperangan / tentera darat / udara / laut<br><br>F2: Keberkesanan strategi serangan<br>H2a: Keunggulan perancangan ketenteraan pimpinan Amerika Syarikat melalui Kuasa Bersekutu<br>C2a: Operasi pendaratan tentera Bersekutu di Normandy, Perancis<br>Inf: Kerjasama ini telah memberi kemenangan kepada Pihak Bersekutu menewaskan Kuasa Paksi semasa Perang Dunia Kedua di Eropah / membuktikan berkerjasama dan bermuafakat dalam menghadapi cabaran. |

| T4B3 SK10.2 Perjuangan Rakyat Semasa Pendudukan Jepun | Soalan Subjektif Respon Terhad / Bahagian A |
|---|---|

**3** Pemerintahan tentera Jepun yang kejam dan kesengsaraan hidup yang dihadapi oleh rakyat telah mencetuskan penentangan secara individu dan melalui pertubuhan tertentu terhadap pendudukan Jepun.

**(a)** Gambar di bawah merupakan tokoh yang berjuang menentang pendudukan Jepun di negara kita. Namakan tokoh-tokoh tersebut.


X


Y

X ………………………………………………………
Y ………………………………………………………

[2 markah]

**Jawapan**

X: Sybil Kathigasu
Y: Datu Mustapha Datu Harun

Buku teks MS 78-79


Sybil Kathigasu


Datu Mustapha Datu Harun

**(b)** Jelaskan peranan Pasukan Force 136 dalam perjuangan menentang kependudukan Jepun.
……………………………………………………………………………………………………
……………………………………………………………………………………………………
……………………………………………………………………………………………………
……………………………………………………………………………………………………

[4 markah]

**Jawapan**

F1: Ditubuhkan oleh British
H1: Berpusat di Colombo, Sri Lanka.
H2: Anggota menerima latihan di India dan Sri Lanka
F2: Menubuhkan pasukan gerila Melayu anti-Jepun
H2: Anggota terawal ialah Mejar Tengku Mahmood Mahyidden, Leftenan Tunku Yusuf Tunku Yaakub
F3: Menjalankan aktiviti rahsia
H3: Mengumpulkan maklumat / melakukan sabotaj / menyebarkan propaganda / membuat persiapan untuk British melancarkan Operasi Zipper

Buku teks MS 76-77

**Force 136**

British menubuhkan South East Asia Command (SEAC) yang berpusat di Colombo, Sri Lanka dan membentuk unit khas yang dikenali sebagai Force 136 pada tahun 1943.

Anggota Force 136 telah mendapat latihan di India dan Sri Lanka. Mereka kemudian dihantar ke Tanah Melayu melalui kapal selam atau diturunkan melalui payung terjun dari kapal terbang bertujuan mendapatkan sokongan orang Melayu serta menubuhkan pasukan gerila anti-Jepun. Anggota terawal Force 136 Tanah Melayu antaranya termasuklah Mejar Tengku Mahmood Mahyiddeen, Leftenan Tunku Yusuf Tunku Yaakub, Kapten Ibrahim Ismail dan Leftenan Tengku Osman Tengku Mohd Jiwa.

Force 136 dan pertubuhan gerila Melayu bekerjasama untuk menentang Jepun dengan menjalankan aktiviti rahsia di Tanah Melayu. Antaranya termasuklah mengumpulkan maklumat, melakukan sabotaj, menyebarkan propaganda dan membuat persiapan untuk British melancarkan Operasi Zipper, iaitu serangan secara besar-besaran menawan Tanah Melayu semula pada tahun 1945.

| | |
|---|---|
| [F/H/C/Inf] | (c) Perjuangan rakyat menentang pendudukan Jepun merupakan tindak balas terhadap kekejaman dan kesengsaraan yang dihadapi di bawah pentadbiran tentera Jepun. Perjuangan ini memberi iktibar kepada kita untuk mengekalkan kedaulatan negara daripada ancaman luar.<br>Berikan pendapat anda.<br>……………………………………………………………………………………………<br>……………………………………………………………………………………………<br>……………………………………………………………………………………………<br>……………………………………………………………………………………………<br>[4 markah] |
| | F: Tanggungjawab rakyat menjaga kedaulatan negara<br>H: Kuasa luar mengeksploitasi kekayaan negara.<br>C: British dan Jepun<br>Inf: Kesetiaan rakyat akan menjadi benteng kukuh<br>*Mana-mana jawapan yang munasabah* |

T4B3 SK10.1 Konflik Dunia | Soalan Subjektif Respon Terbuka / Bahagian B

**4** Pembaharuan Meiji telah membawa pemodenan sehingga Jepun muncul sebagai negara industri dan memiliki kuasa ketenteraan yang setaraf dengan kuasa Barat. Demi memenuhi keperluan ekonomi dan ketenteraan serta perkembangan politik dalam negara, Jepun melaksanakan dasar peluasan kuasa.

**(a)** Nyatakan dasar peluasan kuasa Jepun berkait dengan pengaruh golongan tentera.

Dasar peluasan kuasa Jepun berkait dengan pengaruh golongan tentera ialah Jepun mempunyai **angkatan tentera paling moden** di Asia. Ini menyebabkan Jepun semakin **agresif apabila golongan tentera menguasai politik**. Golongan tentera berpendapat **masalah ekonomi Jepun boleh diselesaikan menerusi penaklukan kawasan** yang kaya dengan **bahan mentah** dan boleh menjadi **kawasan pasaran**.

[4 markah]

**Jawapan**

F1: Angkatan tentera paling moden di Asia
F2: Jepun semakin agresif apabila golongan tentera menguasai politik
F3: Berpendapat masalah ekonomi Jepun boleh diselesaikan menerusi penaklukan
H3: Kawasan yang kaya dengan bahan mentah dan boleh menjadi kawasan pasaran.
F4: Jeneral Hideki Tojo menjadi Perdana Menteri
H4: Mengheret Jepun ke kancah peperangan

Buku teks MS 64

**Pengaruh Golongan Tentera**

Pada abad ke-20, Jepun mempunyai angkatan tentera paling moden di Asia. Jepun semakin agresif apabila golongan tentera menguasai politik pada tahun 1932. Golongan tentera berpendapat bahawa masalah ekonomi Jepun boleh diselesaikan menerusi penaklukan kawasan yang kaya dengan bahan mentah dan boleh menjadi kawasan pasaran. Pada Oktober 1941, Jeneral Hideki Tojo menjadi Perdana Menteri Jepun dan mengheret Jepun ke kancah peperangan.


Jeneral Hideki Tojo

**[F/H/C/Inf]**

(b) Bagaimanakah bermulanya Perang Dunia Kedua di Asia Pasifik?

Perang Dunia Kedua di Asia Pasifik bermula apabila Jepun menyerang **Tanah Melayu** dan **Pearl Harbour**, Hawaii, iaitu **pangkalan tentera laut** Amerika Syarikat di Pasifik. Serangan tentera Jepun terhadap Pearl Harbour bertujuan **melumpuhkan armada laut** Amerika Syarikat di Pasifik yang boleh menjadi **penghalang kepada peluasan kuasa** Jepun di Asia Pasifik.

Seterusnya**, serangan dilakukan ke atas wilayah jajahan** Amerika Syarikat, Britain dan Belanda yang lain seperti **Filipina**, Hong Kong dan Pulau Wake. Serangan tersebut membawa kepada **penglibatan Amerika Syarikat** apabila mengisytiharkan perang terhadap Jepun. Dengan **strategi yang berkesan** dan penguasaan **serangan melalui laut**, darat dan udara, **Jepun berjaya** membentuk empayar yang luas di Asia Pasifik.

[8 markah]

**Jawapan**

F1: Jepun menyerang Tanah Melayu
F2: Pearl Harbour, Hawaii
H2: Pangkalan tentera laut Amerika Syarikat
H3: Bertujuan melumpuhkan armada laut Amerika Syarikat
H4: Penghalang peluasan kuasa Jepun
F3: Serangan ke atas wilayah jajahan
C3: Filipina, Hong Kong, Pulau Guam dan Pulau Wake
F4: Penglibatan Amerika Syarikat
H4: Strategi yang berkesan
C4: Melalui laut, darat dan udara.
F5: Jepun membentuk empayar luas

Buku teks MS 66

**Bermula Perang Dunia Kedua di Asia Pasifik**

Perang Dunia Kedua di Asia Pasifik bermula apabila Jepun menyerang Tanah Melayu dan Pearl Harbour, Hawaii, iaitu pangkalan tentera laut Amerika Syarikat di Pasifik. Serangan tentera Jepun terhadap Pearl Harbour bertujuan melumpuhkan armada laut Amerika Syarikat di Pasifik yang boleh menjadi penghalang kepada peluasan kuasa Jepun di Asia Pasifik.

Seterusnya, serangan dilakukan ke atas wilayah jajahan Amerika Syarikat, Britain dan Belanda yang lain seperti Filipina, Hong Kong, Pulau Guam dan Pulau Wake. Serangan tersebut membawa penglibatan Amerika Syarikat dalam perang di Asia Pasifik apabila mengisytiharkan perang terhadap Jepun. Dengan strategi yang berkesan dan penguasaan serangan melalui laut, darat dan udara, Jepun berjaya membentuk empayar yang luas di Asia Pasifik menjelang April 1942.

| [F/H/C/Inf] | (c) Berdasarkan pengetahuan sejarah anda, bagaimanakah negara kita boleh mengelakkan diri dari terlibat dalam konflik dunia?<br><br>Negara kita boleh mengelakkan diri dari terlibat dalam konflik dunia dengan mengamalkan **dasar berkecuali**. Dasar yang **tidak bersekongkol dengan mana-mana kuasa besar** di dunia perlu dilaksanakan. Misalnya, negara kita berpegang kuat kepada prinsip **ZOFPAN** (Zon Aman Bebas dan Berkecuali). Oleh itu, negara kita akan **bebas daripada mana-mana campur tangan** kuasa besar.<br><br>Selain itu, negara perlu **mengukuhkan hubungan diplomatik** dengan semua negara di dunia tanpa mengira prinsip dan ideologi. Seterusnya, negara kita perlu **menghormati kedaulatan negara lain**. Contohnya, pendekatan **rundingan bagi menyelesaikan konflik** diamalkan melalui pertubuhan antarabangsa seperti **PBB**, KOMANWEL dan OIC. Impaknya, Malaysia akan berupaya mengekalkan keharmonian sejagat.<br>[8 markah] |
|---|---|
| | F1: Mengamalkan dasar berkecuali.<br>H1: Tidak bersekongkol dengan mana-mana kuasa besar<br>C1: ZOFPAN<br>Inf: Negara bebas daripada campur tangan kuasa besar<br><br>F2: Mengukuhkan hubungan diplomatik<br>H2: Menghormati kedaulatan negara lain<br>C2: Rundingan bagi menyelesaikan konflik<br>Inf: Keharmonian sejagat<br><br>*Mana-mana jawapan yang munasabah* |

| T4B3 SK10.2 Perjuangan Rakyat Semasa Pendudukan Jepun | Soalan Subjektif Respon Terbuka / Bahagian B |
|---|---|

**5** Serangan tentera Jepun bermula di Tanah Melayu pada 8 Disember 1941, manakala serangan terhadap Sarawak dan Sabah bermula pada 16 Disember 1941.

**(a)** Jelaskan faktor kedatangan Jepun ke negara kita.

…………………………………………………………………………………………………………
…………………………………………………………………………………………………………
…………………………………………………………………………………………………………
…………………………………………………………………………………………………………

[4 markah]

**Jawapan**

F1: Eksploitasi Sumber Bahan Mentah
H1a: Keperluan perindustrian ekoran pembaharuan Meiji / operasi ketenteraan Jepun
H1b: Tanah Melayu pengeluar bijih timah / getah
H1c: Sasaran utama Sarawak /sumber minyak / Miri dan Lutong

F2: Kepentingan strategik ketenteraan
H2a: Kedudukan strategik negara kita / pangkalan tentera laut British / Singapura
H2b: Membuka laluan penguasaan Jepun terhadap telaga minyak di Sumatera
H2c: Penguasaan Pulau Borneo / menjayakan operasi penaklukan tentera Jepun di Pulau Jawa.

Buku teks MS 68

**Eksploitasi Sumber Bahan Mentah**

Jepun ingin mengeksploitasi kekayaan bahan mentah di negara kita untuk keperluan perindustrian ekoran Pembaharuan Meiji dan operasi ketenteraan Jepun. Tanah Melayu merupakan pengeluar utama bijih timah dan getah di dunia, selain menghasilkan emas, bijih besi, arang batu dan bauksit.

Sasaran utama Jepun di Sarawak untuk mendapatkan sumber minyak, terutama di Miri dan Lutong.

Pendudukan Jepun terhadap negara kita merupakan sebahagian daripada rancangan menjayakan pembentukan kawasan Lingkungan Sekemakmuran Asia Timur Raya untuk mengukuhkan ekonomi Jepun.

**Kepentingan Strategik Ketenteraan**

Kedudukan strategik negara kita sesuai untuk ketenteraan Jepun. Di hujung Semenanjung Tanah Melayu terletak pangkalan tentera laut British, iaitu Singapura. Penguasaan terhadap pangkalan tentera laut tersebut penting untuk membuka laluan penguasaan Jepun terhadap telaga minyak di Sumatera. Penguasaan terhadap Pulau Borneo pula penting untuk menjayakan operasi penaklukan tentera Jepun di Pulau Jawa.

**[F/H/C/Inf]**

(b) Terangkan dasar pentadbiran Jepun di negara kita.

…………………………………………………………………………………………………………
…………………………………………………………………………………………………………
…………………………………………………………………………………………………………
…………………………………………………………………………………………………………
…………………………………………………………………………………………………………
…………………………………………………………………………………………………………
…………………………………………………………………………………………………………
…………………………………………………………………………………………………………
…………………………………………………………………………………………………………
…………………………………………………………………………………………………………
…………………………………………………………………………………………………………
…………………………………………………………………………………………………………

[8 markah]

**Jawapan**

F1: Pentadbiran Tentera Jepun
H1a: Pemerintahan Tentera Tanah Melayu
H1b: Tanah Melayu digabungkan dengan Sumatera di bawah satu pentadbiran / kawasan pertahanan khas / pentadbiran pasukan tentera Jepun ke-25 / berpusat di Singapura
H1c: 1944, Tanah Melayu dan Sumatera ditadbir secara berasingan / perbezaan sistem politik dan ekonomi
H1d: Singapura (*Syonan-to*) pentadbiran diasingkan pentadbirannya dari Tanah Melayu
H1d: Perlis / Kedah / Kelantan / Terengganu ditadbir kerajaan Thailand
H1e: Sarawak / Sabah / Brunei digabungkan satu unit pentadbiran, Kita Baruneo
H1f: Diketuai Gabenor Jeneral / berpusat di Kuching

Buku teks MS 70-71


Dasar Pentadbiran

**Pentadbiran Tentera Jepun**

Tentera Jepun memperkenalkan Pemerintahan Tentera Tanah Melayu. Pada peringkat awal, Tanah Melayu digabungkan dengan Sumatera di bawah satu pentadbiran untuk membentuk Kawasan Pertahanan Khas dan diletakkan di bawah pentadbiran pasukan tentera Jepun ke-25 yang berpusat di Singapura.

Pada April 1944, Tanah Melayu dan Sumatera ditadbir secara berasingan kerana terdapat perbezaan sistem politik dan ekonomi yang ketara di bawah pentadbiran British dan Belanda sebelum perang. Sumatera kemudiannya diletakkan di bawah pentadbiran tentera Jepun ke-25 yang berpusat di Bukit Tinggi, Sumatera. Tanah Melayu pula ditadbir oleh pasukan tentera Jepun ke-29 yang berpusat di Taiping, Perak.

Singapura yang dikenali sebagai *Syonan-to* (Pulau Cahaya Selatan) diasingkan pentadbirannya dari Tanah Melayu yang dikenali sebagai *Malai Baru* (Melayu Baru). Negeri Melayu, iaitu Perlis, Kedah, Kelantan dan Terengganu dipindahkan di bawah pentadbiran kerajaan Thailand.

Sarawak, Sabah dan Brunei pula digabungkan menjadi satu unit pentadbiran yang dikenali sebagai *Kita Boruneo* dan diketuai oleh Gabenor Jeneral serta diletakkan di bawah pasukan tentera Jepun ke-37 yang berpusat di Kuching.

**[F/H/C/Inf]**

(c) Dasar pendudukan Jepun meninggalkan pelbagai kesan kesengsaraan dan penderitaan. Penduduk telah memperoleh keberanian, kepercayaan diri, semangat spiritual dan mental yang kuat untuk menentang pendudukan Jepun.
Berdasarkan pengetahuan sejarah anda, buktikan kejayaan perjuangan rakyat menentang pendudukan Jepun di negara kita.

……………………………………………………………………………………………………
……………………………………………………………………………………………………
……………………………………………………………………………………………………
……………………………………………………………………………………………………
……………………………………………………………………………………………………
……………………………………………………………………………………………………
……………………………………………………………………………………………………
……………………………………………………………………………………………………
……………………………………………………………………………………………………
……………………………………………………………………………………………………
……………………………………………………………………………………………………
……………………………………………………………………………………………………

[8 markah]

F1: Kekejaman Jepun menimbulkan keberanian rakyat
H1a: Rejimen Askar Melayu, pertempuran di Bukit Chandu
C1a: Leftenan Adnan / kepewiraan berjuang ketitisan darah terakhir
H1b: MPAJA pasukan sukarela yang dilatih British menentang Jepun
H1c: Kerjasama MPAJA-Force 136
H1d: Penentangan Force 136, Pahang, Gerila Melayu Kedah
H1e: Penentangan individu
C1e: Albert Kwok / Gurchan Singh / Sybil Kathigasu
H1f: Pemberontakan Jesselton berjaya menyerang pejabat pentadbiran, balai polis / membunuh tentera Jepun
Inf: Rakyat berbilang kaum / bekerjasama menentang Jepun

*Mana-mana jawapan yang munasabah*

T4B4 SK10.3 Era Peralihan Kuasa British di Negara Kita | Soalan Subjektif Respon Terhad / Bahagian A

**1** British Military Administration (BMA) telah diperkenalkan di Tanah Melayu selepas tentera Jepun menyerah kalah dalam Perang Dunia Kedua.

**(a)** Nyatakan dua tugas utama BMA.

(i) **Mengembalikan kestabilan**
(ii) **Memulihkan kepercayaan rakyat**

[2 markah]

**Jawapan**

F1: Mengembalikan kestabilan
F2: Memulihkan kepercayaan rakyat

Buku teks MS 94



4.1 British Military Administration

British Military Administration (BMA) di Tanah Melayu bermula pada 12 September 1945 setelah tentera Jepun menyerah kalah. BMA merupakan pentadbiran tentera yang diletakkan di bawah arahan Lord Mountbatten, Pemerintah Tertinggi Tentera Bersekutu di Asia Tenggara (1943–1946). Perancangan bagi hal ehwal awam di Tanah Melayu dilakukan oleh Timbalan Ketua Pegawai Hal Ehwal Awam, Brigedier Jeneral H.C. Willan. Tugas BMA adalah untuk mengembalikan kestabilan dan memulihkan kepercayaan rakyat.

**(b)** Jelaskan cabaran yang dihadapi oleh BMA.

Antara cabaran yang dihadapi oleh BMA ialah **kegagalan untuk mengumpulkan semula senjata** yang diberikan British kepada MPAJA. BMA juga **gagal membanteras kegiatan jenayah**, keganasan dan kongsi gelap serta berlakunya **masalah ketegangan antara kaum**. Selain itu, **bekalan makanan** dan ubat-ubatan juga sukar didapati. Akhir sekali, berlakunya penularan **wabak penyakit** serta **kebuluran**.

[4 markah]

**Jawapan**

F1: Gagal mengumpulkan semula senjata
F2: Gagal membanteras kegiatan jenayah, keganasan dan kongsi gelap
F3: Masalah ketegangan kaum
F4: Bekalan makanan dan ubat sukar didapati
F5: Wabak penyakit
F6: Kebuluran
F7: Rakyat tidak mempunyai wang
F8: Kegiatan menyorok barang, amalan rasuah, peras ugut dan pasaran gelap yang tidak terkawal

Buku teks MS 94-95



Mengembalikan Kestabilan dan Keamanan

British Military Administration (BMA) berusaha untuk memulihkan keamanan dan kestabilan dengan membubarkan pasukan MPAJA pada 1 Disember 1945. BMA mengarahkan semua senjata yang diberikan kepada mereka semasa pendudukan Jepun dahulu dikembalikan. BMA gagal mengumpulkan semula senjata tersebut. BMA juga gagal membanteras kegiatan jenayah, keganasan, kongsi gelap dan masalah ketegangan kaum.

Rakyat berkumpul menyambut kedatangan tentera British.

Membuat Interpretasi

Matlamat BMA adalah untuk mengembalikan kestabilan dan memulihkan kepercayaan rakyat selepas perang. Sejauh manakah usaha yang dilakukan oleh BMA berjaya mencapai matlamatnya?

Memulihkan Kepercayaan Rakyat

Rakyat mengalami kesukaran hidup di bawah pemerintahan Jepun. Bekalan makanan dan ubat-ubatan sukar didapati. Sekiranya ada bekalan tersebut, harganya pula melambung tinggi. Wabak penyakit semakin merebak, terutama penyakit beri-beri yang disebabkan oleh kekurangan zat makanan. Selain itu, kebuluran berlaku di kebanyakan tempat.

Rakyat juga tidak mempunyai wang untuk membeli makanan, manakala kegiatan menyorok barang, amalan rasuah, peras ugut dan pasar gelap di Kuala Lumpur menjadi semakin tidak terkawal. Masalah ini berakar umbi sehingga gagal dibanteras oleh BMA.

Rakyat yang hidup dalam penderitaan dan kesengsaraan akibat pemerintahan Jepun berharap dapat diselamatkan oleh pentadbiran BMA. Dengan itu, BMA telah mengambil alih pentadbiran Tanah Melayu bagi mengembalikan kepercayaan rakyat supaya menyokong kepulangan British di negara ini. BMA juga berusaha untuk memulihkan kerosakan infrastruktur akibat bencana peperangan.

**(c)** Sejauh manakah usaha yang dilakukan oleh BMA berjaya mencapai matlamatnya?

Usaha yang dilakukan oleh BMA **gagal** mencapai matlamat. Hal ini kerana **kesukaran untuk membawa masuk jentera**, mesin dan teknologi untuk kerja-kerja pemulihan. Perkara tersebut telah **menjejaskan pembangunan infrastruktur**. Selain itu **Bintang 3 juga telah bergiat aktif** dalam melakukan serangan. Contohnya, **lombong bijih timah** dan ladang getah yang telah menjadi sasaran utama. Jelaslah bahawa **sosioekonomi Tanah Melayu tidak dapat dipulihkan** seperti sediakala.

[4 markah]

**[F/H/C/Inf]**

F1: BMA gagal mencapai matlamatnya
H1a: Kesukaran membawa masuk jentera / alat ganti / mesin / teknologi untuk kerja pemulihan
H1b: Menjejaskan pembangunan infrastruktur
H1c: Bintang 3 bergiat aktif dalam melakukan serangan
H1d: Gagal membanteras kegiatan jenayah / keganasan / kongsi gelap
H1e: Masalah ketegangan kaum berterusan
C: Lombong bijih timah dan ladang getah telah menjadi sasaran utama
Inf: Ssosioekonomi tidak dapat dipulihkan

*Mana-mana jawapan yang munasabah*

| T4B4 SK10.3 Era Peralihan Kuasa British di Negara Kita | Soalan Subjektif Respon Terhad / Bahagian A |
|---|---|

**2** Pemerintahan keluarga Brooke berakhir apabila Charles Vyner Brooke secara rasminya menyerahkan Sarawak kepada pihak British.

**(a)** Nyatakan faktor yang mendorong tindakan tersebut.

(i) ……………………………………………………………………………………

(ii) ……………………………………………………………………………………

[2 markah]

**Jawapan**

F1: Masalah pewarisan takhta
F2: Desakan Kerajaan British
F3: Masalah kewangan

Buku teks MS 107



**Faktor Penyerahan Sarawak kepada British**

Terdapat pelbagai faktor yang menyebabkan Vyner Brooke menyerahkan Sarawak kepada kerajaan British. Antaranya termasuklah seperti yang berikut:

**Masalah Pewarisan Takhta**

Vyner Brooke tidak mempunyai anak lelaki untuk menggantikan tempatnya sebagai raja, sedangkan beliau semakin tua dan uzur. Vyner Brooke enggan melantik anak saudaranya Anthony Brooke (anak Bertram Brooke) untuk menggantikannya.

**Desakan Kerajaan British**

Pada 19 Jun 1944, pihak Pejabat Tanah Jajahan mendesak Vyner Brooke memberikan kuasa yang lebih luas kepada British untuk meluaskan penguasaannya di Sarawak. Dengan menjadikan Sarawak sebagai tanah jajahannya, British dapat menguasai kekayaan ekonomi dan menjaga kepentingan pelaburan British di negeri itu. Pada 28 Februari 1945, Pejabat Tanah Jajahan mengutus surat kepada Vyner Brooke tentang pendirian untuk menyerahkan Sarawak kepada British. Akhirnya, Vyner Brooke bersetuju untuk menyerahkan Sarawak kepada British.

Charles Vyner Brooke

**Masalah Kewangan**

Vyner Brooke menghadapi masalah kewangan untuk memulihkan Sarawak selepas tercetusnya Perang Dunia Kedua. Ekonomi Sarawak terjejas, lombong minyak musnah dan ladang getah juga terbiar. Kemudahan pendidikan, kesihatan, jalan raya dan lapangan terbang juga perlu dibaiki. Vyner Brooke tidak mampu untuk membangunkan negeri Sarawak semula.

Faktor Penyerahan Sarawak kepada British.

Semasa Sarawak berada di bawah pemerintahan Jepun, kerajaan sementara telah diwujudkan.

**(b)** Mengapakah tindakan penyerahan tersebut mendapat tentangan daripada penduduk tempatan?

……………………………………………………………………………………
……………………………………………………………………………………
……………………………………………………………………………………
……………………………………………………………………………………

[4 markah]

**Jawapan**

F1: Tindakan Charles Vyner Brooke bertentangan dengan Perlembagaan 1941
F2: Perlembagaan 1941 menjanjikan pemerintahan sendiri kepada rakyat Sarawak
F3: Charles Vyner Brooke mengetepikan wasiat bapanya (Charles Brooke)
F4: Charles Vyner Brooke menafikan hak rakyat Sarawak dan melanggar prinsip ke-8 Perlembagaan 1941
F5: Tiada perundingan dengan Raja Muda (Anthony Brooke) / Tuan Muda (Bertram Brooke)
F6: Gerard T. MacBryan menggunakan tipu muslihat
F7: Memberikan tekanan / desakan / pujukan / sogokan kepada ketua tempatan
F8: Penduduk tempatan mahukan pemerintahan Dinasti Brooke
F9: Memudahkan tuntutan kemerdekaan

Buku teks MS 109



**Faktor Penentangan Penyerahan Sarawak**

Golongan yang menentang penyerahan Sarawak ini antaranya dipimpin oleh Datu Patinggi Abang Haji Abdillah. Golongan ini menentang disebabkan oleh beberapa faktor seperti yang berikut:

1. **Tindakan Vyner Brooke Bertentangan dengan Perlembagaan 1941**
   - Prinsip Kelapan dalam Perlembagaan 1941 menyatakan bahawa pemerintahan sendiri akan diberikan kepada rakyat Sarawak.
   - Menurut perlembagaan ini, penduduk Sarawak akan dibimbing untuk mentadbir negeri mereka sendiri.
   - Namun begitu, tindakan Vyner Brooke menyerahkan Sarawak kepada British telah melanggar Prinsip Kelapan ini. Beliau menafikan hak rakyat Sarawak untuk mendapatkan pemerintahan sendiri seperti yang termaktub dalam perlembagaan ini.
2. **Vyner Brooke Mengetepikan Surat Wasiat Charles Brooke**
   - Vyner Brooke telah membuat keputusan tanpa berbincang dengan Raja Muda (Anthony Brooke) dan Tuan Muda (Bertram Brooke).
   - Golongan menentang penyerahan mahu memulihkan pemerintahan Dinasti Brooke supaya dapat menuntut kemerdekaan dengan mudah.
3. **Gerard T. MacBryan Menggunakan Muslihat**
   - Gerard T. MacBryan menggunakan pelbagai muslihat seperti tekanan, desakan, pujukan dan sogokan untuk mendapatkan persetujuan daripada ketua tempatan.

**(c)** Pada pendapat anda, mengapakah gerakan antipenyerahan di Sarawak menemui kegagalan?

……………………………………………………………………………………
……………………………………………………………………………………
……………………………………………………………………………………
……………………………………………………………………………………

[4 markah]

| [F/H/C/Inf] | F1: Tidak mendapat sokongan penuh daripada penduduk tempatan<br>H1: Penentangan bersifat setempat dan tidak menyeluruh<br>C1: Kuching dan Sibu<br>F2: Terdapat penduduk tempatan yang menyokong penyerahan ini<br>H2: Penduduk tempatan yang tidak bersatu padu<br>F3: British menggunakan kekerasan dan tindakan tegas kepada penduduk tempatan yang menentang<br>C3: Surat Pekeliling No. 9<br>Inf: Pentingnya amalan bersatu padu dalam mencapai sesuatu matlamat perjuangan<br><br>*Mana-mana jawapan yang munasabah* |
|---|---|

**3** Syarikat Borneo Utara British (SBUB) telah menyerahkan Sabah kepada British melalui satu perjanjian yang ditandatangani pada 26 Jun 1946.

**(a)** Nyatakan dua faktor penyerahan Sabah kepada British.

(i) ……………………………………………………………………………………

(ii) ……………………………………………………………………………………

[2 markah]

**Jawapan**

F1: Memenuhi kepentingan British
F2: Meneruskan dasar British dalam hubungan luar
F3: Masalah kewangan SBUB

Buku teks MS 114-115



**Faktor Penyerahan Sabah kepada British**

Syarikat Borneo Utara British (SBUB) menandatangani satu perjanjian dengan kerajaan British pada 26 Jun 1946. Sabah kemudiannya menjadi tanah jajahan British. Penyerahan Sabah sebagai sebuah tanah jajahan bermakna pentadbiran negeri akan ditadbir oleh seorang Gabenor yang bertindak sebagai Ketua Kerajaan. Gabenor British yang pertama di Sabah ialah Sir Edward Twining.

**Memenuhi Kepentingan British**

Perdana Menteri Britain, Clement Attlee ketika itu sedang menyelesaikan soal pemberian kemerdekaan kepada Sri Lanka, India dan Burma. Sementara itu, Sabah merupakan sebuah negeri yang berpotensi menggantikan jajahan tersebut. Sabah berupaya untuk membekalkan sumber bahan mentah dan kawasan pasaran bagi barangan British.

**Meneruskan Dasar British dalam Hubungan Luar**

Semasa pemerintahan SBUB, Sabah menjadi negeri naungan British. British menguasai perhubungan luar negeri dan pertahanan Sabah. Keadaan ini mendorong SBUB membuat keputusan untuk menyerahkan Sabah kepada British pada tahun 1946.

**Masalah Kewangan SBUB**

Sebelum meninggalkan Sabah, tentera Jepun telah memusnahkan Jesselton, Kudat dan Sandakan. Kerosakan ini memerlukan kos yang besar dan tidak mampu ditanggung oleh SBUB bagi membangunkan Sabah. Pihak syarikat bersetuju menyerahkan Sabah kepada kerajaan British kerana kekurangan dana.

**(b)** Jelaskan reaksi rakyat tempatan terhadap penyerahan Sabah kepada British.

……………………………………………………………………………………………

……………………………………………………………………………………………

……………………………………………………………………………………………

……………………………………………………………………………………………

[4 markah]

**Jawapan**

F1: Tidak mendapat sebarang bantahan
F2: Penduduk tidak faham penyerahan tersebut
F3: Dasar British yang menindas kesedaran nasionalisme dalam kalangan orang tempatan
F4: Orang tempatan anggap kedatangan British membuka peluang untuk melibatkan diri dalam pentadbiran
F5: Boleh memajukan perniagaan dan meluaskan perdagangan
F6: Sabah dapat dibangunkan selepas perang
F7: Kebanyakan penduduk enggan melibatkan diri dalam aktiviti menentang penyerahan Sabah kepada British

Buku teks MS 116-117



**Dasar British**

**British Menindas Kegiatan Berpersatuan**

Penduduk Sabah terdiri daripada pelbagai kumpulan etnik yang berbeza dari aspek bahasa, budaya, sistem kepercayaan, petempatan dan kegiatan ekonomi. Keadaan ini menyukarkan pemimpin Sabah untuk menghimpunkan kesemua etnik dalam satu pertubuhan.

Walaupun begitu, terdapat juga persatuan yang ditubuhkan seperti Persaudaraan Sahabat Pena Sabah (PASPAS) dan Persatuan Kebangsaan Melayu di Sabah yang dipimpin oleh Tengku Noordin, Zakaria Gunn dan Abu Bakar K. Ahmad. Selain itu, terdapat juga Barisan Pemuda Sabah (BARIP) yang dipimpin oleh Mandur Mohammad Sharif, Imam Suhaili Yaakub, Seruji Yaakub dan Zulkifli Apong Abang Abdul Hadi.

Pada awalnya, organisasi ini ditubuhkan untuk memperbaik keadaan ekonomi dan politik kaum bumiputera. Kemudiannya, pemimpin persatuan ini bergiat aktif membangkitkan kesedaran berpolitik dalam kalangan masyarakat setempat. British khuatir pengaruh pemimpin ini akan menggugat kedudukan mereka di Sabah.

Bagi melumpuhkan gerakan nasionalisme ini, British bertindak secara halus menawarkan jawatan kenaikan pangkat kepada ahli persatuan ini. Selain itu, British turut memindahkan ahli dan pemimpin yang aktif dalam gerakan berpersatuan ke bandar lain. Kegiatan berpersatuan ini akhirnya menjadi lemah kerana mengalami masalah kewangan dan kekurangan pemimpin yang berkebolehan.

Imam Suhaili Yaakub

**Mengehadkan Peluang dalam Pentadbiran**

Dasar British mengehadkan peluang kepada penduduk tempatan melibatkan diri dalam bidang pentadbiran menyebabkan penduduk Sabah kurang mempunyai pengalaman dalam sistem birokrasi Barat.

**Kepentingan Sosioekonomi Penduduk Tempatan**

Penyerahan Sabah dianggap sebagai peluang kepada penduduk tempatan untuk melibatkan diri dalam pentadbiran, memajukan bidang perniagaan dan meluaskan jaringan perdagangan. Selain itu, penyerahan ini dapat membangunkan negeri Sabah selepas perang. Oleh sebab itu, kebanyakan penduduk enggan melibatkan diri dalam aktiviti menentang penyerahan Sabah kepada British.

**(c)** Pada pendapat anda, mengapakah pendidikan dianggap penting untuk menimbulkan semangat nasionalisme?

……………………………………………………………………………………………

……………………………………………………………………………………………

……………………………………………………………………………………………

……………………………………………………………………………………………

[4 markah]

**[F/H/C/Inf]**

F1: Kesedaran untuk membela nasib bangsa dan negara
H1a: Mempertahankan hak kita
H1b: Memperbaiki taraf hidup
H1c: Memajukan negara
C: Lebih banyak sekolah dibangunkan
Inf: Pendidikan sangat penting bagi menjamin masa depan sesuatu bangsa dan negara

*Mana-mana jawapan yang munasabah*

| SK 10.3 Era Peralihan Kuasa British di Negara Kita | Soalan Subjektif Respon Terbuka / Bahagian B |
|---|---|

**4** Pada 1 April 1946 Kerajaan British telah mengisytiharkan gagasan Malayan Union bagi menggantikan British Military Administration (BMA) untuk melicinkan sistem pentadbiran di Tanah Melayu.

**(a)** Nyatakan ciri-ciri Perlembagaan Malayan Union.

Antara ciri Perlembagaan Malayan Union ialah **semua NNMB, NNMTB dan NNS disatukan**, **Singapura pula telah diasingkan** disebabkan kepentingan ekonomi British. Selain itu, Malayan Union akan **diketuai oleh seorang Gabenor British**. Seterusnya, **Majlis Eksekutif** dan Majlis Perundangan turut dibentuk.

[4 markah]

**Jawapan**

F1: Negeri-negeri Melayu Bersekutu (NNMB), Negeri-negeri Melayu Tidak Bersekutu (NNMTB) dan Negeri-negeri Selat (NNS) disatukan
F2: Singapura dikecualikan
F3: Diketuai oleh Gabenor British
F4: Majlis Eksekutif / Majlis Perundangan dibentuk
F5: Sultan menjadi ahli Majlis Raja-Raja
F6: Hanya membincangkan soal agama Islam/adat istiadat
F7: Prinsip *jus soli*
F8: Rakyat yang lahir di Tanah Melayu dan Singapura diiktiraf warga Malayan Union
F9: 18 tahun dan ke atas serta bermastautin 10 hingga 15 tahun
F10: Umur kurang 18 tahun tetapi ibu bapa warganegara Malayan Union

Buku teks MS 97



**(b)** Pengisytiharan Malayan Union telah menimbulkan reaksi yang menentang pelaksanaannya. Jelaskan cara-cara penentangan rakyat terhadap Malayan Union.

Cara-cara penentangan rakyat terhadap Malayan Union adalah **bantahan melalui akhbar**. Kebanyakan akhbar menyuarakan **bantahan keras** terhadap Malayan Union dengan **mengecam dan mengutuk** Malayan Union merugikan orang Melayu. Contohnya, akhbar **Utusan Melayu**, Majlis dan juga Warta Negara.

Cara lain ialah melalui **bantahan oleh tokoh**-tokoh pentadbir Melayu yang bertanggungjawab **mengerakkan orang Melayu** untuk menentang Malayan Union. Antara tokoh tersebut adalah seperti **Dato Onn Jaafar**, Dato Nik Ahmed Kamil dan juga Za'ba. Seterusnya ialah **bantahan oleh kaum wanita**. Contohnya, **Datin Puteh Mariah** dan juga Halimahton Abd Majid selaku benteng barisan hadapan menentang Malayan Union.

[8 markah]

**Jawapan**

F1: Bantahan melalui akhbar
H1: Mengecam / mengutuk / menyuarakan bantahan keras terhadap MU
C1: Utusan Melayu / Majlis / Warta Negara
F2: Bantahan oleh tokoh pentadbir Melayu
H2: Menggerakkan orang Melayu dengan pelbagai strategi
C2: Dato Onn Jaafar / Dato Nik Ahmed Kamil / Za'ba /
F3: Bantahan oleh kaum wanita
C3: Datin Puteh Mariah / Halimahton Abd Majid
F4: Bantahan Persatuan Melayu
H4: Menghimpunkan orang Melayu dari seluruh negara
C4: Persatuan Melayu Kedah / Persatuan Melayu Johor

Buku teks MS102-106



Jawapan

F5: Bantahan di negeri Kelantan, Kedah dan Johor
H5: Pemimpin persatuan dan sultan bekerjasama
F6: Mengadakan Kongres Melayu
H6: Bersetuju menubuhkan UMNO
F7: UMNO menganjurkan bantahan secara besar-besaran
H7: Semasa lawatan Ahli Parlimen British
C7: Alor Setar / Ipoh / Seremban / Padang Francis Light School / Kampung Baru / Klang



(c) Petikan di bawah muncul sewaktu Kongres Melayu ke-2 di Johor Bharu.

| Hari lahirnya Malayan Union itu dianggap sebagai "Hari Kematian" oleh orang Melayu. |
|---|

Pada pendapat anda, mengapakah orang Melayu beranggapan sedemikian?

Pada pendapat saya, orang Melayu beranggapan sedemikian kerana Malayan Union merupakan **penjajahan mutlak** British ke atas Tanah Melayu. Malayan Union telah menyebabkan **kuasa Raja-raja Melayu sebagai ketua negeri terhakis**. Contohnya, Raja-raja Melayu hanyalah sebagai **ahli Majlis Raja-Raja Melayu** sahaja serta tidak mempunyai kuasa pentadbiran. Baginda hanya boleh **membincangkan soal Islam** dan adat Melayu. Implikasinya, Malayan Union telah menyebabkan **institusi beraja menjadi kurang berpengaruh**.

Orang Melayu juga beranggapan bahawa Malayan Union akan **menghapuskan tamadun Melayu** yang dibina sejak dari zaman Kesultanan Melayu Melaka. **Kerakyatan Malayan Union** yang longgar telah **mengancam status quo** bangsa Melayu. Natijahnya, bangsa Melayu akan terpinggir di tanah air sendiri sekaligus bertambah **mundur**.

[8 markah]

[F/H/C/Inf]

F1: Malayan Union merupakan penjajahan mutlak British ke atas Tanah Melayu
H1a: Kuasa Raja-raja Melayu sebagai ketua negeri terhakis
C1: Raja-raja Melayu hanya ahli Majlis Raja-Raja Melayu serta tiada kuasa pentadbiran
H1b: Bincang soal Islam
H1c: Gabenor berkuasa kuasa peringkat pusat
H1d: Pesuruhjaya Negeri mentadbir peringkat negeri.
H1e: Zakat fitrah bawah nama Gabenor Malayan Union
H1f: Bertentangan dengan peranan sultan sebagai ketua agama Islam
Inf: Institusi beraja menjadi kurang berpengaruh

F2: Tamadun Melayu akan terhapus
H2a: Kerakyatan Malayan Union yang longgar dan bersifat terbuka
H2b: Mengancam status quo
C2: Kerakyatan berdasarkan prinsip *jus soli*
H2c: Bangsa Melayu menjadi minoriti
H2d: Menyebabkan persaingan dalam ekonomi / pendidikan
Inf: Bangsa Melayu akan terpinggir sekaligus bertambah mundur

*Mana-mana jawapan yang munasabah*

| SK 10.3 Era Peralihan Kuasa British di Negara Kita | Soalan Subjektif Respon Terbuka / Bahagian B |
|---|---|

| | |
|---|---|
| 5 | Penyerahan Sarawak kepada British telah mencetuskan dua reaksi yang berbeza, iaitu golongan yang menentang penyerahan dan golongan yang menyokong penyerahan Sarawak. |
| (a) | Jelaskan bentuk penentangan penduduk tempatan terhadap penyerahan Sarawak kepada British.<br>……………………………………………………………………………………………<br>……………………………………………………………………………………………<br>……………………………………………………………………………………………<br>……………………………………………………………………………………………<br>……………………………………………………………………………………………<br>……………………………………………………………………………………………<br>……………………………………………………………………………………………<br>……………………………………………………………………………………………<br>……………………………………………………………………………………………<br>[6 markah] |
| Jawapan | F1: Mengadakan persidangan<br>H1a: Dihadiri perwakilan dari seluruh Sarawak<br>H1b: Objektifnya untuk mengadakan demontrasi pada setiap 1 Julai<br>F2: Mengadakan demonstrasi ketika kedatangan Gabenor pertama Sarawak<br>H2a: Diketuai Datu Patinggi Abg Hj Abdillah<br>H2b: PKMS desak British berundur dari Sarawak<br>F3: Meletakkan jawatan beramai-ramai<br>H3: Terdiri daripada pegawai perkhidmatan awam dan guru<br>F4: Bantahan oleh golongan wanita<br>H4: Kaum ibu bergerak ke rumah panjang untuk mengadakan kempen<br>F5: Menggunakan akhbar<br>H5: Menyebarkan tentangan / mengkritik rancangan penyerahan Sarawak<br>C5: Seperti Utusan Sarawak<br>F6: Menulis surat bantahan<br>F7: Menubuhkan Rukun 13<br>H7: Untuk menghapuskan pegawai tinggi British di Sibu |

Buku teks MS 110-112




| | |
|---|---|
| (b) | Terangkan faktor yang menyebabkan segelintir penduduk tempatan menyokong penyerahan Sarawak kepada British.<br>……………………………………………………………………………………………<br>……………………………………………………………………………………………<br>……………………………………………………………………………………………<br>……………………………………………………………………………………………<br>……………………………………………………………………………………………<br>……………………………………………………………………………………………<br>……………………………………………………………………………………………<br>[6 markah<br>] |

**Jawapan**

F1: Memajukan negeri
H1a: Selepas perang Sarawak alami banyak kemusnahan
H1b: Memajukan Sarawak dalam pelbagai aspek
F2: Memajukan penduduk tempatan
H2a: Menubuhkan Young Malay Association (YMA)
H2b: Menggalakkan kemajuan orang Melayu
F3: Memberikan peluang pekerjaan dalam perkhidmatan awam
H3a: Golongan intelektual Sarawak diberi peluang
C3: Peguam / doktor / jurutera

Buku teks MS 113



**Memajukan Negeri**

Ahli Majlis Negeri, Datu Bandar Abang Haji Mustapha menyatakan bahawa selepas perang, negeri Sarawak mengalami banyak kemusnahan. Penyerahan ini dapat memajukan Sarawak dalam pelbagai aspek seperti politik, perhubungan, perdagangan, pertanian, pendidikan, kesihatan dan meningkatkan taraf hidup masyarakat Sarawak.

**Memajukan Penduduk Tempatan**

Golongan propenyerahan menubuhkan Young Malay Association (YMA) untuk menggalakkan kemajuan orang Melayu dalam bidang ekonomi dan sosial. Pertubuhan ini juga membantu orang Melayu yang mundur dan ketinggalan dalam pelbagai aspek. Kegiatan YMA menjurus dalam bidang pelajaran, agama dan sukan. Pertubuhan ini menubuhkan cawangannya di Sibu, Kalaka dan Miri.

**Memberikan Peluang Pekerjaan dalam Perkhidmatan Awam**

Ramai golongan intelektual di Sarawak diberikan peluang untuk mengisi jawatan tinggi dalam perkhidmatan kerajaan seperti peguam, doktor dan jurutera. Dengan ini, British akan memberikan taraf berkerajaan sendiri kepada Sarawak.

(c) Tokoh berikut memainkan peranan penting bagi merealisasikan matlamat penjajah British.

| Tokoh | Lokasi | Kaedah |
|---|---|---|
| Gerard T. MacBryan | Sarawak | Tekanan / Desakan / Pujukan / Sogokan |
| Sir Harold MacMichael | Tanah Melayu | Desakan / Ugutan / Perdaya |

Jelaskan pengajaran yang diperolehi daripada tindakan tokoh-tokoh tersebut.

............................................................................................................
............................................................................................................
............................................................................................................
............................................................................................................
............................................................................................................
............................................................................................................
............................................................................................................
............................................................................................................
............................................................................................................
............................................................................................................
............................................................................................................
............................................................................................................

[8 markah]

**[F/H/C/Inf]**

F1: Berani mempertahankan kedaulatan negara
H1a: Pentingnya memiliki pemimpin yang berkaliber
H1b: Berhati-hati dengan tipu muslihat pihak luar
H1c: Sentiasa bersatu padu
H1d: Mengelakkan perpecahan dalaman
H1e: Kepentingan negara menjadi keutamaan
C1: Menolak perjanjian yang merugikan kepentingan negara
Inf: Tegas mempertahankan kedaulatan negara

*Mana-mana jawapan yang munasabah*

| T4B5 SK10.4 Persekutuan Tanah Melayu 1948 | Soalan Subjektif Respon Terhad / Bahagian A |
|---|---|

**1** Gambar berikut menunjukkan Jawatankuasa Kerja ditubuhkan pada 25 Julai 1946 untuk membincangkan asas Perjanjian Persekutuan Tanah Melayu 1948.



**(a)** Senaraikan dua wakil UMNO yang terlibat dalam Jawatankuasa Kerja ini.

(i) **Dato' Onn Jaafar**

(ii) **Dato' Abdul Rahman Mohd Yassin**

[2 markah]

**Jawapan**

F1: Dato' Onn Jaafar
F2: Dato' Abdul Rahman Mohd Yassin
F3: Haji Megat Yunus

Buku teks MS 127


Ralph Hone
- Pemerhati dan wakil Gabenor Jeneral

Ahli yang mewakili Raja-raja Melayu dan UMNO. Dari kiri: Dato' Abdul Rahman Mohd Yassin, Dato' Nik Ahmad Kamil Mahmud, Dato' Onn Jaafar, Haji Mohamad Sheriff Osman, Raja Kamarulzaman Raja Ngah Manser dan Dato' Hamzah Abdullah.

Sumber: Ja'afar Onn, 2007. UMNO dan Malayan Union. Petaling Jaya: MPH Group Publishing Sdn. Bhd.

127 KPM

**(b)** Apakah cadangan yang telah diberikan oleh Jawatankuasa Kerja?

Cadangan yang diberikan oleh Jawatankuasa Kerja ialah **menyatukan semua negeri Melayu dan dua Negeri Selat** dalam satu pentadbiran. Selain itu, **memulihkan kedudukan dan kedaulatan Raja-**raja Melayu, serta **menjaga kedudukan istimewa orang Melayu**. Di samping itu, cadangan untuk menjaga **kepentingan sah kaum lain** juga dikemukakan. Akhir sekali, penubuhan **Dewan Perundangan Negeri** bagi setiap negeri dan mengenakan **syarat kewarganegaraan** yang ketat.

[4 markah]

**Jawapan**

F1: Menyatukan semua negeri Melayu dalam satu pentadbiran dan dua buah Negeri-negeri Selat
F2: Memulihkan kedudukan dan kedaulatan Raja-raja Melayu
F3: Menjaga kedudukan istimewa orang Melayu dan kepentingan sah kaum lain
F4: Menubuhkan Dewan Perundangan Negeri bagi setiap negeri
F5: Mengenakan syarat kewarganegaraan yang ketat

Buku teks MS 127


**Cadangan Jawatankuasa Kerja**

Jawatankuasa Kerja telah memulakan tugasnya pada awal bulan Ogos 1946 sehingga pertengahan bulan November 1946. Jawatankuasa ini menyediakan cadangan seperti yang berikut:

1. Menyatukan semua negeri Melayu dalam satu pentadbiran dan dua buah Negeri-negeri Selat.
2. Memulihkan kedudukan dan kedaulatan Raja-raja Melayu.
3. Menjaga kedudukan istimewa orang Melayu dan kepentingan sah kaum lain.
4. Menubuhkan Dewan Perundangan Negeri bagi setiap negeri.
5. Mengenakan syarat kewarganegaraan yang ketat.

**(c)** Mengapakah kita perlu bersemangat waja dalam perjuangan?

Bersemangat waja dalam perjuangan sangat penting kerana ia merupakan **asas kejayaan** dalam perjuangan. Hal ini kerana setiap perjuangan **bukanlah sesuatu perkara yang mudah dan memerlukan kesanggupan berkorban.** Contohnya, **perjuangan menolak Malayan Union** yang menafikan hak penduduk tempatan. Justeru, semangat waja yang **tidak mudah putus asa** adalah perlu untuk memastikan perjuangan kita **mendapat kejayaan yang diharapkan.**

[4 markah]

**[F/H/C/Inf]**

F1: Asas kejayaan
H1: Tidak mudah putus asa
H2: Sanggup berkorban
C: Perjuangan menolak Malayan Union
Inf: Memperoleh kejayaan yang diharapkan

*Mana-mana jawapan yang munasabah*

2 Maklumat berikut berkaitan dengan Perjanjian Persekutuan Tanah Melayu 1948.

**Perjanjian Persekutuan Tanah Melayu 1948**
Tarikh: 21 Januari 1948
Lokasi: King's House Kuala Lumpur

(a) Apakah faktor yang membawa kepada pembentukan Persekutuan Tanah Melayu 1948?

………………………………………………………………………………………………………
………………………………………………………………………………………………………
………………………………………………………………………………………………………
………………………………………………………………………………………………………
………………………………………………………………………………………………………

[3 markah]

**Jawapan**

F1: Penentangan orang Melayu terhadap Malayan Union
F2: Cadangan Raja-raja Melayu dan UMNO
F3: Sokongan pentadbir British

Buku teks MS 132-133

**Penentangan Orang Melayu terhadap Malayan Union**

- Orang Melayu, Raja-raja Melayu, cendekiawan Melayu dan UMNO telah berganding bahu membantah pelaksanaan Malayan Union. Hal ini disebabkan oleh Malayan Union memberikan kesan buruk kepada Raja-raja Melayu dan orang Melayu.
- Ahli Parlimen British, iaitu Gammans dan Rees Williams telah menyaksikan bantahan orang Melayu terhadap Malayan Union.
- Mereka melaporkan hasil tinjauan tersebut kepada Dewan Parlimen British selepas kembali ke England.
- Gammans menyatakan bahawa sekiranya British melaksanakan rancangan Malayan Union keadaan huru-hara akan berlaku di Tanah Melayu.
- Ketika pelbagai penentangan dan bantahan dilakukan, persediaan untuk menggubal Perjanjian Persekutuan Tanah Melayu telah dijalankan melalui rundingan Raja-raja Melayu, UMNO dan British.

**Cadangan Raja-raja Melayu dan UMNO**

Malcolm MacDonald, Gabenor Jeneral dan Sir Edward Gent, Gabenor Malayan Union mengadakan pertemuan dan perundingan dengan Raja-raja Melayu di Kuala Kangsar pada 27 Mei 1946 untuk mengatasi konflik masyarakat Melayu dengan kerajaan British berhubung dengan isu Malayan Union.

Dalam pertemuan tersebut, Raja-raja Melayu mencadangkan perkara yang berikut:

- Penubuhan persekutuan bertaraf naungan dan bukannya tanah jajahan.
- Perjanjian baharu untuk menggantikan Malayan Union.
- Jawatan Pesuruhjaya Tinggi menggantikan Gabenor.
- Raja berkuasa dalam perundangan.
- Perkataan "Negeri-negeri Melayu" perlu muncul dalam persekutuan yang baharu.

**Sokongan Pentadbir British**

- Pentadbir British menyokong konsep persekutuan kerana dapat mewujudkan keamanan, kestabilan dan kemajuan ekonomi.
- Terdapat pegawai tinggi British mendorong British membentuk Persekutuan Tanah Melayu. Antaranya termasuklah Sir Edward Gent, Malcolm MacDonald, Sir Ralph Hone, Gammans, A.T. Newboult, Roland Braddell, W. Linehan dan Theodore Adams.
- Sir Ralph Hone mencadangkan agar British melibatkan Raja-raja Melayu dalam pentadbiran berasaskan perlembagaan. Misalnya, memberikan kuasa tertentu kepada sultan dalam Majlis Negeri dan Majlis Perundangan.
- Pada bulan Mei 1946, Sir Edward Gent bertemu dengan wakil UMNO di Pulau Pinang. Seterusnya, pada 18 Julai 1946, di King's House, Kuala Lumpur, British memberikan peluang kepada Dato' Onn Jaafar dan Raja-raja Melayu mengemukakan cadangan balas.
- Pembentukan Persekutuan mewujudkan politik yang stabil. Keadaan ini akan mendorong pelabur luar untuk melabur di negara ini.
- Pada masa yang sama, British perlu melaksanakan dasar dekolonisasi yang disarankan oleh Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) melalui Piagam Atlantik.

(b) Mengapakah usaha pembentukan Persekutuan Tanah Melayu 1948 ini turut mendapat sokongan daripada pentadbir British?

………………………………………………………………………………………………………
………………………………………………………………………………………………………
………………………………………………………………………………………………………
………………………………………………………………………………………………………

[3 markah]

**Jawapan**

F1: Mewujudkan keamanan
F2: Kestabilan politik
F3: Kemajuan ekonomi
F4: Menarik pelabur asing / luar
F5: Dasar dekolonisasi

Buku teks MS 133

**Sokongan Pentadbir British**

- Pentadbir British menyokong konsep persekutuan kerana dapat mewujudkan keamanan, kestabilan dan kemajuan ekonomi.
- Terdapat pegawai tinggi British mendorong British membentuk Persekutuan Tanah Melayu. Antaranya termasuklah Sir Edward Gent, Malcolm MacDonald, Sir Ralph Hone, Gammans, A.T. Newboult, Roland Braddell, W. Linehan dan Theodore Adams.
- Sir Ralph Hone mencadangkan agar British melibatkan Raja-raja Melayu dalam pentadbiran berasaskan perlembagaan. Misalnya, memberikan kuasa tertentu kepada sultan dalam Majlis Negeri dan Majlis Perundangan.
- Pada bulan Mei 1946, Sir Edward Gent bertemu dengan wakil UMNO di Pulau Pinang. Seterusnya, pada 18 Julai 1946, di King's House, Kuala Lumpur, British memberikan peluang kepada Dato' Onn Jaafar dan Raja-raja Melayu mengemukakan cadangan balas.
- Pembentukan Persekutuan mewujudkan politik yang stabil. Keadaan ini akan mendorong pelabur luar untuk melabur di negara ini.
- Pada masa yang sama, British perlu melaksanakan dasar dekolonisasi yang disarankan oleh Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) melalui Piagam Atlantik.

| | |
|---|---|
| (c) | Perjanjian Persekutuan Tanah Melayu 1948 ini dianggap telah mengembalikan kedudukan dan maruah orang Melayu.<br>Jelaskan.<br>……………………………………………………………………………………………………<br>……………………………………………………………………………………………………<br>……………………………………………………………………………………………………<br>……………………………………………………………………………………………………<br>[4 markah] |
| [F/H/C/Inf] | F1: Mengiktiraf kedudukan istimewa orang Melayu<br>F2: Orang Melayu diiktiraf sebagai penduduk asal<br>F3: Kedudukan istimewa terjaga<br>F4: Kuasa Raja-raja Melayu dikembalikan<br>F5: Simbol ketamadunan orang Melayu<br>F6: Melalui penubuhan Majlis Raja-raja Melayu<br>F7: Syarat kewarganegaraan yang lebih ketat |

**3** Perjanjian Persekutuan Tanah Melayu 1948 telah memperketatkan syarat kewarganegaraan yang terlalu longgar dalam perjanjian Malayan Union.

**(a)** Apakah yang dimaksudkan dengan Rakyat Raja?

…………………………………………………………………………………………………
…………………………………………………………………………………………………
…………………………………………………………………………………………………

[2 markah]

**Jawapan**

F1: Orang Melayu / Asli
F2: Lahir/ tinggal di negeri Melayu
F3: yang mempunyai sultan

Buku teks MS 135

Rakyat Raja ialah orang Melayu dan Orang Asli yang lahir dan tinggal di negeri Melayu yang mempunyai sultan.

Rakyat British ialah mereka yang lahir di Melaka, Pulau Pinang dan mana-mana tanah jajahan British yang lain.

**(b)** Jelaskan kaedah untuk mendapatkan pemberian kewarganegaraan secara pendaftaran.

…………………………………………………………………………………………………
…………………………………………………………………………………………………
…………………………………………………………………………………………………
…………………………………………………………………………………………………

[4 markah]

**Jawapan**

F1: Mereka yang dilahirkan dalam Persekutuan Tanah Melayu
H1: Bermastautin selama 15 tahun dalam tempoh 20 tahun daripada hari permohonan
F2: Perlu mempunyai tingkah laku yang baik
H2a: Tiada rekod jenayah
H2b: Menguasai bahasa Melayu dan Inggeris dengan baik
H2c: Bersetuju taat setia kepada Persekutuan Tanah Melayu

Buku teks MS 135

**Kewarganegaraan Secara Pendaftaran**

- Mereka yang dilahirkan dalam Persekutuan Tanah Melayu dan bermastautin selama 15 tahun daripada tempoh 20 tahun dari hari permohonannya.
- Seseorang itu juga perlu mempunyai tingkah laku yang baik, tiada rekod jenayah, menguasai bahasa Melayu dan bahasa Inggeris serta bersetuju taat setia kepada Persekutuan Tanah Melayu.

**(c)** Sebagai warganegara Malaysia, bagaimana kita menunjukkan taat dan setia kepada raja dan negara kita?

…………………………………………………………………………………………………
…………………………………………………………………………………………………
…………………………………………………………………………………………………
…………………………………………………………………………………………………

[4 markah]

**[F/H/C/Inf]**

F1: Mentaati Raja
F2: Patuh pada undang-undang
F3: Bekerjasama dengan pemimpin
F4: Melaksanakan dasar kerajaan
F5: Mengamalkan prinsip Rukun Negara
F6: Tidak membocorkan rahsia kerajaan
F7: Tidak bekerjasama dengan musuh negara
F8: Mengekalkan keamanan negara

*Mana-mana jawapan yang munasabah*

| T4B5 SK10.4 Persekutuan Tanah Melayu 1948 | Soalan Subjektif Respon Terbuka / Bahagian B |
|---|---|

4 Pernyataan berikut merujuk kepada gabungan Pusat Tenaga Rakyat (PUTERA) dan All Malaya Council of Joint Action (AMCJA).

**PUTERA-AMCJA**

- Menentang rangka Perjanjian Persekutuan Tanah Melayu 1948
- Mengemukakan draf Perlembagaan Rakyat 1947

(a) Mengapakah PUTERA dan AMCJA tidak menerima cadangan yang dikemukakan oleh Jawatankuasa Kerja Persekutuan Tanah Melayu 1948?

PUTERA dan AMCJA tidak menerima cadangan yang dikemukakan oleh Jawatankuasa Kerja kerana British hanya **mengadakan perundingan secara tertutup dengan UMNO**, dan **mengenepikan Parti Kebangsaan Melayu Malaya** (PKMM) daripada Jawatankuasa Kerja. Selain itu, golongan ini juga menganggap **British tunduk kepada tuntutan UMNO** sahaja.

Mereka juga menganggap penubuhan Jawatankuasa Kerja **tidak demokratik** dan bersifat **perkauman**. Ini kerana **tidak ada wakil bukan Melayu**. Bagi mereka, Perlembagaan Persekutuan ini hanya akan **mengukuhkan lagi kedudukan British** di Tanah Melayu.

[6 markah]

**Jawapan**

F1: British mengadakan perundingan secara tertutup dengan UMNO
F2: British mengenepikan Parti Kebangsaan Melayu Melayu (PKMM) daripada Jawatankuasa Kerja
F3: Anggap British tunduk kepada tuntutan UMNO
F4: Menganggap penubuhan Jawatankuasa Kerja tidak demokratik
F5: Tidak ada wakil bukan Melayu
F6: Menganggap Perlembagaan Persekutuan tidak demokratik
F7: Perlembagaan Persekutuan bersifat perkauman
F8: Mengukuhkan kedudukan British di Tanah Melayu

Buku teks MS 128


**Gerakan Nasionalis Melayu Radikal**

Golongan nasionalis Melayu radikal membidas kerajaan British kerana menjalankan perundingan secara tertutup dengan UMNO. Pihak British mengetepikan PKMM daripada Jawatankuasa Kerja tersebut. Golongan ini bergabung membentuk Pusat Tenaga Rakyat (PUTERA).

**Gabungan PUTERA-AMCJA**

Golongan bukan Melayu menubuhkan All Malaya Council of Joint Action (AMCJA). Pengerusinya ialah Tan Cheng Lock. Golongan ini menganggap British tunduk kepada tuntutan UMNO. Mereka beranggapan penubuhan Jawatankuasa Kerja ini tidak demokratik. AMCJA kemudiannya bergabung dengan PUTERA. AMCJA terdiri daripada:

- Pan-Malayan Federation of Trade Union (PMFTU). Setiausahanya ialah Chan Loo.
- Malayan Democratic Union (MDU) dipengerusikan oleh John Eber.
- Malayan Indian Congress (MIC) diketuai oleh John Thivy sebagai presiden.

Kumpulan ini menolak perjanjian persekutuan. AMCJA membantah kerana Jawatankuasa Kerja tidak mempunyai wakil bukan Melayu. PUTERA dan AMCJA menganggap Perlembagaan Persekutuan sebagai tidak demokratik, mengukuhkan British dan perkauman. Pada bulan Julai 1947, cadangan perlembagaan yang telah disemak oleh Jawatankuasa Kerja diumumkan kepada awam. Gabungan PUTERA-AMCJA menentang cadangan perlembagaan tersebut secara terbuka.

Tan Cheng Lock

John Thivy

(b) Terangkan antara kandungan draf Perlembagaan Rakyat yang telah dikemukakan oleh PUTERA-AMCJA.

Antara kandungan draf Perlembagaan Rakyat ialah **Tanah Melayu disatukan dengan Singapura**. Selain itu, penubuhan sebuah **Dewan Perundangan Pusat** dan majlis-majlis negeri yang dipilih bagi seluruh Tanah Melayu. **Kewarganegaraan yang sama** juga dicadangkan.

Antara kandungan lain ialah **hal ehwal agama Islam** dan adat istiadat Melayu diketuai sepenuhnya oleh orang Melayu melalui Majlis Khas. Perhatian khas hendaklah diberikan kepada **kemajuan politik dan ekonomi** orang Melayu. Cadangan berikutnya ialah **Bahasa Melayu** hendaklah menjadi bahasa kebangsaan dan bahasa tunggal.

[6 markah]

**Jawapan**

F1: Tanah Melayu disatukan dengan Singapura.
F2: Penubuhan sebuah Dewan Perundangan
F3: Kewarganegaraan yang sama
F4: Raja-raja Melayu sebagai Raja Berperlembagaan
F5: Hal ehwal agama Islam dan adat istiadat Melayu diketuai oleh orang Melayu
F6: Perhatian khas hendaklah diberikan kepada kemajuan politik dan ekonomi orang Melayu
F7: Bahasa Melayu hendaklah menjadi bahasa kebangsaan dan bahasa rasmi yang tunggal
F8: Hal ehwal luar negeri dan pertahanan
F9: Kewarganegaraan Malaya haruslah dinamakan Melayu
F10: Warna merah dan putih haruslah dimasukkan sebagai latar belakang bendera kebangsaan Tanah Melayu.

Buku teks MS 130



**Perlembagaan Rakyat**

Pada bulan Julai 1947, PUTERA-AMCJA mengadakan pertemuan untuk mengemukakan draf Perlembagaan Rakyat. Antara kandungan Perlembagaan Rakyat termasuklah:

1. Tanah Melayu disatukan dengan Singapura.
2. Penubuhan sebuah Dewan Perundangan Pusat dan majlis-majlis negeri yang dipilih bagi seluruh Tanah Melayu.
3. Kewarganegaraan yang sama bagi semua orang yang menganggap Tanah Melayu sebagai tempat tinggal tetap dan sanggup mencurahkan kesetiaan tanpa berbelah bahagi.
4. Raja-raja Melayu sebagai Raja Berperlembagaan yang bertanggungjawab kepada rakyat dan menerima nasihat melalui Majlis Mesyuarat.
5. Hal ehwal agama Islam dan adat istiadat Melayu diketuai sepenuhnya oleh orang Melayu melalui Majlis Khas.
6. Perhatian khas hendaklah diberikan kepada kemajuan politik dan ekonomi orang Melayu.
7. Bahasa Melayu hendaklah menjadi bahasa kebangsaan dan bahasa rasmi yang tunggal bagi Tanah Melayu.
8. Hal ehwal luar negeri dan pertahanan hendaklah menjadi tanggungjawab bersama kerajaan Tanah Melayu dan kerajaan British.
9. Kewarganegaraan Malaya haruslah dinamakan Melayu.
10. Warna merah dan putih haruslah dimasukkan sebagai latar belakang bendera kebangsaan Tanah Melayu.

*Sumber:* Syed Husin Ali. 2017. "The Relevance of The Peoples Constitutional Proposals Today" dlm. *The Peoples Constitutional Proposals for Malaya*. Kuala Lumpur: SIRD.

(c) Golongan nasionalis radikal dikatakan juga menjadi penyumbang dalam sejarah perjuangan kemerdekaan negara kita.
Berikan pandangan anda.

Pada pandangan saya, golongan nasionalis radikal telah membantu memberikan perjuangan yang sistematik. Hal ini kerana golongan nasionalis ini mempunyai matlamat perjuangan untuk membebaskan tanahair daripada penjajahan. Selain itu mereka memperjuangkan hak semua kaum. Sebagai contohnya mereka menerbitkan **akhbar Suara Rakyat.** Melalui akhbar telah **membuka minda rakyat** untuk berjuang ke arah **negara bebas merdeka**.

Selain itu, golongan nasionalis juga **menubuhkan persatuan** seperti **PKMM**. Melalui persatuan mereka memperjuangkan **pembelaan terhadap ketidakadilan**. Malah PKMM berjaya menubuhkan cawangan ke negeri-negeri lain seperti Selangor dan mempunyai ramai keahlian. Kesannya, **perpaduan rakyat** telah memberi impak yang besar terhadap perjuangan sehingga membawa ke arah kemerdekaan.

[8 markah]

**[F/H/C/Inf]**

F: Perjuangan yang sistematik
H: Mempunyai matlamat perjuangan untuk membebaskan tanahair daripada penjajahan
H: Memperjuangkan hak semua kaum.
C: Menerbitkan akhbar Suara Rakyat.
H: Membuka minda rakyat untuk berjuang ke arah negara bebas merdeka
Inf: Kesannya masyarakat didorong untuk Bersama memperjuangkan kemerdekaan

F: perjuangan melalui persatuan
C: PKMM
H: Memperjuangkan pembelaan terhadap ketidakadilan
H: Menubuhkan cawangan ke negeri-negeri lain seperti Selangor
Inf: Perpaduan rakyat telah memberi impak yang besar

| | |
|---|---|
| 5 | Persekutuan Tanah Melayu 1948 telah menjadi asas kepada penubuhan sebuah negara bangsa yang merdeka. |
| (a) | Apakah ciri-ciri pentadbiran yang dicadangkan dalam Persekutuan Tanah Melayu 1948<br>……………………………………………………………………………………<br>……………………………………………………………………………………<br>……………………………………………………………………………………<br>……………………………………………………………………………………<br>……………………………………………………………………………………<br>……………………………………………………………………………………<br>……………………………………………………………………………………<br>……………………………………………………………………………………<br>……………………………………………………………………………………<br>[6 markah] |
| Jawapan | F1: Persekutuan dibentuk menerusi gabungan<br>H1a: sembilan buah negeri Melayu<br>H1b: Dua buah Negeri Selat<br>F2: Singapura kekal sebagai tanah jajahan British yang berasingan<br>F3: Kerajaan Persekutuan diketuai oleh seorang Pesuruhjaya Tinggi British<br>H3: Mempunyai kuasa eksekutif<br>F4: Kerajaan Persekutuan bertanggungjawab<br>F5: Majlis Perundangan Persekutuan ditubuhkan<br>H5: Membantu Pesuruhjaya Tinggi British<br>F6: Majlis Mesyuarat Persekutuan mempunyai ahli rasmi dan tidak rasmi |

Buku teks MS134



**Pentadbiran**
- Persekutuan dibentuk menerusi gabungan sembilan buah negeri Melayu dan dua buah Negeri-negeri Selat.
- Singapura kekal sebagai tanah jajahan British yang berasingan.
- Kerajaan Persekutuan diketuai oleh seorang Pesuruhjaya Tinggi British yang mempunyai kuasa eksekutif.
- Kerajaan Persekutuan bertanggungjawab dalam hal kewangan serta hal lain yang mempunyai kepentingan bersama.
- Majlis Mesyuarat Persekutuan dan Majlis Perundangan Persekutuan ditubuhkan bagi membantu Pesuruhjaya Tinggi British.
- Majlis Mesyuarat Persekutuan mengandungi ahli rasmi dan ahli tidak rasmi.
- Ahli tidak rasmi pada peringkat permulaan dilantik oleh Pesuruhjaya Tinggi.
- Ahli Majlis Perundangan Persekutuan terdiri daripada pelbagai kaum.

**Kuasa Raja-raja Melayu**
- Sebuah Majlis Raja-Raja dibentuk untuk membolehkan Raja-raja Melayu memberikan pandangan dalam perkara yang tertentu.
- Bagi peringkat negeri pula, sultan bertanggungjawab mengesahkan rang undang-undang yang diluluskan dalam Dewan Perundangan Negeri.

**Perundangan**
- Majlis Perundangan Persekutuan diketuai oleh Pesuruhjaya Tinggi. Bidang kuasa Majlis Perundangan Persekutuan mencakupi hal ehwal luar, ketenteraman awam, kehakiman, perdagangan, komunikasi dan percukaian.
- Rang undang-undang perlu mendapat perkenan Raja-raja Melayu melalui Majlis Raja-Raja.

| | |
|---|---|
| (b) | Apakah kesan penubuhan Persekutuan Tanah Melayu 1948 ini terhadap kedudukan Raja-raja Melayu dan kerjasama kaum di Tanah Melayu?<br>……………………………………………………………………………………<br>……………………………………………………………………………………<br>……………………………………………………………………………………<br>……………………………………………………………………………………<br>……………………………………………………………………………………<br>……………………………………………………………………………………<br>……………………………………………………………………………………<br>[6 markah] |

**Jawapan**

F1: Mengembalikan kedudukan Raja-raja Melayu
H1a: Majlis Raja-raja diwujudkan
H1b: Dipengerusikan oleh seorang daripada Raja-raja Melayu
H1c: Keanggotaannya sembilan orang raja Melayu
H1d: Pesuruhjaya Tinggi memastikan bahawa raja perlu dirujuk terhadap perkara dalam bidang kuasa kerajaan Persekutuan

F2: Menjaga kedudukan istimewa orang Melayu
H2a: Diiktiraf sebagai penduduk asal
H2b: Kepentingan sah kaum lain

F3: Membuka ruang kewarganegaraan
H3: kepada orang bukan Melayu

F4: Mewujudkan kerjasama kaum
H4a: Perpaduan dapat dipupuk
H4b: Penubuhan Jawatankuasa Antara Kaum atau Communities Liaison Committee (CLC)
H4d: Jawatankuasa ini berjaya memupuk persefahaman antara pemimpin pelbagai kaum
H4e: Membawa kemerdekaan

Buku teks MS136-137


**Kesan Penubuhan Persekutuan Tanah Melayu 1948**

Perjanjian Persekutuan Tanah Melayu 1948 berjaya mengembalikan kedudukan Raja-raja Melayu seperti sebelum perang, menjaga kedudukan istimewa orang Melayu, membuka ruang kewarganegaraan dan mewujudkan perpaduan kaum di negara kita.

**Mengembalikan Kedudukan Raja-raja Melayu**
- Persekutuan Tanah Melayu 1948 mengembalikan kuasa Raja-raja Melayu semula.
- Majlis Raja-Raja diwujudkan melalui peruntukan Perjanjian Persekutuan Tanah Melayu 1948. Majlis ini dipengerusikan oleh seorang daripada Raja-raja Melayu. Keanggotaannya terdiri daripada sembilan orang Raja Melayu.
- Pesuruhjaya Tinggi memastikan bahawa raja perlu dirujuk terhadap perkara dalam bidang kuasa kerajaan Persekutuan.

**Menjaga Kedudukan Istimewa Orang Melayu**

Pembentukan Perjanjian Persekutuan Tanah Melayu 1948 mengiktiraf kedudukan istimewa orang Melayu dan kepentingan sah kaum lain.

**Membuka Ruang Kewarganegaraan**

Penubuhan Persekutuan Tanah Melayu 1948 membuka ruang kepada orang bukan Melayu menjadi warganegara. Orang Melayu diiktiraf sebagai penduduk asal yang diberikan kedudukan istimewa.

**Mewujudkan Kerjasama Kaum**
- Kerjasama kaum penting dalam usaha memupuk perpaduan.
- Persekutuan Tanah Melayu 1948 membuka jalan ke arah perpaduan dan kerjasama antara kaum melalui penubuhan Jawatankuasa Hubungan Antara Kaum atau Communities Liaison Committee (CLC).
- Kebanyakan cadangan CLC dimasukkan ke dalam usul perundangan yang diluluskan oleh Majlis Perundangan Persekutuan.
- Jawatankuasa ini berjaya memupuk persefahaman antara pemimpin pelbagai kaum.
- Persekutuan Tanah Melayu 1948 merintis pada pembentukan Perlembagaan Tanah Melayu 1957 yang sekali gus membawa kemerdekaan.

(c) Pembentukan Persekutuan Tanah Melayu 1948 telah menjadi asas kukuh kepada sistem pentadbiran Malaysia hari ini.
Jelaskan.

..........................................................................................................................
..........................................................................................................................
..........................................................................................................................
..........................................................................................................................
..........................................................................................................................
..........................................................................................................................
..........................................................................................................................
..........................................................................................................................
..........................................................................................................................
..........................................................................................................................
..........................................................................................................................
..........................................................................................................................

[8 markah]

**[F/H/C/Inf]**

F1: Konsep perkongsian kuasa antara kerajaan pusat dan negeri
F2: Wujud Senarai Persekutuan dan Senarai Negeri
F3: Konsep Raja Berperlembagaan
F4: Raja sebagai ketua negara iaitu Yang di-Pertuan Agong
F5: Sultan menjadi ketua negeri
F6: Sultan berhak melantik Menteri Besar sebagai Ketua Pentadbir Negeri
F7: Konsep demokrasi berparlimen
F8: Wujud Majlis Mesyuarat Persekutuan dan Perundangan Persekutuan
F9: Sultan bertanggungjawab memperkenankan rang undang-undang
F10: Merintis kepada pembentukan Persekutuan 1957 / kemerdekaan

*Mana-mana jawapan yang munasabah*

| T4B6 SK10.5 Ancaman Komunis dan Perisytiharan Darurat 1948 | Soalan Subjektif Respon Terhad / Bahagian A |
|---|---|

| | |
|---|---|
| 1 | Perkembangan ideologi komunis yang diasaskan oleh Karl Marx dan Friedrich Engels telah mula dibawa masuk ke negara kita sejak awal abad ke-20 melalui cawangan Parti Kuomintang yang beribu pejabat di China. |
| (a) | Apakah itu konsep komunisme?<br><br>Komunisme ialah **satu fahaman politik yang menjadikan ekonomi dan barang pengguna sebagai milik negara**.<br><br>[2 markah] |
| Jawapan | F1: Satu fahaman politik yang menjadikan ekonomi dan barang pengguna<br>F2: sebagai milik negara<br><br>Buku teks MS 146<br>**Kemasukan Pengaruh Komunis di Negara Kita**<br>Komunisme ialah ideologi yang diasaskan oleh Karl Marx dan Friedrich Engels. Mereka menulis karya *Communist Manifesto* dan *Das Kapital*. Perkataan komunis membawa maksud orang yang menganut fahaman komunis. Komunisme ialah suatu fahaman politik yang menjadikan ekonomi dan barang pengguna sebagai milik negara. Percubaan untuk menyebarkan ideologi komunis di negara kita bermula sejak tahun 1920-an. Pada masa itu, terdapat dua buah negara yang terlibat dalam penyebaran fahaman komunis, iaitu China dan Indonesia. |
| (b) | Bagaimanakah Parti Komunis Malaya bertindak pada zaman pendudukan Jepun?<br><br>Parti Komunis Malaya (PKM) bertindak **menjalinkan kerjasama dengan British** pada zaman pendudukan Jepun. Seterusnya PKM telah **membentuk Malayan People's Anti-Japanese Army** (MPAJA) atau Bintang Tiga. PKM juga **menerima bantuan senjata**, latihan dan kewangan daripada British. PKM bergerak melalui kesatuan sekerja, pertubuhan, penerbitan akhbar dan sekolah Cina.<br><br>[4 markah] |
| Jawapan | F1: Menjalinkan kerjasama dengan British<br>H1: Memerangi Jepun<br>F2: Membentuk Malayan People's Anti-Japanese Army<br>H2: Menerima bantuan senjata, latihan dan kewangan daripada British.<br>F3: PKM bergerak melalui kesatuan sekerja, pertubuhan, penerbitan akhbar dan sekolah Cina<br>H3: Mengukuhkan pengaruh komunis<br><br>Buku teks MS 147<br>**Penubuhan Parti Komunis Malaya**<br>• Pada 30 April 1930, Parti Komunis Malaya (PKM) ditubuhkan di Kuala Pilah, Negeri Sembilan. PKM bergerak melalui kesatuan sekerja, pertubuhan, penerbitan akhbar dan sekolah Cina.<br>• Seterusnya, PKM menyusup ke dalam Kesatuan Sekerja untuk mengukuhkan pengaruh komunis.<br>Pada zaman pendudukan Jepun (1941–1945), PKM bertindak:<br>• Menjalinkan kerjasama dengan British dalam usaha memerangi Jepun.<br>• Membentuk Malayan People's Anti-Japanese Army (MPAJA) atau Bintang Tiga pada tahun 1942.<br>• Menerima bantuan senjata, latihan, kewangan, bekalan logistik dan perubatan daripada pihak British. |
| [F/H/C/Inf] | (c) Penyebaran ideologi komunis telah meninggalkan impak yang mendalam terhadap negara kita. Ulaskan pernyataan ini.<br><br>Penyebaran ideologi komunis telah meninggalkan impak yang mendalam terhadap negara kita kerana menyebabkan berlakunya **kekejaman** terhadap orang Melayu, Cina dan India. Kekerasan komunis mengakibatkan **penduduk hidup dalam ketakutan**. Misalnya, berlaku **pembunuhan terhadap mereka yang dituduh sebagai tali barut** yang bersubahat dengan Jepun. Kesannya, keganasan yang dilakukan telah menjadikan **keharmonian dan keselamatan negara terancam**.<br><br>[4 markah] |
| Jawapan | F: Kekejaman terhadap orang Melayu, Cina dan India<br>H: Penduduk hidup dalam ketakutan<br>C: Pembunuhan terhadap mereka yang dituduh sebagai tali barut<br>Inf: Keharmonian dan keselamatan negara terancam.<br><br>*Mana-mana jawapan yang munasabah* |

| T4B6 SK10.5 Ancaman Komunis dan Perisytiharan Darurat 1948 | Soalan Subjektif Respon Terhad / Bahagian A |
|---|---|

**2** Pengisytiharan Undang-undang Darurat telah dilaksanakan di seluruh Tanah Melayu pada 18 Jun 1948 untuk mendepani ancaman komunis di negara kita.

**(a)** Apakah peristiwa yang mendorong kerajaan British mengisytiharkan darurat?

……………………………………………………………………………………………………

……………………………………………………………………………………………………

……………………………………………………………………………………………………

[2 markah]

**Jawapan**

F1: Pembunuhan tiga orang pengurus ladang Eropah
H1: Arthur Walker / John Allison / Ian Christian
F2: Komunis melancarkan perjuangan bersenjata
H2: Ingin menubuhkan Republik Komunis

Buku teks MS 148



Dalam persidangan tersebut, pengikut komunis di kawasan yang dijajah digesa supaya memperhebat perjuangan menentang kuasa imperialis di setiap negara Asia. Berikutan daripada itu, Jawatankuasa Eksekutif Pusat PKM telah mengambil keputusan untuk melancarkan perjuangan bersenjata bagi menubuhkan Republik Komunis di Tanah Melayu. Tindakan komunis melancarkan perjuangan bersenjata menyebabkan British mengisytiharkan darurat. PKM meneruskan tindakan melumpuhkan ekonomi dan infrastruktur serta mengancam keselamatan rakyat.

**Perisytiharan Darurat**

Pada 16 Jun 1948, komunis membunuh tiga orang pengurus ladang Eropah di Sungai Siput, Perak. Komunis membunuh Arthur Walker, pengurus Ladang Ephil, John Allison, pengurus Ladang Phin Soon dan pembantunya Ian Cristian.

Berikutan dengan peristiwa tersebut, Sir Edward Gent, Pesuruhjaya Tinggi British di Tanah Melayu mengisytiharkan darurat. Undang-Undang Darurat dilaksanakan di kawasan tertentu di negeri Perak seperti di Ipoh dan Sungai Siput serta di Johor yang merangkumi daerah Muar, Kluang, Kulai dan Plentong.

Sir Edward Gent, Pesuruhjaya Tinggi British di Tanah Melayu

**(b)** Jelaskan tindakan komunis terhadap rakyat semasa zaman darurat.

……………………………………………………………………………………………………

……………………………………………………………………………………………………

……………………………………………………………………………………………………

……………………………………………………………………………………………………

……………………………………………………………………………………………………

[4 markah]

**Jawapan**

F1: Mengancam keselamatan
H1: Mengugut / mensabotaj / menyerang
H2: Membunuh penduduk enggan bekerjasama
C1: Mencampakkan bom tangan
H3: Kematian
H4: Kesengsaraan / penderitaan

Buku teks MS 150



**Komunis Mengancam Keselamatan Rakyat**

Komunis melakukan pelbagai tindakan ganas yang menggugat keselamatan rakyat. Mereka mengugut, mensabotaj, menyerang, melakukan kekejaman, menganiaya, menculik, merampas, membakar harta benda dan membunuh penduduk yang enggan bekerjasama. Contohnya, pada malam 5 Julai 1949, komunis mencampakkan bom tangan di Sheum Circus, Kampar, Perak. Akibatnya, seramai 46 orang cedera parah dan empat orang mati. Tindakan komunis ini menyebabkan kesengsaraan dan penderitaan kepada rakyat.

**[F/H/C/Inf]**

**(c)** Kesengsaraan hidup semasa zaman darurat merupakan sejarah hitam yang menjadi iktibar segenap lapisan masyarakat kita.
Sejauh manakah peristiwa ini mampu memberikan kesedaran kepada generasi masa kini?

……………………………………………………………………………………………………

……………………………………………………………………………………………………

……………………………………………………………………………………………………

……………………………………………………………………………………………………

……………………………………………………………………………………………………

……………………………………………………………………………………………………

[4 markah]

**Jawapan**

F: Memupuk kesedaran dan erti kemerdekaan dalam kalangan rakyat
H: Pemimpin dan rakyat melaksanakan tanggungjawab masing-masing
C: Memelihara keadilan dan kebajikan
Inf: Menjamin kesejahteraan negara

*Mana-mana jawapan yang munasabah*

| T4B6 SK10.5 Ancaman Komunis dan Perisytiharan Darurat 1948 | Soalan Subjektif Respon Terhad / Bahagian A |
|---|---|

**3** Perang Saraf dilaksanakan sebagai salah satu usaha untuk menghapuskan ancaman komunis.

**(a)** Jelaskan maksud Perang Saraf.

…………………………………………………………………………………………………………
…………………………………………………………………………………………………………
…………………………………………………………………………………………………………

[2 markah]

**Jawapan**

F1: Rancangan untuk menghapuskan komunis
F2: melalui usaha memenangi hati dan fikiran rakyat
F3: Sir Gerald Templer dilantik sebagai Pesuruhjaya Tinggi British
F4: Beliau bertindak memenangi hati dan fikiran penduduk
F5: Menjalinkan hubungan baik dengan penduduk
F6: Supaya mereka bekerjasama / menyampaikan segala maklumat komunis

Buku teks MS 159

**8. Perang Saraf**

Perang saraf ialah rancangan yang dilaksanakan oleh British untuk menghapuskan komunis melalui usaha memenangi hati dan fikiran rakyat. Pada tahun 1952, Templer dilantik menjadi Pesuruhjaya Tinggi British di Tanah Melayu. Beliau bertindak untuk memenangi hati dan fikiran penduduk Persekutuan Tanah Melayu. Beliau ingin menjalinkan hubungan baik dengan penduduk tempatan supaya mereka bekerjasama dengan pihak kerajaan dan menyampaikan segala maklumat tentang komunis. Perang saraf berjaya memujuk rakyat berbilang kaum supaya bersatu dan membanteras ancaman komunis.

**(b)** Bagaimanakah British mendapatkan sokongan kaum bukan Melayu dalam rancangan ini?

…………………………………………………………………………………………………………
…………………………………………………………………………………………………………
…………………………………………………………………………………………………………
…………………………………………………………………………………………………………
…………………………………………………………………………………………………………

[4 markah]

**Jawapan**

F1: Melonggarkan syarat kewarganegaraan
H1a: Mewujudkan bangsa yang bersatu
H1b: 1.2 juta orang Cina dan 180 ribu orang India layak menjadi warganegara
F2: Mengadakan pilihan raya Majlis Perbandaran Kuala Lumpur
H2a: Menggalakkan penyertaan orang bukan Melayu
H2b: Mendapat sokongan untuk menentang komunis

Buku teks MS 159

**Melonggarkan Syarat Kewarganegaraan**

Melonggarkan syarat kewarganegaraan bagi menarik kaum bukan Melayu menjadi rakyat Tanah Melayu. Langkah ini penting untuk mewujudkan bangsa yang bersatu. Kesannya, pada 14 September 1952, seramai lebih kurang 1.2 juta orang Cina dan 180 ribu orang India layak menjadi warganegara.

**Mengadakan Pilihan Raya Majlis Perbandaran Kuala Lumpur**

Kerajaan mengadakan pilihan raya tempatan pertama bertujuan menggalakkan penyertaan orang bukan Melayu dalam politik dan mendapatkan sokongan untuk menentang komunis.

**[F/H/C/Inf]**

(c) Berdasarkan pengetahuan sejarah anda, apakah kesan sekiranya ancaman komunis gagal dibanteras dengan berkesan?

…………………………………………………………………………………………………………
…………………………………………………………………………………………………………
…………………………………………………………………………………………………………
…………………………………………………………………………………………………………
…………………………………………………………………………………………………………
…………………………………………………………………………………………………………

[4 markah]

**Jawapan**

F: Kemerdekaan sukar dicapai
H: Negara akan huru-hara
C: Banyak nyawa terkorban / kemusnahan harta benda
Inf: Kesulitan hidup penduduk berterusan

*Mana-mana jawapan yang munasabah*

| T4B6 SK10.5 Ancaman Komunis dan Perisytiharan Darurat 1948 | Soalan Subjektif Respon Terbuka/ Bahagian B |
|---|---|

**4** Parti Komunis Malaya (PKM) berusaha menyebarkan fahaman komunis dengan menggunakan kekerasan dan perjuangan bersenjata untuk mencapai matlamat penubuhan Republik Komunis di Tanah Melayu.

**(a)** Jelaskan tindakan komunis dalam melumpuhkan ekonomi dan infrastruktur negara untuk menghilangkan keyakinan penduduk terhadap British.

Tindakan komunis dalam melumpuhkan ekonomi adalah dengan menjadikan **lombong bijih timah dan ladang getah sebagai sasaran utama** serangan komunis untuk melemahkan ekonomi British. Dengan ini, komunis **menyerang lombong** bijih timah, **merosakkan pokok getah** malahan **membunuh pekerja** yang terlibat.

Di samping itu, komunis menjalankan pelbagai kegiatan **sabotaj terhadap kemudahan asas**, terutama sistem pengangkutan dan perhubungan. Mereka **mengebom** dan merosakkan landasan kereta api. Komunis turut **mensabotaj kemudahan telefon** dan telegraf serta merosakkan paip air.

[6 markah]

**Jawapan**

F1: Lombong bijih timah dan ladang getah menjadi sasaran utama
H1a: Untuk melemahkan ekonomi British
H1b: Menyerang 80 lombong bijih di Perak, Selangor dan Negeri Sembilan
H1c: Merosakkan pokok getah, kilang estet, rumah asap, rumah kongsi, kedai dan sekolah
H1d: Membunuh pekerja / Nyawa terancam
F2: Sabotaj terhadap kemudahan asas
H2a: Sistem pengangkutan dan perhubungan
H2b: Mengebom, merosakkan dan mengalihkan landasan kereta api / Kenderaan ditembak
H2c: Sabotaj kemudahan telefon dan telegraf serta merosakkan paip air.
H2d: Menyerang pekerja awam yang ditugaskan untuk membaiki jalan raya, memasang paip air / membina sistem pengairan

Buku teks MS 149


**Komunis Melumpuhkan Ekonomi**

Sejak Undang-Undang Darurat dikuatkuasakan, lombong bijih timah dan ladang getah menjadi sasaran utama serangan komunis untuk melemahkan ekonomi British. Dari tahun 1948 hingga tahun 1956, komunis menyerang 80 lombong bijih antaranya di Perak, Selangor dan Negeri Sembilan. Mereka merosakkan pokok getah, kilang estet, rumah asap, rumah kongsi, kedai dan sekolah serta membunuh pekerja. Tindakan komunis ini menyebabkan pekerja lombong dan ladang getah menderita. Selain mengganggu kerja harian di lombong dan ladang, nyawa mereka turut terancam.

**Komunis Merosakkan Infrastruktur**

Komunis menjalankan pelbagai kegiatan sabotaj terhadap kemudahan asas, terutama sistem pengangkutan dan perhubungan. Mereka mengebom, merosakkan dan mengalihkan landasan kereta api. Kenderaan yang melalui jalan raya pula ditembak dan dibakar. Komunis turut mensabotaj kemudahan telefon dan telegraf serta merosakkan paip air. Seterusnya, mereka bertindak menyerang pekerja awam yang ditugaskan untuk membaiki jalan raya, memasang paip air, membina sistem pengairan dan pekerja yang menjalankan penyelidikan di tapak skim hidroelektrik. Keadaan ini menjejaskan kehidupan harian penduduk tempatan kerana infrastruktur tidak dapat diselenggara dengan baik.

**[F/H/C/Inf]**

**(b)** Bagaimanakah pelaksanaan Undang-undang Darurat dikuatkuasakan untuk membendung keganasan komunis?

Antara tindakan diambil untuk membendung keganasan komunis ialah **menahan sesiapa sahaja** yang disyaki terlibat dalam pergerakan komunis **tanpa sebarang perbicaraan**. British turut **mengenakan hukuman berat** kepada sesiapa sahaja yang membantu komunis. Tambahan lagi, **undang-undang senjata api** diketatkan dengan mengenakan **hukuman mati** terhadap mereka yang membawa senjata api dan bahan letupan.

Di samping itu, tindakan seperti **menggeledah rumah kediaman**, memagar kampung, dan mengadakan perintah berkurung juga diambil oleh pihak British. Pada masa yang sama, **PKM dan parti radikal lain turut diharamkan.**

[6 markah]

**Jawapan**

F1: Menahan sesiapa sahaja yang disyaki
H1: Tanpa sebarang perbicaraan
F2: Mengenakan hukuman berat kepada sesiapa sahaja yang membantu komunis
F3: Mengetatkan undang-undang senjata api
H3: Hukuman mati terhadap yang membawa senjata api dan bahan letupan
F4: Menggeledah rumah kediaman, memagar kampung, kenakan perintah berkurung / wujud Kampung Baru / memindahkan penduduk.
F5: Mengharamkan PKM / AWAS, Ikatan Pembela Tanah Air (PETA), Pemuda Radikal Melayu (PERAM), PKMM dan Hizbul Muslimin)
F6: Menangkap pemimpin gerakan radikal
C6: Ahmad Boestamam, Ishak Haji Muhammad

Buku teks MS 152




**[F/H/C/Inf]**

(c) Penguasaan Parti Komunis Malaya telah memberikan iktibar untuk negara mendepani ancaman baharu pada masa ini.
Beri hujah anda.

Iktibar daripada penguasaan Parti Komunis Malaya telah memberikan **kesedaran nasionalisme** kepada masyarakat dalam mempertahankan kemerdekaan negara. Kita perlulah membentuk **negara bangsa yang kuat** untuk mendepani ancaman baharu pada masa ini. Dengan menanam kesanggupan untuk **berkorban demi negara** barulah negara kita mampu memiliki ketahanan nasional meneruskan kesinambungan terdahulu. Kesannya, **kemakmuran negara dapat dikecapi** segenap lapisan masyarakat.

Rentetan itu, **kebijaksanaan pemimpin** dalam menyusun strategi untuk mewujudkan pentadbiran yang cekap juga perlulah dititikberatkan. **Kerjasama erat** setiap anggota masyarakat perlulah dipupuk untuk memacu perkembangan negara. Kita haruslah sentiasa **menyokong dasar-dasar kerajaan** sebagai tanda keyakinan terhadap kerajaan. Kesepaduan dan sinergi ini akan melahirkan **negara yang tetap utuh** dalam menangani ancaman baharu.

[8 markah]

**Jawapan**

F1: Kesedaran nasionalisme
H1: Membentuk negara bangsa yang kuat
C1: Kesanggupan berkorban untuk negara
Inf: Kemakmuran dapat dikecapi

F2: Kebijaksanaan pemimpin menyusun strategi
H2: Kerjasama erat setiap anggota masyarakat
C2: Menyokong dasar-dasar kerajaan
Inf: Keutuhan negara terpelihara

*Mana-mana jawapan yang munasabah*

| T4B6 SK10.5 Ancaman Komunis dan Perisytiharan Darurat 1948 | Soalan Subjektif Respon Terhad / Bahagian A |
|---|---|

**5** Peristiwa darurat telah meninggalkan impak yang mendalam terhadap negara dari aspek politik dan sosioekonomi. Ini telah mempengaruhi percaturan kerajaan British untuk perkembangan Tanah Melayu.

**(a)** Strategi ketenteraan yang tidak dapat menamatkan darurat telah mendorong British mempercepatkan rundingan kemerdekaan untuk Persekutuan Tanah Melayu.
Ulaskan pernyataan ini.

…………………………………………………………………………………………………
…………………………………………………………………………………………………
…………………………………………………………………………………………………
…………………………………………………………………………………………………
…………………………………………………………………………………………………
…………………………………………………………………………………………………
…………………………………………………………………………………………………

[4 markah]

**Jawapan**

F1: Penubuhan Jawatankuasa Hubungan Antara Kaum (CLC)
F2: Meningkatkan kesedaran politik dalam kalangan pemimpin kaum
F3: Berkongsi kepentingan dan hala tuju yang sama
F4: Penubuhan Parti Perikatan
F5: Kemenangan Parti Perikatan dalam Pilihan Raya Umum 1955
F6: PKM tidak mempunyai alasan untuk meneruskan perjuangannya

Buku teks MS 161

**Mempercepat Kemerdekaan**

British sedar pihaknya tidak boleh menamatkan darurat melalui strategi ketenteraan semata-mata. Darurat menjadi faktor yang mendorong British bersedia untuk mempercepat kemerdekaan Persekutuan Tanah Melayu.

Penubuhan Jawatankuasa Hubungan Antara Kaum (CLC) meningkatkan kesedaran politik dalam kalangan pemimpin kaum bahawa mereka boleh berkongsi kepentingan dan hala tuju yang sama melalui penubuhan Parti Perikatan (UMNO–MCA–MIC). Kemenangan Parti Perikatan dalam Pilihan Raya Umum 1955 memberikan keyakinan kepada British bahawa Persekutuan Tanah Melayu dapat menewaskan komunis melalui perpaduan penduduk yang berbilang kaum. Dalam suasana inilah, British memberikan kemerdekaan kepada Persekutuan Tanah Melayu. Dengan ini, PKM tidak mempunyai alasan untuk meneruskan perjuangannya.

**(b)** Pengisytiharan darurat ditamatkan pada 31 Julai 1960 dengan meninggalkan kesan sosioekonomi yang amat getir terhadap negara kita.
Jelaskan kesan-kesan sosioekonomi yang menyebabkan penderitaan rakyat.

…………………………………………………………………………………………………
…………………………………………………………………………………………………
…………………………………………………………………………………………………
…………………………………………………………………………………………………
…………………………………………………………………………………………………
…………………………………………………………………………………………………
…………………………………………………………………………………………………
…………………………………………………………………………………………………
…………………………………………………………………………………………………
…………………………………………………………………………………………………
…………………………………………………………………………………………………
…………………………………………………………………………………………………

[8 markah]

**Jawapan**

F1: Kegiatan ekonomi terjejas
F2: Ladang dan lombong menjadi sasaran serangan komunis
F3: Pengeluaran tanaman padi / makanan lain berkurangan
F4: Harga barang makanan dan keperluan harian melambung
F5: Peniaga, pekedai dan pelombong mengalami kesukaran
F6: Sasaran peras ugut komunis
F7: Ancaman nyawa
F8: Sukar bergerak untuk memperoleh bekalan keperluan
F9: Terpaksa mematuhi pelbagai peraturan
F10: Penduduk tidak dapat menjalankan kegiatan harian
F11: Perintah berkurung dikenakan
F12: Catuan bekalan makanan
F13: Kemusnahan harta benda

Buku teks MS 162

**Menyebabkan Penderitaan dan Kesengsaraan kepada Rakyat**

Rakyat menghadapi penderitaan semasa zaman darurat ini. Kawasan ladang dan lombong menjadi sasaran serangan komunis menyebabkan kegiatan ekonomi negara terjejas. Pengeluaran tanaman padi dan makanan lain semakin berkurangan. Akhirnya, harga barang makanan dan keperluan harian melambung tinggi.

Sementara itu, peniaga, pekedai, pengusaha kebun, peladang dan pelombong mengalami kesukaran kerana mereka merupakan sasaran peras ugut komunis bagi mendapatkan wang dan bekalan makanan. Kegagalan memenuhi tuntutan komunis menyebabkan kemusnahan pada lombong, ladang dan kedai serta mengancam nyawa.

Penduduk juga menghadapi kesukaran untuk bergerak dan memperoleh bekalan keperluan kerana terpaksa mematuhi pelbagai peraturan yang dikenakan oleh kerajaan. Akibatnya, penduduk tidak dapat menjalankan kegiatan harian. Ramai pekebun dan pekerja lombong tidak dapat bekerja kerana perintah berkurung dikenakan kepada mereka. Catuan bekalan makanan yang dikenakan oleh kerajaan menyebabkan mereka bergantung pada makanan seperti ubi kayu, keledek dan jagung.

**[F/H/C/Inf]**

(c) Detik hitam dalam sejarah negara membuktikan perlu adanya langkah-langkah yang bersepadu untuk mengelakkan peristiwa darurat berulang kembali.
Bagaimanakah generasi muda boleh memainkan peranan untuk memastikan kesejahteraan negara terus terpelihara?

…………………………………………………………………………………………
…………………………………………………………………………………………
…………………………………………………………………………………………
…………………………………………………………………………………………
…………………………………………………………………………………………
…………………………………………………………………………………………
…………………………………………………………………………………………
…………………………………………………………………………………………
…………………………………………………………………………………………
…………………………………………………………………………………………
…………………………………………………………………………………………
…………………………………………………………………………………………

[8 markah]

**Jawapan**

F1: Kesetiaan kepada raja dan negara
H1: Memelihara kedaulatan negara
C1: Sinergi erat dalam masyarakat berbilang kaum
Inf: Kekukuhan sistem politik negara dapat menjamin kesejahteraan

F2: Menguasai ilmu pengetahuan
H2: Mengharumkan nama negara dalam pelbagai bidang
C2: Mereka cipta kemajuan teknologi untuk negara
Inf: Negara dipandang tinggi di persada dunia

*Mana-mana jawapan yang munasabah*

**1** Rajah berikut ialah pertubuhan yang muncul hasil kesedaran politik yang telah mencetuskan idea negara merdeka.

| **X** | → | **Y** | → | UMNO | → | PAS |
|---|---|---|---|---|---|---|
| 1938 | | 1945 | | 1946 | | 1951 |

**(a)** Namakan pertubuhan yang bertanda:

**X:** **Kesatuan Melayu Muda**
**Y:** **Parti Kebangsaan Melayu Malaya**

[2 markah]

**Jawapan**

X: Kesatuan Melayu Muda
Y: Parti Kebangsaan Melayu Malaya

Buku teks MS172


7.1 Latar Belakang Idea Negara Merdeka

Perkembangan politik antarabangsa dan serantau mempengaruhi gelombang politik di negara kita. Benih kesedaran politik yang tumbuh di serata tempat mencetuskan idea negara merdeka.

1938 **Kesatuan Melayu Muda**

Kesatuan Melayu Muda (KMM) pimpinan Ibrahim Haji Yaakob memperjuangkan kemerdekaan tanah air melalui konsep Melayu Raya. Idea ini merupakan penyatuan bangsa dan dunia Melayu berdasarkan aspek persamaan daerah, darah, kebudayaan dan bahasa yang menjadi satu rumpun yang sama, iaitu Melayu. Selepas KMM diharamkan, idea Melayu Raya terus diperjuangkan oleh Kesatuan Rakyat Indonesia Semenanjung (KRIS) dan Parti Kebangsaan Melayu Malaya (PKMM).

1945 **Parti Kebangsaan Melayu Malaya**

Parti Kebangsaan Melayu Malaya (PKMM) dipimpin oleh Dr. Burhanuddin al-Helmi, Ishak Haji Muhammad dan Ahmad Boestamam. Parti ini menetapkan matlamat politik untuk menanam semangat kebangsaan dan bekerjasama dengan kaum lain bagi membentuk perpaduan. PKMM memperjuangkan kemerdekaan melalui konsep Melayu Raya. Melalui slogan "Merdeka", PKMM berhasrat mendaulatkan hak rakyat dalam politik, ekonomi, agama, sosial dan kebudayaan.

**(b)** Jelaskan matlamat pertubuhan di 1 (a)

Matlamat pertubuhan di atas ialah **memperjuangkan kemerdekaan** tanah air melalui **konsep Melayu Raya**. Selain itu, **penyatuan bangsa dan dunia Melayu** berdasarkan aspek persamaan daerah, darah, kebudayaan dan bahasa. Akhir sekali, menjadi **satu rumpun** yang sama iaitu Melayu.

[4 markah]

**Jawapan**

F1: Memperjuangkan kemerdekaan tanah air
F2: Melalui konsep Melayu Raya
F3: Penyatuan bangsa dan dunia Melayu berdasarkan aspek persamaan daerah, darah, kebudayaan dan bahasa
F4: Menjadi satu rumpun yang sama iaitu Melayu
F5: Menanam semangat kebangsaan
F6: Bekerjasama dengan kaum lain bagi membentuk perpaduan
F7: Mendaulatkan hak rakyat dalam politik, ekonomi, agama, sosial dan kebudayaan

Buku teks MS172


7.1 Latar Belakang Idea Negara Merdeka

Perkembangan politik antarabangsa dan serantau mempengaruhi gelombang politik di negara kita. Benih kesedaran politik yang tumbuh di serata tempat mencetuskan idea negara merdeka.

1938 **Kesatuan Melayu Muda**

Kesatuan Melayu Muda (KMM) pimpinan Ibrahim Haji Yaakob memperjuangkan kemerdekaan tanah air melalui konsep Melayu Raya. Idea ini merupakan penyatuan bangsa dan dunia Melayu berdasarkan aspek persamaan daerah, darah, kebudayaan dan bahasa yang menjadi satu rumpun yang sama, iaitu Melayu. Selepas KMM diharamkan, idea Melayu Raya terus diperjuangkan oleh Kesatuan Rakyat Indonesia Semenanjung (KRIS) dan Parti Kebangsaan Melayu Malaya (PKMM).

1945 **Parti Kebangsaan Melayu Malaya**

Parti Kebangsaan Melayu Malaya (PKMM) dipimpin oleh Dr. Burhanuddin al-Helmi, Ishak Haji Muhammad dan Ahmad Boestamam. Parti ini menetapkan matlamat politik untuk menanam semangat kebangsaan dan bekerjasama dengan kaum lain bagi membentuk perpaduan. PKMM memperjuangkan kemerdekaan melalui konsep Melayu Raya. Melalui slogan "Merdeka", PKMM berhasrat mendaulatkan hak rakyat dalam politik, ekonomi, agama, sosial dan kebudayaan.

**(c)** Mengapakah matlamat pertubuhan di 1 (b) penting kepada negara kita?

Matlamat pertubuhan di 1 (b) penting kepada negara kita bagi **memperjuangkan kemerdekaan** tanah air. **Idea kebebasan daripada penjajahan British** perlu disebarkan secara meluas bagi **membentuk negara yang berdaulat**. Kesannya, negara dapat melahirkan rakyat yang dapat mempertahankan kedaulatan dan memiliki **semangat cintakan negara**.

[4 markah]

**[F/H/C/Inf]**

F: Memperjuangkan kemerdekaan tanah air
H: Membentuk negara berdaulat
C: Bebas penjajahan British
Inf: Menyemai semangat cinta negara

*Mana-mana jawapan yang munasabah*

**2** Kerajaan British memperkenalkan Sistem Ahli pada tahun 1951 sebagai langkah menyediakan Tanah Melayu ke arah berkerajaan sendiri.

**(a)** Nyatakan ciri-ciri Sistem Ahli.

…………………………………………………………………………………………………………

…………………………………………………………………………………………………………

…………………………………………………………………………………………………………

[2 markah]

**Jawapan**

F1: Ahli bertaraf Menteri
F2: Bertanggungjawab menjaga portfolio yang mengandungi jabatan dan agensi kerajaan
F3: Ahli dilantik oleh Pesuruhjaya Tinggi British dengan persetujuan Majlis Raja-Raja
F4: Ahli bertanggungjawab mencadangkan undang-undang yang berkaitan dengan jabatannya untuk dibentangkan dalam MPP
F5: Ahli diletakkan di bawah kuasa Pesuruhjaya Tinggi
F6: Satu sistem kabinet bayangan yang terdiri daripada beberapa pegawai pentadbir dan tokoh masyarakat

Buku teks MS 179




**(b)** Jelaskan kepentingan Sistem Ahli sebagai usaha ke arah kemerdekaan negara.

…………………………………………………………………………………………………………

…………………………………………………………………………………………………………

…………………………………………………………………………………………………………

…………………………………………………………………………………………………………

[4 markah]

**Jawapan**

F1: Menyediakan asas penting untuk melatih orang tempatan ke arah berkerajaan sendiri
F2: Memberi pendedahan kepada penduduk tempatan untuk belajar mentadbir
F3: Memberi pendedahan menerajui kerajaan menjelang kemerdekaan negara
F4: Merupakan proses memupuk perpaduan kaum kerana ahlinya adalah gabungan pemimpin pelbagai kaum
F5: Menentukan kemerdekaan yang diperoleh mendapat sokongan seluruh penduduk Persekutuan Tanah Melayu

Buku teks MS 179




**(c)** Adakah pelaksanaan Sistem Ahli memberi kebaikan kepada masyarakat tempatan? Berikan penjelasan anda.

…………………………………………………………………………………………………………

…………………………………………………………………………………………………………

…………………………………………………………………………………………………………

…………………………………………………………………………………………………………

[4 markah]

**[F/H/C/Inf]**

F1: Rakyat tempatan diberi peluang memegang jawatan
F2: Melibatkan kaum utama di Tanah Melayu
F3 Memberi pendedahan untuk mentadbir negara
F4: Memberi pengalaman kepada rakyat tempatan untuk menerajui negara
F5: Persediaan ke arah kemerdekaan / berkerajaan sendiri
F6: Memberi ruang kepada rakyat tempatan memperjuangkan hak rakyat
F7: Memupuk perpaduan kaum
F8: Pemimpin pelbagai kaum bekerjasama mentadbir negara

*Mana-mana jawapan yang munasabah*

**3** Perkembangan nasionalisme telah membawa kepada kerjasama pelbagai parti politik selepas Perang Dunia Kedua.

**(a)** Manifesto Perlembagaan Rakyat merupakan hasil Pakatan PUTERA-AMCJA.
Apakah cadangan manifesto tersebut?

…………………………………………………………………………………………………
…………………………………………………………………………………………………
…………………………………………………………………………………………………

[2 markah]

**Jawapan**

F1: Pemerintahan sendiri
F2: Pembentukan Dewan Perundangan
F3: Penerimaan satu kewarganegaraan

Buku teks MS186


PERLEMBAGAAN RAKYAT

**1 Pakatan PUTERA-AMCJA**

Pusat Tenaga Rakyat (PUTERA) pimpinan Dr. Burhanuddin al-Helmi dan All Malaya Council of Joint Action (AMCJA) diketuai oleh Tan Cheng Lock bergabung pada bulan Disember 1947. Pakatan ini menjadi perintis untuk memupuk kerjasama politik antara kaum serta melahirkan Manifesto Perlembagaan Rakyat sebagai alternatif pembinaan negara bangsa yang merdeka. Manifesto ini mencadangkan pemerintahan sendiri, pembentukan Dewan Perundangan dan penerimaan satu kewarganegaraan.

**(b)** Apakah tujuan persidangan dan konvensyen berikut diadakan?

(i) Persidangan Kebangsaan Febuari 1954

…………………………………………………………………………………………………
…………………………………………………………………………………………………

[2 markah]

(ii) Konvensyen Kebangsaan Ogos 1954

…………………………………………………………………………………………………
…………………………………………………………………………………………………

[2 markah]

**Jawapan**

(i)
F1: Membincangkan langkah membentuk gabungan parti politik kebangsaan Tanah Melayu yang bersatu
C1: IMP dan MIC
F2: Menuntut pilihan raya Persekutuan diadakan

(ii)
F1: Membincangkan usaha ke arah kemerdekaan dan masa depan Tanah Melayu
F2: Dihadiri oleh PAS, Persetiaan Melayu Kelantan dan Persatuan Melayu Semenanjung
F3: Meluluskan resolusi mendesak British mengadakan pilihan raya Persekutuan

Buku teks MS 186-187


**2 Persidangan Kebangsaan**

Persidangan Kebangsaan berlangsung pada bulan Februari 1954 yang diketuai oleh Dato' Panglima Bukit Gantang, Menteri Besar Perak, iaitu Dato' Abdul Wahab Abdul Aziz. Persidangan tersebut membincangkan langkah membentuk gabungan parti politik kebangsaan Tanah Melayu yang bersatu. Persidangan ini disertai oleh Independence of Malayan Party (IMP), Malayan Indian Congress (MIC), Persatuan Ceylonese Malaya dan Persatuan Eurasian Malaya. Persidangan ini menuntut agar diadakan pilihan raya Persekutuan.

**3 Konvensyen Kebangsaan**

Konvensyen Kebangsaan yang dianjurkan oleh UMNO, pimpinan Tunku Abdul Rahman dan MCA pimpinan Tan Cheng Lock diadakan pada bulan Ogos 1954. Konvensyen yang membincangkan usaha ke arah kemerdekaan dan masa depan Tanah Melayu ini dihadiri oleh Parti Islam Se-Tanah Melayu (PAS), Persetiaan Melayu Kelantan dan Persatuan Melayu Semenanjung. Konvensyen ini meluluskan resolusi mendesak British mengadakan pilihan raya Persekutuan.

**(c)** Jelaskan kepentingan kerjasama antara kaum di negara kita.

…………………………………………………………………………………………………
…………………………………………………………………………………………………
…………………………………………………………………………………………………
…………………………………………………………………………………………………

[4 markah]

**[F/H/C/Inf]**

F1: Menjamin kesejahteraan negara
F2: Mewujudkan keharmonian masyarakat
F3: Melindungi negara daripada ancaman kuasa luar
F4: Menjamin kestabilan politik
F5: Menyemarakkan perpaduan antara kaum

*Mana-mana jawapan yang munasabah*

**4** Jawatankuasa Hubungan Antara Kaum atau Communities Liaison Committee (CLC) ditubuhkan pada Januari 1949 yang menghimpunkan pemimpin utama masyarakat pelbagai kaum.

**(a)** Apakah objektif pembentukan Jawatankuasa Hubungan Antara Kaum?

Antara objektif pembentukan Jawatankuasa Hubungan Antara Kaum ialah **mengkaji hubungan kaum** secara mendalam dan **membetulkan keadaan politik, ekonomi dan sosial**. Hal ini supaya wujud **pembahagian yang adil** untuk semua komuniti. Selain itu, mewujudkan **keadaan harmoni** dan **muhibah** dalam kalangan penduduk di negara ini.

[4 markah]

**Jawapan**

F1: Mengkaji hubungan kaum
F2: Membetulkan keadaan politik, ekonomi dan sosial
F3: Pembahagian yang adil
F4: Keadaan harmoni
F5: Muhibah

Buku teks MS 174



**Penubuhan Jawatankuasa Hubungan Antara Kaum**

Jawatankuasa Hubungan Antara Kaum atau Communities Liaison Committee (CLC) ditubuhkan pada Januari 1949 yang menghimpunkan pemimpin utama masyarakat pelbagai kaum.

Objektif pembentukan CLC:

- Mengkaji hubungan kaum secara mendalam.
- Membetulkan keadaan politik, ekonomi dan sosial supaya wujud pembahagian yang adil untuk semua komuniti.
- Mewujudkan keadaan harmoni dan muhibah dalam kalangan penduduk di negara ini.

**(b)** Jelaskan peranan Jawatankuasa Hubungan Antara Kaum dalam menyelesaikan pelbagai isu yang melibatkan pertikaian antara kaum tersebut.

Jawatankuasa Hubungan Antara Kaum mencadangkan **peralihan ke arah berkerajaan sendiri** dilakukan dengan **memberikan pengalaman pilihan raya** secara berperingkat kepada penduduk Tanah Melayu. Seterusnya, CLC juga bersetuju agar orang Melayu wajar mempunyai **kedudukan istimewa** kerana menunjukkan **taat setia yang tidak berbelah bahagi** dan **mengiktiraf negara ini satu-satunya tanah air** mereka.

Di samping itu, CLC juga mencadangkan **penubuhan agensi** untuk meningkatkan ekonomi dan pendidikan. CLC bersetuju **kewarganegaraan kepada kaum bukan Melayu** penting bagi **memupuk taat setia kepada Tanah Melayu** dan Kerjasama dalam kalangan penduduk. Akhir sekali, CLC mencadangkan **sistem pendidikan yang seragam** untuk memupuk kesetiaan dan perpaduan kaum di Tanah Melayu.

[8 markah]

**Jawapan**

F1: mencadangkan peralihan ke arah berkerajaan sendiri dilakukan
H1: memberikan pengalaman pilihan raya secara berperingkat kepada penduduk Tanah Melayu
F2: bersetuju agar orang Melayu wajar mempunyai kedudukan istimewa
H2a: menunjukkan taat setia yang tidak berbelah bahagi
H2b: mengiktiraf negara ini satu-satunya tanah air
F3: Mencadangkan penubuhan agensi untuk meningkatkan ekonomi dan pendidikan
F4: bersetuju kewarganegaraan kepada kaum bukan Melayu penting
H4: memupuk taat setia kepada Tanah Melayu dan kerjasama dalam kalangan penduduk
F5: mencadangkan sistem pendidikan yang seragam
H5: memupuk kesetiaan dan perpaduan kaum di Tanah Melayu

Buku teks MS 176-177



| ISU | | PERANAN CLC | KESAN KE ARAH PERPADUAN KAUM |
|---|---|---|---|
| Politik | Persediaan ke arah berkerajaan sendiri. | Mencadangkan peralihan ke arah berkerajaan sendiri dilakukan dengan memberikan pengalaman pilihan raya secara berperingkat kepada penduduk Tanah Melayu. | Pilihan raya diadakan pada peringkat majlis bandaran, majlis negeri dan juga Majlis Perundangan Persekutuan. |
| Kedudukan Istimewa Orang Melayu | Orang Melayu menuntut diperakui kedudukan istimewa sebagai penduduk asal rantau Alam Melayu. | Bersetuju agar orang Melayu wajar mempunyai kedudukan istimewa kerana menunjukkan taat setia yang tidak berbelah bahagi dan mengiktiraf negara ini satu-satunya tanah air mereka. | Kedudukan istimewa orang Melayu di negara ini diperakui dan kepentingan sah kaum lain diiktiraf. |
| Kedudukan Ekonomi Orang Melayu | Orang Melayu tidak memperoleh peluang yang sama seperti kaum bukan Melayu dalam sektor perniagaan dan perusahaan. | Mencadangkan penubuhan agensi untuk meningkatkan ekonomi dan pendidikan orang Melayu. | Penubuhan Lembaga Pembangunan Industri Desa (RIDA) pada tahun 1950 merupakan cadangan daripada Dato' Onn Jaafar. Beliau berpendapat bahawa bantuan ekonomi dan kemajuan luar bandar perlu sebagai tolak ansur terhadap persetujuan orang Melayu melonggarkan syarat kewarganegaraan kepada kaum bukan Melayu. |
| Kewarganegaraan Bukan Melayu | Ketegasan orang Melayu terhadap pemberian syarat kewarganegaraan kepada kaum bukan Melayu. | Bersetuju kewarganegaraan kepada kaum bukan Melayu penting bagi memupuk taat setia kepada Tanah Melayu dan kerjasama dalam kalangan penduduk. | Syarat kewarganegaraan dilonggarkan untuk memberikan kedudukan politik kepada kaum bukan Melayu dan melahirkan semangat patriotik serta bertanggungjawab kepada negara. |
| Pendidikan | Sistem persekolahan yang berbeza-beza mengikut kaum, menggunakan bahasa pengantar, buku teks dan sukatan pelajaran yang berlainan. | Mencadangkan sistem pendidikan yang seragam untuk memupuk kesetiaan dan perpaduan kaum di Tanah Melayu. | Penubuhan jawatankuasa pendidikan untuk mengkaji sistem pendidikan bagi melahirkan pendidikan yang seragam dan diterima oleh semua kaum. |

Jawatankuasa Hubungan Antara Kaum memainkan peranan yang berkesan untuk membentuk persefahaman antara pemimpin kaum di Tanah Melayu. Penyelesaian isu berkaitan dengan kaum melalui pendekatan muafakat dan bertoleransi adalah penting untuk mewujudkan keharmonian kaum dan memelihara kestabilan politik. Penyelesaian masalah melalui perundingan yang dilakukan oleh pemimpin kaum sewajarnya diteladani untuk mengukuhkan persefahaman dan kesejahteraan masyarakat di negara kita yang berbilang kaum.

| | |
|---|---|
| (c) | Jelaskan usaha yang boleh dilakukan untuk mengukuhkan perpaduan kaum.<br><br>Antara usaha yang boleh dilakukan untuk mengukuhkan perpaduan kaum ialah mewujudkan lebih banyak **program kenegaraan** bagi menggalakkan kerjasama melalui **pelbagai aktiviti**. Contohnya, **Program Latihan Khidmat Negara** (PLKN). Kesannya, **keharmonian negara akan terjamin.**<br><br>Selain itu, melalui **penggunaan bahasa Melayu** sebagai bahasa kebangsaan. Hal ini kerana bahasa Melayu menjadi **bahasa komunikasi** utama masyarakat Malaysia dalam kehidupan seharian. Misalnya penggunaan bahasa Melayu dalam **majlis-majlis rasmi** yang melibatkan pelbagai kaum. Kesimpulannya, persefahaman dan saling muafakat merupakan pendekatan untuk **mewujudkan kesejahteraan masyarakat.**<br><br>[8 markah] |
| [F/H/C/Inf] | F1: Mewujudkan lebih banyak program kenegaraan<br>H1: Melalui pelbagai aktiviti<br>C1: Program Latihan Khidmat Negara (PLKN)<br>Inf: Keharmonian negara akan terjamin.<br>F2: Penggunaan bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan<br>H2: Bahasa komunikasi utama masyarakat Malaysia<br>C2: Digunakan dalam majlis-majlis rasmi yang melibatkan pelbagai kaum<br>Inf: Mewujudkan kesejahteraan masyarakat.<br>*Mana-mana jawapan yang munasabah* |

**5** Pernyataan berikut berkaitan dengan Dasar Pelajaran Kebangsaan.

> **07 Mac 1957** – Majlis Mesyuarat Perundangan Persekutuan Tanah Melayu telah sebulat suara meluluskan Penyata Razak pada 07 Mac 1957. Cadangan yang dikemukakan oleh Penyata Razak ini diluluskan menjadi Ordinan Pelajaran 1957.
>
> Sumber : https://pekhabar.com/penyata-razak-diluluskan/

**(a)** Jelaskan cadangan dalam Penyata Razak 1956 untuk mencapai perpaduan negara.

..............................................................................................................

..............................................................................................................

..............................................................................................................

..............................................................................................................

..............................................................................................................

..............................................................................................................

[4 markah]

**Jawapan**

F1: Sekolah Umum (rendah) menggunakan bahasa Melayu
F2: Sekolah Jenis Umum (rendah) menggunakan sama ada bahasa Inggeris, bahasa Cina atau bahasa Tamil
F3: Bahasa Melayu dan bahasa Inggeris dijadikan mata pelajaran wajib di semua sekolah
F4: Sekolah Menengah Kebangsaan menggunakan bahasa Melayu sebagai bahasa pengantar
F5: Bahasa Inggeris menjadi mata pelajaran

Buku teks MS 183

> Penyata jawatankuasa ini antara lain mencadangkan:
> - Sekolah Umum (rendah) menggunakan bahasa Melayu.
> - Sekolah Jenis Umum (rendah) menggunakan sama ada bahasa Inggeris, bahasa Cina atau bahasa Tamil.
> - Bahasa Melayu dan bahasa Inggeris dijadikan mata pelajaran wajib di semua sekolah.
> - Sekolah Menengah Kebangsaan menggunakan bahasa Melayu sebagai bahasa pengantar, manakala bahasa Inggeris menjadi mata pelajaran.

**(b)** Mengapakah perpaduan negara difokuskan di dalam Penyata Razak?

..............................................................................................................

..............................................................................................................

..............................................................................................................

..............................................................................................................

..............................................................................................................

..............................................................................................................

..............................................................................................................

[8 markah]

**Jawapan**

F1: Menyatukan pelbagai kaum
H1: Menstabilkan politik negara
F2: Mewujudkan persefahaman
H2: Mewujudkan semangat kekitaan dalam kalangan murid sekolah
F3: Membasmi perasaan sangsi antara kaum
H3: Mewujudkan warganegara yang cintakan negara
F4: Membina semangat toleransi
H4: Melahirkan sikap hormat-menghormati
F5: Membina jati diri bangsa
H5: Lahir kebanggaan menjadi warganegara Tanah Melayu
F6: Membina kekuatan negara
H6: Pembentukan generasi muda berjiwa kental dan bersatu hati

*Mana-mana jawapan yang munasabah*

Buku teks MS 183

> Penyata Jawatankuasa Pelajaran 1956 merupakan asas kepada pembentukan sistem pendidikan kebangsaan. Melalui sistem tersebut, sukatan pelajaran dan peperiksaan yang seragam serta menggunakan bahasa pengantar yang sama menjadi langkah penting untuk memupuk semangat perpaduan, nilai kewarganegaraan, identiti sepunya dan kesetiaan kepada negara dalam kalangan generasi muda.

| | |
|---|---|
| (c) | Beri cadangan anda untuk mengekalkan perpaduan dalam kalangan rakyat Malaysia.<br>…………………………………………………………………………………………………<br>…………………………………………………………………………………………………<br>…………………………………………………………………………………………………<br>…………………………………………………………………………………………………<br>…………………………………………………………………………………………………<br>…………………………………………………………………………………………………<br>…………………………………………………………………………………………………<br>…………………………………………………………………………………………………<br>…………………………………………………………………………………………………<br>…………………………………………………………………………………………………<br>…………………………………………………………………………………………………<br>…………………………………………………………………………………………………<br>[8 markah] |
| [F/H/C/Inf] | F1: Kuat kuasa undang-undang yang ketat<br>H1: Mengekang sebarang elemen yang menggugat perpaduan<br>C1: Akta Keselamatan Dalam Negeri / SOSMA<br>F2: Tindakan tegas dapat mencegah pihak / individu yang tidak bertanggungjawab<br>H2: Memainkan isu anti perpaduan<br>F3: Menjamin pembangunan negara<br>H3: Mengekalkan kesejahteraan rakyat<br>F4: Kesaksamaan ekonomi<br>H4: Mengelakkan perasaan iri hati terhadap pihak lain<br>F5: Menambah peluang pekerjaan / perniagaan<br>H5: Mengelakkan rakyat daripada memikirkan isu-isu perkauman<br>F6: Mengadakan rumah terbuka<br>C6: Contohnya Rumah Terbuka Hari Raya Aidil Fitri<br>H6: Masyarakat dapat berkenal-kenalan serta bertegur sapa<br>F7: Mengadakan Ekspo Kebudayaan Malaysia<br>H7: Ibu bapa boleh membawa anak-anak untuk melihat pameran pelbagai budaya<br>*Mana-mana jawapan yang munasabah* |

**1** Pilihan raya diadakan untuk membolehkan rakyat memilih wakil dalam membentuk kerajaan. Sehingga kini negara kita telah menjalankan 14 siri pilihan raya umum telah dilaksanakan di negara kita.

**(a)** Namakan dua pilihan raya peringkat perbandaran yang telah diadakan di Persekutuan Tanah Melayu

**(i) Pilihan Raya Majlis Perbandaran George Town**
**(ii) Pilihan Raya Majlis Perbandaran Kuala Lumpur**

[2 markah]

**Jawapan**

F1: Pilihan Raya Majlis Perbandaran George Town
F2: Pilihan Raya Majlis Perbandaran Kuala Lumpur

Buku teks MS 196



Pilihan Raya Majlis Perbandaran George Town pada tahun 1951.

| Parti | Bilangan calon | Jumlah Kerusi yang dimenangi |
|---|---|---|
| Parti Radikal | 8 | 5 |
| Parti Buruh | 8 | 2 |
| UMNO | 5 | 1 |
| Bebas | 3 | 1 |

Pilihan Raya Majlis Perbandaran Kuala Lumpur.

| Parti | Jumlah Kerusi yang dimenangi |
|---|---|
| IMP | 2 |
| Parti Buruh Selangor | - |
| Persatuan Penyewa-Penyewa Rumah | - |
| Bebas | 1 |
| Perikatan (UMNO Kuala Lumpur dan MCA Selangor) | 9 |

Sumber: www.arkib.gov.my. Dicapai pada 13 Julai 2019.

**(b)** Jelaskan perjalanan Pilihan Raya Majlis Perbandaran Kuala Lumpur.

Pilihan Raya Majlis Perbandaran Kuala Lumpur diadakan pada **Februari 1952**. Pilihan raya ini diadakan untuk **merebut 12 kerusi Majlis Perbandaran Kuala Lumpur** bagi kawasan **Sentul**, Bangsar, Imbi dan Petaling Jaya. **UMNO dan MCA bergabung** membentuk Perikatan.

[4 markah]

**Jawapan**

F1: Diadakan pada Februari 1952
F2: Diadakan untuk merebut 12 kerusi Majlis Perbandaran Kuala Lumpur
F3: Kawasan Sentul, Bangsar, Imbi dan Petaling Jaya
F4: UMNO mewakili bahagian Kuala Lumpur dan MCA bahagian Selangor
F5: Mengadakan kerjasama dan bergabung membentuk Perikatan

Buku teks MS 197



Pilihan Raya Majlis Perbandaran Kuala Lumpur diadakan pada Februari 1952. Pilihan raya ini diadakan untuk merebut 12 kerusi Majlis Perbandaran Kuala Lumpur bagi kawasan Sentul, Bangsar, Imbi dan Petaling Jaya.

Dalam pilihan raya ini, UMNO bahagian Kuala Lumpur dan MCA bahagian Selangor mula mengadakan kerjasama dan bergabung. Gabungan pada peringkat awal ini dikenali sebagai Perikatan.

Pilihan raya majlis perbandaran seterusnya diadakan pada peringkat bandar Johor Bahru, Ipoh, Alor Setar, Melaka dan Seremban. Kerjasama parti UMNO-MCA terus mendapat kemenangan pada kerusi majlis perbandaran yang dipertandingkan.

**(c)** Jelaskan kepentingan pilihan raya sebagai lambang demokrasi kerajaan Malaysia.

Kepentingan pilihan raya sebagai lambang demokrasi kerajaan Malaysia adalah untuk **menjamin kecekapan pentadbiran negara** demi **pembangunan negara yang beterusan**. Selain itu pilihan raya diadakan adalah untuk **mengiktiraf hak asasi manusia**. Oleh itu semua rakyat yang layak berpeluang **memilih pemimpin** yang mereka sukai untuk membentuk kerajaan.

[4 markah]

**[F/H/C/Inf]**

F: Menjamin kecekapan pentadbiran negara
H: Pembangunan negara yang beterusan
C: Mengiktiraf hak asasi manusia
Inf: Memilih pemimpin yang disukai

*Mana-mana jawapan yang munasabah*

**2** Rajah berikut menunjukkan proses Pilihan Raya Majlis Perundangan Persekutuan 1955.




**(a)** Namakan proses Pilihan Raya yang bertanda:

X ……………………………………………………

Y: ……………………………………………………

[2 markah]

**Jawapan**

| | |
|---|---|
| X: Penamaan Calon<br>Y: Kempen Pilihan Raya | Buku teks MS 200-201 |

**(b)** Apakah syarat untuk menjadi pengundi dalam pilihan raya?

……………………………………………………………………………………………………………
……………………………………………………………………………………………………………
……………………………………………………………………………………………………………
……………………………………………………………………………………………………………

[4 markah]

**Jawapan**

F1: Warganegara Persekutuan Tanah Melayu
F2: Berumur 21 tahun ke atas
F3: Tinggal di Persekutuan Tanah Melayu
H3a: Dalam tempoh 12 bulan terdahulu
H3b: Dari tarikh l7 Oktober 1954 atau 28 Oktober 1954 bagi negeri Terengganu - layak untuk memohon sebagai pengundi.

Buku teks MS 200


**Syarat untuk menjadi pengundi**

Warganegara Persekutuan Tanah Melayu.

Berumur 21 tahun ke atas.

Individu yang tinggal di Persekutuan Tanah Melayu dalam tempoh enam bulan terdahulu (dari tarikh 17 Oktober 1954 atau 28 Oktober 1954 bagi negeri Terengganu) layak untuk memohon sebagai pengundi.

*Sumber:* T.E. Smith, 1955. *Report on the First Election of Members to the Legislative Council of the Federation of Malaya*. Kuala Lumpur: Arkib Negara Malaysia.

**(c)** Mengapakah nilai integriti itu sangat penting dalam diri seseorang calon pemimpin.

……………………………………………………………………………………………………………
……………………………………………………………………………………………………………
……………………………………………………………………………………………………………
……………………………………………………………………………………………………………

[4 markah]

**[F/H/C/Inf]**

F1: Ketinggian prinsip moral
F2: Dapat membina keyakinan
F3: Budaya politik baharu
F4: Mengelakkan amalan rasuah
F5: Menilai prestasi kerja
F6: Kepimpinan melalui teladan

*Mana-mana jawapan yang munasabah*

3 Gambar berikut menunjukkan Kabinet pertama Persekutuan Tanah Melayu.



Kabinet pertama ini dibentuk selepas Pilihan Raya Umum 1955
yang dianggotai oleh 10 orang Menteri dan tiga orang pegawai British.

(a) Namakan dua orang orang Menteri yang menganggotai Kabinet pertama tersebut?

(i) ……………………………………………………
(ii) ……………………………………………………

[2 markah]

**Jawapan**

F1: Tunku Abdul Rahman
F2: Dato' Abdul Razak Hussein
F3: Dato' Sulaiman Dato Abdul Rahman
F4: Dr. Ismail Abdul Rahman
F5: H.S Lee
F6: Sardon Jubir
F7: V.T Sambanthan
F8: Leong Yew Koh
F9: Ong Yoke Koh
F10: Abdul Aziz Ishak

Buku teks MS 206



Kabinet pertama Persekutuan Tanah Melayu.

| NAMA | JAWATAN |
|---|---|
| Tunku Abdul Rahman Putra Al-Haj | Ketua Menteri |
| Dato' Abdul Razak Hussein | Menteri Pelajaran |
| Dato' Sulaiman Dato' Abdul Rahman | Menteri Kerajaan Tempatan dan Perumahan dan Perancang Bandar |
| Dr. Ismail Abdul Rahman | Menteri Tanah dan Galian |
| H.S. Lee | Menteri Pengangkutan |
| Sardon Jubir | Menteri Kerja Raya |
| V.T. Sambanthan | Menteri Buruh |
| Leong Yew Koh | Menteri Kesihatan |
| Ong Yoke Lin | Menteri Pos dan Telekom |
| Abdul Aziz Ishak | Menteri Pertanian |

*Sumber:* www.arkib.gov.my. Dicapai pada 20 Julai 2019.

(b) Jelaskan peranan Kabinet pertama Persekutuan Tanah Melayu.
……………………………………………………………………………………………
……………………………………………………………………………………………
……………………………………………………………………………………………
……………………………………………………………………………………………

[4 markah]

**Jawapan**

F1: Membincangkan soal kewangan
F2: Membincangkan keperluan orang tempatan dalam perkhidmatan awam
F3: Menyambung sistem yang diguna pakai dalam Majlis Mesyuarat Persekutuan yang berasaskan Model Westminster
F4: Mengurangkan kuasa pentadbiran British
F5: Meminta Kuasa Veto Pesuruhjaya Tinggi dibatalkan
F6: Membincangkan isu keselamatan negeri dan pertahanan

Buku teks MS206




(c) Kepimpinan yang berwibawa mampu membawa kesejahteran dan kemakmuran masyarakat. Bincangkan pernyataan ini.
……………………………………………………………………………………………
……………………………………………………………………………………………
……………………………………………………………………………………………
……………………………………………………………………………………………

[4 markah]

| | |
|---|---|
| [F/H/C/Inf] | F1: Dapat mewujudkan pentadbiran yang sistematik<br>F2: Mampu membangunkan negara<br>F3: Dapat mengurangkan penyelewengan dan rasuah<br>F4: Memajukan ekonomi negara<br>F5: Dapat meningkatkan taraf hidup rakyat<br>F6: Meningkatkan keselesaan hidup rakyat<br>F7: Dapat melaksanakan dasar luar negara yang pragmatik<br>F8: Negara akan dipandang tinggi<br>F9: Meningkatkan imej negara<br>*Mana-mana jawapan yang munasabah* |

**4** Maklumat berikut berkaitan dengan penubuhan Majlis Perundangan Persekutuan 1948.

| Majlis Perundangan Persekutuan (MPP) 1948 | Majlis Perundangan Persekutuan 1955 |
|---|---|

**(a)** Jelaskan perkembangan di Tanah Melayu selepas Pilihan Raya Majlis Perundangan Persekutuan 1955.

Selepas Pilihan Raya Majlis Perundangan Persekutuan 1955, negara melalui perkembangan **sejarah demokrasi**. Ini kerana Pilihan Raya Persekutuan Tanah Melayu 1955 membawa **kemenangan besar kepada parti Perikatan**. Seterusnya, parti Perikatan dapat **membentuk Kerajaan Persekutuan**. Lantas, **Tunku Abdul Rahman dilantik sebagai Ketua Menteri Persekutuan** Tanah Melayu.

[4 markah]

**Jawapan**

F1: Perkembangan baharu dalam sejarah demokrasi negara
F2: Pilihan Raya Persekutuan Tanah Melayu 1955 membawa kemenangan besar parti Perikatan
F3: Parti Perikatan membentuk Kerajaan Persekutuan
F4: Tunku Abdul Rahman dilantik sebagai Ketua Menteri Persekutuan Tanah Melayu
F5: Majlis Perundangan Persekutuan mengalami perubahan dari segi bilangan anggotanya.

Buku teks MS 204



**Penubuhan Majlis Perundangan Persekutuan**

Setelah berlangsungnya Pilihan Raya Majlis Perundangan Persekutuan 1955, negara kita melalui satu perkembangan baharu dalam sejarah demokrasi negara. Berikutan kemenangan besar dalam Pilihan Raya Persekutuan Tanah Melayu 1955, parti Perikatan membentuk Kerajaan Persekutuan. Tunku Abdul Rahman dilantik sebagai Ketua Menteri Persekutuan Tanah Melayu yang pertama. MPP yang berperanan menggubal undang-undang pentadbiran pada peringkat Persekutuan Tanah Melayu turut mengalami perubahan dari segi bilangan keanggotaannya.

**(b)** Huraikan perbezaan antara Majlis Perundangan Persekutuan 1948 dengan Majlis Perundangan Persekutuan 1955.

Majlis Perundangan Persekutuan 1948 mempunyai **77 orang ahli**. Terdapat **52 orang ahli tidak rasmi** yang di lantik dalam kalangan masyarakat manakala **3 orang ex officio** terdiri Ketua Setiausaha Kerajaan, Setiausaha Kewangan dan Peguam Besar Persekutuan. Seterusnya, **9 orang Residen** yang mewakili sembilan buah negeri.

Majlis Perundangan Persekutuan 1955 pula mempunyai **100 orang ahli**. Seramai **52 orang ahli dipilih melalui pilihan raya** dan **35 orang ahli lantikan mewakili kumpulan yang berkepentingan** seperti **keusahawanan** dan perlombongan. Di samping itu, terdapat **11 orang Menteri Besar** mewakili setiap negeri.

[8 markah]

Jawapan

Majlis Perundangan Persekutuan 1948
F1: Terdapat 77 orang ahli
F2: 52 orang ahli tidak rasmi yang di lantik dalam kalangan masyarakat
F3: 3 orang *ex officio* terdiri Ketua Setiausaha Kerajaan, Setiausaha Kewangan dan Peguam Besar Persekutuan
F4: 9 orang Residen yang mewakili sembilan buah negeri
F5: 2 orang wakil Negeri-negeri Selat (Pulau Pinang dan Melaka)
F6: 11 orang ahli rasmi dalam kalangan pegawai pentadbiran Kerajaan

Majlis Perundangan Persekutuan 1955
F7: Terdapat 100 orang ahli
F8: 52 orang ahli dipilih melalui pilihan raya
F9: 35 orang ahli lantikan mewakili kumpulan yang berkepentingan
H9: Seperti keusahawanan, perlombongan, perindustrian dan pertanian
F10: 11 orang Menteri Besar mewakili negeri
F11: 2 orang wakil Negeri-negeri Selat (Pulau Pinang dan Melaka)

Buku teks MS 204



**Majlis Perundangan Persekutuan 1948**

Majlis Perundangan Persekutuan (MPP) pada tahun 1948 terdiri daripada wakil peringkat pentadbiran pusat, Majlis Negeri, anggota kerajaan pusat dan ahli tidak rasmi seperti yang berikut:

| Komposisi ahli MPP | Keanggotaan |
|---|---|
| 52 orang | Ahli tidak rasmi yang dilantik dalam kalangan masyarakat tertentu. |
| 3 orang *ex officio* | Ketua Setiausaha Kerajaan, Setiausaha Kewangan dan Peguam Besar Persekutuan. |
| 9 orang Residen | Residen British mewakili sembilan buah Majlis Negeri. |
| 2 orang | Wakil Negeri-negeri Selat, iaitu Pulau Pinang dan Melaka. |
| 11 orang | Ahli rasmi dalam kalangan Pegawai Pentadbiran Kerajaan. |
| **Jumlah 77** | |

**Majlis Perundangan Persekutuan 1955**

Selepas Pilihan Raya Majlis Perundangan Persekutuan 1955, beberapa perubahan berlaku secara berperingkat di negara kita.

| Komposisi ahli MPP | Keanggotaan |
|---|---|
| 52 orang | Ahli yang dipilih melalui pilihan raya. |
| 35 orang | Ahli lantikan mewakili kumpulan yang berkepentingan seperti keusahawanan, perlombongan, perindustrian dan pertanian. |
| 11 orang | Menteri Besar mewakili negeri. |
| 2 orang | Wakil Negeri-negeri Selat, iaitu Pulau Pinang dan Melaka. |
| **Jumlah 100** | |

*Sumber*: Wan Junaidi Tunku Jaafar, 2014. *Evolusi Parlimen dan Evolusi Speaker Parlimen Malaysia*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

(c) Jelaskan kepentingan perkongsian kuasa dalam kalangan masyarakat berbilang kaum.

Kepentingan perkongsian kuasa dalam masayarakat berbilang kaum adalah **mewujudkan pentadbiran yang sistematik** serta berupaya **melonjakkan pembangunan negara**. Ini akan **mengurangkan kes penyelewengan** di samping **merangsang pertumbuhan ekonomi** yang pesat. Oleh itu, **kesejahteraan rakyat** dapat dioptimumkan dengan berkesan.

Kepentingan seterusnya adalah perkongsian kuasa dapat **mewujudkan keadilan** dan kesaksamaan untuk masyarakat. Hak dan kebajikan yang terpelihara dapat **melahirkan perpaduan** sehingga menggalakkan **rakyat berkerjasama** dalam menjaga kepentingan negara. Senario ini pasti **meningkatkan imej** negara di persada dunia.

[8 markah]

[F/H/C/Inf]

F1: Dapat mewujudkan pentadbiran yang sistematik
F2: Mampu membangunkan negara
F3: Dapat mengurangkan penyelewengan dan rasuah
F4: Merangsang pertumbuhan ekonomi negara
F5: Mewujudkan keadilan dan kesaksamaan
F6: Dapat menyatupadukan masyarakat berbilang kaum
F7: Menjamin keharmonian dan kesejahteraan rakyat berbilang kaum
F8: Masyarakat bekerjasama membangunkan negara
F9: Meningkatkan imej negara

*Mana-mana jawapan yang munasabah*

**5** Gambar berikut menunjukkan barisan Kabinet Kerajaan Persekutuan 2021 yang menerajui tampuk pemerintahan negara.




**(a)** Berdasarkan pemahaman sejarah anda, jelaskan syarat untuk menganggotai kabinet tersebut?

……………………………………………………………………………………………………………
……………………………………………………………………………………………………………
……………………………………………………………………………………………………………
……………………………………………………………………………………………………………
……………………………………………………………………………………………………………
……………………………………………………………………………………………………………

[4 markah]

**Jawapan**

F1: Warganegara Malaysia
F2: Berumur 21 tahun ke atas
F3: Tinggal di Malaysia
F4: Berpengetahuan dalam bahasa Inggeris dan bahasa Melayu
F5: Memenangi pilihan raya
F6: Senator di Dewan Rakyat

Buku teks MS 200


**Syarat untuk menjadi calon**

Warganegara Persekutuan Tanah Melayu.

Berumur 21 tahun ke atas.

Telah tinggal di Persekutuan Tanah Melayu dan tinggal dalam tempoh 12 bulan sebelum hari penamaan calon.

Berpengetahuan dalam bahasa Inggeris dan bahasa Melayu.

**(b)** Pilihan raya memberikan hak memilih kepada rakyat untuk menentukan parti atau pemimpin yang akan memegang kuasa.
Bagaimanakah konsep adil, bebas dan telus dalam pilihan raya negara dapat dikekalkan?

……………………………………………………………………………………………………………
……………………………………………………………………………………………………………
……………………………………………………………………………………………………………
……………………………………………………………………………………………………………
……………………………………………………………………………………………………………
……………………………………………………………………………………………………………
……………………………………………………………………………………………………………
……………………………………………………………………………………………………………
……………………………………………………………………………………………………………
……………………………………………………………………………………………………………
……………………………………………………………………………………………………………
……………………………………………………………………………………………………………

[8 markah]

| | |
|---|---|
| [F/H/C/Inf] | F1: Yang di-Pertuan Agong melantik anggota Suruhanjaya Pilihan Raya<br>H1: Bebas daripada tekanan parti politik<br>F2: Melantik pemerhati pilihan raya luar untuk memantau<br>F3: Pemilihan dilakukan secara sulit<br>F4: Mengikut prosedur yang ditetapkan<br>F5: Rakyat bebas memilih<br>F6: Pengiraan undi secara terbuka<br>F7: Keputusan pilihan raya diwartakan<br>F8: Penggunaan dakwat kekal<br><br>*Mana-mana jawapan yang munasabah* |
| (c) | Kewibawaan pemimpin yang mendapat sokongan rakyat dalam pilihan raya penting dalam menjamin keberkesanan pentadbiran negara.<br>Pada pendapat anda, apakah usaha yang dapat dilaksanakan untuk meningkatkan kualiti perkhidmatan kabinet kerajaan Persekutuan hari ini?<br><br>……………………………………………………………………………………………<br>……………………………………………………………………………………………<br>……………………………………………………………………………………………<br>……………………………………………………………………………………………<br>……………………………………………………………………………………………<br>……………………………………………………………………………………………<br>……………………………………………………………………………………………<br>……………………………………………………………………………………………<br>……………………………………………………………………………………………<br>……………………………………………………………………………………………<br>……………………………………………………………………………………………<br>……………………………………………………………………………………………<br><br>[8 markah] |
| [F/H/C/Inf] | F1: Mengurangkan penyelewengan dan rasuah<br>F2: Mengurangkan karenah birokrasi<br>F3: Bijak menguruskan kewangan negara<br>F4: Mewujudkan hubungan yang erat dengan rakyat<br>F5: Menyelesaikan masalah rakyat dengan adil dan efisien<br>F6: Sentiasa berfikiran rasional dan positif dalam menangani pelbagai isu<br>F7: Berintegriti dalam melaksanakan pentadbiran<br>F8: Berusaha mengelakkan perbalahan antara kaum<br>F9: Bersifat adil antara kaum semasa melakukan pembahagian kuasa<br><br>*Mana-mana jawapan yang munasabah* |

| T4B9 SK11.3 Perlembagaan Persekutuan Tanah Melayu 1957 | Soalan Subjektif Respon Terhad / Bahagian A |
|---|---|

1 Peta berikut menunjukkan perjalanan rombongan rundingan kemerdekaan ke London.




Sumber: Diubah suai daripada Jabatan Muzium Malaysia, 2003, Di Atas Robohan Kota Melaka, Kita Dirikan Negara Baru. Kuala Lumpur

(a) Namakan wakil rombongan rundingan kemerdekaan ke London.

**(i) Dato'Haji Wahab Abd Aziz**
**(ii) Tunku Abdul Rahman**

[2 markah]

Jawapan

F1: Dato'Haji Wahab Abd Aziz
F2: Tunku Abdul Rahman
F3: Encik Abdul Aziz Abdul Majid
F4: Dato' Abdul Razak Hussein
F5: Dato' Mohamad Seth Mohammad Said
F6: H.S. Lee
F7: Dato' Nik Ahmad Kamil Haji Mahmood
F8: Dr. Ismail Abdul Rahman

Buku teks MS216

| Wakil Raja-raja Melayu | Wakil Parti Perikatan |
|---|---|
| Menteri Besar Perak: Dato' Panglima Bukit Gantang, iaitu Dato' Haji Wahab Abd Aziz | Tunku Abdul Rahman |
| Menteri Besar Selangor: Encik Abdul Aziz Abdul Majid | Dato' Abdul Razak Hussein |
| Menteri Besar Johor: Dato' Mohamad Seth Mohammad Said | H.S. Lee |
| Menteri Besar Kelantan: Dato' Nik Ahmad Kamil Haji Mahmood | Dr. Ismail Abdul Rahman |

*Sumber*: Ibrahim Mahmood, 1981. *Sejarah Perjuangan Bangsa Melayu*. Kuala Lumpur: Penerbitan Pustaka Antara.

(b) Jelaskan perjalanan rombongan rundingan kemerdekaan tersebut.

Rombongan yang diketuai oleh Tunku Abdul Rahman Putra Al-Haj telah berangkat dari **Kuala Lumpur ke Singapura dengan menaiki kapal terbang**. Pada 1 Januari, 1956, rombongan kemerdekaan telah **menaiki kapal laut, M. V Asia berlepas dari Pelabuhan Tanjung Pagar, Singapura**, dengan membawa semangat merdeka. Rombongan ini **singgah di Karachi, Pakistan**, kemudian mereka menaiki kapal terbang menuju ke London. Rombongan ini **tiba di London** pada 14 Januari, 1956.

[4 markah]

| | | |
|---|---|---|
| Jawapan | F1: Berangkat dari Kuala Lumpur ke Singapura dengan menaiki kapal terbang<br>F2: Menaiki kapal laut M.V. Asia dari Tanjung Pagar, Singapura<br>F3: Singgah di Karachi, Pakistan dan menaiki kapal terbang<br>F4: Tiba di London pada 14 Januari, 1956 | Buku teks MS127<br> |
| (c) | Pada pendapat anda, mengapakah rombongan kemerdekaan menyusun perjalanan seperti di atas?<br><br>Rombongan kemerdekaan menyusun perjalanan seperti di atas sebagai **strategi untuk mencapai keputusan bersama**. Hal ini demikian kerana mereka m**emerlukan masa yang mencukupi** untuk berbincang tentang kemerdekaan. Contohnya, **perbincangan antara wakil** Raja – raja melayu dan wakil Parti Perikatan dibuat semasa mereka menaiki kapal laut M. V Asia. Kesannya, wujudlah **kesepakatan semasa rundingan** dengan pihak British diadakan.<br><br>[4 markah] | |

| | |
|---|---|
| 2 | Rajah berikut menunjukkan antara anggota Suruhanjaya Perlembagaan Persekutuan Tanah Melayu.<br><br>Anggota Suruhanjaya Perlembagaan Persekutuan Tanah Melayu<br>Lord Reid \| X \| Y \| Hakim B. Malik |
| (a) | Namakan anggota Suruhanjaya berikut:<br><br>X ……………………………………………………<br>Y ……………………………………………………<br><br>[2 markah] |
| Jawapan | F1: Sir William Mckell<br>F2: Sir William Ivor Jennings<br>F3: Hakim Abdul Hamid<br><br>Buku teks MS 221<br>**Anggota Suruhanjaya Perlembagaan Persekutuan Tanah Melayu**<br><br>Lord Reid (Britain) Pengerusi; Sir William Ivor Jennings (Britain); Sir William Mckell (Australia); Hakim B. Malik (India); Hakim Abdul Hamid (Pakistan)<br>*Sumber:* Arkib Negara Malaysia. |
| (b) | Bagaimanakah Suruhanjaya Perlembagaan Persekutuan Tanah Melayu menjalankan tugasnya?<br>……………………………………………………………………………………<br>……………………………………………………………………………………<br>……………………………………………………………………………………<br>……………………………………………………………………………………<br><br>[4 markah] |
| Jawapan | F1: meminta cadangan daripada semua penduduk<br>H1a: Suruhanjaya ini menerima mermorandum bertulis daripada pelbagai pihak untuk diteliti<br>F2: meneliti kedudukan perlembagaan bagi negeri dalam Persekutuan<br>H2a: benghadap Raja-raja Melayu, Menteri Besar, Penasihat British dan pegawai negeri.<br>H2b: bermesyuarat / melawat negeri Melayu serta Negeri-negeri Selat.<br>F3: Mengadakan persidangan untuk membincangkan pelbagai isu<br>H3a: 118 perjumpaan diadakan (Jun- Oktober 1956)<br>H3b: Mengkaji dan membuat laporan serta cadangan membentuk perlembagaan bagi sebuah negara merdeka<br><br>Buku teks MS 221<br>Tugas Suruhanjaya Perlembagaan Persekutuan Tanah Melayu adalah seperti yang berikut:<br><br> |
| (c) | Keluhuran Perlembagaan merupakan prinsip Rukun Negara yang ketiga.<br>Bagaimanakah anda dapat mengamalkan prinsip tersebut?<br>……………………………………………………………………………………<br>……………………………………………………………………………………<br>……………………………………………………………………………………<br>……………………………………………………………………………………<br><br>[4 markah] |

| | |
|---|---|
| [F/H/C/Inf] | F1: Menghormati kandungan perlembagaan / menyanjung tinggi perlembagaan negara<br>F2: Menjadikannya sebagai rujukan / panduan<br>H2: Bagi menjamin kecekapan dan keberkesanan pentadbiran<br>C2a: Sentiasa taat setia kepada raja dan pemimpin tertinggi negara<br>C2b: Mematuhi undang-undang negara<br>C2c: Sentiasa bersedia untuk mempertahankan kedaulatan negara<br>Inf: Keselamatan negara terjamin / negara kekal aman dan harmoni<br><br>*Mana-mana jawapan yang munasabah* |

**3** Suruhanjaya Perlembagaan Persekutuan Tanah Melayu atau Suruhanjaya Reid telah menerima sebanyak 131 memorandum bertulis daripada pelbagai pihak.

**(a)** Nyatakan **tiga** perkara yang dicadangkan oleh Raja-raja Melayu melalui memorandum yang disampaikan.

(i) …………………………………………………
(ii) …………………………………………………

[2 markah]

**Jawapan**

F1: Persekutuan yang merdeka mempunyai seorang Ketua Negara yang dikenali sebagai Yang di-Pertuan Agong
F2: Yang di-Pertuan Agong harus dipilih oleh Raja-raja Melayu berdasarkan kekananan.
H2a: Tempoh jawatan yang dicadangkan sebagai YDPA ialah lima tahun.
H2b: YDPA boleh meletakkan jawatan dengah persetujuan Maljis Raja – Raja
F3: Raja-raja Melayu melindungi kedudukan istimewa orang Melayu dan kepentingan sah kaum lain

Buku teks MS 222

**Memorandum daripada Pihak Raja-raja Melayu**

- Raja-raja Melayu mengemukakan memorandum baginda sendiri. Antaranya, baginda mencadangkan supaya Persekutuan yang merdeka mempunyai seorang Ketua Negara yang dikenali sebagai Yang di-Pertuan Agong.
- Yang di-Pertuan Agong harus dipilih oleh Raja-raja Melayu berdasarkan kekananan. Tempoh jawatan yang dicadangkan sebagai Yang di-Pertuan Agong ialah lima tahun. Yang di-Pertuan Agong boleh meletakkan jawatan dengan persetujuan Majlis Raja-Raja.
- Raja-raja Melayu melindungi kedudukan istimewa orang Melayu dan kepentingan sah kaum lain.

**(b)** Memorandum daripada parti politik dan dan pihak awam turut menyentuh soal kewarganegaraan.
Jelaskan cadangan mereka.
…………………………………………………………………………………………………
…………………………………………………………………………………………………
…………………………………………………………………………………………………
…………………………………………………………………………………………………

[4 markah]

**Jawapan**

F1: Isu Kewarganegaraan
F2: UMNO yang menolak pemberian kewarganegaraan jus soli
F3: Dewan Perniagaan Melayu memohon mengetatkan soal kewarganegaraan
F4: Persatuan Dewan Perniagaan Cina se-Malaya menggesa suruhanjaya membuat peruntukan bagi kewarganegaraan menerusi kelahiran
F5: Masyarakat India menuntut kedudukan kewarganegaraan mereka diteliti
F6: Masyarakat Serani mahu hak mereka dipertahankan

Buku teks MS 222

**Memorandum daripada Parti Politik dan Pihak Awam**

**Soal Kewarganegaraan**

- Parti Perikatan telah menyuarakan cadangan melalui memorandum yang dinamakan Testament Amanah Politik Perikatan. Semasa menyediakan memorandum ini, terdapat perbezaan pandangan tentang isu *jus soli* dalam parti Perikatan. Terdapat beberapa pihak dalam UMNO yang menolak pemberian kewarganegaraan *jus soli*.
- Dewan Perniagaan Melayu memohon mengetatkan soal kewarganegaraan.
- Persatuan Dewan Perniagaan Cina se-Malaya menggesa suruhanjaya membuat peruntukan bagi kewarganegaraan menerusi kelahiran.
- Masyarakat India menuntut kedudukan kewarganegaraan mereka diteliti.
- Masyarakat Serani mahu hak mereka dipertahankan.

**(c)** Cadangkan langkah-langkah untuk memelihara keamanan dan kestabilan politik negara.
…………………………………………………………………………………………………
…………………………………………………………………………………………………
…………………………………………………………………………………………………
…………………………………………………………………………………………………

[4 markah]

**[F/H/C/Inf]**

F1: Mematuhi undang – undang negara
H1a: Agar keselamatan negara terpelihara
H1b: Rakyat bebas untuk menjalani kehidupan seharian tanpa berasa takut.
C1a: Tidak terlibat dalam aktiviti jenayah
C1b: Bekerjasama dengan pihak kerajaan dalam usaha memerangi jenayah
Inf: Kedaulatan negara akan terjamin.

*Mana-mana jawapan yang munasabah*

| T4B9 SK11.3 Perlembagaan Persekutuan Tanah Melayu 1957 | Soalan Subjektif Respon Terbuka / Bahagian B |
|---|---|

| | |
|---|---|
| 4 | Setelah meneliti memorandum yang diterima, Suruhanjaya Perlembagaan Persekutuan Tanah Melayu atau Suruhanjaya Reid mengeluarkan draf perlembagaan yang dirangka. |
| (a) | Bincangkan perkara-perkara yang terkandung dalam draf Perlembagaan Persekutuan Tanah Melayu yang dikeluarkan oleh Suruhanjaya Reid.<br><br>Perkara-perkara yang terkandung dalam draf Perlembagaan Persekutuan Tanah Melayu yang dikeluarkan oleh Suruhanjaya Reid ialah **meneruskan sistem kerajaan Persekutuan** dengan negeri mempunyai kuasa tertentu. Selain itu, **sistem kewarganegaraan berasaskan jus soli** kepada semua yang lahir di Tanah Melayu. **Kedudukan istimewa orang Melayu** diteruskan. Raja-raja diterima dengan **konsep Raja Berperlembagaan** dengan seorang Yang di-Pertuan Agong dipilih bagi Persekutuan Tanah Melayu.<br><br>[4 markah] |
| Jawapan | F1: Meneruskan sistem kerajaan Persekutuan dengan negeri mempunyai kuasa tertentu<br>F2: Sistem kewarganegaraan berasaskan jus soli kepada semua yang lahir di Tanah Melayu<br>F3: Kedudukan istimewa orang Melayu diteruskan<br>F4: Raja-raja diterima dengan konsep Raja Berperlembagaan dengan seorang Yang di-Pertuan Agong dipilih bagi Persekutuan Tanah Melayu<br>F5: Sebuah parlimen dengan dua Majlis Mesyuarat, iaitu Dewan Negara dan Dewan Rakyat dibentuk<br><br>Buku teks MS 222<br><br>Meneruskan sistem kerajaan Persekutuan dengan negeri mempunyai kuasa tertentu.<br>Sistem kewarganegaraan berasaskan *jus soli* kepada semua yang lahir di Tanah Melayu.<br>Kedudukan istimewa orang Melayu diteruskan.<br>Raja-raja diterima dengan konsep Raja Berperlembagaan dengan seorang Yang di-Pertuan Agong dipilih bagi Persekutuan Tanah Melayu.<br>Sebuah parlimen dengan dua Majlis Mesyuarat, iaitu Dewan Negara dan Dewan Rakyat dibentuk. |
| (b) | Jelaskan reaksi pelbagai pihak terhadap draf perlembagaan yang dikeluarkan oleh Suruhanjaya Reid.<br><br>Reaksi pelbagai pihak terhadap draf perlembagaan yang dikeluarkan oleh Suruhanjaya Reid ialah terdapat **ahli UMNO yang tidak bersetuju dengan konsep jus soli** kerana **bimbang kedudukan istimewa orang Melayu** akan tergugat, **agama Islam mestilah diakui** sebagai agama rasmi dan **bahasa Melayu dijadikan sebagai bahasa rasmi**.<br><br>Seterusnya, Parti PAS pula mengkritik **soal kewarganegaraan** kerana **tidak menjaga kepentingan orang Melayu**. Mereka mahu **kedudukan agama Islam** menjadi asas pemerintahan negara dan menuntut **bahasa Melayu dijadikan bahasa rasmi**. Terdapat juga sebahagian daripada pertubuhan masyarakat Cina ingin menjadikan **bahasa Mandarin sebagai bahasa kebangsaan.**<br><br>[8 markah] |

| | | |
|---|---|---|
| Jawapan | F1: Ahli UMNO tidak bersetuju dengan konsep jus soli<br>H1: Bimbang kedudukan istimewa orang Melayu akan tergugat<br>F2: Agama Islam mestilah diakui sebagai agama rasmi<br>F3: Bahasa Melayu sebagai bahasa rasmi<br>F4: Parti PAS pula mengkritik soal kewarganegaraan<br>H4: Tidak menjaga kepentingan orang Melayu<br>F5: PAS mahu kedudukan agama Islam menjadi asas pemerintahan negara<br>F6: PAS menuntut Bahasa Melayu dijadikan bahasa rasmi<br>F7: Pertubuhan masyarakat Cina ingin bahasa Mandarin sebagai bahasa kebangsaan<br>F8: MIC mahukan syarat kewarganegaraan dan penggunaan bahasa Tamil diberikan perhatian<br>F9: Dato' Onn Bin Jaafar dari Parti Negara menolak syarat kewarganegaraan yang longgar<br>F10: Parti Negara, PAS dan Parti Rakyat mengadakan kongres pada 4-7 Mei 1957<br>H10: Bincangkan draf perlembagaan | Buku teks MS 223<br><br> |
| (c) | Jelaskan kepentingan permuafakatan untuk kestabilan negara.<br><br>Kepentingan permuafakatan untuk kestabilan negara ialah menjamin **kehidupan bertoleransi** dan keseimbangan antara kaum di Malaysia. Hal ini demikian kerana **perbalahan antara kaum akan dapat dielakkan**. Contohnya, **konsep 1 Malaysia** yang diamalkan selama ini diterima oleh semua penduduk di Malaysia. Kesannya, **keamanan negara akan terpelihara**.<br><br>Selain itu, permuafakatan juga amat penting bagi **mengukuhkan ekonomi negara**. Hal ini demikian kerana **semua kaum terlibat sama** dalam pembangunan ekonomi negara. Contohnya, rakyat berbilang kaum **menyumbang idea dan kepakaran** untuk memajukan negara. Kesannya, ekonomi negara **mampu bersaing dengan negara maju** yang lain.<br><br>[8 markah] | |
| [F/H/C/Inf] | F1: Kehidupan bertoleransi<br>H1: Perbalahan antara kaum akan dapat dielakkan<br>C1: Konsep 1 Malaysia<br>Inf: Keamanan negara akan terpelihara<br><br>F2: Mengukuhkan ekonomi negara<br>H2: Semua kaum terlibat sama<br>C2: Menyumbang idea dan kepakaran<br>Inf: Mampu bersaing dengan negara maju<br><br>*Mana-mana jawapan yang munasabah* | |

**T4B9 SK11.3 Perlembagaan Persekutuan Tanah Melayu 1957** | **Soalan Subjektif Respon Terbuka / Bahagian B**

5 Perjanjian Persekutuan Tanah Melayu 1957 merupakan asas perlembagaan negara yang dapat diterima oleh setiap lapisan masyarakat.

(a) (i) Apakah inti pati perjanjian Persekutuan Tanah Melayu berkaitan dengan sistem pemerintahan negara?

……………………………………………………………………………………………

……………………………………………………………………………………………

[2 markah]

**Jawapan**

F1: Pengamalan Raja Berperlembagaan
F2: Sistem Demokrasi Berparlimen
F3: Pemilihan seorang raja sebagai Yang di-Pertuan Agong dalam kalangan Raja Melayu
H3: Setiap lima tahun sekali

Buku teks MS 224


1 Pengamalan Raja Berperlembagaan dan Sistem Demokrasi Berparlimen

Pemilihan seorang raja sebagai Yang di-Pertuan Agong yang dilantik dalam kalangan Raja Melayu setiap lima tahun sekali merupakan satu keistimewaan. Hal ini termaktub dalam Perlembagaan Persekutuan 1957 seperti yang berikut:

(ii) Bagaimanakah seseorang memperoleh kewarganegaraan?

……………………………………………………………………………………………

……………………………………………………………………………………………

[2 markah]

**Jawapan**

F1: Dilahirkan dalam Persekutuan pada atau selepas hari merdeka
F2: Kewarganegaraan diberikan dengan tiga cara
H2a: Melalui penguatkuasaan undang-undang
H2b: Memohon didaftarkan sebagai rakyat
H2d: Memohon untuk menukar kewarganegaraan atau naturalisasi

Buku teks MS 224


2 Kewarganegaraan

Setiap orang yang dilahirkan dalam Persekutuan pada atau selepas hari merdeka akan menjadi warganegara. Kewarganegaraan diberikan dengan tiga cara. Pertama, melalui penguatkuasaan undang-undang [Perkara 14]. Kedua, memohon didaftarkan sebagai rakyat [Perkara 15] dan ketiga, memohon untuk menukar kewarganegaraan atau naturalisasi [Perkara 19]. Perkara ini dapat dilihat dalam Perlembagaan Persekutuan 1957.

(b) Jelaskan kepentingan perjanjian Persekutuan Tanah Melayu 1957 kepada pembinaan negara dan bangsa.

……………………………………………………………………………………………

……………………………………………………………………………………………

……………………………………………………………………………………………

……………………………………………………………………………………………

……………………………………………………………………………………………

……………………………………………………………………………………………

……………………………………………………………………………………………

……………………………………………………………………………………………

……………………………………………………………………………………………

……………………………………………………………………………………………

……………………………………………………………………………………………

……………………………………………………………………………………………

[8 markah]

**[F/H/C/Inf]**

F1: Langkah pembinaan negara dan bangsa yang kukuh
H1: Unsur Kesultanan Melayu dan sistem birokrasi Barat digabungkan
C1: Kerajaan demokrasi berparlimen dengan konsep Raja Berperlembagaan dibentuk
Inf: Wujud sistem pentadbiran yang cekap dan berkesan

F2: Pakatan murni dalam kalangan pemimpin
H2: Keharmonian kaum dapat dicapai tanpa melibatkan pertumbahan darah
C2: Pemimpin pelbagai kaum sanggup berkongsi kuasa pemerintahan
Inf: Kedaulatan negara berkekalan

*Mana-mana jawapan yang munasabah*

| | |
|---|---|
| (c) | Mengapakah inti pati perjanjian Persekutuan Tanah Melayu 1957 perlu dihayati oleh generasi muda pada hari ini?<br>…………………………………………………………………………………………………<br>…………………………………………………………………………………………………<br>…………………………………………………………………………………………………<br>…………………………………………………………………………………………………<br>…………………………………………………………………………………………………<br>…………………………………………………………………………………………………<br>…………………………………………………………………………………………………<br>…………………………………………………………………………………………………<br>…………………………………………………………………………………………………<br>…………………………………………………………………………………………………<br>…………………………………………………………………………………………………<br>…………………………………………………………………………………………………<br>[8 markah] |
| [F/H/C/Inf] | F1: Sentiasa menumpahkan taat setia kepada raja dan negara<br>H1: Perpaduan kaum dapat diperkukuh<br>C1: Tidak menimbulkan isu sensitif yang menggugat keselamatan negara.<br>Inf: Kedaulatan negara akan terjamin.<br><br>F2: Berbangga sebagai rakyat Malaysia<br>H2: Menyemarakkan semangat patriotik dalam kalangan generasi muda<br>C2: Terlibat dalam aktiviti kenegaraan / berusaha untuk menghaurmkan nama negara<br>Inf: Jati diri generasi muda semakin mantap<br>*Mana-mana jawapan yang munasabah* |

| T4B10 SK11.4 Pemasyhuran Kemerdekaan Tanah Melayu | Soalan Subjektif Respon Terhad / Bahagian A |
|---|---|

**1** Persekutuan Tanah Melayu telah mendapat kemerdekaan pada 31 Ogos 1957.

**(a)** Apakah yang anda faham berkenaan kemerdekaan?

Kemerdekaan membawa erti **bebas daripada sebarang cengkaman** kuasa asing. Konsep merdeka juga bererti **bebas menentukan pemerintahan** dan hala tuju negara. Di samping itu, negara yang merdeka juga bermakna **negara yang berdaulat**, iaitu mempunyai kuasa tertinggi.

[3 markah]

**Jawapan**

F1: Bebas daripada sebarang cengkaman kuasa asing
F2: Bebas menentukan pemerintahan dan hala tuju negara
F3: Bebas daripada penjajahan / kurungan / naungan
F4: Mempunyai kedaulatan / kuasa tertinggi
F5: Negara berhak menguruskan sendiri negaranya
F6: Bebas daripada cengkaman kuasa dan minda penjajah

*Mana-mana jawapan yang munasabah*

Buku teks MS 234


Pengertian Kemerdekaan

Kemerdekaan negara pada 31 Ogos 1957 bersamaan dengan 5 Safar 1377 Hijrah merupakan peristiwa yang penuh pengertian bagi negara kita. Merdeka membawa erti bebas daripada sebarang cengkaman kuasa asing. Merdeka juga bererti bebas menentukan pemerintahan dan hala tuju negara. Kemerdekaan yang diperjuangkan merupakan rentetan perjuangan yang panjang. Banyak takrif merdeka yang boleh diteliti dan diambil iktibar supaya generasi kini dan akan datang terus menjiwai dan mempertahankan kemerdekaan.

Takrif kemerdekaan menurut *Kamus Dewan* ialah bebas daripada penjajahan, kurungan atau naungan. Negara yang merdeka juga bermakna negara yang berdaulat, iaitu mempunyai kuasa tertinggi. Beberapa tokoh telah memberikan takrif kemerdekaan, antaranya termasuklah Sayyid Jamal al-Din al-Afghani, Rashid Rida, Mahatma Gandhi, Nelson Mandela, Soekarno, Tunku Abdul Rahman, Tun Temenggong Jugah anak Barieng, Tun Fuad Stephens dan Tun Dr. Mahathir Mohamad.

**(b)** Sebagai rakyat Malaysia, bagaimanakah anda dapat menunjukkan semangat cinta akan negara?

Sebagai rakyat Malaysia, saya akan mematuhi undang-undang negara. Saya juga akan menjadi rakyat yang berdisiplin dan beretika seiring dengan prinsip Rukun Negara. Contohnya tidak melakukan jenayah atau melanggar undang-undang jalan raya. Dengan ini, semangat cinta akan negara dapat dizahirkan menerusi keamanan negara yang terpelihara.

[3 markah]

**Jawapan**

F: Mematuhi undang-undang negara
H: Menjadi rakyat yang berdisiplin / beretika
C: Undang/undang jenayah/jalan raya
Inf: Keamanan negara terpelihara

*Mana-mana jawapan yang munasabah*

**(c)** Kemerdekaan memberikan hak untuk rakyat menentukan bentuk dan hala tuju negara tanpa pengaruh kuasa luar.
Beri ulasan anda.

Kemerdekaan memberikan hak untuk rakyat menentukan bentuk dan hala tuju negara tanpa pengaruh kuasa luar kerana negara bebas daripada sebarang cengkaman kuasa asing. Tambahan pula, negara kini mempunyai kedaulatan / kuasa tertinggi dimiliki Yang di-Pertuan Agong sebagai Ketua Utama Negara. Lantaran itu, pemimpin negara berhak menguruskan pentadbiran negaranya sendiri mengikut acuan yang ditetapkan.

[4 markah]

**[F/H/C/Inf]**

F: Bebas daripada sebarang cengkaman kuasa asing
H: Bebas menentukan pemerintahan dan hala tuju negara
C: Mempunyai kedaulatan / kuasa tertinggi
Inf: Negara berhak menguruskan negaranya sendiri

*Mana-mana jawapan yang munasabah*

| T4B10 SK11.4 Pemasyhuran Kemerdekaan Tanah Melayu | Soalan Subjektif Respon Terhad / Bahagian A |
|---|---|

| | |
|---|---|
| 2 | Gambar menunjukkan bendera Persekutuan Tanah Melayu yang dikibarkan dengan rasminya pada 26 Mei 1950 di Istana Sultan Selangor.<br> |
| (a) | Apakah maksud warna bendera tersebut:<br>(i) Merah : ……………………….<br>(ii) Biru : ………………………...<br>[2 markah] |
| Jawapan | (i) Keberanian<br>(ii) Perpaduan |
| (b) | Mengapakah kita harus menghormati bendera negara kita?<br>…………………………………………………………………………………………<br>…………………………………………………………………………………………<br>…………………………………………………………………………………………<br>…………………………………………………………………………………………<br>[4 markah] |
| Jawapan | F1: Bendera melambangkan kedaulatan negara<br>F2: Menjadi maruah negara<br>F3: Menghormati negara<br>F4: Memperingati perjuangan tokoh dalam mendapatkan kemerdekaan negara<br>F5: Lambang perpaduan masyarakat<br>F6: Menunjukkan semangat patriotisme<br>*Mana-mana jawapan yang munasabah* |
| (c) | Setiap tahun negara kita akan menyambut Hari Kemerdekaan negara.<br>Pada pendapat anda, mengapakah sambutan tersebut diadakan?<br>…………………………………………………………………………………………<br>…………………………………………………………………………………………<br>…………………………………………………………………………………………<br>…………………………………………………………………………………………<br>[4 markah] |
| [F/H/C/Inf] | F: Untuk menyambut hari kebebasan negara daripada penjajah<br>H: Permulaan negara menjadi negara berdaulat<br>C: Bukti negara dan bangsa bermaruah di persada dunia.<br>Inf: Memperingati perjuangan tokoh kemerdekaan negara / perjuangan mendapat kemerdekaan<br>*Mana-mana jawapan yang munasabah* |

**3** Gambar berikut menunjukkan peristiwa pemasyhuran kemerdekaan negara pada 31 Ogos 1957 di Stadium Merdeka.



**(a)** Nyatakan pihak yang terlibat dalam upacara tersebut.

(i) ………..……………………………

(ii) …………..………………………...

(iii) ……………………………………

[3 markah]

**Jawapan**

F1: Tunku Abdul Rahman
F2: Yang di-Pertuan Agong
F3: Raja-Raja Melayu
F4: Duke of Gloucester / wakil Queen Elizabeth II / wakil British
F5: Pegawai-pegawai British

Buku teks MS 240



**Peristiwa Bersejarah di Stadium Merdeka**

Pada pagi 31 Ogos 1957, di Stadium Merdeka, Kuala Lumpur, upacara sambutan kemerdekaan diadakan dengan gemilang. Perarakan barisan pasukan tentera dan orang ramai dianggarkan berjumlah 20 ribu orang membanjiri stadium. Mereka datang seawal pukul 6:00 pagi. Walaupun hujan turun pada awalnya, mereka tidak berganjak menantikan saat yang menggembirakan. Di atas pentas, kelihatan Raja-raja Melayu dan wakil Queen Elizabeth II, iaitu Duke of Gloucester serta beberapa pegawai tinggi British dipayungi oleh biduanda.

Tunku Abdul Rahman tiba di pekarangan stadium dan disusuli dengan ketibaan Raja-raja Melayu, Yang di-Pertuan Agong dan Permaisuri serta Duke dan Duchess of Gloucester. Kedengaran bunyi nafiri pada setiap kali pembesar negara tiba.

**(b)** Gambarkan perasaan anda sekiranya menyaksikan peristiwa bersejarah tersebut?

……………………………………………………………………………………………………

……………………………………………………………………………………………………

……………………………………………………………………………………………………

……………………………………………………………………………………………………

[3 markah]

**Jawapan**

F1: Perasaan bersyukur
H1: Tanah Melayu mendapat kemerdekaan
F2: Perasaan bangga
H2a: Menjadi rakyat Tanah Melayu yang berdaulat
H2b: Mendapat kemerdekaan tanpa pertumpahan darah

*Mana-mana jawapan yang munasabah*

**(c)** Kemerdekaan negara diperoleh tanpa pertumpahan darah.
Buktikan pernyataan tesebut.

……………………………………………………………………………………………………

……………………………………………………………………………………………………

……………………………………………………………………………………………………

……………………………………………………………………………………………………

[4 markah]

**[F/H/C/Inf]**

F: Melalui cara rundingan dengan pihak British
H: Peranan akhbar dan pengaruh golongan intelektual
C: Dato' Onn Bin Jaafar dan Tunku Abdul Rahman.
Inf: Melalui kebijaksanaan pemimpin, rundingan diadakan tanpa pertumpahan darah.

*Mana-mana jawapan yang munasabah*

| T4B10 SK11.4 Pemasyhuran Kemerdekaan Tanah Melayu | Soalan Subjektif Respon Terbuka / Bahagian B |
|---|---|

**4** Kemerdekaan yang diperoleh memberikan kesan terhadap negara kita terutama pada peringkat awal kemerdekaan. Perkara ini dapat dilihat melalui penglibatan negara kita di dalam dan di luar negara sama dari sudut politik, ekonomi mahupun sosial.

**(a)** Jelaskan kesan kemerdekaan negara terhadap aspek politik.

Kesan kemerdekaan terhadap politik negara ialah pengamalan **sistem Raja Berperlembagaan** dan **Demokrasi Berparlimen**. Di samping itu, **Yang di-Pertuan Agong** menjadi ketua utama negara dan **rakyat berhak memilih wakil rakyat** melalui pilihan raya. Selain itu, **Parlimen berfungsi untuk menggubal undang-undang** di peringkat Persekutuan manakala **Dewan Undangan Negeri** berfungsi untuk menggubal undang-undang di peringkat negeri.

[6 markah]

**Jawapan**

F1: Pengamalan Sistem Raja Berperlembagaan
H1: Yang di-Pertuan Agong menjadi ketua utama negara
F2: Demokrasi Berparlimen
H2a: Rakyat mempunyai kuasa memilih kerajaan
H2b: Melalui pilihan raya
H2c: Memberi rakyat hak bersuara / memilih wakil
H2d: Parlimen menggubal undang-undang di peringkat Persekutuan
H2e: Dewan Undangan Negeri (DUN) berkuasa menggubal undang-undang peringkat negeri
F3: Pentadbiran negara
H3a: Tunku Abdul Rahmah dilantik menjadi Perdana Menteri
H3b: Mengekalkan kabinet
H3c: Melantik Dato' Abdul Razak Hussein sebagai Timbalan Perdana Menteri
H3d: Mewujudkan jawatan Menteri Luar
H3e: Tanda kebebasan negara
H3f: Jawatan disandang Tunku Abdul Rahman
F4: Cabaran Kerajaan Persekutuan
H4a: Menggantikan pegawai Eropah dengan rakyat tempatan
H4b: Penggantian secara berperingkat

Buku teks MS 242

**Pengamalan Sistem Raja Berperlembagaan**
Setelah merdeka, negara kita mengamalkan konsep Raja Berperlembagaan. Yang di-Pertuan Agong menjadi ketua utama negara dengan bidang kuasa tertentu.

**Demokrasi Berparlimen**
Dalam amalan sistem Demokrasi Berparlimen, rakyat mempunyai kuasa memilih kerajaan dan pemerintah melalui pilihan raya. Pelaksanaan pilihan raya memberi rakyat hak bersuara dan memilih wakil untuk menentukan hala tuju masa depan dan kesejahteraan negara.

Hasil kemerdekaan yang dicapai membolehkan parlimen berkuasa menggubal undang-undang pada peringkat Persekutuan. Pada peringkat negeri pula, Dewan Undangan Negeri berkuasa menggubal undang-undang. Hal ini menjadikan undang-undang lebih berkesan dan mampu memakmurkan negara.

**Pentadbiran Negara**
Tunku Abdul Rahman dilantik menjadi Perdana Menteri Persekutuan Tanah Melayu yang pertama. Beliau mengekalkan ahli kabinet yang ada dan membuat perubahan dengan melantik Dato' Abdul Razak Hussein sebagai Timbalan Perdana Menteri. Buat kali pertama dalam sejarah Persekutuan Tanah Melayu mempunyai seorang Menteri Luar sebagai tanda kebebasan negara menjalankan dasar luar negara. Jawatan ini disandang oleh Tunku Abdul Rahman.

**Cabaran Kerajaan Persekutuan**
Cabaran kerajaan Persekutuan adalah untuk menggantikan pegawai Eropah dengan rakyat tempatan, khususnya dalam bidang profesional, pendidikan tinggi, keselamatan dan pertahanan. Tunku Abdul Rahman dan Dato' Abdul Razak Hussein memberikan komitmen yang tinggi bagi melaksanakan penggantian ini secara berperingkat dengan melantik rakyat tempatan dalam pelbagai bidang.

**(b)** Sebagai negara yang mencapai kemerdekaan, negara kita mula memainkan peranan penting di peringkat antarabangsa.
Buktikan pernyataan tersebut.

Sebagai negara yang mencapai kemerdekaan, negara mula memainkan peranan penting pada peringkat antarabangsa melalui **Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB)** dan **Komanwel**. Penyertaan dalam PBB menandakan negara kita menjunjung prinsip PBB untuk **melindungi hak asasi manusia**. Selain itu, Pertubuhan Komanwel berperanan untuk **merapatkan hubungan sosioekonomi** antara negara ahli. Memandangkan negara belum mempunyai pertahanan yang kukuh, kita **memerlukan bantuan negara lain** seperti **Britain** dan turut **memeterai perjanjian pertahanan** yang dinamakan **Anglo-Malayan Defence Agreement (AMDA) pada tahun 1957.**

[6 markah]

**Jawapan**

F1: Dasar Luar
H1a: Kumpulan pegawai dihantar ke Britain untuk menjalani latihan
C1a: Tan Sri Muhammad Ghazali Shafie / Dr. Ismail Abdul Rahman
H1b: Menjalinkan hubungan dengan negara luar
C1b: Indonesia / India / Australia / New Zealand / Mesir
F2: Mengganggotai Komanwel
H2a: Merapatkan hubungan sosioekonomi dengan negara ahli
H2b: Pamer komitmen terhadap isu dihadapi negara bekas jajahan British
F3: Pertahanan negara
H3a: Negara belum mempunyai kekuatan pertahanan
H3b: Memerlukan bantuan Britain
H3c: Tandatangan perjanjian pertahanan (AMDA)
F4: Penyertaan dalam Blok Sterling
H4a: Penggunaan Pound Sterling dalam urusan perdagangan antarabangsa
H4b: Negara berpendapatan tinggi hasil daripada getah dan bijih timah
H4c: Kukuh kedudukan ekonomi dalam Sistem Keutamaan Tarif Komanwel
F5: diiktiraf Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu
H5a: diterima keahlian PBB
H5c: Bendera dikibarkan di ibu pejabat PBB di New York pada 15 Oktober 1957
H5d: Menjunjung prinsip PBB untuk melindungi hak asasi manusia

Buku teks MS 243


**Peringkat Antarabangsa**

Sebagai negara yang mencapai kemerdekaan, negara kita mula memainkan peranan penting pada peringkat antarabangsa melalui Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) dan Komanwel.

**Dasar Luar**
Kerajaan memberikan perhatian melalui pengukuhan Kementerian Luar. Pada awal tahun 1957, kumpulan pertama pegawai dihantar ke Britain untuk mendapatkan latihan. Antara tokoh yang berperanan penting dalam usaha menentukan dasar luar negara termasuklah Tan Sri Muhammad Ghazali Shafie dan Dr. Ismail Abdul Rahman yang pernah dilantik menjadi Menteri Luar. Negara kita juga menjalinkan hubungan dengan negara luar seperti Indonesia, India, Australia, New Zealand, Mesir dan Jepun.

**Menganggotai Komanwel**
Apabila Persekutuan Tanah Melayu merdeka, negara kita juga diterima untuk menyertai pertubuhan Komanwel. Pertubuhan Komanwel bermanfaat untuk merapatkan hubungan sosioekonomi dengan negara ahli. Komanwel juga menjadi medan untuk negara kita mempamerkan komitmen terhadap isu yang dihadapi oleh negara anggota.

**Pertahanan Negara**
Sebelum merdeka, negara kita dilindungi melalui pembentukan kerjasama pertahanan Britain, Australia dan New Zealand. Selepas merdeka, Tunku Abdul Rahman ingin mengekalkan hubungan baik dengan Britain dan negara Komanwel. Keadaan negara yang belum mempunyai kekuatan pertahanan menyebabkan negara memerlukan bantuan Britain ketika itu dengan memeterai perjanjian pertahanan yang dinamakan Anglo Malayan Defence Agreement (AMDA) pada tahun 1957.

**Penyertaan dalam Blok Sterling**
Penyertaan ini bermaksud negara menggunakan Pound Sterling dalam urusan perdagangan antarabangsa. Kedudukan Persekutuan Tanah Melayu sebagai negara yang berpendapatan tinggi daripada hasil getah dan bijih timah memperkuat kedudukan mata wang Pound Sterling. Penyertaan Persekutuan Tanah Melayu yang mempunyai kedudukan ekonomi yang kukuh dalam Sistem Keutamaan Tarif Komanwel (Commonwealth Preferential Tariff System) turut memperkukuh kedudukan ekonomi ahli-ahlinya.

**Diiktiraf Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB)**
Negara kita diterima menjadi ahli PBB dalam persidangannya pada 17 September 1957. Negara kita merupakan anggota PBB yang ke-82. Bendera negara kita dikibarkan dalam satu upacara rasmi di ibu pejabat PBB di New York pada 15 Oktober 1957. Dengan menyertai PBB, negara kita turut menjunjung prinsip PBB untuk melindungi hak asasi manusia.

**Misi Pengaman PBB**
Negara kita turut terlibat dalam misi pasukan pengaman PBB di Congo. Pemilihan ini menggambarkan kepercayaan dan pengiktirafan tertinggi PBB kepada sebuah negara baharu untuk bersama-sama terlibat dalam pengurusan konflik antarabangsa.

(c) Bagaimanakah cara kita menunjukkan rasa bersyukur dengan nikmat kemerdekaan yang dicapai pada hari ini?

Cara kita menunjukkan rasa bersyukur dengan nikmat kemerdekaan yang dicapai pada hari ini ialah dengan **mematuhi undang-undang negara**. Kita haruslah **menghormati kedaulatan undang-undang** seperti **undang-undang sivil** dan undang-undang jalan raya. Kesannya, **keamanan dan kestabilan politik negara** akan terus terjamin.

Selain itu, kita haruslah memastikan **perpaduan negara dijaga**. Kita tidak harus **menyentuh isu perkauman.** Ini boleh **mencetuskan perbalahan** antara kaum seperti Peristiwa 13 Mei 1969. Kita perlu memastikan perpaduan negara kekal agar rakyat hidup **selamat dan tenteram**.

[8 markah]

**[F/H/C/Inf]**

F1: Mematuhi undang-undang negara
H1: Menghormati kedaulatan undang-undang
C1: Undang-undang sivil / jalan raya
Inf: Agar negara aman dan politik stabil

F2: Memastikan perpaduan negara dijaga
H2: Tidak menyentuh isu perkauman
C2: Mencetuskan perbalahan antara kaum / Peristiwa 13 Mei 1969
Inf: Agar rakyat hidup selamat dan tenteram

*Mana-mana jawapan yang munasabah*

**T4B10 SK11.4 Pemasyhuran Kemerdekaan Tanah Melayu** | **Soalan Subjektif Respon Terbuka / Bahagian B**

5 Selepas merdeka, Persekutuan Tanah Melayu memperoleh kedaulatan yang membolehkan kita membuat keputusan tentang hal yang berhubung dengan pentadbiran dan politik negara.

(a) Apakah yang anda faham tentang kedaulatan?

…………………………………………………………………………………………………

…………………………………………………………………………………………………

…………………………………………………………………………………………………

…………………………………………………………………………………………………

…………………………………………………………………………………………………

…………………………………………………………………………………………………

[4 markah]

**Jawapan**

F1: Merujuk kuasa tertinggi
F2: Menentukan sesebuah negara bebas daripada jajahan / kongkongan kuasa luar
F3: Wilayah pengaruh / kerajaan / keunggulan undang-undang/lambing/rakyat
F4: Menentukan sendiri nasib rakyat
F5: Menentukan hala tuju negara
F6: Membuat keputudan sendiri berhubung pentadbiran dan politik negara

Buku teks MS 246

**Prinsip Kedaulatan Persekutuan Tanah Melayu**

Bagi sebuah negara yang merdeka, kedaulatan merujuk kuasa tertinggi yang menentukan sesebuah negara bebas daripada kongkongan kuasa luar. Wilayah pengaruh, kerajaan, keunggulan undang-undang, lambang dan rakyat merupakan aspek kedaulatan negara kita. Kita dapat menentukan sendiri nasib rakyat dan hala tuju negara melalui kemerdekaan.

(b) Terangkan aspek yang berkaitan dengan kedaulatan Persekutuan Tanah Melayu.

…………………………………………………………………………………………………

…………………………………………………………………………………………………

…………………………………………………………………………………………………

…………………………………………………………………………………………………

…………………………………………………………………………………………………

…………………………………………………………………………………………………

…………………………………………………………………………………………………

…………………………………………………………………………………………………

…………………………………………………………………………………………………

…………………………………………………………………………………………………

…………………………………………………………………………………………………

…………………………………………………………………………………………………

[8 markah]

**Jawapan**

F1: Wilayah pengaruh
H1a: Kawasan yang mempunyai sempadan membentuk Persekutuan Tanah Melayu
H1b: Setiap negeri diketuai oleh Sultan / Raja / Yang di-Pertuan Besar atau Yang DiPertua Negeri
H1c: Terdiri daripada Perlis, Kedah, Perak, Pulau Pinang, Selangor, Negeri Sembilan, Melaka, Pahang, Johor, Kelantan dan Terengganu

F2: Kerajaan
H1a: Bertanggungjawab menguruskan / mentadbir negara
H1b: Terbahagi kepada tiga komponen
C1b: Badan Perundangan / Badan Kehakiman / Badan Eksekutif
H1c: Kuasa memerintah dipegang oleh kerajaan yang dipilih oleh rakyat melalui pilihan raya.
H1d: Rakyat memilih wakil melalui pilihan raya

Buku teks MS 246-247

**Wilayah pengaruh** merujuk kawasan yang mempunyai sempadan untuk membentuk Persekutuan Tanah Melayu.

Dalam Perlembagaan Persekutuan Tanah Melayu 1957, pembentukan Persekutuan Tanah Melayu terdiri daripada Perlis, Kedah, Perak, Pulau Pinang, Selangor, Negeri Sembilan, Melaka, Pahang, Johor, Kelantan dan Terengganu. Setiap negeri berdaulat diketuai oleh sama ada Sultan atau Raja, Yang di-Pertuan Besar atau Yang Dipertua Negeri.

Negeri dalam Persekutuan Tanah Melayu 1957.
*Sumber:* pmr.penerangan.gov.my. Dicapai pada 12 Ogos 2019.



**Kerajaan** merupakan institusi yang bertanggungjawab untuk menguruskan dan mentadbir negara. Kerajaan terbahagi kepada tiga komponen utama, iaitu Badan Perundangan, Badan Eksekutif dan Badan Kehakiman. Dalam amalan demokrasi, kuasa memerintah dipegang oleh kerajaan yang dipilih oleh rakyat melalui pilihan raya. Dalam konteks ini, rakyat bertanggungjawab memilih wakil mereka melalui pilihan raya.

**Jawapan**

F3: Kedaulatan undang-undang
H1: Kerajaan dan rakyat tertakluk di bawah undang-undang
H2: Memastikan keamanan negara dikekalkan
H3: Kandungan Perlembagaan Persekutuan Tanah Melayu 1957 menjadi asas kedaulatan negara
H4: Memelihara hak rakyat


**Kedaulatan undang-undang** bermaksud kerajaan dan rakyat keseluruhannya tertakluk di bawah undang-undang. Kedaulatan undang-undang penting bagi memastikan keamanan negara dapat dikekalkan demi kesejahteraan negara. Kandungan Perlembagaan Persekutuan Tanah Melayu 1957 menjadi asas kedaulatan negara yang merdeka dan memelihara hak rakyat.

Perlembagaan Persekutuan Tanah Melayu 1957.
*Sumber*: Arkib Negara Malaysia.

F4: Lambang Kebangsaan
H4a: Merupakan identiti dan jati diri rakyat
C4: Jata Negara / lagu kebangsaan / bendera kebangsaan / bunga kebangsaan
H4b: Simbol perpaduan
H4c: Mempunyai nilai kedaulatan sendiri
H4d: Lambang jati diri negara
H4e: Rakyat perlu hormat simbol rasmi negara


**Lambang kebangsaan** seperti Jata Negara, lagu kebangsaan, bendera kebangsaan dan bunga kebangsaan merupakan identiti dan jati diri rakyat. Lambang ini juga menjadi simbol perpaduan. Setiap elemen pada lambang ini mempunyai pengertian berdasarkan sosiobudaya dan sejarah negara. Oleh sebab lambang ini mempunyai nilai kedaulatannya tersendiri dan lambang jati diri negara, kita perlu memberikan penghormatan kepada simbol rasmi negara.

Jata Negara 1957.
*Sumber*: Arkib Negara Malaysia.

F5: Pengiktirafan kepada rakyat
H5a: Rakyat mendapat hak asasi
C5a: Kebebasan bersuara / hak mengeluarkan pendapat
H5b: Negara mempunyai hak terhadap rakyat
H5c: Menggunakan hak masing-masing dengan bijak
H5d: Mengekalkan keharmonian dan kemakmuran negara


**Pengiktirafan sebagai rakyat** membolehkan kita mendapat hak asasi, iaitu hak yang dimiliki oleh seseorang individu di sisi undang-undang seperti kebebasan bersuara dan mengeluarkan pendapat. Sebagai warganegara, kita perlu mematuhi perlembagaan. Rakyat mempunyai hak dan tanggungjawab terhadap negara dan negara juga mempunyai hak terhadap rakyat. Semua pihak bertanggungjawab untuk menggunakan hak masing-masing dengan bijak bagi mengekalkan keharmonian dan kemakmuran negara.

(c) Sebagai warganegara Malaysia, bagaimanakah kita memastikan kedaulatan negara terjamin?

…………………………………………………………………………………………
…………………………………………………………………………………………
…………………………………………………………………………………………
…………………………………………………………………………………………
…………………………………………………………………………………………
…………………………………………………………………………………………
…………………………………………………………………………………………
…………………………………………………………………………………………
…………………………………………………………………………………………
…………………………………………………………………………………………
…………………………………………………………………………………………
…………………………………………………………………………………………

[8 markah]

**[F/H/C/Inf]**

F1: Menjaga perpaduan antara kaum
H1: Tidak menyentuh isu sensitif
C1: Seperti isu agama dan isu perkauman
Inf: Kerjasama erat dalam kalangan masyarakat

F2: Menghormati lambang-lambang negara
H2: Menjaga tutur kata / tidak membuat provokasi di negara luar atau di media sosial
C2: Seperti bendera dan lagu kebangsaan
Inf: Memartabatkan kedudukan negara berdaulat

*Mana-mana jawapan yang munasabah*

1 Rajah berikut berkaitan takrif kedaulatan mengikut bahasa.




(a) Nyatakan takrif kedaulatan mengikut bahasa berikut :

**(i) Bahasa Yunani**

Kedaulatan ialah **supernuus** atau **superanus** yang bermaksud **agung atau tertinggi**. Perkataan ini merujuk **negara yang bebas dan merdeka**

(ii) **Bahasa Arab**

Perkataan kedaulatan dalam bahasa Arab berasal daripada kata **daulah** yang bermaksud **kuasa pemerintahan sesebuah kerajaan**.

[2 markah]

**Jawapan**

(i)
F1 supernuus / superanus
F2 agung / tertinggi
F3 negara yang bebas dan merdeka
(ii)
F4 berasal daripada kata daulah
F5 kuasa pemerintahan sesebuah kerajaan

Buku teks MS4




(b) Kedaulatan sesebuah negara berbeza mengikut bentuk pemerintahan yang diamalkan. Setiap negara mempunyai hak untuk menentukan bentuk dan jenis kedaulatan.
Jelaskan jenis kedaulatan yang berkaitan dengan sesebuah negara.

Jenis kedaulatan yang pertama ialah **kedaulatan tradisional** yang merujuk sistem **pemerintahan berkuasa mutlak** dalam segala urusan negara. Seterusnya, **kedaulatan moden** dikaitkan dengan **idea kemunculan negara bangsa** dan **nasionalisme berasaskan persamaan rumpun bangsa dan bahasa**.

**Kedaulatan undang-undang** pula bermaksud **kerajaan dan rakyat terikat oleh undang-undang** yang perlu dipatuhi. Manakala **kedaulatan antarabangsa** merujuk **pengiktirafan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) terhadap sesebuah negara** yang tidak boleh dicabuli oleh negara lain

[4 markah]

**Jawapan**

F1 Kedaulatan tradisional
F2 sistem pemerintahan berkuasa mutlak
F3 Kedaulatan moden
F4 dengan idea kemunculan negara bangsa
F5 nasionalisme berasaskan persamaan rumpun bangsa dan bahasa
F6 Kedaulatan undang-undang
F7 kerajaan dan rakyat terikat oleh undang-undang
F8 kedaulatan antarabangsa
F9 pengiktirafan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) terhadap sesebuah negara

Buku teks MS6-8



| | |
|---|---|
| [F/H/C/Inf] | (c) Kedaulatan undang-undang sangat penting bagi mewujudkan sebuah negara yang harmoni. Jelaskan pernyataan tersebut.<br>Kedaulatan undang-undang sangat penting bagi mewujudkan sebuah negara yang harmoni kerana dapat **menjamin keadilan dalam kehidupan bermasyarakat**. Dengan adanya kedaulatan undang-undang, **negara akan aman damai** apabila keadaan **politik negara stabil**. Dalam hal ini, **badan kehakiman yang bebas dan berwibawa** perlu diwujudkan untuk memelihara dan melaksanakan kedaulatan undang-undang. Hal ini akan membawa kepada **kemakmuran negara** dan masyarakat akan dapat hidup **bersatupadu** dan harmoni.<br>[4 markah] |
| | F1:Menjamin keadilan dalam kehidupan bermasyarakat<br>H : negara aman / damai<br>H : politik stabil<br>C : badan kehakiman bebas / berwibawa<br>In : negara makmur / bersatupadu<br>*Mana-mana jawapan yang munasabah* |

**2** Rajah berikut berkaitan dengan ciri negara yang berdaulat.

| | |
|---|---|
| **Ciri-ciri Negara Yang Berdaulat** | Pemerintahan |
| | Rakyat |
| | **X** |
| | **Y** |

(a) Apakah **X** dan **Y** ?

**X** : ……………………………………………………………………………………………………..

**Y** : ………………………………………………………………………………………………………

[2 markah]

**Jawapan (a)**

X - Sempadan

Y - Perundangan

Buku teks MS8-9



(b) Jelaskan kepentingan sistem perundangan kepada negara kita.

……………………………………………………………………………………………………………

……………………………………………………………………………………………………………

……………………………………………………………………………………………………………

……………………………………………………………………………………………………………

[4 markah]

**Jawapan (b)**

F1 menjadi asas peraturan negara
F2 memelihara kesejahteraan
F3 menjamin keadilan
F4 melindungi rakyat
F5 berpandukan Perlembagaan Persekutuan
F6 digubal oleh Parlimen

Buku teks MS9




**[F/H/C/Inf]**

(c) Pada pendapat anda, apakah cara mempertahankan kedaulatan negara dalam dunia tanpa sempadan ketika ini?

……………………………………………………………………………………………………………

……………………………………………………………………………………………………………

……………………………………………………………………………………………………………

……………………………………………………………………………………………………………

[4 markah]

F1 Mengukuhkan semangat patriotisme
H1a menghormati undang-undang
H1b mempertahankan /memelihara kedaulatan undang- undang daripada dicabar oleh mana-mana pihak
H1c menghormati lambang-lambang negara
C1 seperti bendera dan lagu kebangsaan
F2 sedia berkorban untuk keselamatan negara
H2a cinta dan sayang akan negara
Inf : kesannya, patriotisme rakyat yang kuat dapat menghalang campurtangan kuasa asing / atau pencerobohan kuasa luar

*Mana-mana jawapan yang munasabah*

3 Pernyataan berikut berkaitan dengan langkah mempertahankan kedaulatan negara.

> Pemerintah dan rakyat berperanan penting mempertahankan kedaulatan negara demi kemajuan dan kesejahteraan negara

(a) Apakah langkah yang diambil oleh pemerintah dan rakyat untuk mempertahankan kedaulatan negara ?

i) ……………………………………………………………………………………………………..

ii) ……………………………………………………………………………………………………..

[2 markah]

**Jawapan (a)**

F1 Mewujudkan kestabilan politik dan kemakmuran ekonomi
F2 Mengekalkan perpaduan kaum
F3 Memupuk patriotisme
F4 Mengukuhkan pertahanan negara

Buku teks MS12-15




(b) Jelaskan langkah-langkah yang perlu dilakukan oleh semua pihak untuk mengukuhkan pertahanan negara.

……………………………………………………………………………………………………
……………………………………………………………………………………………………
……………………………………………………………………………………………………
……………………………………………………………………………………………………

[4 markah]

**Jawapan (b)**

F1 Menggubal dasar dan undang-undang untuk melindungi keselamatan negara
F2 Mengadakan perjanjian pertahanan dan latihan ketenteraan bersama dengan negara serantau dan antarabangsa
F3 Memodenkan aset ketenteraan
F4 Pasukan kesselamatan sentiasa bersiap siaga
F5 Peka terhadap isu keselamatan
F6 Memberi maklumat tentang pencerobohan sempadan negara
F7 Mengelakkan kolaborasi dengan pihak luar
F8 mengganggotai pasukan keselamatan dan pasukan sukarelawan
F9 Sanggup berkorban demi kedaulatan negara

Buku teks MS15




**[F/H/C/Inf]**

(c) Hubungan pemerintah dan rakyat mampu mengekalkan kedaulatan negara. Buktikan.

……………………………………………………………………………………………………
……………………………………………………………………………………………………
……………………………………………………………………………………………………
……………………………………………………………………………………………………

[4 markah]

F1 berjaya menghasilkan keamanan dan kesejahteraan negara
H1a Pemerintah menggubal dasar /undang untuk melindungi rakyat dan negara
H1b Rakyat mematuhi dasar/undang-undang negara
H1c Pemerintah melaksanakan amanah rakyat yang memilih pemimpin melalui pilihan raya
C1 dalam pilihan raya Persekutuan / DUN
F2 berjaya mengukuhkan perpaduan kaum
H2a menghormati kepelbagaian agama dan budaya setiap kaum
C2 mengadakan rumah terbuka setiap perayaan seperti Hari Raya / Krismas
Inf : Perpaduan dan kerjasama pemerintah dan rakyat menjadi asas kemakmuran, kelangsungan dan kedaulatan negara

4 Gambar berikut berkaitan dengan kepentingan kedaulatan negara dalam mewujudkan hubungan luar negara.



Tun Hussein Onn, Perdana Menteri Malaysia ketiga (kanan ) bertemu dengan Anwar Sadat, Presiden Mesir (kiri) di Mesir pada tahun 1977 untuk megukuhkan hubungan diplomatik antara Malaysia dengan Mesir.

Sumber : Universiti Tun Hussein Onn, 2009. Tun Hussein Onn Permata Menara Gading, Batu Pahat: Penerbit UTHM.

(a) Jelaskan kepentingan mewujudkan negara yang berdaulat

Kepentingan negara berdaulat adalah untuk mewujudkan **keberkesanan pentadbiran** agar negara **bebas melaksanakan pentadbiran tanpa campur tangan asing** atau pihak luar. Dasar pentadbiran negara **dilaksanakan melalui Jemaah Menteri dan Kementerian** yang berkaitan. Kerjasama antara Kerajaan Negeri dan Kerajaan Persekutuan melalui **pengagihan kuasa** dan diperkukuh dengan peruntukan undang-undang.

Seterusnya kedaulatan negara penting untuk **menjamin kemakmuran ekonomi** agar negara dapat **melaksanakan pelbagai dasar ekonomi** dan **memajukan negara** serta **meningkatkan taraf hidup rakyat**.

Di samping itu kedaulatan negara penting untuk **kesejahteraan sosial** yang dilaksanakan melalui **dasar sosial** agar dapat **melahirkan generasi berilmu dan berkemahiran** melalui pendidikan. Generasi inilah yang dapat **memberi sumbangan dalam pembangunan negara.**

[6 markah]

**Jawapan (a)**

F1 mewujudkan keberkesanan pentadbiran
H negara bebas melaksanakan pentadbiran tanpa campur tangan asing
H dilaksanakan melalui Jemaah Menteri dan Kementerian
H diperkukuh dengan peruntukan undang-undang
F2 menjamin kemakmuran ekonomi
H membolehkan kerajaan melaksanakan pelbagai dasar ekonomi
H untuk memajukan negara dan meningkatkan taraf hidup rakyat
H meliputi bidang pertanian/perindustrian
F3 menjamin kesejahteraan sosial
H melahirkan generasi berilmu melalui pendidikan
H dapat menyumbang kepada pembangunan negara
H memperkenalkan pelbagai dasar sosial untuk memupuk perpaduan/perasaan muhibah
C Bahasa Kebangsaan, Dasar Kebudayaan, Rukun Negara
F4 mewujudkan kecemerlangan hubungan luar negara
H dibentuk melalui penggubalan dasar luar negara
H pelbagai manfaat diperoleh demi kebaikan semua pihak

Buku teks MS10 – 11



(b) Rasionalkan kepentingan kedaulatan dalam menentukan bentuk sistem pentadbiran negara pada masa kini.

Kepentingan kedaulatan dalam menentukan bentuk sistem pentadbiran negara pada masa kini dapat dilihat dalam **keberkesanan urusan pentadbiran** negara **tanpa campur tangan pihak luar** atau pengaruh asing. Negara kita **bebas menentukan corak pentadbiran mengikut acuan sendiri**.

Sejak merdeka sistem pemerintahan negara kita mengamalkan **sistem Raja Berperlembagaan dan Demokrasi Berparlimen**. **Yang DiPertuan Agong merupakan ketua negara**, manakala **Perdana Menteri sebagai ketua kerajaan** dan **dibantu oleh Jemaah Menteri.** Keberkesanan pentadbiran melalui Sistem Jemaah Menteri ini kekal diamalkan hingga hari ini.

Negara kita juga mengamalkan **sistem pengasingan kuasa** dalam pemerintahan bagi **menjamin keadilan dan kesejahteraan rakyat**. Sistem pentadbiran negara juga **diperkukuhkan melalui peruntukan undang-undang** dalam Perlembagaan Persekutuan Malaysia.

[6 markah]

**Jawapan (b)**

F1 Keberkesanan pentadbiran
F2 urusan pentadbiran tanpa campur tangan pihak luar
F3 negara bebas menentukan corak pentadbiran mengikut acuan sendiri
F4 mengamalkan sistem Raja Berperlembagaan dan Demokrasi Berparlimen
F5 YDPA sebagai ketua negara
F6 Perdana Menteri sebagai ketua kerajaan
F7 dibantu oleh Jemaah Menteri
F8 negara juga mengamalkan sistem pengasingan kuasa dalam pemerintahan
F9 bagi menjamin keadilan dan kesejahteraan rakyat
F10 diperkukuhkan melalui peruntukan undang-undang

Buku teks MS10


Kedaulatan negara penting bagi mewujudkan keberkesanan pentadbiran, kemakmuran ekono[mi], kesejahteraan sosial dan kecemerlangan hubungan luar negara. Selain itu, negara diiktiraf seta[raf] dengan negara lain.

**Keberkesanan Pentadbiran**

Kedaulatan memberikan kebebasan kepada negara untuk menjalankan urusan pentadbiran tanpa campur tangan pihak luar. Dasar pentadbiran negara dilaksanakan dengan berkesan melalui Jemaah Menteri dan kementerian yang berkaitan. Kerjasama Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri yang dilakukan melalui pengagihan kuasa mewujudkan keberkesanan pentadbiran. Sistem pentadbiran juga diperkukuh melalui peruntukan undang-undang dalam Perlembagaan Persekutuan.

Mesyuarat Jemaah Menteri diadakan pada tahun 1990 dipengerusikan oleh Tun Dr. Mahathir Mohamad (lima dari kiri). Keberkesanan pentadbiran melalui Sistem Jemaah Menteri masih kekal diamalkan hingga hari ini.
*Sumber:* Arkib Negara Malaysia.

**[F/H/C/Inf]**

c) Jelaskan ikhtibar yang boleh diperoleh daripada kedaulatan negara yang kita kecapi pada masa kini.

Iktibar yang boleh diperoleh daripada kedaulatan negara yang kita ialah kita harus **menghargai nikmat keamanan** yang dikecapi masa kini. Buktinya, **rakyat hidup aman damai tanpa pertumpahan darah**. **Perpaduan** dalam kalangan masyarakat negara kita dapat menjamin keamanan negara. Hal ini dapat dilihat melalui **semangat kejiranan** dan konsep gotong royong yang diamalkan dalam masyarakat.

Iktibar seterusnya ialah kita harus **mempertahankan kedaulatan demi kemajuan negara**. Kemajuan negara dalam pelbagai bidang dapat memberi **keyakinan kepada pelabur asing untuk melabur** di negara kita dalam sektor pertanian, perkilangan dan perindustrian. Hal ini akan **memberi peluang pekerjaan** kepada rakyat negara kita.

Iktibar yang boleh diperoleh daripada kedaulatan negara seterusnya ialah kita harus mengamalkan **sikap toleransi**. Setiap kaum perlu **bertoleransi dalam pelbagai aspek** agar **konflik perkauman dapat dielakkan**. Hal ini akan mewujudkan **kemakmuran negara dan menjamin kestabilan politik.** Justeru itu, **semua kaum harus bersama-sama bertanggungjawab menjaga kedaulatan negara.**

[8 markah]

| | |
|---|---|
| | F1 menghargai nikmat keamanan yang dikecapi kini<br>H rakyat hidup aman damai tanpa pertumpahan darah<br>H perpaduan dapat menjamin keamanan negara<br>C semangat kejiranan<br>F2 mempertahankan kedaulatan demi kemajuan negara<br>H memberi keyakinan kepada pelabur asing untuk melabur di negara kita<br>C dalam sektor pertanian, perkilangan dan perindustrian<br>Inf memberi peluang pekerjaan<br>F3 mengamalkan sikap toleransi<br>H pebagai kaum perlu bertoleransi dalam pelbagai aspek<br>H konflik perkauman dapat dielakkan<br>H kemakmuran negara menjamin kestabilan politik<br>Inf semua kaum bersama-sama bertanggungjawab menjaga kedaulatan negara<br><br>*Mana-mana jawapan yang munasabah* |

5 Petikan berikut berkaitan dengan langkah mempertahankan kedaulatan negara.

> "Kedaulatan negara bergantung pada warganya yang bersatu" Titah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Sultan Perak Darul Ridzuan, Sultan Nazrin Muizzuddin Shah ibni Almarhum Sultan Azlan Muhibbuddin Shah Al-Maghfur -Lah.
>
> Sumber : Berita Harian, 10 November 2018

(a) Jelaskan peranan rakyat dalam mengekalkan perpaduan kaum di negara kita?

……………………………………………………………………………………………………………

……………………………………………………………………………………………………………

……………………………………………………………………………………………………………

……………………………………………………………………………………………………………

……………………………………………………………………………………………………………

……………………………………………………………………………………………………………

……………………………………………………………………………………………………………

……………………………………………………………………………………………………………

……………………………………………………………………………………………………………

[6 markah]

**Jawapan (a)**

F1 menggunakan bahasa kebangsaan
F2 menghayati prinsip Rukun Negara
F3 memahami dan menghormati agama serta budaya pelbagai kaum
F4 mengamalkan semangat perkongsian
F5 mengamalkan sikap bertoleransi / bertolak ansur
F6 saling menghormati sesama rakyat Malaysia
F7 melibatkan diri dalam program masyarakat yang dapat memupuk kerjasama antara kaum
F8 mengelak konflik perkauman
F9 semua kaum bersama-sama bertanggungjawab menjaga kedaulatan negara
F10 sanggup bekorban demi bangsa dan negara

Buku teks MS13


Rakyat
- Menggunakan bahasa kebangsaan dan menghayati prinsip Rukun Negara yang dapat menjamin perpaduan kaum.
- Memahami dan menghormati agama serta budaya pelbagai kaum.
- Mengamalkan semangat perkongsian, bertoleransi dan saling menghormati sesama rakyat Malaysia.
- Melibatkan diri dalam program kemasyarakatan yang dapat memupuk kerjasama antara kaum.

Meneroka Bukti
Fahami titah di bawah:

"Kedaulatan negara bergantung pada warganya yang bersatu".
Titah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Sultan Perak Darul Ridzuan, Sultan Nazrin Muizzuddin Shah ibni Almarhum Sultan Azlan Muhibbuddin Shah Al-Maghfur-Lah.
Sumber: Berita Harian, 10 November 2018.

Kedaulatan negara bergantung pada warganya yang bersatu. Buktikan.

13

(b) Bincangkan langkah-langkah yang boleh dilaksanakan oleh pemerintah dalam mewujudkan kestabilan politik dan kemakmuran ekonomi serta mengekalkan perpaduan kaum.

……………………………………………………………………………………………………………

……………………………………………………………………………………………………………

……………………………………………………………………………………………………………

……………………………………………………………………………………………………………

……………………………………………………………………………………………………………

……………………………………………………………………………………………………………

……………………………………………………………………………………………………………

……………………………………………………………………………………………………………

……………………………………………………………………………………………………………

……………………………………………………………………………………………………………

[6 markah]

**Jawapan (b)**

F1 mewujudkan pentadbiran yang cekap
F2 mengelakkan amalan rasuah dalam pentadbiran
F3 memastikan agihan sumber kekayaan negara secara adil kepada semua kaum melalui dasar pembangunan ekonomi
F4 melaksanakan undang-undang negara menurut perlembagaan secara berkesan.
F5 menggubal dasar dan undang-undang berkaitan dengan perpaduan kaum serta integrasi nasional
F6 memastikan keberkesanan pelaksanaan dasar berkaitan dengan bahasa, pendidikan dan kebudayaan oleh kementerian serta agensi berkaitan
F7 merangka program serta kempen ke arah memupuk perpaduan kaum dan integrasi nasional
F8 memperuntukkan perbelanjaan yang mencukupi untuk program memupuk perpaduan kaum.

Buku teks MS12-13




**[F/H/C/Inf]**

(c) Sebagai pelajar yang bertanggungjawab, bagaimanakah anda memupuk semangat patriotisme dalam kalangan rakan sebaya.

.............................................................................................................................................
.............................................................................................................................................
.............................................................................................................................................
.............................................................................................................................................
.............................................................................................................................................
.............................................................................................................................................
.............................................................................................................................................
.............................................................................................................................................
.............................................................................................................................................
.............................................................................................................................................
.............................................................................................................................................
.............................................................................................................................................
.............................................................................................................................................

[8 markah]

F1 mengajak menghormati undang-undang sekolah / negara
H mengelak kegiatan jenayah / pelanggaran disiplin
C. patuh undang2 keselamatan jalanraya
In aman / rakyat sejahtera
F2 menjadi contoh kepada rakan
H mengajak rakan-rakan ke program kenegaraan
C sambutan Hari Kemerdekaan / Hari Malaysia/ Hari Sarawak
F3 mengajak membaca buku-buku patriotisme
H melawat tempat-tempat / bangunan bersejarah
C muzium
F4 mengajak rakan-rakan menyertai pertandingan bulan kemerdekaan
C lagu patriotik / menulis sajak
F5 mengibar Jalur Gemilang / bendera negeri di sekolah / rumah

*Mana-mana jawapan yang munasabah*

| T5B2 SK12.2 Perlembagaan Persekutuan | Soalan Subjektif Respons Terhad / Bahagian A |
|---|---|

**1** Sebelum kedatangan kuasa Barat negara kita sudah mempunyai undang-undang dan adat Melayu yang digunakan sebagai asas perlembagaan.

**(a)** Senaraikan **dua** undang-undang bertulis di Negeri-negeri Melayu.

(i) Hukum Kanun Melaka

(ii) Undang – undang Laut Melaka

[2 markah]

**Jawapan**

F1 Hukum Kanun Melaka
F2 Undang – undang Laut Melaka
F3 Hukum Kanun Pahang
F4 Undang – undang Kedah
F5 Undang – undang Johor
F6 Undang – undang 99 Perak

Buku teks MS 22



Undang-undang Negeri Melayu
- Raja sebagai pemerintah.
- Rakyat memberikan ketaatsetiaan.
- Undang-undang dan sistem pemerintahan ditentukan oleh raja.
- Undang-undang yang wujud pada zaman Kesultanan Melayu Melaka seperti Hukum Kanun Melaka dan Undang-Undang Laut Melaka mempengaruhi kandungan undang-undang bertulis di negeri Melayu yang lain. Antara undang-undang bertulis di negeri-negeri Melayu termasuklah Hukum Kanun Pahang, Undang-Undang Kedah, Undang-Undang Johor dan Undang-Undang 99 Perak.

**(b)** Terangkan tentang undang - undang negeri Melayu.

Undang-undang negeri Melayu ialah **Raja** sebagai pemerintah dan rakyat memberikan **ketaatsetiaan** kepada raja. Selain itu **undang-undang** dan sistem pemerintahan ditentukan oleh raja. Undang-undang pada zaman Kesultanan Melayu Melaka **mempengaruhi** undang-undang bertulis di negeri Melayu yang lain. Contohnya **Hukum Kanun Pahang** dan Undang-undang Kedah.

[4 markah]

**Jawapan**

F1 Raja sebagai pemerintah
F2 Rakyat memberikan ketaatsetiaan
F3 Undang-undang / sistem pemerintahan ditentukan oleh raja
F4 Undang-undang zaman Kesultanan Melayu Melaka mempengaruhi undang-undang bertulis di negeri Melayu lain
F5 Hukum Kanun Pahang/ Undang-undang Kedah/ Undang-undang Johor / Undang-undang 99 Perak

Buku teks MS 22



Undang-undang Negeri Melayu
- Raja sebagai pemerintah.
- Rakyat memberikan ketaatsetiaan.
- Undang-undang dan sistem pemerintahan ditentukan oleh raja.
- Undang-undang yang wujud pada zaman Kesultanan Melayu Melaka seperti Hukum Kanun Melaka dan Undang-Undang Laut Melaka mempengaruhi kandungan undang-undang bertulis di negeri Melayu yang lain. Antara undang-undang bertulis di negeri-negeri Melayu termasuklah Hukum Kanun Pahang, Undang-Undang Kedah, Undang-Undang Johor dan Undang-Undang 99 Perak.

**[F/H/C/Inf]**

(c) Pada pendapat anda, apakah kesan jika sesebuah negara mempunyai perlembagaan yang sistematik?

Kesan jika sesebuah negara mempunyai perlembagaan yang sistematik ialah pentadbiran kerajaan menjadi licin.Hal ini akan menyebabkan politik negara stabil. Kesannya kedaulatan negara dapat dikekalkan. Selain itu rakyat Malaysia yang terdiri daripada berbilang bangsa, agama dan budaya dapat hidup secara harmoni. Contohnya seperti orang Melayu, Cina, India dan lain-lain.

*Mana-mana jawapan yang munasabah*

[4 markah]

2 Rajah berikut menunjukkan sejarah penggubalan Perlembagaan Persekutuan di negara kita.

| Tahun | Peristiwa |
|---|---|
| 1877 | Mesyuarat Pertama Majlis Negeri Perak |
| 1946 | Penggubalan undang-undang di Negeri-negeri Selat |
| 1948 | **X** |
| 1957 | **Y** |

(a) Apakah **X** dan **Y**?

**X** :……………………………………………………………………………………………

**Y** : ……………………………………………………………………………………………

[2 markah]

Jawapan

X Pembentukan Perjanjian Persekutuan Tanah Melayu
Y Pembentukan Suruhanjaya perlembagaan /
Suruhanjaya Perlembagaan Tanah Melayu /
Suruhanjaya Reid

Buku teks MS 26-27



(b) Terangkan perkara yang menjadi terma rujukan utama dalam Perjanjian Persekutuan 1957.
……………………………………………………………………………………………
……………………………………………………………………………………………
……………………………………………………………………………………………
……………………………………………………………………………………………
……………………………………………………………………………………………

[4 markah]

Jawapan

F1 kerajaan Persekutuan yang kukuh
F2 menjamin kedudukan Raja-raja Melayu
F3 menjamin kedudukan istimewa orang Melayu
F4 menjamin kepentingan kaum lain
F5 Parlimen hendaklah mengandungi dua dewan /
Dewan Negara dan Dewan Rakyat
F6 Kewarganegaraan yang sama

Buku teks MS 27




[F/H/C/Inf]

(c) Perlembagaan Persekutuan Tanah Melayu 1957 berkuatkuasa sejurus selepas kemerdekaan pada 31 Ogos 1957.
Pada pendapat anda, mengapakah perlembagaan penting kepada sesebuah negara?
……………………………………………………………………………………………
……………………………………………………………………………………………
……………………………………………………………………………………………
……………………………………………………………………………………………
……………………………………………………………………………………………

[4 markah]

F1 Mewujudkan negara yang aman
H rakyat mematuhi undang-undang negara
C tidak menimbulkan isu -isu sensitif/ isu agama
In rakyat hidup harmoni dan sejahtera

**3** Perlembagaan negara mempunyai dua ciri utama iaitu tradisional dan moden yang diperlukan bagi kestabilan serta kemajuan negara.

**(a)** Berikan **dua** ciri tradisonal dalam Perlembagaan Persekutuan.

(i) ……………………………………………………………………………………………

(ii) ……………………………………………………………………………………………

[2 markah]

**Jawapan**

F1 Kesultanan atau pemerintahan beraja
F2 Agama Islam
F3 Bahasa Melayu
F4 Kedudukan orang Melayu dan Bumiputera

Buku teks MS 28-29



**(b)** Kesultanan atau pemerintahan beraja merupakan salah satu ciri tradisional. Jelaskan pernyataan tersebut.

……………………………………………………………………………………………
……………………………………………………………………………………………
……………………………………………………………………………………………
……………………………………………………………………………………………
……………………………………………………………………………………………

[4 markah]

**Jawapan**

F1 Negeri Melayu mengamalkan pemerintahan beraja
F2 Sultan pemerintah berdaulat / berkuasa penuh di negeri
F3 Selepas merdeka, pemerintahan beraja diteruskan / disesuaikan dengan konsep Demokrasi Berparlimen
F4 YDP Agong pemerintah tertinggi / berkuasa mengampun / menangguh hukuman dari mahkamah/ melantik jawatan utama negara
F5 Di negeri, raja ketua negeri / mempunyai kuasa eksekutif melalui nasihat Majlis Mesyuarat Negeri / berkuasa mengampun / menangguh hukuman dari mahkamah / melantik jawatan utama negeri
F6 Raja sebagai tonggak kehormatan dan keadilan / mengurniakan anugerah / bintang kehormatan

Buku teks MS 28



Ciri Tradisional

1. Kesultanan atau Pemerintahan Beraja

Sejak berabad-abad, negeri Melayu diperintah berdasarkan pemerintahan beraja. Sultan merupakan pemerintah berdaulat dan memiliki kuasa penuh di negeri masing-masing.

Setelah negara kita mencapai kemerdekaan, pemerintahan beraja diteruskan dan disesuaikan dengan konsep Demokrasi Berparlimen. Yang di-Pertuan Agong diperuntukkan melalui perlembagaan kuasa pemerintahan sebagai pemerintah tertinggi negara. Kuasa Yang di-Pertuan Agong termasuklah kuasa mengampun dan menangguhkan hukuman orang yang disabitkan kesalahan oleh mahkamah. Baginda juga mempunyai kuasa membuat pelantikan bagi jawatan utama negara.

Pada peringkat negeri, raja merupakan ketua negeri. Pada baginda, terletak kuasa eksekutif yang dilaksanakan melalui nasihat Majlis Mesyuarat Negeri. Raja mempunyai kuasa mengampun dan menangguhkan hukuman kepada mereka yang disabitkan kesalahan oleh mahkamah serta pelantikan jawatan utama negeri. Raja dikenali sebagai tonggak kehormatan dan keadilan yang membolehkan baginda mengurniakan anugerah, penghormatan dan bintang kehormat kepada individu yang terpilih.

**[F/H/C/Inf]**

(c) Pada pendapat anda, bagaimanakah pemerintahan beraja dapat memainkan peranan untuk kestabilan dan kemakmuran negara?

……………………………………………………………………………………………
……………………………………………………………………………………………
……………………………………………………………………………………………
……………………………………………………………………………………………
……………………………………………………………………………………………

[4 markah]

F Lambang perpaduan
H Rakyat Malaysia terdiri daripada berbilang bangsa, agama dan budaya
C Contohnya Melayu, Cina, India dan kaum-kaum lain
In Keamanan negara dikekalkan

*Mana-mana jawapan yang munasabah*

**4** Perlembagaan Persekutuan mempunyai keunikan kerana mengandungi ciri tradisional dan ciri moden.

**(a)** Apakah ciri moden yang dimaksudkan dalam Perlembagaan Persekutuan 1957.

Ciri moden yang dimaksudkan dalam Perlembagaan Persekutuan 1957 ialah **kerajaan Persekutuan**. Laporan Suruhanjaya Perlembagaan Persekutuan Tanah Melayu menyarankan **pembahagian kuasa** antara Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri. Apabila Malaysia dibentuk, Sarawak dan Sabah diberi beberapa **autonomi**.

Seterusnya sistem **Demokrasi Berparlimen**. Asas kepada demokrasi ialah **pilihan raya** umum 1955. Pilihan raya bertujuan memberikan kebebasan kepada **rakyat** memilih pemimpin dan menentukan kerajaan yang memerintah. **Suruhanjaya Pilihan Raya** ditubuhkan yang bertanggungjawab **menjalankan** pilihan raya.

[4 markah]

**Jawapan**

F1 Kerajaan Persekutuan
H1a Pembahagian kuasa antara Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri
H1b Apabila Malaysia dibentuk, Sarawak dan Sabah diberi beberapa autonomi
F2 Sistem Demokrasi Berparlimen
H2a Memperkenalkan pilihan raya umum 1955
H2b Bertujuan memberikan kebebasan rakyat memilih pemimpin
H2c Rakyat menentukan kerajaan yang memerintah
H2d Ditubuhkan Suruhanjaya Pilihan Raya
H2e Badan ini bertanggungjawab menjalankan pilihan raya persekutuan / negeri
H2f Pilihan raya persekutuan bagi memilih wakil bagi membentuk Kerajaan Persekutuan
H2g Pilihan raya negeri bagi memilih wakil untuk membentuk Kerajaan Negeri
F3 Kewarganegaraan Persekutuan diperkenalkan
H3a Pada 1957, Perlembagaan kemerdekaan memperkenalkan taraf kewarganegaraan sama kepada semua rakyat

Buku teks MS 28-29

**2. Sistem Demokrasi Berparlimen**

Perlembagaan Persekutuan memperuntukkan sistem demokrasi di Malaysia. Asas kepada demokrasi ialah pilihan raya umum pada tahun 1955. Tujuan utama pilihan raya adalah untuk memberikan kebebasan kepada rakyat memilih wakil pemimpin dan menubuhkan kerajaan. Bagi menentukan pilihan raya dapat dijalankan dengan adil, maka ditubuhkan Suruhanjaya Pilihan Raya. Badan ini bertanggungjawab sepenuhnya untuk menjalankan pilihan raya.

- Pilihan raya persekutuan memilih wakil bagi membentuk Kerajaan Persekutuan.
- Pilihan raya negeri pula memilih wakil untuk membentuk Kerajaan Negeri.

**(b)** Terangkan ciri-ciri tradisional dalam Perlembagaan Persekutuan 1957.

Ciri -ciri tradisonal dalam Perlembagaan Persekutuan 1957 ialah **institusi kesultanan.** Sultan merupakan **pemerintah berdaulat** dan berkuasa penuh di negeri masing- masing. Setelah merdeka pemerintahan **beraja diteruskan** dan disesuaikan dengan konsep **Demokrasi Berparlimen**. **Yang di-Pertuan Agong** sebagai pemerintah tertinggi negara.

Ciri tradisonal lain ialah **agama Islam**. Selepas merdeka agama Islam diletakkan di bawah **kuasa raja** di negeri masing-masing. Seterusnya ialah ciri **Bahasa Melayu**. Bahasa Melayu menjadi **lingua Franca** dan sebagai **bahasa ilmu**. Malah Bahasa Melayu menjadi **Bahasa kebangsaan** negara kita.

[8 markah]

**Jawapan**

F1 Pemerintahan beraja / institusi kesultanan
H1a Berdaulat/ berkuasa penuh di negeri masing-masing
H1b Setelah merdeka pemerintahan beraja diteruskan
H1c Disesuaikan dengan konsep Demokrasi Berparlimen
H1d Yang di-Pertuan Agong sebagai pemerintah tertinggi negara
H1e Mempunyai kuasa mengampun / menangguhkan hukuman
H1f Membuat pelantikan bagi jawatan utama negara
H1g Peringkat negeri, raja merupakan Ketua Negeri
H1h Melaksanakan kuasa eksekutif melalui nasihat Majlis Mesyuarat Negeri
H1i Melantik jawatan utama negeri
H1j Mengurniakan anugerah / penghormatan / bintang

F2 Kedudukan agama Islam / adat istiadat Melayu
H2a Raja-raja Melayu berkuasa dalam hal agama / adat
H2b Selepas merdeka, agama Islam terletak di bawah kuasa negeri masing-masing
H2c YDPA menjadi ketua agama Islam di negeri-negeri yang tidak beraja
F3 Kedudukan Bahasa Melayu
H3a Sejak zaman KMM, digunakan dalam pemerintahan
H3b Menjadi lingua franca
H3c Memainkan peranan sebagai Bahasa ilmu
H3d Kini menjadi Bahasa kebangsaan / Bahasa rasmi negara
F4 Kedudukan orang Melayu / bumiputera
H4a Sebelum merdeka di bawah kuasa raja / ketua peribumi
H4b Selepas merdeka YdPA memelihara kedudukan istimewa orang Melayu / bumiputera Sarawak dan Sabah
H4c Memelihara kepentingan sah kaum lain

Buku teks MS 28-29



Ciri Tradisional

1. Kesultanan atau Pemerintahan Beraja
Sejak berabad-abad, negeri Melayu diperintah berdasarkan pemerintahan beraja. Sultan merupakan pemerintah berdaulat dan memiliki kuasa penuh di negeri masing-masing.
Setelah negara kita mencapai kemerdekaan, pemerintahan beraja diteruskan dan disesuaikan dengan konsep Demokrasi Berparlimen. Yang di-Pertuan Agong diperuntukkan melalui perlembagaan kuasa pemerintahan sebagai pemerintah tertinggi negara. Kuasa Yang di-Pertuan Agong termasuklah kuasa mengampun dan menangguhkan hukuman orang yang disabitkan kesalahan oleh mahkamah. Baginda juga mempunyai kuasa membuat pelantikan bagi jawatan utama negara.
Pada peringkat negeri, raja merupakan ketua negeri. Pada baginda, terletak kuasa eksekutif yang dilaksanakan melalui nasihat Majlis Mesyuarat Negeri. Raja mempunyai kuasa mengampun dan menangguhkan hukuman kepada mereka yang disabitkan kesalahan oleh mahkamah serta pelantikan jawatan utama negeri. Raja dikenali sebagai tonggak kehormatan dan keadilan yang membolehkan baginda mengurniakan anugerah, penghormatan dan bintang kehormat kepada individu yang terpilih.

Ciri Tradisional

2. Agama Islam
Peruntukan perlembagaan berkaitan dengan agama Islam merupakan antara ciri tradisional. Pada zaman British, raja di negeri Melayu tidak perlu menerima nasihat daripada penasihat British berkaitan dengan hak dan kedaulatan raja, adat istiadat orang Melayu dan agama Islam.
Selepas merdeka, agama Islam bagi negeri Melayu terletak di bawah kuasa raja di negeri masing-masing. Bagi Wilayah Persekutuan dan negeri tidak beraja, perkara ini terletak di bawah kuasa Yang di-Pertuan Agong.

3. Bahasa Melayu
Sejak zaman Kesultanan Melayu Melaka, bahasa Melayu digunakan dalam pemerintahan. Bahasa Melayu menjadi *lingua franca* dan memainkan peranan sebagai bahasa ilmu. Kini, bahasa Melayu menjadi bahasa kebangsaan dan bahasa rasmi di negara kita.

4. Kedudukan Orang Melayu dan Bumiputera
Sebelum merdeka, kedudukan orang Melayu dan bumiputera adalah di bawah kuasa raja dan ketua peribumi. Apabila negara kita merdeka, Yang di-Pertuan Agong diberi tanggungjawab memelihara kedudukan istimewa orang Melayu dan bumiputera Sarawak dan Sabah serta kepentingan sah kaum lain.

**[F/H/C/Inf]**

(c) Sebagai rakyat Malaysia kita perlu mematuhi undang-undang bagi menjamin keamanan negara dan kesejahteraan hidup.
Bagaimanakah anda memelihara Perlembagaan Persekutuan?

Cara saya memelihara Perlembagaan Persekutuan ialah sentiasa **menunjukkan taat setia** kepada raja dan negara. Hal ini kerana dapat menimbulkan **rasa sayang** kepada negara Contohnya saya **tidak akan memburukkan** nama baik negara. Malah saya sanggup **berkorban demi negara**. Kesannya negara **kekal berdaulat** dan pemerintahan di dalam negara **berjalan lancar.**

Selain itu, saya akan **menghormati agama dan kepercayaan** masing-masing. Hal ini membolehkan saya sentiasa **bertolak ansur** dan **bekerjasama** antara satu sama lain. Contohnya tidak menimbulkan **isu-isu perkauman**. Kesannya k**eharmonian** antara kaum dapat diwujudkan.

*Mana-mana jawapan yang munasabah*
[8 markah]

**5** Perlembagaan Tanah melayu 1957 dipinda selepas pembentukan Malaysia.

**(a)** Mengapakah pindaan Perlembagaan 1963 dibuat?

…………………………………………………………………………………………………….
…………………………………………………………………………………………………….
…………………………………………………………………………………………………….
…………………………………………………………………………………………………….

[4 markah]

**Jawapan**

F1 Pembentukan Malaysia
H1 Penggabungan Tanah Melayu, Singapura, Sarawak dan Sabah
F2 Menyesuaikan peruntukan negeri-negeri baharu
H2 Mengubahsuai struktur mahkamah negeri-negeri tersebut
F3 Mewujudkan jawatan Yang di-Pertuan Negeri di Sarawak dan Sabah
H3 YdPA berkuasa melantik YdP Negeri

Buku teks MS 30



2.4 Pindaan Perlembagaan Persekutuan 1963 dan 1965

Perlembagaan Tanah Melayu 1957 menjadi asas kepada Perlembagaan Persekutuan Malaysia 1963. Hal ini berlaku apabila terjadi penggabungan Persekutuan Tanah Melayu, Sarawak, Sabah dan Singapura. Pindaan perlembagaan yang dilakukan bertujuan menyesuaikan peruntukan negeri baharu ke dalam perlembagaan tanpa mengubah kedudukan negeri yang sedia ada. Terdapat beberapa pindaan perlembagaan yang utama dilakukan pada tahun 1963 dan 1965 melibatkan struktur Mahkamah Atasan dan pemisahan Singapura.

Pindaan Perlembagaan 1963

Perlembagaan Persekutuan Tanah Melayu 1957 dipinda selepas pembentukan Malaysia. Pindaan yang dibuat adalah dengan cara memasukkan klausa baharu pada bahagian tertentu bagi menyesuaikannya dengan keperluan semasa. Terdapat tiga perkara utama yang berlaku dalam pindaan Perlembagaan 1963, iaitu struktur Mahkamah Atasan, pembentukan Mahkamah Tinggi Borneo dan jawatan Yang di-Pertua Negeri.

1 Struktur Mahkamah Atasan

Perlembagaan Persekutuan Tanah Melayu 1957 menetapkan struktur Mahkamah Atasan mengikut model Mahkamah Tertinggi England yang membahagikannya kepada Mahkamah Atasan dan Mahkamah Rayuan. Apabila Malaysia dibentuk, Mahkamah Atasan diwujudkan, iaitu Mahkamah Persekutuan. Tiga buah Mahkamah Atasan diwujudkan, iaitu di Persekutuan Tanah Melayu, di Sarawak dan Sabah serta di Singapura. Mahkamah Persekutuan boleh mendengar mana-mana persoalan perlembagaan dan pertikaian antara Kerajaan Persekutuan dengan Kerajaan Negeri.

1. Sabah dikenali sebagai North Borneo sebelum pembentukan Malaysia.

2 Pembentukan Mahkamah Tinggi Borneo

Perlembagaan Malaysia mengekalkan kedudukan Mahkamah Tinggi Malaya dan pada masa yang sama diwujudkan Mahkamah Tinggi Borneo. Mahkamah Tinggi Borneo ini

**(b)** Huraikan tiga perkara utama yang berlaku dalam pindaan Perlembagaan 1963.

…………………………………………………………………………………………………….
…………………………………………………………………………………………………….
…………………………………………………………………………………………………….
…………………………………………………………………………………………………….
…………………………………………………………………………………………………….

[8 markah]

**Jawapan**

F1 Struktur mahkamah atasan
H1a Perlembagaan Persekutuan Tanah Melayu 1957 menetapkan struktur Mahkamah Tertinggi mengikut Mahkamah Tertinggi di England
H1b Membahagikannya kepada Mahkamah Tinggi dan Mahkamah Rayuan
H1c Apabila Malaysia dibentuk, Mahkamah Atasan diwujudkan iaitu Mahkamah Persekutuan
H1d Tiga buah mahkamah Persekutuan di Tanah Melayu, Singapura, Sarawak dan Sabah
H1e Mahkamah Persekutuan boleh mendengar isu perlembagaan dan pertikaian antara Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri
F2 Pembentukan Mahkamah Tinggi Borneo
H2a Menguruskan soal kehakiman di Sarawak dan Sabah
H2b Jawatan Ketua Hakim Borneo (1963) diwujudkan di Kuching, Sarawak
H2c Pada 1994, nama jawatan diubah kepada Ketua Hakim Sarawak dan Sabah
F3 Jawatan Yang di-Pertua Negeri
H3a Sarawak dan Dabah diketuai oleh Yang di-Pertua Negeri yang dilantik oleh Yang di-Pertuan Agong
H3b Yang di-Pertua Negeri mengikut nasohat Mahlis Tertinggi bagi Sarawak dan Kabinet bagi Sabah

Buku teks MS 30-31



1 Struktur Mahkamah Atasan

Perlembagaan Persekutuan Tanah Melayu 1957 menetapkan struktur Mahkamah Atasan mengikut model Mahkamah Tertinggi England yang membahagikannya kepada Mahkamah Atasan dan Mahkamah Rayuan. Apabila Malaysia dibentuk, Mahkamah Atasan diwujudkan, iaitu Mahkamah Persekutuan. Tiga buah Mahkamah Atasan diwujudkan, iaitu di Persekutuan Tanah Melayu, di Sarawak dan Sabah serta di Singapura. Mahkamah Persekutuan boleh mendengar mana-mana persoalan perlembagaan dan pertikaian antara Kerajaan Persekutuan dengan Kerajaan Negeri.

Sabah dikenali sebagai North Borneo sebelum pembentukan Malaysia.
Pesuruhjaya Kehakiman yang bertauliah dilantik di North Borneo pada tahun 1912. Jawatan ini kemudian dikenali sebagai Ketua Hakim North Borneo. Sarawak pula mula menerima Pesuruhjaya Kehakiman bertauliah pada tahun 1928.

2 Pembentukan Mahkamah Tinggi Borneo

Perlembagaan Malaysia mengekalkan kedudukan Mahkamah Tinggi Malaya dan pada masa yang sama diwujudkan Mahkamah Tinggi Borneo. Mahkamah Tinggi Borneo ini berperanan untuk menguruskan soal kehakiman di Sarawak dan Sabah. Pada tahun 1963, jawatan Ketua Hakim Borneo diwujudkan dengan berpusat di Kuching, Sarawak. Menjelang tahun 1994, nama jawatan ini diubah kepada Ketua Hakim Sarawak dan Sabah.

3 Jawatan Yang di-Pertua Negeri

Apabila Malaysia dibentuk, Sarawak dan Sabah diketuai oleh Yang di-Pertua Negeri yang dilantik oleh Yang di-Pertuan Agong. Dalam menjalankan tugasnya, Yang di-Pertua Negeri perlu mengikut nasihat Majlis Tertinggi bagi Sarawak dan Kabinet Negeri bagi Sabah.

| | |
|---|---|
| [F/H/C/Inf] | (c) Perlembagaan perlu dipinda supaya sentiasa relevan dengan keperluan semasa.<br>Pada pendapat anda, apakah tujuan pindaan dibuat pada Perlembagaan Persekutuan?<br><br>……………………………………………………………………………………………………..<br>……………………………………………………………………………………………………..<br>……………………………………………………………………………………………………..<br>……………………………………………………………………………………………………..<br>……………………………………………………………………………………………………..<br>[8 markah] |
| | F Melicinkan urusan pentadbiran negara<br>H Sistem politik negara menjadi stabil<br>C Semua pemimpin menjadikan perlembagaan sebagai panduan dalam mentadbir<br>In Kedaulatan negara dapat dikekalkan<br><br>F Melarang perkara sensitif dipersoalkan secara terbuka<br>H Perbalahan antara kaum dapat dielakkan<br>C pemerintahan beraja / agama Islam / kedudukan bahasa Melayu / kedudukan istimewa orang Melayu<br>In Keharmonian masyarakat berbilang kaum dapat dikekalkan<br><br>*Mana-mana jawapan munasabah* |



T5B3 SK12.3 Raja Berperlembagaan dan Demokrasi Berparlimen | Soalan Subjektif Respons Terhad / Bahagian A

**1** Sistem pemerintahan beraja merupakan tradisi yang berakar umbi dan menjadi teras kewujudan kerajaan Melayu.

**(a)** Jelaskan kedudukan raja dalam Kesultanan Melayu Melaka.

Dalam Kesultanan Melayu Melaka, Raja ialah pemerintah yang **berkuasa mutlak**. Pada baginda terletak **semua kuasa pemerintahan** termasuk **kuasa pentadbiran, perundangan dan kehakiman**.

[2 markah]

**Jawapan**

F1 berkuasa mutlak
F2 semua kuasa pemerintahan
F3 kuasa pentadbiran / perundangan / kehakiman
F4 sumber undang-undang
F5 ketua kerajaan
F6 ketua agama Islam
F7 mempertahankan adat dan struktur masyarakat
F8 berdaulat

Buku teks MS38

**Pemerintahan Beraja Kesultanan Melayu Melaka**

Kesultanan Melayu Melaka memperlihatkan pemerintahan beraja yang berwibawa. Raja ialah pemerintah yang berkuasa mutlak. Pada baginda terletak semua kuasa pemerintahan termasuk kuasa pentadbiran, perundangan dan kehakiman.

Pemerintahan pula berdasarkan undang-undang, iaitu Hukum Kanun Melaka dan Undang-Undang Laut Melaka. Keadaan ini membuktikan bahawa kehidupan bernegara dan ciri sistem berperlembagaan terserlah pada zaman Kesultanan Melayu Melaka.

Pemerintahan kesultanan ini diperkukuh dengan konsep Islam. Konsep ini sekali gus menjadikan raja sebagai ketua agama Islam.

Pemerintahan Kesultanan Melayu Melaka mempunyai pengaruh yang besar bagi membina tradisi dan adat istiadat yang diwarisi oleh kesultanan Melayu yang muncul kemudiannya. Kesultanan Melayu merujuk kerajaan yang mempunyai pertalian dengan Kesultanan Melayu Melaka sama ada dari segi keturunan mahupun pernah menjadi naungan atau jajahan takluk kesultanan ini.

Secara tradisinya, Raja-raja Melayu dianggap sebagai sumber undang-undang, ketua kerajaan dan ketua agama. Baginda bertanggungjawab mempertahankan adat dan struktur masyarakat dalam kerajaan Melayu. Keabsahan bagi semua tindakan terletak pada kedaulatan Raja-raja Melayu.

**(b)** Sebelum Perang Dunia Kedua, Raja-raja Melayu telah berusaha menghalang British daripada menjajah negeri-negeri Melayu.
Jelaskan kejayaan Raja-raja Melayu dalam usaha ini.

Antara kejayaan Raja-raja Melayu untuk menghalang British daripada menjajah negeri-negeri Melayu ialah British hanya berupaya memperkenalkan **Sistem Residen di NNMB** dan **Sistem penasihat di NNMTB**. Di NNMB Raja **kekal sebagai pemerintah yang berdaulat**. Raja-raja Melayu hanya **menerima nasihat daripada pegawai British yang dilantik sebagai Residen**. Manakala di NNMTB, kedudukan raja **lebih kukuh**. Pentadbiran negeri tetap dilaksanakan oleh **pembesar yang dilantik oleh raja** walaupun British menempatkan Penasihat British. Penggubalan **Undang-undang Tubuh Kerajaan Johor 1895** dan **Undang-undang bagi Diri Kerajaan Terengganu 1911** juga telah **menghalang perluasan pengaruh British** dan mengekalkan kedaulatan negeri.

[4 markah]

**Jawapan**

F1 British hanya berupaya memperkenalkan Sistem Residen di NNMB
F2 Sistem Penasihat di NNMTB
F3 Raja kekal sebagai pemerintah yang berdaulat di NNMB
F4 hanya menerima nasihat Residen
F5 kedudukan lebih kukuh di NNMTB
F6 pentadbiran dilaksanakan oleh pembesar yang dilantik oleh raja
F7 penggubalan Undang-undang Tubuh Kerajaan Johor 1895 / Undang-undang bagi Diri Kerajaan Terengganu 1911
F8 menghalang perluasan pengaruh British
F9 mengekalkan kedaulatan negeri
F10 negeri Melayu hanya menjadi negeri naungan British

Buku teks MS39

**Sebelum Perang Dunia Kedua**

Semasa peluasan pengaruh British, pemerintahan beraja menjadi penghalang yang menyukarkan British melakukan penjajahan di negeri Melayu. British sekadar berupaya memperkenalkan Sistem Residen di NNMB dan Sistem Penasihat di NNMTB. Raja-raja Melayu memerintah dengan campur tangan British dalam pentadbiran tempatan yang dimeterai melalui perjanjian atau surat perisytiharan daripada Raja-raja Melayu.

Bagi NNMB, British hanya mengambil alih pentadbiran pada peringkat pembesar negeri. Raja-raja Melayu kekal sebagai pemerintah berdaulat, walaupun dikehendaki menerima nasihat daripada pegawai British yang dilantik sebagai Residen.

Bagi NNMTB, kedudukan raja yang memerintah adalah lebih kukuh. British menempatkan Penasihat British, namun pentadbiran negeri tetap dilaksanakan oleh pembesar yang dilantik oleh raja.

Penggubalan Undang-Undang Tubuh Kerajaan Johor 1895 dan Undang-Undang Bagi Diri Kerajaan Terengganu 1911 menyerlahkan ciri pemerintahan Raja Berperlembagaan dalam Kesultanan Johor dan Terengganu.

Penggubalan undang-undang tersebut berkait rapat dengan usaha raja, pembesar dan rakyat untuk menghalang peluasan pengaruh British dan mengekalkan kedaulatan negeri.

| | |
|---|---|
| [F/H/C/Inf] | (d) Bandingkan sistem pemerintahan beraja dalam Kesultanan Melayu Melaka dengan Malaysia pada hari ini.<br><br>Dalam Kesultanan Melayu Melaka, Raja adalah berkuasa mutlak dan memegang semua kuasa pemerintahan, termasuklah kuasa pentadbiran, perundangan dan kehakiman. Manakala, Yang di-Pertuan Agong sekarang merupakan Raja Berperlembagaan. Kedudukan dan kuasa Yang di-Pertuan Agong termaktub dalam Perlembagaan Persekutuan. Namun demikian, persamaannya ialah kedua-duanya merupakan Ketua Utama Negara dan ketua agama Islam. Hal ini menunjukkan bahawa sistem pemerintahan beraja di negara kita adalah warisan daripada Kesultanan Melayu Melaka dengan beberapa pindaan dibuat supaya sesuai dengan konsep demokrasi.<br>[4 markah] |
| | F1 dalam KMM Raja berkuasa mutlak<br>H1a Raja memegang semua kuasa<br>C1 Kuasa pentadbiran / perundangan / kehakiman<br>F2 Yang di-Pertuan Agong merupakan Raja Berperlembagaan<br>H2a termaktub dalam Perlembagaan Persekutuan<br>F3 Persamaannya kedua-dua merupakan Ketua Utama Negara<br>H2a Ketua agama Islam<br>In1 sistem beraja adalah warisan warisan KMM<br>In2 pindaan sesuai dengan konsep demokrasi<br>*Mana-mana jawapan yang munasabah* |

| T5B3 SK12.3 Raja Berperlembagaan dan Demokrasi Berparlimen | Soalan Subjektif Respons Terhad / Bahagian A |
|---|---|

**2** Gambar berikut menunjukkan Raja-raja Melayu bergambar semasa majlis menandatangani Perjanjian Persekutuan Tanah Melayu 1948.



**(a)** Nyatakan ciri-ciri Majlis Raja-raja 1948.

…………………………………………………………………………………………………………..
…………………………………………………………………………………………………………..
………………………………………………………………………………………………………….

[2 markah]

**Jawapan**

(a)
F1 dilengkapi dengan kuasa dan secretariat
F2 diurus sepenuhnya oleh Raja-raja Melayu
F3 Pengerusi mesyuarat ditentukan oleh Raja-raja Melayu
F4 dalam kalangan sembilan orang Raja Melayu
F5 Persidangan perlu disertai oleh Penyimpan Mohor Besar Raja-raja

Buku teks MS43



**Majlis Raja-Raja Semasa Persekutuan Tanah Melayu 1948**

Majlis Raja-Raja ditubuhkan secara rasmi pada tahun 1948 apabila Persekutuan Tanah Melayu dibentuk menggantikan Malayan Union. Berdasarkan Perjanjian Persekutuan Tanah Melayu 1948, Majlis Raja-Raja menjadi institusi yang dilengkapi dengan kuasa dan sekretariat, sesuai dengan kedudukan dan peranannya.

Majlis Raja-Raja diurus sepenuhnya oleh Raja-raja Melayu. Pengerusi mesyuarat ditentukan oleh Raja-raja Melayu dalam kalangan sembilan orang Raja Melayu. Persidangan Majlis Raja-Raja perlu disertai oleh Penyimpan Mohor Besar Raja-Raja untuk memeterai keputusan persidangan. Raja-raja Melayu diberi hak dan kuasa untuk mendapat penerangan daripada Pesuruhjaya Tinggi British tentang penggubalan undang-undang dan dasar Kerajaan Persekutuan.

**(b)** Jelaskan fungsi Majlis Raja-raja pada hari ini.

…………………………………………………………………………………………………………..
………………………………………………………………………………………………………….
………………………………………………………………………………………………………….
………………………………………………………………………………………………………….
………………………………………………………………………………………………………….

[4 markah]

**Jawapan**

F1 memilih Yang di-Pertuan Agong dan Timbalan Yang di-Pertuan Agong
F2 bersetuju atau tidak bersetuju sebarang undang-undang yang memerlukan persetujuan Majlis Raja-raja
F3 memberikan nasihat berkaitan dengan perlantikan jawatan tertentu
F4 menjadi rujukan dalam perubahan dasar berhubung kedudukan istimewa orang Melayu, bumiputera di Sarawak dan Sabah dan kepentingan sah kaum yang lain.
F5 menjadi Lembaga Pengampunan bagi kes-kes tertentu
F6 memperkenankan perubahan persempadanan negeri setelah mendapat perkenan raja negeri berkenaan
F7 memperkenankan pindaan perlembagaan bagi perkara-perkara tertentu.

BUKU TEKS MS 44-45



| | |
|---|---|
| [F/H/C/Inf] | (c) Senarai berikut menunjukkan jawatan penting yang perlantikannya memerlukan rundingan dengan Majlis Raja-raja<br><br>• Ketua Audit Negara<br>• Ketua Hakim Negara<br>• Hakim Mahkamah Atasan<br>• Pengerusi dan Ahli Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR)<br><br>Mengapakah perlantikan jawatan penting tersebut memerlukan rundingan dengan Majlis Raja-raja?<br><br>……………………………………………………………………………………………………<br>……………………………………………………………………………………………………<br>……………………………………………………………………………………………………<br>……………………………………………………………………………………………………<br>……………………………………………………………………………………………………<br>[4 markah] |
| | F1 : menjamin kebebasan badan kehakiman<br>H1a : mengelakkan pengaruh politik dalam membuat keputusan<br>H1b : menghindari rasuah dan penyalahgunaan kuasa<br>C1 : Hakim menjatuhkan hukuman dengan adil<br>In : mengekalkan keharmonian dan kesejahteraan masyarakat<br><br>F2 : memastikan pilihan raya diadakan secara telus dan adil<br>H2a : SPR merupakan badan yang bebas dan berkecuali<br>C2 : tidak memihak kepada mana-mana parti politik<br>In : amalan demokrasi berparlimen terpelihara<br>*Mana-mana jawapan yang munasabah* |

| T5B3 SK12.3 Raja Berperlembagaan dan Demokrasi Berparlimen | Soalan Subjektif Respons Terhad / Bahagian A |
|---|---|

**3** Kebebasan asasi atau hak asasi merupakan salah satu ciri amalan demokrasi yang dinikmati oleh setiap warga negara Malaysia.

**(a)** Rajah berikut menunjukkan kebebasan asasi berdasarkan Perlembagaan Persekutuan.




Apakah X dan Y?

X : ……………………………………………………………………..
Y : ……………………………………………………………………..

[2 markah]

**Jawapan**

F1 Kebebasan beragama
F2 Hak berkenaan dengan pendidikan
F3 Kebebasan bersuara / berhimpun / berpersatuan

Buku teks MS51




**(b)** Kebebasan asasi yang diperuntukkan dalam perlembagaan tidaklah bersifat mutlak tetapi tertakluk kepada sekatan yang ditentukan oleh undang-undang.
Mengapakah hal ini demikian?

……………………………………………………………………………………………………..
……………………………………………………………………………………………………..
……………………………………………………………………………………………………..
……………………………………………………………………………………………………..
…………………………………………………………………………………………………….

[4 markah]

**Jawapan**

F1 : menjamin ketenteraman awam
H1a : kebebasan bersuara tidak disalahgunakan
H1b : mencetuskan kegelisahan dan permusuhan
C : menyebarkan berita palsu / mengapi-apikan sentimen perkauman
In : mengekalkan keamanan negara dan perpaduan rakyat berbilang kaum

**[F/H/C/Inf]**

(c) Sebagai warganegara Malaysia, bagaimanakah anda mengamalkan kebebasan asasi dengan bertanggungjawab demi menjamin kesejahateraan awam?

…………………………………………………………………………………………………….
…………………………………………………………………………………………………….
…………………………………………………………………………………………………….
…………………………………………………………………………………………………….
…………………………………………………………………………………………………….

[4 markah]

| | |
|---|---|
| | F1 : mematuhi undang-undang<br>H1a : tidak melakukan jenayah<br>C. : mencuri / rasuah / menipu<br>H1b : menggunakan media sosial secara berhemah<br>C : tidak menyebarkan berita palsu / siber buli<br>In : keharmonian masyarakat lebih terjamin<br>*Mana-mana jawapan yang munasabah* |

| T5B3 SK12.3 Raja Berperlembagaan dan Demokrasi Berparlimen | Soalan Subjektif Respons Terbuka / Bahagian B |
|---|---|

| | |
|---|---|
| 4 | Maklumat berikut berkaitan dengan Perkara 32 Perlembagaan Persekutuan yang memperuntukkan kedudukan Yang di-Pertuan Agong.<br><br>**PERLEMBAGAAN PERSEKUTUAN**<br>**Bahagian IV**<br>**PERSEKUTUAN**<br>Bab 1—Ketua Utama Negara<br>Perkara 32: Ketua Utama Negara bagi Persekutuan, dan Isterinya<br>(1) Maka hendaklah ada seorang Ketua Utama Negara bagi Persekutuan, digelar Yang di-Pertuan Agong, yang hendaklah diberi keutamaan daripada segala orang di dalam Persekutuan dan yang tidak boleh dikenakan apa-apa jua pun prosiding di dalam mana-mana mahkamah kecuali di dalam Mahkamah Khas yang ditubuhkan di bawah Bahagian XV.<br>(2) Isteri Yang di-Pertuan Agong (digelar Raja Permaisuri Agong) hendaklah diberi keutamaan daripada segala orang lain di dalam Persekutuan selepas Yang di-Pertuan Agong.<br>(3) Yang di-Pertuan Agong hendaklah dipilih oleh Majlis Raja-Raja bagi tempoh lima tahun, tetapi boleh pada bila-bila masa meletakkan jawatannya melalui surat yang ditandatangani sendiri olehnya yang ditujukan kepada Majlis Raja-Raja atau boleh dipecat daripada jawatannya oleh Majlis Raja-Raja, dan hendaklah berhenti memegang jawatan apabila terhenti menjadi Raja.<br>*Sumber* : Lembaga Penyelidikan Undang-undang, 2019, *Perlembagaan Persekutuan*. Petaling Jaya: International Law Book Services. |
| (a) | Berdasarkan maklumat di atas, jelaskan kedudukan dan cara pemilihan Yang di-Pertuan Agong.<br><br>Kedudukan Yang di-Pertuan Agong merupakan **Ketua Utama Negara**. Sebagai Ketua Utama Negara, Yang di-Pertuan Agong menjadi **punca kedaulatan, ketaatan, perpaduan, kebesaran dan kemuliaan negara**. Yang di-Pertuan Agong **dipilih oleh Majlis Raja-raja** dalam kalangan **raja yang memerintah di sembilan buah negeri** dalam persekutuan dan baginda memegang jawatan bagi **tempoh lima tahun**.<br>[4 markah] |
| Jawapan | F1 Ketua Utama Negara<br>F2 punca kedaulatan / ketaatan / perpaduan / kebesaran / kemuliaan negara<br>F3 dipilih oleh Majlis Raja-raja<br>F4 dalam kalangan raja yang memerintah di semiblan buah negeri<br>F5 tempoh lima tahun<br><br>Buku teks MS47<br><br>**Kedudukan Yang di-Pertuan Agong**<br>Kedudukan Yang di-Pertuan Agong sebagai Ketua Utama Negara termaktub dalam Perkara 32 Perlembagaan Persekutuan. Sebagai Ketua Utama Negara, Yang di-Pertuan Agong menjadi punca kedaulatan, ketaatan, perpaduan, kebesaran dan kemuliaan negara. |
| (b) | Huraikan kuasa Yang di-Pertuan Agong dalam bidang eksekutif.<br><br>Antara kuasa Yang di-Pertuan Agong dalam bidang eksekutif ialah **melantik Perdana Menteri dan Jemaah Menteri**. Baginda melantik **seorang Ahli Dewan Rakyat** yang pada budi bicara baginda **mendapat kepercayaan sebilangan besar ahli Dewan Rakyat** sebagai Perdana Menteri. Seterusnya, baginda **dengan nasihat Perdana Menteri** akan **melantik Menteri-menteri dan Timbalan Menteri**.<br>Selain itu, Yang di-Pertuan Agong berkuasa **melantik jawatan penting** seperti **Peguam Negara, Panglima Angkatan Tentera dan Ketua Audit Negara**. Baginda juga melantik **Ahli Suruhanjaya Pilihan Raya, ahli Suruhanjaya Polis** dan sejumlah ahli **Majlis Angkatan Tentera.**<br>Dalam bidang **ketenteraan**, Yang di-Pertuan Agong ialah **pemerintah tertinggi seluruh Angkatan Tentera Malaysia**. Baginda juga **melantik diplomat Malaysia ke luar negara**. Akhir sekali, baginda juga **menerima menghadap diplomat asing** sebelum mereka mula menjalankan tugas di Malaysia.<br>[8 markah] |

Jawapan

F1 Melantik Perdana Menteri dan Jemaah Menteri
H1a melantik seorang ahli Dewan Rakyat
H1b pada budi bicara baginda mendapat kepercayaan sebilangan besar ahli Dewan Rakyat sebagai Perdana Menteri
H1c dengan nasihat Perdana Menteri
H1d melantik Menteri dan Timbalan Menteri
F2 Perlantik jawatan penting
H2a Peguam Negara / Panglima Angkatan Tentera / Ketua Audit Negara
H2b Ahli Suruhanjaya Pilihan Raya / Ahli Suruhanjaya Polis / ahli Majlis Angkatan Tentera
F3 Ketenteraan
H3a pemerintah tertinggi seluruh Angkatan Tentera Malaysia
H3b dibantu oleh Majlis Angkatan Tentera
F4 Diplomatik
H4a melantik diplomat Malaysia ke luar negara
H4b menerima menghadap diplomat asing

Buku teks MS48


**Kuasa Eksekutif**
- Yang di-Pertuan Agong bertindak mengikut nasihat Jemaah Menteri.

**Melantik Perdana Menteri dan Jemaah Menteri**
- Yang di-Pertuan Agong melantik seorang Ahli Dewan Rakyat yang pada budi bicara baginda mendapat kepercayaan sebilangan besar ahli Dewan Rakyat sebagai Perdana Menteri.
- Baginda dengan nasihat Perdana Menteri melantik Menteri-menteri, Timbalan-timbalan Menteri daripada Ahli Dewan Rakyat atau Dewan Negara.

**Pelantikan Jawatan Penting**
- Yang di-Pertuan Agong melantik Peguam Negara, Panglima Angkatan Tentera dan Ketua Audit Negara.
- Baginda juga melantik Ahli Suruhanjaya Pilihan Raya, Ahli Suruhanjaya Polis dan sejumlah ahli dalam Majlis Angkatan Tentera.

**Ketenteraan**
- Yang di-Pertuan Agong ialah pemerintah tertinggi seluruh Angkatan Tentera Malaysia.
- Baginda dibantu oleh Majlis Angkatan Tentera yang bertanggungjawab di bawah kuasa baginda bagi pemerintahan, tatatertib dan pentadbiran angkatan tentera serta perkara yang bersangkutan dengan gerakan tentera.

**Diplomatik**
- Yang di-Pertuan Agong melantik diplomat Malaysia ke luar negara.
- Baginda juga menerima menghadap diplomat asing sebelum mereka mula menjalankan tugas di Malaysia.

[F/H/C/Inf]

(c) "Kesetiaan kepada Raja dan Negara" merupakan prinsip kedua Rukun Negara.
Sebagai warganegara yang patriotik, bagaimanakah anda menzahirkan taat setia kepada Yang di-Pertuan Agong, tonggak pemerintahan negara?

Bagi menzahirkan taat setia kepada Yang di-Pertuan Agong, saya akan sentiasa **mengamalkan prinisp Rukun Negara**. Pertamanya, saya akan **berpegang teguh kepada agama**. Oleh itu saya dapat **membezakan perkara yang baik dan buruk**. Saya juga akan **mengamalkan nilai-nilai baik** seperti berkata benar, tolong menolong dan saling menghormati. Oleh itu, **keharmonian hidup bermasyarakat** akan terpelihara.

Selain itu, saya sentiasa **mematuhi undang-undang negara**. Saya tidak akan melakukan perbuatan yang **melanggar undang-undang** seperti membuang sampah merata-rata serta memandu melebihi had laju. Jika setiap warganegara mematuhi undang-undang maka negara akan **aman damai.**

Seterusnya saya juga sentiasa **menjaga kesopanan dan kesusilaan** dalam kehidupan seharian. Misalnya saya akan **menghormati agama dan kebudayaan** kaum yang lain. Saya juga akan **membantu rakan-rakan tanpa mengira kaum**. Oleh yang demikian, saya dapat memberi sumbangan ke arah **mewujudkan perpaduan kaum** di negara kita. Ringkasnya, dengan mengamalkan prinsip Rukun Negara kita dapat **mengekalkan keharmonian dan kesejahteraan rakyat Malaysia.** Secara tidak langsung kita telah menzahirkan kesetiaan kepada Yang di-Pertuan Agong.

[8 markah]

F1 mengamalkan prinsip Rukun Negara
F2 berpegang teguh kepada agama
H2a membezakan baik dan buruk
H2b mengamalkan nilai baik
C berkata benar / tolong-menolong / saling menghormati
In keharmonian hidup bermasyarakat terpelihara
F3 mematuhi undang-undang negara
H3a tidak melanggar undang-undang
C membuang sampah merata-rata / memandu melebihi had laju
In negara aman damai
F4 menjaga kesopanan dan kesusilaan
H4a menghormati agama dan kebudayaan kaum lain
H4b membantu rakan tanpa mengira kaum
H4c mewujudkan perpaduan kaum
In mengekalkan keharmonian dan kesejahteraan rakyat Malaysia

*Mana-mana jawapan yang munasabah*

| T5B3 SK12.3 Raja Berperlembagaan dan Demokrasi Berparlimen | Soalan Subjektif Respons Terbuka/ Bahagian B |
|---|---|

**5** Pengasingan kuasa dalam pemerintahan merupakan salah satu ciri sistem demokrasi berparlimen yang diamalkan sejak negara mencapai kemerdekaan hingga ke hari ini.

**(a)** Jelaskan konsep pengasingan kuasa di negara kita.

..............................................................................................................................
..............................................................................................................................
..............................................................................................................................
..............................................................................................................................
..............................................................................................................................

[4 markah]

**Jawapan**

| | |
|---|---|
| F1 kuasa pemerintahan dibahagikan kepada 3 badan<br>F2 badan perundangan (legislatif) / badan pelaksana (eksekutif) / badan kehakiman (judisiari)<br>F3 kuasa badan tersebut ditentukan oleh Perlembagaan Persekutuan<br>F4 Yang di-Pertuan Agong selaku Ketua Utama Negara<br>F5 merupakan punca kuasa ketiga-tiga badan tersebut. | Buku teks MS52<br><br>**Pengasingan Kuasa dalam Pemerintahan**<br>Pengasingan kuasa diamalkan sejak negara mencapai kemerdekaan hingga hari ini. Kuasa pemerintahan di negara kita dibahagikan kepada tiga badan, iaitu badan perundangan (legislatif), eksekutif (pelaksana) dan kehakiman (judisiari). Kuasa badan tersebut ditentukan oleh Perlembagaan Persekutuan. Yang di-Pertuan Agong sebagai Ketua Utama Negara merupakan punca kuasa kepada ketiga-tiga badan ini. |

**(b)** Rajah berikut menunjukkan dua peringkat badan perundangan Malaysia




Jelaskan ciri-ciri badan perundangan negara kita.

..............................................................................................................................
..............................................................................................................................
..............................................................................................................................
..............................................................................................................................
..............................................................................................................................
..............................................................................................................................
..............................................................................................................................
..............................................................................................................................
..............................................................................................................................
..............................................................................................................................
..............................................................................................................................
..............................................................................................................................
..............................................................................................................................
..............................................................................................................................
..............................................................................................................................

[8 markah]

Jawapan

F1 Badan perundangan berfungsi menggubal undang-undang
F2 Badan perudangan pada peringkat kerajaan persekutuan ialah parlimen
F3 Badan perundangan pada peringkat kerajaan negeri ialah Dewan Undangan Negeri atau DUN
F5 Parlimen terdiri daripada tiga komponen
F6 Yang di-Pertuan Agong / Dewan Rakyat / Dewan Negara
F7 Yang di-Pertuan Agong merupakan salah satu komponen dalam badan perundangan
F8 Dewan Rakyat atau perwakilan, ahlinya dipilih oleh rakyat dalam pilihan raya
F9 Tugasnya menggubal dan meluluskan undang-undang pada peringkat Dewan Rakyat
F10 Dewan Negara atau Senat merupakan dewan tertinggi
F11 Tugasnya membahaskan rang undang-undang yang dibahaskan oleh Dewan Rakyat dengan lebih teliti.
F12 DUN terdapat di setiap negeri di Malaysia
F13 kecuali Wilayah Persekutuan
F14 DUN terdiri daripada Sultan atau Yang Dipertua Negeri selaku ketua negeri
F15 Speaker Dewan
F16 Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) yang dipilih melalui pilihan raya peringkat negeri.
F17 DUN berfungsi menggubal undang-undang bagi negeri masing-masing.

Buku teks MS53



**Badan Perundangan**

Badan perundangan berfungsi menggubal undang-undang. Badan perundangan pada peringkat Kerajaan Persekutuan ialah Parlimen. Badan perundangan pada peringkat Kerajaan Negeri pula ialah Dewan Undangan Negeri (DUN).

**Parlimen**

Parlimen ialah badan perundangan tertinggi di Malaysia. Parlimen terdiri daripada tiga komponen, iaitu Yang di-Pertuan Agong, Dewan Rakyat dan Dewan Negara. Parlimen merupakan lambang demokrasi dan mencerminkan aspirasi rakyat melalui perwakilan yang dipilih.

Parlimen berkuasa menggubal undang-undang. Selain itu, Parlimen juga boleh membuat pindaan undang-undang Persekutuan sedia ada, menyemak dasar kerajaan, meluluskan perbelanjaan kerajaan dan sistem cukai yang baharu.

**Yang di-Pertuan Agong**
- Salah satu komponen dalam badan perundangan.

**Dewan Negara atau Senat**
- Dewan tertinggi dalam sistem perundangan negara.
- Membahaskan rang undang-undang yang diluluskan oleh Dewan Rakyat dengan lebih teliti.

Ilustrasi bangunan Parlimen menunjukkan lokasi Dewan Negara dan Dewan Rakyat.

**Dewan Rakyat atau Perwakilan**
- Dewan yang ahlinya dipilih oleh rakyat melalui pilihan raya.
- Menggubal dan meluluskan undang-undang pada peringkat Dewan Rakyat.

Dewan Undangan Negeri Sarawak.

**Dewan Undangan Negeri (DUN)**

Di Malaysia, terdapat DUN di setiap negeri kecuali bagi Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, Labuan dan Putrajaya. Ketiga-tiga wilayah tersebut hanya mempunyai ahli Parlimen.

Dewan ini terdiri daripada Sultan atau Yang di-Pertua Negeri selaku ketua negeri, Speaker Dewan dan Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) yang dipilih melalui pilihan raya peringkat negeri. DUN berfungsi untuk menggubal undang-undang bagi negeri masing-masing.

[F/H/C/Inf]

(c) Sistem Raja Berperlembagaan dan amalan Demokrasi Berparlimen perlu dikekalkan dan dipertahankan di negara kita.
Beri ulasan anda.

……………………………………………………………………………………………………
……………………………………………………………………………………………………
……………………………………………………………………………………………………
……………………………………………………………………………………………………
……………………………………………………………………………………………………
……………………………………………………………………………………………………
……………………………………………………………………………………………………
……………………………………………………………………………………………………
……………………………………………………………………………………………………
……………………………………………………………………………………………………
……………………………………………………………………………………………………
……………………………………………………………………………………………………

[8 markah]

| | |
|---|---|
| | F1 Yang di-Pertuan Agong merupakan Ketua Utama Negara<br>H2a Raja-raja Melayu adalah ketua bagi negeri masing-masing<br>H2b memerintah mengikut peruntukan dalam Perlembagaan<br>H2c memelihara kedudukan istimewa orang Melayu dan Bumiputera<br>H2d kepentingan sah kaum lain<br>H2e menjadi ketua agama Islam<br>In menjadi lambang perpaduan rakyat Malaysia serta menunjukkan keunikan sistem pemerintahan Malaysia<br><br>F2 Amalan demokrasi berparlimen membolehkan rakyat memilih kerajaan yang memerintah<br>H2a melalui pilihan raya<br>H2b parti yang menang majoriti kerusi membentuk kerajaan<br>H2c kebebasan asasi rakyat terjamin<br>C2 kebebasan diri / bersuara / pendidikan<br>H2d mekanisme semak dan imbang dalam pentadbiran<br>H2e memastikan tiada penyalahgunaan kuasa<br>In1 Raja berperlembagaan dan demokrasi berparlimen perlu dikekalkan kerana merupakan kaedah terbaik untuk mentadbir negara<br>In2 menjamin pembangunan negara dan kesejahteraan hidup rakyat<br><br>*Mana-mana jawapan yang munasabah* |

**T5B4 SK12.4 Sistem Persekutuan (Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri** | **Soalan Subjektif Respons Terhad / Bahagian A**

1 Malaysia merupakan sebuah negara yang mengamalkan Sistem Persekutuan

(a) Jelaskan maksud persekutuan?

Maksud Persekutuan ialah **penyatuan** beberapa buah negeri dan membentuk sebuah **negara bersekutu**. Antara unsur penting dalam sebuah negara Persekutuan termasuklah wujudnya **Kerajaan Persekutuan** (Kerajaan Pusat) dan **Kerajaan Negeri** serta pembahagian kuasa dalam sistem pentadbiran.

[2 markah]

**Jawapan**

F1 Penyatuan beberapa buah negeri
H1 membentuk sebuah negara bersekutu
F2 unsur penting dalam sebuah negara Persekutuan termasuklah wujudnya Kerajaan Persekutuan (Kerajaan Pusat) dan kerajaan Negeri
F3 pembahagian kuasa dalam sistem pentadbiran.

Buku teks MS66

**4.1 Latar Belakang Sistem Pe**

Malaysia merupakan sebuah negara yang mengamalkan sistem Persekutuan. Persekutuan bermaksud penyatuan beberapa buah negeri dan membentuk sebuah negara bersekutu. Antara unsur penting dalam sebuah negara Persekutuan termasuklah wujudnya Kerajaan Persekutuan (Kerajaan Pusat) dan Kerajaan Negeri serta pembahagian kuasa dalam sistem pentadbiran.

(b) Jelaskan sejarah pembentukan Konfederasi Negeri Sembilan 1895?

Sejarah pembentukan konfederasi negeri Sembilan 1895 ialah bermula pada tahun 1889 apabila Luak **Tampin,** Rembau dan Seri menanti disatukan sebagai **konfederasi** Seri Menanti dan bersetuju menerima seorang **pegawai British**. Seterusnya, pada 1895 berlaku **perjanjian** ditandatangani antara Yamtuan Besar Seri Menanti dengan Undang,Johol,Sungai Ujong ,Jelebu dan Tuanku Besar Tampin untuk menubuhkan sebuah konfrederasi. Selanjutnya, mereka bersetuju menerima **Residen British** bagi membantu pentadbiran konfederasi. Akhir sekali, Yamtuan Antah Seri Menanti, Tuanku Antah kemudiannya dilantik sebagai **Yang di-Pertuan Besa**r Negeri Sembilan yang pertama.

[4 markah]

**Jawapan**

F1 pada tahun 1889 apabila Luak Tampin/ Rembau/ Seri menanti disatukan sebagai konfederasi Seri Menanti dan bersetuju menerima seorang pegawai British
F2 pada 1895 berlaku perjanjian ditandatangani antara Yamtuan Besar Seri Menanti dengan Undang,Johol,Sungai Ujong ,Jelebu dan Tuanku Besar Tampin untuk menubuhkan sebuah konfederasi
F3 mereka bersetuju menerima Residen British bagi membantu pentadbiran konfederasi.
F4 Yamtuan Antah Seri Menanti, Tuanku Antah kemudiannya dilantik sebagai Yang di-Pertuan Besar Negeri Sembilan yang pertama manakala Martin Linster pula dilantik sebagai Residen Pertama di Negeri Sembilan

Buku teks MS66

BAB 4

INFORMASI

**Sejarah Pembentukan Konfederasi Negeri Sembilan 1895**

- Pada tahun 1889, Luak Tampin, Rembau dan Seri Menanti disatukan sebagai Konfederasi Seri Menanti dan bersetuju menerima seorang Residen British.
- Pada tahun 1895, satu perjanjian ditandatangani antara Yamtuan Besar Seri Menanti dengan Undang Johol, Sungai Ujong, Jelebu, Rembau dan Tunku Besar Tampin untuk menubuhkan sebuah konfederasi yang lebih besar dikenali sebagai Negeri Sembilan.
- Mereka juga bersetuju menerima Residen British bagi membantu pentadbiran konfederasi tersebut.
- Yamtuan Besar Seri Menanti, Tuanku Muhammad ibni Tuanku Antah kemudiannya dilantik sebagai Yang di-Pertuan Besar Negeri Sembilan yang pertama pada tahun 1898. Martin Lister pula dilantik sebagai Residen yang pertama di Negeri Sembilan.

**[F/H/C/Inf]**

(e) Pada pandangan anda, mengapakah pentadbiran yang sistematik sangat penting kepada negara kita?

Pada pandangan saya pentadbiran yang sistematik sangat penting kepada negara kita adalah untuk memastikan pentadbiran berjalan dengan **berkesan.** Hal ini kerana pentadbiran yang sistematik dapat **melicinkan** segala urusan pentadbiran di negara kita, contohnya jika pentadbiran di pimpin oleh **pemimpin** yang berkaliber dan **amanah** negara akan dapat diurus dengan baik. Selain itu, sistem pentadbiran yang sistematik juga akan dapat mengekalkan **kedaulatan negara**. Malah ia dapat mewujudkan **kerjasama** yang erat di peringkat negeri dan antarabangsa. Kesanya sistem pentadbiran yang sistematik ini akan menyebabkan **pertumbuhan ekonomi** dan seterusnya dapat menarik **pelabur asing** datang melabur di negara kita [4 markah]

| T5B4 SK12.4 Sistem Persekutuan (Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri | Soalan Subjektif Respons Terhad / Bahagian A |
|---|---|

2 Rajah berikut menunjukkan sistem pentadbiran yang terdapat di negara kita iaitu pembahagian peringkat pentadbiran Kerajaan Malaysia sebagai negara Persekutuan.




(a) Nyatakan dua pembahagian kuasa di X dan Y di atas?

(i) X:………………………………………………………………………………………………

(ii) Y:………………………………………………………………………………………………

[2 markah]

**Jawapan**

(a)
F1 Kerajaan Negeri
F2 Kerajaan Tempatan

Buku teks MS68



4.2 Kuasa Kerajaan Persekutuan d

Pentadbiran Kerajaan Malaysia dibahagikan kepada tig
Kerajaan Negeri dan Kerajaan Tempatan.

**Pembahagian Kuasa**

Perlembagaan Persekutuan memperuntukkan kuasa yang khusus antara Kerajaan Persekutuan dengan Kerajaan Negeri yang meliputi kuasa perundangan dan kuasa pemerintahan.

Pembahagian kuasa antara Kerajaan Persekutuan dengan Kerajaan Negeri bertujuan melicinkan perjalanan sistem Persekutuan serta mengelakkan permasalahan antara kedua-dua peringkat kerajaan.

Peruntukan kuasa lebih besar diberikan pada peringkat Persekutuan untuk mewujudkan Kerajaan Persekutuan yang kuat bagi menjamin kestabilan dan kemajuan negara.

Tiada peruntukan kuasa khusus kepada Kerajaan Tempatan, sebaliknya Kerajaan Tempatan diletakkan di bawah kuasa Kerajaan Negeri.

(b) Jelaskan sumbangan kerajaan Tempatan terhadap penduduk setempat di negara kita?

………………………………………………………………………………………………………

………………………………………………………………………………………………………

………………………………………………………………………………………………………

………………………………………………………………………………………………………

[4 markah]

**Jawapan**

F1 Merupakan kerajaan peringkat ketiga
H1 diberi kuasa untuk mentadbir dan menjalankan tanggungjawab dalam sesebuah Kawasan atau daerah.
F2 Menjadi perantara antara kerajaan negeri dengan rakyat
H2 memberikan perkhidmatan kepada penduduk tempatan.
F3 Menyediakan perkhidmatan pembersihan
F4 Mengeluarkan lesen dan kawalan penjaja
F5 Melakukan kerja penyenggaraan
F6 Menyediakan Kawasan reakreasi

Buku teks MS71



**Peranan Kerajaan Tempatan**

Kerajaan Tempatan merupakan kerajaan peringkat ketiga yang diberi kuasa untuk mentadbir dan melaksanakan tanggungjawab dalam sesebuah kawasan tempatan atau daerah kecil yang diwartakan. Kerajaan Tempatan lebih dikenali sebagai Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) dan berada di bawah bidang kuasa Kerajaan Negeri.

Kerajaan Tempatan merupakan perantara antara Kerajaan Negeri dengan rakyat serta berperanan memberikan perkhidmatan kepada penduduk setempat. Fungsi Kerajaan Tempatan digariskan oleh Akta Kerajaan Tempatan 1976 [Akta 171], merangkumi semua jenis Kerajaan Tempatan seperti Majlis Bandaraya, Majlis Perbandaran dan Majlis Daerah.



**[F/H/C/Inf]**

(d) Pada pandangan anda, mengapakah konsep pembahagian kuasa sangat penting di wujudkan di negara kita?

………………………………………………………………………………………………………

………………………………………………………………………………………………………

………………………………………………………………………………………………………

………………………………………………………………………………………………………

[4 markah]

F1:Memastikan sistem pentadbiran yang sistematik /elak pertindihan bidang kuasa
H : elak pertindihan bidang kuasa /melicinkan perjalanan sistem Persekutuan
C : Peruntukan kuasa lebih besar diberikan kepada Peringkat Persekutuan bagi mewujudkan Kerajaan Persekutuan yang lebih kuat.
In : Kesannya, konsep pembahagian kuasa dapat memastikan sitem pentadbiran yang tersusun dan menjamin kestabilan negara.

| T5B4 SK12.4 Sistem Persekutuan (Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri | Soalan Subjektif Respons Terhad / Bahagian A |
|---|---|

**3** Keselamatan dan pertahanan negara adalah di bawah kuasa Kerajaan Persekutuan.Maklumat berikut berkaitan dengan Kerjasama Kerajaan Persekutuan dengan Kerajaan Negeri dalam usaha menjamin keselamatan negara.

| Negeri | Pengisytiharan |
|---|---|
| Sarawak | Pemerintah Keselamatan Kawasan Rajang (RASCOM) |
| Sabah | Kawasan Keselamatan Khas Pantai Timur Sabah (ESSCOM) |

**(a)** Nyatakan peranan ESSCOM ?

………………………………………………………………………………………………………..

………………………………………………………………………………………………………..

[2 markah]

**Jawapan**

F1 meningkatkan keselamatan Kawasan Timur Sabah daripada serangan /ancaman melalui kerjasama strategik antara agensi kerajaan.
F2 mengawasi keselamatan 10 daerah Pantai Timur Sabah yang dikenali sebagai ESSZONE /Zon Keselamatan Timur Sabah.

Buku teks MS79

**Kawasan Keselamatan Khas Pantai Timur Sabah**

Kerajaan Persekutuan dengan Kerajaan Negeri menubuhkan Eastern Sabah Security Command (ESSCOM) atau Kawasan Keselamatan Khas Pantai Timur Sabah ekoran pencerobohan pengganas dari Kepulauan Sulu di Kampung Tanduo, Lahad Datu, Sabah pada 12 Februari 2013. Misi ESSCOM untuk meningkatkan keselamatan Kawasan Timur Sabah daripada sebarang ancaman melalui kerjasama strategik antara agensi kerajaan.

ESSCOM bertanggungjawab mengawasi keselamatan 10 daerah di Pantai Timur Sabah yang dikenali sebagai Eastern Sabah Security Zone (ESSZONE) atau Zon Keselamatan Timur Sabah.

**(b)** Jelaskan sebab kerajaan mengisytiharkan Rajang Area Security Command (RASCOM) di Sarawak?

…………………………………………………………………………………………………………

…………………………………………………………………………………………………………

…………………………………………………………………………………………………………

…………………………………………………………………………………………………………

[4 markah]

**Jawapan**

F1 disebabkan ancanman komunis yang semakin meningkat di Sarawak
F2 Tun Abdul Razak iaitu pengerusi MKN telah mengisytiharkan RASCOM
F3 Kawasan yang diberikan tumpuan dan terlibat ialah bahagian ketiga sebagai RASCOM.
F4 Jawatankuasa RASCOM terdiri daripada Jawatankuasa Perancang Gerakan dan Jawatankuasa Perang Saraf
F5 Ketua Menteri Sarawak dilantik sebagai pengarah operasi dan bertanggungjawab menyelaraskan fungsi dan aktiviti pasukan keselamatan.

Buku teks MS78

**Pemerintahan Keselamatan Daerah Rajang di Sarawak**

Berikutan dengan ancaman komunis yang semakin meningkat di Sarawak, Tun Abdul Razak Hussein, Perdana Menteri Malaysia kedua yang juga merupakan Pengerusi Majlis Keselamatan Negara mengisytiharkan Bahagian Ketiga Sarawak sebagai Rajang Area Security Command (RASCOM) atau Pemerintahan Keselamatan Kawasan Rajang pada 26 Mac 1972.

Ketua Menteri Sarawak dilantik sebagai Pengarah Operasi Negeri dalam RASCOM. Beliau bertanggungjawab menyelaraskan fungsi dan aktiviti pasukan keselamatan dengan pejabat awam dalam kawasan RASCOM.

**[F/H/C/Inf]**

(c) Pada pendapat anda bagaimanakah kita boleh mengelakkan peristiwa Pencerobohan Lahad Datu tidak berlaku lagi?

…………………………………………………………………………………………………………

…………………………………………………………………………………………………………

…………………………………………………………………………………………………………

…………………………………………………………………………………………………………

[4 markah]

F1 : memupuk semangat patriotisme
H1: bersifat setia dan sayang kepada negara
C1:tidak mengkhianati negara dan membocorkan rahsia negara
F2: membantu menjayakan usaha-usaha kerajaan dalam bidang keselamatan ,ekonomi dan sosial
H2 : sentiasa peka kepada isu masalah bangsa dan negara
C2.: patuh undang2 keselamatan jalanraya
In : kedaulatan negara perlu dikekalkan bagi memastikan keharmonian negara tidak terjejas

| T5B4 SK12.4 Sistem Persekutuan (Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri | Soalan Subjektif Respons Terbuka / Bahagian B |
|---|---|

4 Pentadbiran Kerajaan Malaysia dibahagikan kepada tiga peringkat,iaitu Kerajaan Persekutuan, Kerajaan Negeri dan Kerajaan Tempatan.



***Sumber foto:*** ***Bangunan Perdana Putra, Putrajaya. - NSTP/Mohd Fadli Hamzah***

(a) Jelaskan konsep pembahagian kuasa di negara kita?

Konsep pembahagian kuasa di negara kita dapat dilihat menerusi Perlembagaan Persekutuan yang **memperuntukkan kuasa** yang khusus antara Kerajaan Persekutuan dengan Kerajaan Negeri. **Pembahagian kuasa** antara Kerajaan Persekutuan dengan Kerajaan Negeri bertujuan **melicinkan** perjalanan sistem Persekutuan serta **mengelakkan permasalahan** antara kedua-dua kerajaan. Peruntukan kuasa **lebih besar** kepada Kerajaan Persekutuan untuk mewujudkan Kerajaan Persekutuan yang **kuat** bagi menjamin kestabilan dan kemajuan negara. Akhir sekali, tiada peruntukkan kuasa khusus **Kerajaaan Tempatan,** sebaliknya Kerajaan Tempatan diletakkan di bawah kuasa **Kerajaan Negeri.**

[4 markah]

**Jawapan**

F1 memperuntukkan kuasa yang khusus antara Kerajaan Persekutuan dengan Kerajaan Negeri
F2 Pembahagian kuasa antara Kerajaan Persekutuan dengan Kerajaan Negeri
H2a melicinkan perjalanan sistem Persekutuan
H2b mengelakkan permasalahan antara kedua-dua kerajaan
F3 Peruntukan kuasa lebih besar kepada Kerajaan Persekutuan
H3a Kerajaan Persekutuan yang kuat
F4 tiada peruntukkan kuasa khusus Kerajaaan Tempatan
F5Kerajaan Tempatan telah diletakkan di bawah kuasa Kerajaan Negeri.

Buku teks MS68


4.2 Kuasa Kerajaan Persekutuan

Pentadbiran Kerajaan Malaysia dibahagikan kepada t
Kerajaan Negeri dan Kerajaan Tempatan.

**Pembahagian Kuasa**

Perlembagaan Persekutuan memperuntukkan kuasa yang khusus antara Kerajaan Persekutuan dengan Kerajaan Negeri yang meliputi kuasa perundangan dan kuasa pemerintahan.

Pembahagian kuasa antara Kerajaan Persekutuan dengan Kerajaan Negeri bertujuan melicinkan perjalanan sistem Persekutuan serta mengelakkan permasalahan antara kedua-dua peringkat kerajaan.

Peruntukan kuasa lebih besar diberikan pada peringkat Persekutuan untuk mewujudkan Kerajaan Persekutuan yang kuat bagi menjamin kestabilan dan kemajuan negara.

Tiada peruntukan kuasa khusus kepada Kerajaan Tempatan, sebaliknya Kerajaan Tempatan diletakkan di bawah kuasa Kerajaan Negeri.

(b) Jelaskan Senarai Bersama dan Senarai Negeri dalam struktur pentadbiran di Malaysia

Senarai Bersama ialah perkara yang membolehkan **Parlimen dan Dun** menggubal undang-undang untuk perkara yang sama. Sekiranya berlaku percanggahan bagi perkara perkara di bawah Senarai Bersama, undang-undang yang diluluskan oleh **Parlimen harus dipatuhi**.

Antara perkara yang terkandung dalam Senarai Bersama ialah, **kebajikan awam**, biasiswa dan perlindungan haiwan. Selain itu, terdapat senarai lain iaitu, **kebudayaan** dan sukan, perumahan serta perancangan bandar dan luar bandar yang diletakkan dalam Senarai Bersama.

Manakala Senarai Negeri pula diletakkan di bawah **kuasa Kerajaan Negeri**. Setiap negeri di Malaysia mempunyai Dewan Undangan Negeri **(DUN)** yang mempunyai kuasa **menggubal** undang-undang negerinya.

Antara perkara yang terkandung dalam Senarai Negeri termasuklah **undang-undang Islam,** tanah, pertanian dan perhutanan. Selain itu terdapat senarai lain iaitu bidang kuasa kerajaan tempatan dan hari kelepasan negeri .

[8 markah]

**Jawapan**

Senarai Bersama
F1 membolehkan Parlimen dan Dun menggubal undang-undang untuk perkara yang sama
F2 undang-undang yang diluluskan oleh Parlimen harus dipatuhi sekiranya berlaku percanggahan
F3 perkara yang terkandung dalam Senarai Bersama
H3a kebajikan awam, biasiswa dan perlindungan haiwan
H3b kebudayaan dan sukan, perumahan dan perancangan bandar dan luar bandar

Senarai negeri
F1 diletakkan di bawah kuasa Kerajaan Negeri
F2 Setiap negeri mempunyai kuasa menggubal undang-undang negerinya
F3  perkara yang terkandung dalam senarai negeri
H3a undang-undang Islam, tanah, pertanian dan perhutanan
H3b bidang kuasa kerajaan tempatan dan hari kelepasan negeri .

Buku teks MS70


**Kuasa Kerajaan Negeri**

Setiap negeri di Malaysia mempunyai Dewan Undangan Negeri (DUN) yang mempunyai kuasa untuk menggubal undang-undang bagi negerinya.

Kuasa pemerintahan Kerajaan Negeri meliputi perkara yang termaktub dalam Perlembagaan Persekutuan sebagai Senarai Negeri.

Antara perkara yang terkandung dalam Senarai Negeri termasuklah:
- Undang-undang Islam.
- Tanah.
- Pertanian dan perhutanan.
- Kerajaan tempatan.
- Hari kelepasan negeri.

**Senarai Bersama**

Senarai Bersama ialah perkara yang membolehkan Parlimen dan DUN menggubal undang-undang untuk perkara yang sama.

Sekiranya ada percanggahan bagi perkara di bawah Senarai Bersama, undang-undang yang diluluskan oleh Parlimen harus dipatuhi.

Antara perkara yang terkandung dalam Senarai Bersama termasuklah:
- Kebajikan awam.
- Biasiswa.
- Perlindungan haiwan liar dan taman negara.
- Perancangan bandar dan luar bandar.
- Kesihatan awam, kebersihan dan pencegahan penyakit.
- Kebudayaan dan sukan.
- Perumahan.

**[F/H/C/Inf]**

(c) Pada pandangan anda apakah kelebihan dan kebaikan sistem Persekutuan?

Pada pandangan saya kelebihan dan kebaikan sistem Persekutuan yang pertama ialah, sistem ini akan mewujudkan sebuah pentadbiran yang **sistematik.** Hal ini kerana sistem ini akan menjadikan pentadbiran di negara kita berjalan dengan **lancar.** Selain itu, kebaikan sistem Persekutuan juga dapat mengukuhkan **perpaduan kaum**. Hal ini kerana segala rancangan **ekonomi** dapat dilaksanakan di setiap negeri dan dapat meningkatkan **taraf hidup** masyarakat di setiap negeri. Contohnya jurang perbezaan akan terhapus dalam fungsi ekonomi mengikut negeri dan kaum. Kesannya wujud agihan ekonomi dapat dilaksanakan secara adil.

Selain itu, sistem Persekutuan juga akan membawa kepada **keamanan** dalam negara. Hal ini kerana **kerjasama yang mantap** antara Kerajaan Persekutuan dan Negeri dalam pelbagai bidang. Sebagai contohnya di dalam bidang pertahanan negara. Oleh itu negara berada di dalam keadaan **selamat** dan masyarakat hidup sejahtera.

[8 markah]

F1  : mewujudkan sebuah pentadbiran yang sistematik./ mengukuhkan perpaduan
Hia : pentadbiran di negara kita berjalan dengan lancar dan teratur.
H1b:kemajuan ekonomi dapat dilaksanakan di setiap negeri
H1c :meningkatkan taraf hidup
C.   : jurang perbezaan akan terhapus dalam fungsi ekonomi mengikut negeri/ kaum
In   : agihan ekonomi secara adil
F2  : membawa keamanan
H.   : kerjasama yang mantap antara Kerajaan Persekutuan dan Negeri
C.   : di dalam bidang pertahanan negara
In   : selamat dan masyarakat hidup sejahtera.

*Mana-mana jawapan yang munasabah*

| T5B4 SK12.4 Sistem Persekutuan (Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri | Soalan Subjektif Respons Terbuka/ Bahagian B |
|---|---|

5 Kerjasama antara kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri dalam aspek keselematan penting bagi keharmonian dan kesejahteraan rakyat.



**Sidang akhbar oleh Datuk Patinggi Abdul Rahman Ya'kub, ketua Menteri Sarawak berkaitan dengan komunis di Sarawak pada bulan Mac 1974.Sumber Arkib Negara Malaysia**

(a) Jelaskan latar belakang penubuhan Rascom

…………………………………………………………………………………………………
…………………………………………………………………………………………………
…………………………………………………………………………………………………
…………………………………………………………………………………………………

[4m]

**Jawapan**

F1 Rascom ditubuhkan bagi memerangangi pemberontakan komunis di Sarawak
F2 telah diisytiharkan oleah Tun Abdul Razak Hussein
F3 Bahagian Ketiga Sarawak sebagai RASCOM atau Pemerintahan Keselamatan Kawasan Rajang
F4 Ketua Menteri Sarawak dilantik sebagai Pengarah Operasi Negeri
F5 Bertanggungjawab menyelaras fungsi

Buku teks MS78



**Pemerintahan Keselamatan Daerah Rajang di Sarawak**

Berikutan dengan ancaman komunis yang semakin meningkat di Sarawak, Tun Abdul Razak Hussein, Perdana Menteri Malaysia kedua yang juga merupakan Pengerusi Majlis Keselamatan Negara mengisytiharkan Bahagian Ketiga Sarawak sebagai Rajang Area Security Command (RASCOM) atau Pemerintahan Keselamatan Kawasan Rajang pada 26 Mac 1972.

Ketua Menteri Sarawak dilantik sebagai Pengarah Operasi Negeri dalam RASCOM. Beliau bertanggungjawab menyelaraskan fungsi dan aktiviti pasukan keselamatan dengan pejabat awam dalam kawasan RASCOM.

(b) Terangkan usaha yang telah dilakukan oleh RASCOM menangani ancaman komunis yang semakin meningkat di Sarawak?

…………………………………………………………………………………………………
…………………………………………………………………………………………………
…………………………………………………………………………………………………
…………………………………………………………………………………………………
…………………………………………………………………………………………………
…………………………………………………………………………………………………
…………………………………………………………………………………………………
…………………………………………………………………………………………………
…………………………………………………………………………………………………
…………………………………………………………………………………………………
…………………………………………………………………………………………………
…………………………………………………………………………………………………

[8 markah]

Jawapan

F1 Ditubuhkan bagi memerangangi pemberontakan komunis di Sarawak
H1a pada 26 Mac 1972 RASCOM telah ditubuhkan
F2 Ketua Menteri Sarawak bertindak sebagai  Pengarah Operasi Negeri dalam RASCOM
H2a Bertanggungjawab menyelaras fungsi dan menjaga keselamatan
F3 RASCOM terdiri daripada tiga jawatankuasa utama
H3a Jawatankuasa Perang Saraf
C1 merancang dan melaksanakan kegiatan gerak perang saraf
H3b Jawatankuasa Perancang Gerakan
C2 merancang Gerakan di Kawasan RASCOM
H3c Jawatankuasa RASCOM
C3 Menggubal dasar berkaitan dengan aktiviti harian organisasi RASCOM

Buku teks MS78

Jawatankuasa Utama dalam RASCOM.

| Jawatankuasa | Pengerusi | Bidang Tugas |
|---|---|---|
| Jawatankuasa RASCOM. | Ketua Pegawai Eksekutif (Pegawai Tadbir Kanan Negeri Sarawak). | Menggubal dasar berkaitan dengan aktiviti harian organisasi RASCOM. |
| Jawatankuasa Perancang Gerakan. | Panglima Pasukan Keselamatan RASCOM. | Merancang gerakan di kawasan RASCOM. |
| Jawatankuasa Perang Saraf. | Ketua Pegawai Turus (Awam). | Merancang dan melaksanakan segala kegiatan gerak saraf. |

[F/H/C/Inf]

(c) Pada pendapat anda bagaimanakah kita berupaya mengekalkan kedaulatan negara?
…………………………………………………………………………………………………
…………………………………………………………………………………………………
…………………………………………………………………………………………………
…………………………………………………………………………………………………
…………………………………………………………………………………………………
…………………………………………………………………………………………………
…………………………………………………………………………………………………
…………………………………………………………………………………………………

[8 markah]

F1 : Semangat patriotik harus ada dalam kalangan rakyat
H1a :berani mempertahankan negara dari musuh
H1b :sanggup berkorban demi negara
C1 : pasukan keselamatan negara/ tentera/Polis
F2 : Bersifat setia,sayang /tidak mengkhianati negara
H. :Tidak bersubahat dengan mana-mana kuasa luar untuk melakukan ancaman atau pencerobohan
C. : menjual rahsia negara
In :Kesannya, negara selamat dan rakyat hidup sejahtera

*Mana-mana jawapan yang munasabah*

**1**

Usul pembentukan Malaysia dibentangkan di Dewan Rakyat pada 1 Oktober 1961 dan mendapat sokongan majoriti ahli dewan. Sokongan ini membolehkan kerajaan Persekutuan Tanah Melayu menggerakkan usaha membentuk Malaysia. Pelbagai cara dilakukan untuk merealisasikan pembentukan Malaysia.

(a) Apakah **dua** cara yang dilakukan untuk merealisasikan pembentukan Malaysia?

(i) Pembentukan Jawatankuasa Setia Kawan Malaysia (JSKM)
(ii) Menubuhkan Suruhanjaya Cobbold

[2 markah]

**Jawapan**

(a)
F1 Mengadakan siri lawatan
F2 Mengadakan Referendum Singapura
F3 Mengadakan Rundingan London
F4 Pembentukan Jawatankuasa Antara Kerajaan (JAK)

Buku teks MS98-102



Jawatankuasa Setia Kawan Malaysia (JSKM)

Malaysia Solidarity Consultative Committee (MSCC) atau dikenali sebagai Jawatankuasa Setia Kawan Malaysia (JSKM) ditubuhkan ketika Persidangan Ahli-ahli Parlimen Komanwel di Singapura pada 23 Julai 1961. Mesyuarat JSKM diadakan sebanyak empat kali, iaitu di Jesselton, Kuching, Kuala Lumpur dan Singapura.

Tujuan Penubuhan

1. Meyakinkan penduduk Sarawak dan Sabah tentang pembentukan Malaysia.
2. Menyediakan ruang perbincangan bagi mendapatkan kata sepakat terhadap pembentukan Malaysia.
3. Mengumpulkan pandangan tentang pembentukan Malaysia.
4. Menyebarkan maklumat berkaitan dengan Malaysia.
5. Memupuk aktiviti penghebahan dan mempercepat pembentukan Malaysia. Aktiviti penghebahan seperti mendedahkan perkembangan kemajuan dalam bidang pentadbiran serta projek pembangunan di Persekutuan Tanah Melayu.

(b) Suruhanjaya Cobbold menyerahkan laporan kepada kerajaan British dan Persekutuan Tanah Melayu. Apakah antara isi kandungan laporan tersebut?

Antara isi kandungan laporan Suruhanjaya Cobbold termasuklah menyatakan dua pertiga penduduk menyokong pembentukan Malaysia. Selain itu, disyorkan agar Perlembagaan Persekutuan Tanah Melayu 1957 dijadikan asas Perlembagaan Persekutuan yang baharu. Akhir sekali, Suruhanjaya Cobbold juga mencadangkan kuasa autonomi dan jaminan khas diberi kepada Sarawak dan Sabah yang tidak boleh dipinda atau dibatalkan oleh Kerajaan Persekutuan tanpa mendapat persetujuan daripada Kerajaan Negeri berkenaan.

[4 markah]

**Jawapan**

F1 dua pertiga penduduk menyokong pembentukan Malaysia.
F2 Perlembagaan Persekutuan Tanah Melayu 1957 dijadikan asas Perlembagaan Persekutuan yang baharu
F3 kuasa autonomi
F4 jaminan khas
F5 diberi kepada Sarawak dan Sabah
F6 tidak boleh dipinda atau dibatalkan oleh Kerajaan Persekutuan
F7 tanpa mendapat persetujuan daripada Kerajaan Negeri berkenaan

Buku teks MS100



Suruhanjaya Cobbold

Suruhanjaya ini dibentuk secara rasmi pada bulan Januari 1962. Suruhanjaya Cobbold mengandungi wakil yang dilantik oleh kerajaan British dan Persekutuan Tanah Melayu.

- Lord Cobbold dilantik menjadi Pengerusi.
- Ahli-ahli terdiri daripada Sir Anthony Abell, Sir David Watherston, Muhammad Ghazali Shafie dan Wong Pow Nee.
- Suruhanjaya ini melawat 35 pusat lawatan (20 pusat lawatan di Sarawak dan 15 pusat lawatan di Sabah).
- Menjelang bulan Jun 1962, Suruhanjaya Cobbold menyerahkan laporan kepada kerajaan British dan Persekutuan Tanah Melayu. Antara laporan tersebut termasuklah:

- Menyatakan dua pertiga penduduk menyokong pembentukan Malaysia.
- Mengesyorkan agar Perlembagaan Persekutuan Tanah Melayu 1957 dijadikan asas Perlembagaan Persekutuan yang baharu.
- Mencadangkan kuasa autonomi dan jaminan khas diberi kepada Sarawak dan Sabah yang tidak boleh dipinda atau dibatalkan oleh Kerajaan Persekutuan tanpa mendapat persetujuan daripada Kerajaan Negeri berkenaan.

**[F/H/C/Inf]**

(c) Muafakat membawa berkat. Mengapakah amalan muafakat ini penting dalam menjayakan pembentukan Malaysia?

Amalan muafakat ini penting dalam menjayakan pembentukan Malaysia kerana adanya **kerjasama** antara pemimpin dan rakyat dalam merealisasikan impian ini. Selain itu, pemimpin negara juga menggunakan pendekatan secara **diplomasi** untuk memenangi hati rakyat agar **menyokong** pembentukan ini. Penduduk juga diberi peluang untuk menyuarakan **pendapat** mereka dan **hak** serta kepentingan mereka juga dijamin oleh kerajaan.

[4 markah]

**2** Parti-parti politik di Sabah telah bergabung untuk menubuhkan Sabah Alliance pada bulan Oktober 1962 sebagai sokongan terhadap gagasan Malaysia.

**(a)** Nyatakan **dua** buah parti yang menyertai Sabah Alliance.

(i) ………………………………………………………………………………………..…………………

(ii) ………………………………………………………………………………………………………

[2 markah]

**Jawapan**

(a)
F1 UNKO
F2 USNO
F3 UPKO(United Pasok Momogun)
F4 Democratic Party
F5 Sabah Indian Congress

Buku teks MS 96



• Parti politik di Sabah menubuhkan gabungan me
Alliance pada bulan Oktober 1962. Parti gabungan
Pasok Momogun (UPKO), Democratic Party dan

**(b)** Apakah alasan pemimpin dan penduduk di Sabah menentang cadangan pembentukan Malaysia?

…………………………………………………………………………………………………………
…………………………………………………………………………………………………………
…………………………………………………………………………………………………………
…………………………………………………………………………………………………………

[4 markah]

**Jawapan**

F1 mengejutkan pemimpin dan penduduk Sabah
F2 ingin mendapatkan kemerdekaan secara berasingan
F3 atau membentuk sebuah Kesatuan Negeri-negeri Borneo yang merdeka
F4 menganggap Tanah Melayu terasing
C Indonesia dan Filipina
F5 mempersoalkan keadaan pemimpin tempatan yang perlu menyesuaikan diri
H5a dengan kegiatan politik, pilihan raya dan berkerajaan sendiri
H5b yang sudah diamalkan di Singapura dan Persekutuan Tanah Melayu
F6 jarak antara Sarawak, Sabah dengan Kuala Lumpur menimbulkan masalah

Buku teks MS145-146



BAB 5

Menentang

• Cadangan pembentukan Malaysia mengejutkan pemimpin dan penduduk di Saba
melahirkan keinginan untuk mendapatkan kemerdekaan secara berasingan atau m
sebuah Kesatuan Negeri-negeri Borneo yang merdeka.

• Kebanyakan penduduk di Sabah menganggap Tanah Melayu terasing seperti Ind
Filipina. Mereka mempersoalkan keadaan pemimpin tempatan yang perlu me
diri dengan kegiatan politik, pilihan raya dan berkerajaan sendiri yang sudah
di Singapura dan Persekutuan Tanah Melayu. Pada masa yang sama, jarak antara
Sabah dengan Kuala Lumpur yang jauh juga menimbulkan masalah.

• Disebabkan oleh kebimbangan tersebut, para pemimpin di Borneo membentuk Baris
(United Front) pada 9 Ogos 1961 untuk mencabar rancangan pembentukan Malays
Bersatu ini dianggotai oleh Ong Kee Hui (Pengerusi SUPP), A.M. Azahari (Pa
Brunei) dan Donald Stephens (Fuad Stephens) daripada UNKO. Walau bagaimanap
kemudiannya menyokong pembentukan Malaysia.

**[F/H/C/Inf]**

(c) Pada pendapat apakah faedah yang diperolehi oleh Sabah setelah menyertai Malaysia kini?

…………………………………………………………………………………………………………
…………………………………………………………………………………………………………
…………………………………………………………………………………………………………
…………………………………………………………………………………………………………

[4 markah]

F1: memperoleh bantuan pertahanan / ketenteraan Malaysia (ATM)
H1a : untuk menjaga sempadan / perairan/ kepulauan Sabah
H1b : daripada pencerobohan/ serangan musuh luar
C : serangan pengganas Kesultanan Sulu di Lahad Datu, Sabah pada 2013
In : keamanan / kedaulatan

*Mana-mana jawapan yang munasabah*

3 Rajah berikut menunjukkan penduduk tempatan yang terlibat dalam memberi idea pembentukan Malaysia.

| **Cadangan Pembentukan Malaysia** |
|---|
| Dr. Burhanuddin al-Helmi |
| **X** |
| **Y** |

(a) Siapakah tokoh **X** dan **Y** tersebut?

**X** : ……………………………………………………………………………

**Y** : …………………………………………………………………………… [2 markah]

Jawapan

**X**: Tunku Abdul Rahman Putra al-Haj

**Y**: Datu Mustafa Datu Harun

Buku teks MS 92



(b) Nyatakan **dua** buah negeri yang ingin digabungkan dalam pembentukan Malaysia oleh tokoh berikut.

i. Lord Brassey

…………………………………………………………………………… [2 markah]

ii. Sir Geofroy Tory

……………………………………………………………………………

[2 markah]

Jawapan

i.
F1 Sabah
F2 Sarawak
F3 Negeri Melayu
F4 NNS -Melaka/ Singapura/ Pulau Pinang

ii.
F1 Singapura
F2 Persekutuan Tanah Melayu

Buku teks MS 91


Idea Pegawai British

1887 Cadangan terawal dikemukakan oleh Lord Brassey, Pengarah Syarikat Berpiagam Borneo Utara di Dewan Parlimen Britain pada tahun 1887. Beliau mencadangkan penggabungan Sarawak, Sabah, negeri Melayu dan NNS supaya menjadi tanah jajahan yang besar. Cadangan ini dikemukakan kerana pegawai British melihat potensi ekonomi melalui penggabungan wilayah ini.

1951 Setelah tamat Perang Dunia Kedua, Sir Malcolm MacDonald, Gabenor Jeneral British di Asia Tenggara mencadangkan penggabungan tanah jajahan British di Asia Tenggara bagi membentuk satu entiti politik dan ekonomi. Langkah ini bertujuan menyesuaikannya dengan rancangan dekolonisasi. Pada tahun 1951, Sir Malcolm MacDonald mengadakan perbincangan dengan Dato' Onn Jaafar, pemimpin United Malays National Organisation (UMNO) dan ahli Majlis Perundangan Persekutuan berkaitan dengan usaha menggabungkan Tanah Melayu, Singapura dan wilayah Borneo.

Sir Malcolm MacDonald.
*Sumber:* http://thekenyaonline.com. Dicapai pada 23 November 2020.

1952 Sir Gerald Templer, Pesuruhjaya Tinggi British di Tanah Melayu meminta penggabungan wilayah ini disegerakan bagi tujuan keselamatan. Pada Januari 1960, mesyuarat pegawai tinggi British di Borneo bersetuju dengan cadangan pertahanan dan keselamatan.

**Dekolonisasi**
Proses ke arah berkerajaan sendiri.

Pesuruhjaya Tinggi ialah nama gelaran jawatan yang disandang oleh ketua perwakilan negara dalam kalangan negara Komanwel. Jawatan ini setara dengan duta.

1960 Sir Geofroy Tory, Pesuruhjaya Tinggi British di Persekutuan Tanah Melayu mencadangkan penyatuan Singapura dan Persekutuan Tanah Melayu atas kepentingan ekonomi. Cadangan ini mendapat sokongan Pejabat Kolonial.

Sir Geofroy Tory.
*Sumber:* http://oldedwardians.org.uk/. Dicapai pada

Mengapakah pegawai British mahu menggabungkan tanah

[F/H/C/Inf]

(C) Mengapakah idea gagasan Malaysia mendapat sokongan daripada pegawai British? Berikan penjelasan anda.

……………………………………………………………………………………………
……………………………………………………………………………………………
……………………………………………………………………………………………
……………………………………………………………………………………………

[4 markah]

| | | |
|---|---|---|
| | F1 memudahkan pentadbiran British<br>F2 menjadi tanah jajahan yang besar setelah digabungkan<br>F3 mempertingkatkan potensi ekonomi wilayah / kepentingan ekonomi<br>F4 membentuk satu entiti politik dan ekonomi<br>F5 sesuai dengan rancangan dekolonisasi<br>F6 mempertingkatkan pertahanan dan Keselamatan<br>M ada rasional/wawasan yang bagus<br>M membawa kemakmuran<br>*Mana-mana jawapan yang munasabah* | Buku teks MS 91<br><br>**Idea Pegawai British**<br>1887 Cadangan terawal dikemukakan oleh Lord Brassey, Pengarah Syarikat Berpiagam Borneo Utara di Dewan Parlimen Britain pada tahun 1887. Beliau mencadangkan penggabungan Sarawak, Sabah, negeri Melayu dan NNS supaya menjadi tanah jajahan yang besar. Cadangan ini dikemukakan kerana pegawai British melihat potensi ekonomi melalui penggabungan wilayah ini.<br>1951 Setelah tamat Perang Dunia Kedua, Sir Malcolm MacDonald, Gabenor Jeneral British di Asia Tenggara mencadangkan penggabungan tanah jajahan British di Asia Tenggara bagi membentuk satu entiti politik dan ekonomi. Langkah ini bertujuan menyesuaikannya dengan rancangan dekolonisasi. Pada tahun 1951, Sir Malcolm MacDonald mengadakan perbincangan dengan Dato' Onn Jaafar, pemimpin United Malays National Organisation (UMNO) dan ahli Majlis Perundangan Persekutuan berkaitan dengan usaha menggabungkan Tanah Melayu, Singapura dan wilayah Borneo.<br>Sir Malcolm MacDonald.<br>*Sumber*: http://thekenyaonline.com. Dicapai pada 23 November 2020.<br>1952 Sir Gerald Templer, Pesuruhjaya Tinggi British di Tanah Melayu meminta penggabungan wilayah ini disegerakan bagi tujuan keselamatan. Pada Januari 1960, mesyuarat pegawai tinggi British di Borneo bersetuju dengan cadangan pertahanan dan keselamatan.<br>**Dekolonisasi**<br>Proses ke arah berkerajaan sendiri.<br>Pesuruhjaya Tinggi ialah nama gelaran jawatan yang disandang oleh ketua perwakilan negara dalam kalangan negara Komanwel. Jawatan ini setara dengan duta.<br>1960 Sir Geofroy Tory, Pesuruhjaya Tinggi British di Persekutuan Tanah Melayu mencadangkan penyatuan Singapura dan Persekutuan Tanah Melayu atas kepentingan ekonomi. Cadangan ini mendapat sokongan Pejabat Kolonial.<br>Sir Geofroy Tory.<br>*Sumber*: http://oldedwardians.org.uk/<br>Mengapakah pegawai British mahu menggabungkan tanah<br>BAB 5 |

4 Gambar berikut menunjukkan peristiwa Pengisytiharan Malaysia pada 16 September 1963.






*Sumber: Arkib Negara*

(a) Jelaskan faktor yang membawa kepada pembentukan Malaysia.

Faktor yang membawa kepada pembentukan Malaysia ialah dari aspek faktor **keselamatan** keselamatan iaitu **ancaman komunis** di Singapura. Hal ini kerana ancaman ini **menggugat** keselamatan Persekutuan Tanah Melayu dan Tunku Abdul Rahman menganggap Singapura akan menjadi **pusat kegiatan** komunis. Oleh itu **penyatuan** dengan Singapura dapat memberikan kuasa kepada Kerajaan Persekutuan dalam bidang **keselamatan dan pertahanan** bagi membendung ancaman komunis di Singapura.

Faktor lain ialah melalui pembentukan Malaysia akan **mempercepatkan kemerdekaan** bagi wilayah Borneo iaitu Sabah dan Sarawak. Hal ini adalah selaras dengan rancangan **dekolonisasi** British.

[6 markah]

Jawapan

F1 Faktor Keselamatan
H1a Ancaman komunis di Singapura
H1b menggugat keselamatan Persekutuan Tanah Melayu
H1c Tunku Abdul Rahman Putra al-Haj menanggap Singapura akan menjadi pusat kegiatan komunis
H1d penyatuan dengan Singapura dapat memberikan kuasa kepada Kerajaan Persekutuan
H1e dalam bidang keselamatan dan pertahanan
H1f bagi membendung ancaman komunis di Singapura
F2 Mempercepatkan kemerdekaan
H2a British dapat merealisasikan rancangan dekolonisasi
H2b mempercepatkan kemerdekaan wilayah Borneo
H2c usaha ini memerlukan sokongan penduduk wilayah Broneo

Buku teks MS 93



**Rasional Idea Pembentukan Malaysia**

Rancangan pembentukan Malaysia mula berjalan apabila Tunku Abdul Rahman Putra al-Haj memberikan komitmen terhadap rancangan penggabungan semua wilayah yang terlibat dan mendapat sokongan kerajaan British. Terdapat beberapa faktor pembentukan Malaysia, iaitu keselamatan, keseimbangan komposisi penduduk, mempercepat kemerdekaan dan pembangunan wilayah.

**Keselamatan**

**Ancaman Komunis di Singapura**

Ancaman komunis di negeri ini telah menggugat keselamatan Persekutuan Tanah Melayu. Tunku Abdul Rahman Putra al-Haj menganggap Singapura akan menjadi pusat kegiatan komunis. Oleh itu, langkah penyatuan dengan Singapura ini dapat memberikan kuasa kepada Kerajaan Persekutuan dalam bidang keselamatan dan pertahanan bagi membendung ancaman komunis di Singapura.

**Perkembangan di Sarawak**

Sarawak berhadapan dengan ancaman komunis melalui gerakan Clandestine Communist Organization (CCO). Dengan penyertaan Sarawak, kerajaan British berharap dapat membendung ancaman komunis.

**Keseimbangan Komposisi Penduduk**

Keputusan untuk menerima Singapura dalam Persekutuan akan mewujudkan ketidakseimbangan komposisi penduduk antara orang Melayu dengan orang Cina. Perkara ini dibimbangi oleh Tunku Abdul Rahman Putra al-Haj dan pemimpin UMNO. Penggabungan Sarawak, Sabah dan Brunei akan menyeimbangkan komposisi antara kaum.

**Mempercepat Kemerdekaan**

Bagi pihak British, pembentukan Malaysia dapat merealisasikan rancangan dekolonisasi serta mempercepat kemerdekaan wilayah Borneo, terutamanya Sarawak dan Sabah. Walau bagaimanapun, kerajaan British perlu memastikan usaha ini mendapat sokongan penduduk di wilayah ini.

**Pembangunan Wilayah**

Cadangan penyertaan Persekutuan Tanah Melayu, Sarawak, Sabah, Singapura dan Brunei membentuk sebuah negara bertujuan agar wilayah ini dapat bersatu dalam usaha mempercepat pelbagai bidang pembangunan. Pembentukan Malaysia boleh meningkatkan taraf hidup peribumi dalam pelbagai aspek seperti infrastruktur, sosial dan ekonomi yang lebih seimbang.

BAB 5

(b) Jelaskan reaksi masyarakat Sabah yang menyokong pembentukan Malaysia.

Reaksi masyarakat Sabah terhadap pembentukan Malaysia ialah pada awalnya, penduduk Sabah berasa **curiga**. Ini adalah kerana Sabah sedang berkembang dalam kegiatan **perdagangan** serta sistem perkhidmatan awam semakin baik. Tambahan pula, penduduk **bebas** menjalankan kegiatan harian mereka. Kehadiran pasukan tentera Brirish menjamin **keselamatan** mereka. Oleh itu, mereka berpendapat **tiada keperluan** untuk bergabung. Namun demikian Sabah Alliance menyokong Malaysia misalnya, UNKO, USNO dan UPKO.

[6 markah]

| | |
|---|---|
| Jawapan | F1 Pada awalnya penduduk Sabah berasa curiga dan bimbang.<br>F2 Sabah sedang berkembang dalam kegiatan perdagangan<br>F3 serta sistem perkhidmatan awam semakin baik<br>F4 Penduduk bebas menjalankan kegiatan seharian<br>F5 kehadiran pasukan tentera British menjamin keselamatan<br>F6 berpendapat tiada keperluan untuk bergabung<br>F7 Sabah Alliance menyokong Malaysia<br>C7a Misalnya, UNKO, USNO,UPKO, Democratic Party dan Sabah India Congress<br><br>Buku teks MS  |
| [F/H/C/Inf] | (c) Pembentukan Malaysia telah menunjukkan bahawa masyarakat terdiri daripada berbilang kaum dan etnik berjaya disatukan di bawah satu pemerintahan.<br><br>Ramalkan apa yang akan berlaku sekiranya perpaduan kaum dan intergrasi nasional tidak dapat dikekalkan pada masa hadapan.<br><br>[6 markah] |
| Jawapan | Sekiranya perpaduan kaum dan intergrasi nasional tidak dapat dikekalkan pada masa hadapan, **politik menjadi tidak stabil** kerana kerjasama antara pemimpin dalam bidang politik semakin **hancur** serta **tiada sikap toleransi** antara kaum. Kesannya rakyat hidup dalam keadaan **tidak harmoni**. Misalnya semasa tercetusnya **peristiwa berdarah 13 Mei 1969.**<br><br>Selain itu, **pembangunan** tidak berjalan dengan lancar kerana tiada semangat **bersatu** antara kaum akibat daripada **hilangnya semangat saling hormat-menghormati** antara kaum. Hal ini akan menyebabkan kemajuan negara akan **terbantut** dan **imej negara** akan merosot. Contohnya, ketika negara diancam komunis semasa darurat. |
| | F1 : Politik menjadi tidak stabil<br>H1a : kerjasama antara pemimpin dalam bidang politik semakin hancur<br>H1b : tiada sikap toleransi antara kaum<br>In : rakyat hidup dalam keadaan tidak harmoni<br>C : misalnya semasa tercetusnya peristiwa berdarah 13 Mei 1969.<br><br>F2 : pembangunan tidak berjalan dengan lancar<br>H2a : kerana tiada semangat bersatu antara kaum<br>H2b : hilangnya semangat saling hormat-menghormati antara kaum.<br>In1 : kemajuan negara akan terbantut<br>In2 : imej negara akan merosot.<br>C : negara diancam komunis semasa darurat.<br><br>Mana-mana jawapan yang munasabah |

5 Gambar di bawah merujuk kepada usaha menangani konfrantasi Indonesia terhadap Malaysia pada tahun 1963.



Anggota keselamatan Malaysia bersama-sama Komando Marin British meronda di sepanjang sungai di Serudong, Sabah semasa konfrontasi.
*Sumber*: Arkib Negara Malaysia.



Tun Abdul Razak Hussein sedang memberikan taklimat kepada penduduk di Sabak Bernam, Selangor tentang konfrontasi.
*Sumber*: Arkib Negara Malaysia.

(a) Apakah reaksi Indonesia terhadap pembentukan Malaysia?

..................................................................................................................

..................................................................................................................

..................................................................................................................

..................................................................................................................

[4m]

**Jawapan**

F1 tidak menentang pada peringkat awal
F2 penentangan muncul selepas Pemberontakan Brunei 7 Disember 1962
F3 apabila Tunku Abdul Rahman Putra al-Haj membuat kenyataan
F4 bahawa Indonesia terlibat membantu pemberontakan
F5 Parti Komunis Indonesia
F6 menyelar rancangan Malaysia
F7 sebagai penerusan dasar neokolonialisme
F8 yang dirancang oleh kerajaan British
F9 Dr. Subandrio mengumumkan dasar konfrantasi terhadap Malaysia
F11 dengan alasan mengancam kedudukan Indonesia

Buku teks MS 106-107


5.6 Konfrontasi dan Usaha Menangani

Konfrontasi

Peristiwa Penentangan

INDONESIA
20 Januari 1963
• Melancarkan dasar konfrontasi terhadap Tanah Melayu "Ganyang Malaysia".
16 Januari 1963 – 27 Mac 1963
• Tentera Indonesia melancarkan serangan gerila di Sarawak.
Ogos – Disember 1964
• Pendaratan gerila di Johor.

PUTUS HUBONGAN

TOP SECRET

(b) Jelaskan usaha Malaysia dalam menangani konfrantasi?

..................................................................................................................

..................................................................................................................

..................................................................................................................

..................................................................................................................

..................................................................................................................

..................................................................................................................

..................................................................................................................

..................................................................................................................

..................................................................................................................

..................................................................................................................

..................................................................................................................

..................................................................................................................

[6 markah]

Jawapan

F1 menggunakan pendekatan diplomatik
F2 Kementerian Luar Negeri bertanggungjawab
F3 mematahkan kempen propaganda
F4 mendapatkan sokongan negara luar
F5 U Thant/ Setiausaha Agung PBB
F6 mengutus C.V Narasimhan
F7 berunding dengan pemimpin kerajaan Indonesia dan Persekutuan Tanah Melayu
F8 Tunku Abdul Rahman Putra al-Haj
F9 mengadakan pertemuan dengan Presiden Soekarno di Tokyo pada 1963
F10 menerangkan tujuan pembentukan Malaysia
F11 Tunku Abdul Razak Hussein
F12 menghadiri mesyuarat peringkat Menteri Luar di Manila
F13 bagi mencari penyelesaian konfrantasi
F14 Mesyuarat antara Tunku Abdul Rahman, Presiden Soekarno dan Presiden Macapagal di Manila
F15 berjaya membuatkan kerajaan Indonesia dan Filipina menerima peembentukan Malaysia
F16 setelah penilaian dibuat oleh PBB terhadap Sarawak dan Sabah
F16 Kerajaan Indonesia menamatkan konfrantasi pada 4 Ogos 1966

Buku teks MS108-109


**Langkah Menamatkan Konfrontasi**

Malaysia menggunakan pendekatan diplomatik dalam usaha menangani konfrontasi. Tanggungjawab menyusun strategi diserahkan kepada Kementerian Luar Negeri yang diketuai oleh Muhammad Ghazali Shafie. Tugas utama kementerian ini adalah untuk mematahkan kempen propaganda dan mendapatkan sokongan negara luar.

1. Usaha awal menamatkan konfrontasi dilakukan oleh U Thant, Setiausaha Agung PBB. Beliau mengutus wakilnya C.V. Narasimhan pada bulan Februari 1963 untuk berunding dengan pemimpin kerajaan Indonesia dan Persekutuan Tanah Melayu.
2. Presiden Macapagal menganjurkan rundingan peringkat pegawai di Manila pada 9 April 1963. Negara kita diwakili oleh Muhammad Ghazali Shafie.
3. Tunku Abdul Rahman Putra al-Haj menerima undangan Presiden Soekarno untuk bertemu di Tokyo pada 1963. Dalam pertemuan ini, Tunku Abdul Rahman Putra al-Haj menerangkan tujuan pembentukan Malaysia.

1963 | 1964

4. Tun Abdul Razak Hussein menghadiri mesyuarat peringkat Menteri Luar di Manila pada 7–11 Jun 1963 bagi mencari penyelesaian konfrontasi. Dr. Subandrio, Menteri Luar Indonesia, hadir bagi pihak negaranya.
5. Tunku Abdul Rahman Putra al-Haj menghadiri mesyuarat bersama-sama Presiden Soekarno dan Presiden Macapagal di Manila pada 31 Julai – 5 Ogos 1963. Hasil penting ialah penerimaan kerajaan Indonesia dan Filipina terhadap pembentukan Malaysia selepas penilaian dibuat oleh PBB terhadap Sarawak dan Sabah.
6. Rundingan Malaysia, Indonesia dan Filipina berlangsung pada tahun 1964 melibatkan dua persidangan peringkat menteri di Bangkok dan satu sidang kemuncak di Tokyo. Peranan utama dimainkan oleh Thanat Khoman, Menteri Luar Thailand yang menganjurkan pertemuan dengan Menteri Luar Indonesia.

BAB 5

[F/H/C/Inf]

(b) Cadangkan langkah-langkah untuk meningkatkan keberkesanan hubungan Malaysia dengan negara luar.

..........................................................................................................................
..........................................................................................................................
..........................................................................................................................
..........................................................................................................................
..........................................................................................................................
..........................................................................................................................
..........................................................................................................................
..........................................................................................................................

[8 markah]

F1 : Bersatu menjaga kepentingan bersama
H : mengukuhkan kerjasama dalam pelbagai bidang
C : Misalnya Malaysia terlibat dalam kerjasama pembangunan segi tiga bersama anggota ASEAN
In : Mengurangkan monopolli pasaran barangan daripada ASEAN daripada negara maju

F2 : Menghadapi masalah bersama-sama
H : mengukuhkan semangat setiakawan
H : mengelakkan tercetusnya krisis antara negara
C : Malaysia bersama-sama dengan negara ASEAN menandatangi Perjanjian ASEAN bagi memastikan isu jerebu di Asia Tenggara dapat diatasi pada masa hadapan.
In : memastikan keamanan serantau berpanjangan

*Mana-mana jawapan yang munasabah*

| T5B6 SK13 2.Cabaran Selepas Pembentukan Malaysia | Soalan Subjektif Respons Terhad / Bahagian A |
|---|---|

**1 (a)** Negara Malaysia menghadapi pelbagai cabaran selepas pembentukannya.

Senaraikan tiga cabaran dalaman yang dihadapi oleh Sabah dan Sarawak pada ketika itu?

Cabaran pertama bagi Malaysia ialah dalam **bidang pembangunan dan ekonomi** penduduk Sabah dan Sarawak. Sabah dan Sarawak menghadapi cabaran untuk **memperlbagaikan kegiatan ekonomi** di negeri mereka. Selain itu, Sabah dan Sarawak juga menghadapi masalah **sistem perhubungan dan pengangkutan** kerana Kawasan negeri itu yang **sangat luas dan jauh antara satu sama lain**.

- [3 markah]

**Jawapan**

F1 masih bergantung kepada sistem pengangkutan air
F2 memajukan sistem Pendidikan
F3 penduduk pendalaman tidak mendapat peluang
F4 untuk melanjutkan pelajaran

Buku teks MS116 – 117



**(b)** Apakah cabaran politik yang berlaku di Sarawak pada Jun 1966?

Pada Jun 1966 telah berlaku krisis perlembagaan di Sarawak apabila **ahli Council Negeri** seramai 21 orang **tidak berpuas hati** dengan kepimpinan Stephen Kalong Lngkan. Dia telah **di pecat oleh Gabenor** pada Jun 1966. Stephen Kalong Ilngkan telah mencabar **keputusan tersebut** dan **membawa kes** itu ke Mahkamah Tinggi Sarawak.

[3 markah]

**Jawapan**

F1 Stephen Kalong Lingkan menang kes
F2 menjadi Ketua Menteri
F3 Undi tidal percaya kepada Council Negeri
F4 berlaku ketidakstabilan yang mengancam keselamatan
F5 dan keamanan negeri dan rakyat
F6 Darurat diisytiharkan
F7 Tawi Sli menjadi Ketua Menteri

Buku teks 118



**[F/H/C/Inf]**

c) Mengapakah usaha mewujudkan perpaduan kaum penting di negara kita?

Usaha ini penting untuk **mewujudkan perasaan muhibbah** dikalangan rakyat di negara kita. Ia juga dapat **melahirkan perasaan hormat menghormati** di kalangan pelbagai kaum di negara ini. Selain itu, rakyat dapat **berganding bahu** untuk **mempertahankan kemerdekaan dan kedaulatan negara** ini. Dengan ini dapat **memperkukuhkan lagi kestabilan politk** dan ekonomi negara agar **rakyat dapat hidup dengan aman.**

[4 markah]

| T5B6 SK13 2.Cabaran Selepas Pembentukan Malaysia | Soalan Subjektif Respons Terhad / Bahagian A |
|---|---|

**2** Kemasukan Singapura ke dalam Malaysia telah menimbulkan pelbagai cabaran terhadap negara.


The Straits Times
Eight dead and 60 hurt in new rioting
SINGAPORE A 'DANGER ZONE'
Tengku blames Soek

**(a)** Nyatakan **dua** faktor pemisahan Singapura dari Malaysia.

……………………………………………………………………………………………………………
……………………………………………………………………………………………………………
……………………………………………………………………………………………………………
……………………………………………………………………………………………………………

[2 markah]

**Jawapan**

F1 Politik
F2 Liew Kuan Yew tidak puas hati
F3 peranan Singapura terhad
F4 konflik pemimpin PAP dan Perikatan
F5 Kempen Malaysia Malaysian
F6 Ekonomi
F7 tuntut pembukaan Pasaran Bersama
F8 Kerajaan Persekutuan cadang naikkan faedah pinjaman
F9 Masalah perkauman
F10 tuntutan hak sama rata antara kaum
F11 rusuhan kaum di Singapura

Buku teks MS119



**(b)** Jelaskan kronologi pemisahan Singapura daripada Malaysia

……………………………………………………………………………………………………………
……………………………………………………………………………………………………………
……………………………………………………………………………………………………………
……………………………………………………………………………………………………………

[4 markah]

**Jawapan**

F1 Perundingan antara Tun Abdul Razak dan Lee Kuan Lew
F2 perudingan tersebut gagal
F3 Tun Abdul Razak bermesyuarat dengan Menteri-menteri lain
F4 bincangkan mengenai pemisahan dari Singapura
F5 Kabinet bersetuju
F6 Menandatangani persetujuan pemisahan Malaysia dengan Singapura
F7 Usul pemisahan di bawa kepada Parlimen Malaysia
F8 Diluluskan oleh Parlimen

Buku teks MS120



| | |
|---|---|
| [F/H/C/Inf] | c) Setiap warganegara mempunyai tanggungjawab untuk mempertahankan kedaulatan negeri. Jelaskan.<br>……………………………………………………………………………………………<br>……………………………………………………………………………………………<br>……………………………………………………………………………………………<br>……………………………………………………………………………………………<br>(4 markah) |
| | F1 kepimpinan yang bertanggungjawab<br>H merupakan tonggak utama<br>H melahirkan suasana harmoni<br>C bersatu hati membangunkan pembangunan negara<br>Inf mampu bersaing standing dengan negara-negara maju di dunia.<br>*Mana-mana jawapan yang munasabah* |

| T5B6 SK13 2.Cabaran Selepas Pembentukan Malaysia | Soalan Subjektif Respons Terhad / Bahagian A |
|---|---|

3 Buku di bawah adalah berkaitan dengan peristiwa berdarah 13 Mei 1969.




This Photo by Unknown Author is

(a) Apakah punca berlakunya rusuhan kaum di negara kita pada masa tersebut?

…………………………………………………………………………………………………………
…………………………………………………………………………………………………………
…………………………………………………………………………………………………………
…………………………………………………………………………………………………………

[3 markah]

**Jawapan**

F1 ketidakseimbangan dalam ekonomi dan social
F2 Keputusan Pilihan Raya Umum
F3 Ketegangan bermula dengan Kempen
F4 Parti Politik mengeksploitasi isu
F5 menyentuh isu sensitivity
F6 membuat provokasi
F7 PKM mengambil kesempatan
F8 mempengaruhi penduduk
F9 suoaya bermusuhan
F10 menggunakan isu keagamaan
F11 menimbulkan kekacauan

Buku teks MS 129



(b) Jelaskan usaha yang diambil oleh kerajaan untuk mengatasi peristiwa rusuhan ini.

…………………………………………………………………………………………………………
…………………………………………………………………………………………………………
…………………………………………………………………………………………………………
…………………………………………………………………………………………………………

[ 3 markah]

**Jawapan**

F1 Perintah darurat
F2 Perlembagaan digantung dan Parlimen ditangguhkan
F3 mewujudkan pusat perlindungan darurat
F4 kuatkuasa perintah berkurung
F5 menapis semua berita
F6 tubuhkan Majlis Gerakan Negara (MAGERAN)
F7 mengembalikan keamanan negara
F8 kukuhkan perpaduan kaum
F9 licinkan pentadbiran negara
F10 kembalikan keharmonian kaum
F11 Peranan Raja- raja Melayu
F12 menasihati rakyat

Buku teks MS129 -130




**[F/H/C/Inf]**

(c) Bagaimanakah keharmonian antara kaum di negara kita dapat terus dipelihara dan dikekalkan?

…………………………………………………………………………………………………………
…………………………………………………………………………………………………………
…………………………………………………………………………………………………………
…………………………………………………………………………………………………………

(4 markah)

| | |
|---|---|
| | F1 mempelbagaikan kegiatan kemasyarakatan<br>H melibatkan rakyat pelbagai kaum<br>H membuka ruang untuk saling berkenalan<br>C Aktiviti gotong royong<br>Inf rakyat dapat hidup dengan aman dan tenang<br><br>*Mana-mana jawapan yang munasabah* |

| T5B6 SK13 2.Cabaran Selepas Pembentukan Malaysia | Soalan Subjektif Respons Terbuka / Bahagian B |
|---|---|

**4** Peta di bawah menunjukkan operasi ketenteraan di Bahagian Pertama, Kedua dan Ketiga di Sarawak.




**(a)** Jelaskan tindakan komunis yang mengancam keselamatan negeri tersebut?

Komunis telah **melancarkan serangan terhadap anggota pasukan keselamatan**. Selain itu, mereka **menyerap masuk ideologi komunis** di kalangan rakyat. Mereka juga melakukan **kegiatan sabotaj** terhadap kemudahan awam. Komunis juga telah berani melakukan **kegiatan serangan terhadap orang awam** dengan menyerang kawasan kediaman mereka.

[4 markah]

**Jawapan**

F1 melancarkan kegiatan subversive
F2 menentang gagasan Malaysia
F3 menyerang Kawasan Batu Kitang, Kuching.

Buku teks MS 121



**(b)** Apakah tindakan yang dilakukan oleh kerajaan untuk menangani ancaman komunis di Sarawak?

Tindakan yang diambil oleh kerajaan untuk menangani ancaman komunis inilah mengadakan **Perang Saraf.** Pihak Berkuasa telah mengambil langkah untuk **mengadaka**n **perhimpunan awam** dimana ia dapat **memberi kesedaran tentang bahaya komunis** . Selain itu, Pihak Berkuasa juga **menyebarkan risalah** dan **menyampaikan maklumat** tentang bahaya komunis. Ini adalah untuk **menanam perasan benci** terhadap kekejaman komunis. Selain itu, pihak berkuasa juga **mengisytiharkan Kawasan putih** dimana ia **bebas dari ancaman komunis** dan juga **tawaran program pengampunan** untuk ahli-ahli komunis yang sudi **meninggalkan perjuangan mereka dengan meletak senjata dan menyerah diri.**

[8 markah]

**IniJawapan**

F1 Pembanguan infrastruktur
H1a menyediakan kemudahan perhubungan yang lebih baik kepada penduduk
F2 Operasi Ketenteraan
H2a Operasi Hammer
H2b memenangi hati rakyat
H2c mendirikan petempatan baru sepanjang Jalan Serian-Kuching
H2d dikawal sepanjang masa
H2e perintah berkurung selama 24 jam
H2f untuk menlindungi daripada ancaman komunis
C2a Operasi berterusan menyebabkan ramai anggota ditangkap
F3 Operasi Jalan Raja di Nonok (Asajaya) di bahagian pertama
F4 Operasi Ngayau di bahagian Kapit
F5 Rajang Area Security Command (RASCOM) ditubuhkan.
F6 Operasi Sri Aman dilancarkan
H6a Operasi ditamatkan bila anggota komunis menyerah diri.
H6b Perjanjian damai di antara pihak Komunis dan kerajaan Sarawak.

Buku teks MS121 -123





| | |
|---|---|
| [F/H/C/Inf] | ( c) Apakah iktibar yang diperolehi daripada ancaman komunis di negara kita?<br><br>Iktibar yang dapat kita perolehi daripada ancaman komunis di negara kita ini ialah kita harus **menghargai keamanan negara** kita. Hal ini membolehkan kita **mempertahankan kemerdekaan negara** agar tidak **dicerobohi oleh mush-musuh negara**. Kita juga harus berusaha untuk **mengekalkan perpaduan kaum** di kalangan masyarakat negara ini. Hal ini dapat dilakukan dengan **saling menghormati** antara kaum yang ada iaitu **Melayu**, **Cina, India** dan lain-lain. Kesannya **keharmonian** negara kita sentiasa kekal dan **aman** sepanjang masa,<br><br>[8 markah] |
| | F1 menghargai keamanan negara<br>H mempertahankan kemerdekaan negara<br>H dicerobohi oleh mush-musuh negara<br>H mengekalkan perpaduan kaum<br>H. saling menghormati<br>C Melayu, Cina, India<br>Inf keharmonian<br>Inf aman<br>*Mana-mana jawapan yang munasabah* |

| T5B6 SK13 2.Cabaran Selepas Pembentukan Malaysia | Soalan Subjektif Respons Terbuka / Bahagian B |
|---|---|

| | |
|---|---|
| 5 | Kerajaan telah membentuk rancangan pembangunan lima tahun bagi memastikan usaha pembangunan dan ekonomi nasional dapat dilaksanakan di semua negeri.<br><br> |
| (a) | Apakah isu berkaitan pembangunan ekonomi yang dihadapi oleh negara pada masa tersebut?<br>……………………………………………………………………………………<br>……………………………………………………………………………………<br>……………………………………………………………………………………<br>……………………………………………………………………………………<br>[4m] |
| Jawapan | F1 kekurangan bantuan kewangan<br>F2 masalah pengangkutan dan perhubungan<br>F3 bergantung kepada getah/timah<br>F4 kejatuhan harga barang mentah<br>F5 teknologi yang rendah/ peralatan tidak moden<br>F6 petani masih berpendapatan rendah<br>F7 tanaman komersial kurang<br><br>Buku teks MS 127<br> |
| (b) | Terangkan usaha-usaha kerajaan untuk meningkatkan taraf hidup penduduk melalui Rancangan Malaysia Pertama ini.<br>……………………………………………………………………………………<br>……………………………………………………………………………………<br>……………………………………………………………………………………<br>……………………………………………………………………………………<br>……………………………………………………………………………………<br>……………………………………………………………………………………<br>……………………………………………………………………………………<br>……………………………………………………………………………………<br>……………………………………………………………………………………<br>[8 markah] |

Jawapan

F1 :pelbagaikan kegiatan ekonomi
H1a :pertanian dan industry pemprosesan
F2 :pasaran baru bagi getah/timah
F3 :pelbagai bidang pertanian untuk kelapa sawit/koko
F4 :pelbagaikan pengeluaran komoditi negara
F5 :melancarkan program pembangunan negara
H5a :berasaskan satu rancangan bersepadu
F6 :menggerakkan aktiviti perkilangan dan pembuatan negara
H6a :dengan membuka Kawasan baharu
F7 :mempercepat integrasi dalam kalangan penduduk
F8 :mendapatkan bantuan Bank Dunia
F9 :menubuhkan pusat Latihan teknikal dan vokasional
F10 :meluaskan peluang pekerjaan kepada penduduk
F11 :mengurangkan kadar penduduk
F12 :perkenalkan program perancang keluarga
F13 :tambah baik perkhidmatan kesihatan di luar bandar.

Buku teks MS 127-128




[F/H/C/Inf]

c) Jelaskan langkah-langkah yang perlu diambil oleh rakyat Malaysia dalam memastikan Malaysia dapat menjadi pusat kegiatan ekonomi antarabangsa.

…………………………………………………………………………………………………
…………………………………………………………………………………………………
…………………………………………………………………………………………………
…………………………………………………………………………………………………
…………………………………………………………………………………………………
…………………………………………………………………………………………………
…………………………………………………………………………………………………
…………………………………………………………………………………………………..

([8 markah]

F1 :mewujudkan zon perdagangan besas
H :mengenakan takrif cukai yang berpatutan
H :meluaskan pasaran ekonomi
C :dapat menarik ramai pelabur
Inf :mengukuhkan kemakmuran ekonomi negara
F2 :meningkatkan penggunaan teknologi canggih
H :dapat meneroka pasaran baru
H :memperluaskan hubungan ekonomi dengan negara lain
C :perjanjian perdagangan dua hala dengan negara jiran seperti Indonesia
Inf :dapat menanam sikap berdaya saing di arena antarabangsa

*Mana-mana jawapan yang munasabah*

| T5B7 SK14.1 Membina Kesejahteraan Negara | Soalan Subjektif Respons Terhad / Bahagian A |
|---|---|

1 Rajah berikut berkaitan asas membina kesejahteraan negara




(a) Apakah maksud aspek berikut

(iii) Perpaduan
Rakyat pelbagai etnik,agama dan wilayah yang hidup dengan aman..

(iv) Integrasi kaum
Proses merapatkan hubungan masyarakat antara negeri dengan wilayah bagi membentuk satu bangsa.

[2 markah]

**Jawapan**

(b) i
F1 pelbagai etnik/ agama/ wilayah
F2 beri komitmen kepada identiti kebangsaan
F3 hidup aman berlandaskan Perlembagaan persekutuan
(a) ii
F1 proses merapatkan hubungan masyarakat antara negeri dengan wilayah
F2 mempunyai identiti sendiri berteraskan Perlembagaan Persekutuan

Buku teks MS140




(b) Jelaskan usaha-usaha yang kerajaan lakukan untuk memperkasakan perpaduan.

Usaha-usaha yang kerajaan lakukan untuk memperkasakan perpaduan ialah menubuhkan **Jabatan Perpaduan Negara**. Jabatan ini berperanan **mendraf satu ideologi** untuk negara iaitu **Rukun Negara**. Usaha lain ialah mewartakan pembentukan **Majlis Muhibah** Negara yang bertujuan **menggalakkan perkembangan perasaan muhibah** antara masyarakat berbilang kaum di Malaysia.

[4 markah]

**Jawapan**

F1 menubuhkan Jabatan Perpaduan Negara
F2 berperanan mendraf satu ideologi untuk negara
F3 yang dikenali sebagai Rukun Negara
F4 pembentukan Majlis Muhibah
F5 menggalakkan perkembangan perasaan muhibah antara masyarakat berbilang kaum di Malaysia.
F6 menubuhkan Majlis Perundingan
F7 mengadakan garis panduan bagi kerjasama antara kaum
F8 menambah baik Dasar Pendidikan Kebangsaan
F9 meneruskan Rancangan Pembangunan Lima Tahun Malaysia

Buku teks MS142-143




**[F/H/C/Inf]**

(f) Jelaskan kepentingan pengukuhan perpaduan kepada sesebuah negara.

*Kepentingan pengukuhan perpaduan kepada sesebuah negara ialah* untuk menikmati **keamanan.** Hal ini kerana masyarakat Malaysia terdiri daripada **berbilang bangsa**, agama dan budaya contohnya **seperti Melayu, Cina, India** dan lain-lain. Selain itu masyarakat hidup **saling menghormati** antara kaum sangat penting untuk kesejahteraan negara. Kesannya masyarakat akan **lebih terbuka** untuk **mengenali kepelbagaian** budaya.

[4 markah]

2 Gambar berikut merupakan buku berkaitan dengan Dasar Pendidikan Kebangsaan.




Buku Dasar Pendidikan

(a) Nyatakan dua matlamat Dasar Pendidikan Kebangsaan.

(i)……………………………………………………………………………………………

(ii)…………………………………………………………………………………………

[2 markah]

**Jawapan**

(a)
F1 bertujuan menyatupadukan rakyat
F2 menyediakan tenaga kerja mahir
F3 mewujudkan pendidikan yang dapat memenuhi keperluan negara
F4 menggalakkan perkembangan kebudayaan/ekonomi/ sosial /politik.
F5 melahirkan rakyat yang berilmu/ seimbang/harmoni
F6 menyumbang kepada keharmonian dan kemakmuran negara.

Buku teks MS144




Ilustrasi penerangan tentang matlamat Dasar Pendidikan Kebangsaan.

(b) Semakan semula Dasar Pendidikan pada tahun 1960 telah menghasilkan Laporan Rahman Talib dan Laporan Jawatankuasa Kabinet 1979.
Berikan penjelasan anda.

……………………………………………………………………………………………………
……………………………………………………………………………………………………
……………………………………………………………………………………………………
……………………………………………………………………………………………………

[4 markah]

**Jawapan**

F1 Laporan Rahman Talib menyemak semula dan mengukuhkan Penyata Jawatankuasa Pelajaran 1956.
F2 menjadi asas penggubalan Akta Pelajaran 1961
F3 mengekalkan teras sistem pendidikan kebangsaan untuk memupuk perpaduan/integrasi.
F4 Menjadikan bahasa Melayu sebagai bahasa pengantar
F5 Mengadakan kurikulum yang sama
F6 Jawatankuasa Kabinet memberi penegasan kepada pendidikan kerohanian
F7 melalui mata pelajaran Pendidikan Islam dan Pendidikan Moral.

Buku teks MS145-146



**Laporan Rahman Talib**

Jawatankuasa ini dipengerusikan oleh Abdul Rahman Talib pada tahun 1960 untuk menyemak semula dan mengukuhkan Penyata Jawatankuasa Pelajaran 1956. Laporan jawatankuasa ini menjadi asas penggubalan Akta Pelajaran 1961 dan penyemakan Dasar Pendidikan Kebangsaan seterusnya.

Laporan Rahman Talib masih mengekalkan teras sistem pendidikan kebangsaan untuk memupuk perpaduan dan integrasi.

- Menjadikan bahasa Melayu sebagai bahasa pengantar pada semua peringkat pendidikan. Penggunaan bahasa yang seragam dapat mewujudkan perpaduan.
- Mengadakan kurikulum yang sama dan berorientasikan negara kita bagi semua jenis sekolah. Kurikulum yang berorientasikan negara mewujudkan perasaan cinta akan negara.

**[F/H/C/Inf]**

(e) Sekiranya anda dilantik menjadi Menteri Pelajaran, apakah perkara utama yang akan dilaksanakan bagi menjadikan Pendidikan negara kita bertaraf dunia?

……………………………………………………………………………………………………
……………………………………………………………………………………………………
……………………………………………………………………………………………………
……………………………………………………………………………………………………

[4 markah]

F1:Menambah baik kemudahan Pendidikan
H : pengajaran dan pembelajaran dilaksana dengan berkesan
C : bilik kelas kondusif/teknologi Pendidikan
In : sistem Pendidikan cemerlang / murid capai kejayaan

*Mana-mana jawapan yang munasabah*

**3** Petikan berikut diucapkan semasa Majlis Pelancaran Sambutan Ulang Tahun ke-50 Rukun Negara oleh YAB Tan Sri Dato' Haji Muhyiddin bin Mohd Yassin Perdana Menteri Malaysia

> Sebagai rakyat Malaysia yang berjiwa patriotik dan cintakan tanah air, prinsip-prinsip Rukun Negara sentiasa kita junjung. Sejak di bangku sekolah lagi, kita diperkenalkan dengan lima prinsip Rukun Negara yang tidak pernah lekang di ingatan kita. Kepercayaan Kepada Tuhan, Kesetiaan Kepada Raja dan Negara, Keluhuran Perlembagaan, Kedaulatan Undang-Undang dan Kesopanan dan Kesusilaan bukan sahaja sentiasa disebut, malah telah sebati dalam jiwa sanubari kita.
>
> *Sumber*:https://www.pmo.gov.my/2020/07/ucapan-di-majlis-pelancaran-sambutan-ulang-tahun-ke-50-rukun-negara/
> July 9, 2020

**(a)** Nyatakan latar belakang pembentukan Rukun Negara?

………………………………………………………………………………………………..

………………………………………………………………………………………………..

[2 markah]

**Jawapan**

F1dibentuk ekoran daripada peristiwa 13 Mei 1969
F2 hasil perbincangan dan pemikiran Majlis Perundingan Negara (MAPEN) yang dibentuk oleh MAGERAN pada 29 Januari 1970
F3 iisytiharkan secara rasmi oleh Yang di-Pertuan Agong IV pada 31 Ogos 1970
F4 merupakan ideologi negara
F5 susunan prinsip hidup masyarakat

Buku teks MS157


Rukun Negara ialah ideologi negara yang dibentuk sebagai sebahagian daripada usaha kerajaan untuk menyatukan dan membimbing rakyat ke arah perpaduan. Rukun Negara merupakan susunan prinsip hidup masyarakat yang mengandungi nilai kenegaraan dan norma sosial yang mencakupi seluruh aspek kehidupan bernegara seperti politik, ekonomi, agama, budaya dan perundangan. Rukun Negara juga menggariskan ikrar yang perlu dihayati oleh warganegara Malaysia dan dianggap sebagai falsafah hidup rakyat Malaysia.

Sejarah Pembentukan

Rukun Negara dibentuk ekoran daripada peristiwa 13 Mei 1969. Rukun Negara hasil daripada perbincangan dan pemikiran Majlis Perundingan Negara (MAPEN) yang dibentuk oleh MAGERAN pada 29 Januari 1970. Rukun Negara telah diisytiharkan secara rasmi oleh Yang di-Pertuan Agong IV pada 31 Ogos 1970 bersempena dengan ulang tahun kemerdekaan yang ke-13. Pada tahun 2020, genaplah 50 tahun



**(b)** Jelaskan prinsip-prinsip yang terkandung dalam Rukun Negara berikut:
(i) Kedaulatan undang-undang
(ii) Kesopanan dan Kesusilaan

…………………………………………………………………………………………………

…………………………………………………………………………………………………

…………………………………………………………………………………………………

…………………………………………………………………………………………………

[4 markah]

**Jawapan**

(ii) Kedaulatan Undang-undang
F1 menuntut setiap rakyat menghormati undang-undang
F2 tidak melakukan kesalahan di sisi undang-undang
F3 mempertahankan /memelihara kedaulatan undang-undang daripada dicabar oleh mana-mana pihak
(iii) Kesopanan dan Kesusilaan
F4 rakyat perlu sentiasa bersopan santun/hormat-menghormati/ berakhlak mulia.
F5dapat menjamin hubungan baik sesama kaum
F6 dijadikan amalan/ disemai dalam diri setiap rakyat Malaysia.

Buku teks MS159


**Keluhuran Perlembagaan**
Prinsip ini membawa maksud ketertinggian dan juga keagungan perlembagaan atau undang-undang. Perlembagaan berfungsi memberikan perlindungan dan hak kepada setiap anggota masyarakat dalam negara. Prinsip ini menekankan supaya rakyat dapat menerima, mematuhi dan mempertahankan kemuliaan perlembagaan.

**4 Kedaulatan Undang-undang**
Prinsip ini menuntut setiap rakyat menghormati undang-undang, tidak melakukan kesalahan di sisi undang-undang dan berusaha untuk menyokong penguatkuasaannya. Rakyat perlu bertanggungjawab mempertahankan dan memelihara kedaulatan undang-undang daripada dicabar oleh mana-mana pihak demi mengekalkan kehidupan yang aman dan harmoni.

**5 Kesopanan dan Kesusilaan**
Prinsip ini adalah untuk memastikan bahawa setiap rakyat perlu sentiasa bersopan santun, hormat-menghormati dan berakhlak mulia. Kesopanan dan kesusilaan dapat menjamin hubungan baik sesama kaum agar terus kekal terpelihara. Prinsip ini menjadi garis panduan yang perlu dijadikan amalan dan disemai dalam diri setiap rakyat Malaysia. Penghayatan nilai murni akan melahirkan suasana yang harmoni dan saling bertolak ansur.

**[F/H/C/Inf]**

(c) Sebagai warganegara Malaysia yang bertanggungjawab, bagaimanakah anda mengamalkan prinsip-prinsip Rukun Negara?

…………………………………………………………………………………………………

…………………………………………………………………………………………………

…………………………………………………………………………………………………

…………………………………………………………………………………………………

[4 markah]

F1 : menghormati undang-undang
H : tidak berlaku jenayah / selamat
C. : patuh undang2 keselamatan jalanraya
In : aman / rakyat sejahtera

*Mana-mana jawapan yang munasabah*

4 Maklumat berikut berkaitan dengan Akta 32 iaitu Akta Bahasa Kebangsaan 1963/67.



**AKTA BAHASA KEBANGSAAN 1963/67**

Suatu Akta bagi menyatukan undang-undang berhubung dengan penggunaan bahasa kebangsaan.

*[Semenanjung Malaysia—Seksyen 9 hingga 11—11 April 1963, Akta 10 tahun 1963; Yang lain-lain—1 September 1967,* Akta 7 tahun 1967]

**Tajuk ringkas, pemakaian dan permulaan kuat kuasa**

**1.** (1) Akta ini bolehlah dinamakan Akta Bahasa Kebangsaan 1963/67 dan hendaklah, tertakluk kepada subseksyen (2), dipakai di seluruh Malaysia.

(2) Akta ini hendaklah mula berkuat kuasa di Negeri Sabah dan Sarawak pada tarikh yang ditetapkan oleh Pihak Berkuasa Negeri masing-masing, melalui enakmen Badan Perundangan Negeri masing-masing dan tarikh yang berlainan boleh ditetapkan bagi permulaan kuat kuasa peruntukan yang berlainan dalam Akta ini di Negeri-Negeri itu.

**Bahasa kebangsaan hendaklah digunakan bagi maksud rasmi**

**2.** Kecuali sebagaimana yang diperuntukkan dalam Akta ini dan tertakluk kepada perlindungan-perlindungan yang terkandung dalam Perkara 152(1) Perlembagaan berhubung dengan mana-mana bahasa lain dan bahasa mana-mana kaum lain di Malaysia bahasa kebangsaan hendaklah digunakan bagi maksud rasmi.

Sumber: https://statics.scnu.edu.cn/pics/southeastasia/2020/0623/

(a) Kedudukan Bahasa Melayu dimartabatkan melalui Akta Bahasa Kebangsaan. Mengapakah akta tersebut perlu dipertahankan?

Akta tersebut perlu dipertahankan untuk **memupuk perpaduan** kaum dan **mempertahankan kedudukan Bahasa Melayu** sebagai Bahasa kebangsaan. Selain itu ia juga **memperkasa penggunaan Bahasa melayu** dan **mengekalkan warisan** tamadun bangsa.

[4 markah]

**Jawapan**

F1 memupuk perpaduan kaum
F2 mempertahankan BM sebagai Bahasa kebangsaan
F3 memperkasa penggunaan Bahasa melayu
F4 mengekalkan warisan tamadun bangsa
F5 pengekalan BM sebagai bahasa ilmu

Buku teks MS148



**Akta Bahasa Kebangsaan**

Bahasa Melayu merupakan bahasa rasmi yang digunakan sebagai alat untuk memupuk perpaduan kaum. Kedudukan bahasa Melayu dimartabatkan melalui penggubalan undang-undang yang dikenali sebagai Akta Bahasa Kebangsaan. Akta Bahasa Kebangsaan diperkenalkan pada tahun 1967. Akta ini dikenali juga sebagai Akta 32. Akta Bahasa Kebangsaan telah digubal di bawah Perkara 152 Perlembagaan Persekutuan Malaysia. Akta ini mula dikuatkuasakan pada 1 Julai 1971.

**Bahasa Rasmi Pentadbiran**

Bahasa Melayu sebagai bahasa rasmi menjadi antara unsur penggerak jentera pentadbiran negara. Bahasa Melayu juga merupakan alat komunikasi rasmi dalam pelbagai urusan di kementerian dan jabatan kerajaan. Bahasa Melayu digunakan sepenuhnya dalam urusan mahkamah pada tahun 1990.

UNDANG-UNDANG MALAYSIA
Akta 32
AKTA BAHASA KEBANGSAAN 1963/67

Seksyen 2

(b) Jelaskan langkah-langkah kerajaan untuk memartabatkan bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan.

Langkah-langkah kerajaan untuk memartabatkan bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan ialah melalui **Akta Bahasa Kebangsaan 1967**. Akta ini telah digubal di bawah perkara **152 Perlembagaan** Persekutuan Malaysia dan dikuatkuasakan pada 1 Julai 1971.

Selain itu Bahasa Melayu telah digunakan sebagai **bahasa rasmi dalam pentadbiran**. Hal ini menjadikan Bahasa Melayu merupakan **alat komunikasi rasmi** dalam pelbagai misalnya urusan di **kementerian**. Seterusnya Bahasa Melayu digunakan sepenuhnya dalam **urusan mahkamah** pada tahun 1990.

Langkah kerajaan lain ialah memperkasakan **BM dalam sistem Pendidikan**. Oleh itu bahasa Melayu telah dijadikan sebagai **bahasa pengantar** contohnya di **Sekolah Alam Shah.**

[8 markah]

**Jawapan**

F1 pengenalan Akta Bahasa Kebangsaan 1967
Hia telah digubal di bawah Perkara 152 Perlembagaan Persekutuan Malaysia.
F2 Bahasa Melayu sebagai bahasa rasmi dalam pentadbiran
H2a Bahasa Melayu juga merupakan alat komunikasi rasmi dalam pelbagai urusan
C kementerian /jabatan kerajaan
H2b Bahasa Melayu digunakan sepenuhnya dalam urusan mahkamah pada tahun 1990.
F3 memperkasakan BM dalam sistem pendidikan
H3a bahasa Melayu sebagai bahasa pengantar
C Sekolah Alam Shah/Sekolah Seri Puteri /Kolej Sultan Abdul Halim
F4 Penubuhan UKM
H4a UKM sebagai pusat penyelidikan dan rujukan dalam bahasa/kesusasteraan dan kebudayaan tamadun Melayu.
F5 Peranan Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP)
H5a mengembangkan Bahasa/sastera Melayu
H5b menganjurkan seminar /bengkel dll
H5c Slogan "Bahasa Jiwa Bangsa" dilancarkan pada tahun 1960

Buku teks MS148-149



**Akta Bahasa Kebangsaan**

Bahasa Melayu merupakan bahasa rasmi yang digunakan sebagai alat untuk memupuk perpaduan kaum. Kedudukan bahasa Melayu dimartabatkan melalui penggubalan undang-undang yang dikenali sebagai Akta Bahasa Kebangsaan. Akta Bahasa Kebangsaan diperkenalkan pada tahun 1967. Akta ini dikenali juga sebagai Akta 32. Akta Bahasa Kebangsaan telah digubal di bawah Perkara 152 Perlembagaan Persekutuan Malaysia. Akta ini mula dikuatkuasakan pada 1 Julai 1971.

**Bahasa Rasmi Pentadbiran**

Bahasa Melayu sebagai bahasa rasmi menjadi antara unsur penggerak jentera pentadbiran negara. Bahasa Melayu juga merupakan alat komunikasi rasmi dalam pelbagai urusan di kementerian dan jabatan kerajaan. Bahasa Melayu digunakan sepenuhnya dalam urusan mahkamah pada tahun 1990.

**Memperkasakan Bahasa Melayu dalam Sistem Pendidikan**

Pembukaan sekolah menengah kebangsaan yang menggunakan bahasa Melayu sebagai bahasa pengantar dipergiat di seluruh negara. Antaranya Sekolah Alam Shah, Sekolah Seri Puteri dan Kolej Sultan Abdul Halim menggunakan bahasa Melayu sebagai bahasa pengantar. Penggunaan bahasa Melayu sebagai bahasa pengantar dapat memupuk semangat kekitaan dan bersatu dalam kalangan murid. Bilangan guru terlatih bahasa Melayu ditambah di sekolah menengah kebangsaan dan guru khas untuk sekolah menengah jenis kebangsaan. Langkah ini bermatlamat untuk memperkasakan bahasa Melayu sebagai bahasa ilmu dan bahasa perpaduan.



**Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) sebagai Pusat Keilmuan Bahasa Melayu**

Penubuhan UKM merupakan usaha untuk memartabatkan bahasa Melayu sebagai bahasa ilmu. UKM ditubuhkan pada 18 Mei 1970. Universiti ini muncul sebagai pusat pengajian tinggi awam pertama yang berjaya memperkenalkan pengajian pelbagai jurusan dan bidang kursus dalam bahasa Melayu.

Penubuhan Institut Bahasa, Kesusasteraan dan Kebudayaan Melayu (IBKKM) pada 1 Disember 1972 menjadikan UKM sebagai pusat penyelidikan dan rujukan dalam bahasa, kesusasteraan dan kebudayaan tamadun Melayu. Institut ini kemudian bertukar nama kepada Institut Alam dan Tamadun Melayu (ATMA) pada tahun 1992. Institut ini menjadi tumpuan para penyelidik, sasterawan, karyawan dan budayawan daripada pelbagai kaum dari dalam dan luar negara. Pengiktirafan terhadap tokoh UKM seperti Muhammad Haji Salleh dan Siti Zainon Ismail sebagai Sasterawan Negara membuktikan kejayaan UKM sebagai pusat keilmuan bahasa Melayu.

Logo ATMA.
*Sumber*: https://www.ukm.my/atma/en/. Dicapai pada 23 Oktober 2020.

**Peranan Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP)**

Penubuhan DBP pada 22 Jun 1956 di Bukit Timbalan, Johor Bahru, Johor, hasil daripada resolusi Kongres Bahasa dan Persuratan Melayu Ketiga. Penubuhannya bertujuan memartabatkan bahasa Melayu sebagai bahasa rasmi dan bahasa ilmu. Nama asal DBP ialah Balai Pustaka. Pengarah pertama DBP ialah Ungku Abdul Aziz bin Ungku Abdul Hamid (jawatan ini kini dikenali sebagai Ketua Pengarah). Pembukaan pejabat di wilayah dan cawangan di Pulau Pinang, Johor, Kelantan, Sarawak dan Sabah bertujuan mengembangkan aktiviti bahasa dan sastera sebagai medium untuk memupuk perpaduan.

DBP memainkan peranan penting dalam mengembangkan bahasa dan sastera Melayu melalui penerbitan buku dan majalah, risalah, menganjurkan seminar dan bengkel serta pelbagai aktiviti bersempena dengan Minggu dan Bulan Bahasa Kebangsaan. Peranan DBP ini adalah untuk memupuk perpaduan dalam kalangan masyarakat berbilang kaum di negara ini. Slogan "Bahasa Jiwa Bangsa" dilancarkan pada tahun 1960, agar dapat mengukuhkan pembinaan masyarakat yang bersatu padu melalui bahasa.

Dewan Bahasa dan Pustaka.
*Sumber*: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Bahasa Jiwa Bangsa

**[F/H/C/Inf]**

(c) Bagaimanakah penggunaan bahasa kebangsaan dapat diperkukuh pada masa kini?

Penggunaan bahasa kebangsaan dapat diperkukuh pada masa kini dengan peranan **Dewan Bahasa dan Pustaka** yang proaktif. DBP berperanan **mengembangkan bahasa** contohnya **menerbitkan buku**. Selain itu **Bulan Bahasa** perlu dijalankan secara berterusan agar dapat melahirkan **masyarakat yang kreatif**. Kesannya Bahasa melayu akan berupaya menjadi **bahasa ilmu.**

Selain itu pengukuhan Bahasa kebangsaan juga boleh dilakukan dengan berpegang kepada **slogan** iaitu "**Bahasa Jiwa Bangsa".** Hal ini akan mewujudkan masyarakat yang **bersatu padu** melalui bahasa. Pihak kerajaan khususnya perlu **mengiklankan slogan** ini di kaca televisyen untuk memberi **kesedaran** dan **keyakinan** rakyat terhadap keupayaan Bahasa Melayu. Kesannya kita akan berasa bangga dengan pencapaian Bahasa Melayu sebagai bahasa yang dikenali oleh masyarakat dunia.

[8 markah]

F1 : peranan DBP
Hia : mengembangkan Bahasa/sastera melayu
C. : menrbitkan buku/majalah
Hib : Bulan Bahasa/masyarakat yang kreatif
In : BM sebagai bahasa ilmu
F2 : Slogan "Bahasa Jiwa Bangsa"
C. : Bahasa Jiwa Bangsa
H2a: masyarakat yang bersatu padu
H2b:mengiklan slogan
H2c: kesedaran/keyakinan
In : banggb

*Mana-mana jawapan yang munasabah*

T5B7 SK14.1 Membina Kesejahteraan Negara | Soalan Subjektif Respons Terbuka / Bahagian B

**5** Maklumat berikut berkaitan dengan program mengalakkan penglibatan rakyat Malaysia di dalam aktiviti sukan dan semangat yang wajar dipupuk kepada mereka.



Logo Sukan Malaysia.



Slogan "Malaysia Boleh" menjadi perangsang semangat kepada rakyat Malaysia.

**(a)** Jelaskan latar belakang Sukan Malaysia.

……………………………………………………………………………………………………
……………………………………………………………………………………………………
……………………………………………………………………………………………………
……………………………………………………………………………………………………

[4m]

**Jawapan**

F1 Sukan Malaysia (SUKMA) diadakan secara dwitahunan pada peringkat kebangsaan
F2 disertai oleh 13 buah negeri dan Wilayah Persekutuan
F3 bertujuan mengeratkan hubungan kaum
F4 serta integrasi antara negeri
F5 SUKMA pertama diadakan di Kuala Lumpur dari 19 April 1986 hingga 26 April 1986
F6 susunan prinsip hidup masyarakat
F7 seramai 3849 atlet menyertai dari 13 buah negeri di Malaysia

Buku teks MS153


Sumber: Kementerian Pengajian Tinggi.

Sukan Malaysia (SUKMA)

Sukan Malaysia (SUKMA) diadakan secara dwitahunan pada peringkat kebangsaan yang disertai oleh 13 buah negeri dan Wilayah Persekutuan. SUKMA bertujuan mengeratkan hubungan kaum serta integrasi antara negeri. SUKMA pertama diadakan di Kuala Lumpur dari 19 April 1986 hingga 26 April 1986 yang disertai oleh 3849 atlet dari 13 buah negeri di Malaysia.

Logo Sukan Malaysia.
*Sumber*: Kementerian Belia dan Sukan.

**(b)** Sukan merupakan satu medium untuk memupuk perpaduan kaum dan integrasi nasional di Malaysia.
Ulaskan pernyataan tersebut.

……………………………………………………………………………………………………
……………………………………………………………………………………………………
……………………………………………………………………………………………………
……………………………………………………………………………………………………
……………………………………………………………………………………………………
……………………………………………………………………………………………………
……………………………………………………………………………………………………
……………………………………………………………………………………………………
……………………………………………………………………………………………………
……………………………………………………………………………………………………
……………………………………………………………………………………………………
……………………………………………………………………………………………………

[8 markah]

**Jawapan**

F1 Dasar 1 Murid 1 Sukan
F2 peluang kepada murid pelbagai kaum untuk menceburi bidang sukan
F3 memupuk semangat setia kawan /berpasukan
F4 contohnya kejohanan olahraga tahunan sekolah
F5 penyokong rumah-rumah sukan sekolah bersorak memberikan sokongan
F6 dijadikan amalan/ disemai dalam diri setiap rakyat Malaysia.
F7 bekerjasama
F8 hubungan silaturrahim dapat dikukuhkan secara sihat.
F9 penganjuran Majlis Sukan Universiti Malaysia (MASUM) /Sukan Malaysia (SUKMA)
F10 jurulatih bekerjasama tanpa mengira kaum
F11 Kejayaan pasukan negara merupakan harapan seluruh rakyat Malaysia
F12 Sukan Komanwel/Sukan Sea/Sukan Olimpik

Buku teks MS152-155



Sukan dan Perpaduan Melalui Pendidikan

Sukan merupakan aktiviti kokurikulum yang sangat digalakkan dalam kalangan murid sekolah. Dasar 1 Murid 1 Sukan dan Rancangan Integrasi Murid untuk Perpaduan (RIMUP) menggalakkan murid pelbagai kaum melibatkan diri dalam sukan yang digemari. Dasar ini juga memberikan peluang kepada murid pelbagai kaum untuk menceburi bidang sukan serta dapat memupuk semangat setia kawan dan berpasukan. Selain itu, dasar ini juga mampu melahirkan atlet yang berkaliber sehingga ke peringkat antarabangsa.

1Murid 1Sukan

Kejohanan olahraga tahunan sekolah melibatkan murid yang terdiri daripada pelbagai kategori umur dan kaum. Tiada acara sukan yang dipertandingkan mengikut kaum. Rakan-rakan penyokong serta guru penasihat rumah sukan akan bersorak memberikan sokongan kepada atlet rumah sukan masing-masing tanpa mengira kaum.

Pusingan Robin (Round Robin)

Murid secara berkumpulan, bergilir-gilir memberikan maklum balas terhadap gambar yang berikut:

Perbarisan rumah sukan bersempena dengan kejohanan olahraga tahunan sekolah.
*Sumber*: Ihsan daripada Tuan Haji Ahmad Ali, 2019.

1. Apakah perasaan anda setelah dipilih sebagai salah seorang ahli perbarisan rumah sukan?
2. Bagaimanakah anda memainkan peranan dalam perbarisan rumah sukan yang terdiri daripada pelbagai kaum?
3. Jelaskan manfaat yang boleh didapati daripada kegiatan sukan ini bagi

Kerjasama dan semangat bersatu warga sekolah yang berbilang kaum diperlihatkan melalui pelibatan dalam kejohanan olahraga tahunan sekolah.
*Sumber*: Ihsan

**[F/H/C/Inf]**

(c) Pernyataan berikut adalah ucapan tahniah Datuk Seri Reezal Merican Naina Merican sempena ulang tahun ke-50 MSN.

KUALA LUMPUR: Majlis Sukan Negara (MSN) diharap akan meneruskan usaha melahirkan atlet bertaraf dunia selepas 50 tahun penubuhannya. "Cabaran sebenar kita adalah untuk lahirkan lebih ramai atlet bertaraf dunia.

Februari 21, 2021: Ucapanhttps://www.bharian.com.my/sukan/

Cadangkan langkah-langkah yang boleh dilakukan oleh pihak kerajaan untuk melahirkan atlet sukan bertaraf dunia.

………………………………………………………………………………………………………
………………………………………………………………………………………………………
………………………………………………………………………………………………………
………………………………………………………………………………………………………
………………………………………………………………………………………………………
………………………………………………………………………………………………………
………………………………………………………………………………………………………
………………………………………………………………………………………………………

[8 markah]

F1 : Memberi insntif kepada atlet negara
H : ganjaran sama ada dalam bentuk kewangan/harta
C : mendapat pingat di dalam sukan yang diceburi
H. : semangat akan lebh membara
In : motivasi serta kemenangan diraih
F2 : Membina kemudahan sukan / Institusi Sukan
H. : kondusif/ tempat Latihan yang berkesan
H. : Latihan secara professional
C : Sekolah Sukan Bukit Jalil
In : atlet mahir / yakin bertanding

*Mana-mana jawapan yang munasabah*

**1** Maklumat berikut adalah berkaitan dengan Dasar Ekonomi Baru.

> Dasar Ekonomi Baru dilaksanakan dalam tempoh 20 tahun bermula pada tahun 1970 hingga tahun 1990 sebagai rancangan pembangunan ekonomi dan perpaduan negara.

**(a)** Nyatakan 2 strategi Dasar Ekonomi Baru.

(i) Membasmi kemiskinan

(ii) Menyusun semula masyarakat

[2 markah]

**Jawapan**

(c) i

F1 membasmi kemiskinan

F2 menambahkan pendapatan

F3 memperbanyakkan peluang pekerjaan kepada rakyat

(a) ii

F1 menyusun semula masyarakat

F2 mengurangkan /menghapuskan pengenalan kaum mengikut fungsi ekonomi

Buku teks MS185


Membasmi kemiskinan dengan menambahkan pendapatan dan memperbanyak peluang pekerjaan kepada rakyat tanpa mengira kaum.

Menyusun semula masyarakat untuk mengurangkan dan menghapuskan pengenalan kaum mengikut fungsi ekonomi.

**(b)** Pelaksanaan Dasar Ekonomi Baru (DEB) dilakukan melalui usaha meningkatkan taraf hidup rakyat di luar bandar dan di bandar.
Jelaskan usaha tersebut.

Usaha-usaha untuk meningkatkan taraf hidup rakyat di luar bandar adalah melalui kegiatan **Gerakan Koperasi**. Program yang dilaksanakan seperti **bantuan peralatan pertanian**.Usaha yang dilakukan oleh kerajaan di bandar adalah memajukan pelbagai jenis perindustrian dan perniagaan yang membuka peluang pekerjaan lebih banyak dan meningkatkan pendapatan golongan miskin pelbagai kaum. Golongan ini juga disediakan dengan kemudahan asas seperti bekalan air.

[4 markah]

**Jawapan**

F1 melibatkan penduduk luar bandar dan bandar

F2 penduduk luar bandar, petani, pekebun, nelayan, buruh

F3 melalui Gerakan Koperasi

F4 penerokaan tanah baharu, bantuan peralatan pertanian, khidmat nasihat

F5 di bandar, memajukan perindustrian dan perniagaan

F6 yang membuka lebih banyak peluang pekerjaan

F7 dan meningkatkan pendapatan golongan miskin

F8 disediakan kemudahan asas

F9 seperti Pendidikan, bekalan air dan elektrik, jalan raya

Buku teks MS168


**Luar Bandar**

Tumpuan diberikan kepada penduduk miskin yang terdiri daripada petani, pekebun getah dan kelapa, nelayan, buruh dan penduduk kampung baharu.

- Usaha pembangunan dilakukan menerusi kegiatan Gerakan Koperasi yang sedia ada di luar bandar.
- Program yang dilaksanakan termasuklah penerokaan tanah baharu, bantuan peralatan pertanian, khidmat nasihat, subsidi benih dan baja, kemudahan kredit, pemasaran dan pusat kemajuan peladang.


**Bandar**

Penduduk di bandar pula menghadapi kemiskinan disebabkan pendapatan yang rendah dan masalah perumahan.

- Usaha dilakukan oleh kerajaan untuk memajukan pelbagai jenis perindustrian dan perniagaan yang membuka peluang pekerjaan lebih banyak dan meningkatkan pendapatan golongan miskin pelbagai kaum.
- Golongan ini juga disediakan dengan kemudahan asas seperti pendidikan, bekalan air dan elektrik, jalan raya, bantuan biasiswa dan buku teks percuma, makanan tambahan kepada kanak-kanak dan program rumah murah.

**[F/H/C/Inf]**

c) Jelaskan peranan anda sebagai rakyat Malaysia untuk menjayakan rancangan kerajaan untuk membangunkan ekonomi negara.

Peranan saya untuk menjayakan rancangan kerajaan untuk membangunkan ekonomi negara ialah dengan menguasai ilmu sains dan teknologi serta ilmu pengetahuan. Dengan itu saya dapat mencipta inovasi baharu di dalam bidang pertanian. Contohnya mencipta mesin penanaman pantas. Oleh itu saya dapat menyumbang kepada peningkatan pengeluaran negara. Kesimpulannya, negara akan dipandang tinggi dan menjadi teladan kepada negara lain.

[4 markah]

2 Rajah berikut berkaitan dengan perlaksanaan Dasar Pembangunan Nasional (DPN)

**Pelaksanaan Dasar Pembangunan Nasional**
- Pembasmian Kemiskinan
- Penyusunan semula masyarakat
- Penyusunan semula modal saham
- Pembangunan Wilayah

(a) Dasar Pembangunan Dasar Nasional merupakan kesinambungan DEB yang dirangka untuk tempoh 10 tahun (1991-2000) melalui Rancangan Jangka Panjang Kedua (RRJP2).
Apakah matlamat Dasar Pembangunan Nasional (DPN) ?

……………………………………………………………………………………………………
……………………………………………………………………………………………………

[2 markah]

**Jawapan**

i) Mencapai perpaduan negara
F1 melalui pengagihan kekayaan
F2 pembangunan seimbang antara negeri
F3 dan antara bandar dan luar bandar

Buku teks MS174


Matlamat Dasar Pembangunan Nasional (DPN)

Matlamat DPN adalah untuk mencapai perpaduan negara melalui pengagihan kekayaan. Matlamat ini dapat dicapai melalui pembangunan seimbang antara negeri dan antara bandar dengan luar bandar melalui beberapa aspek. Matlamat DPN dilaksanakan melalui Rancangan Malaysia Keenam dan Rancangan Malaysia Ketujuh.

(b) Jelaskan usaha kerajaan untuk menghapuskan kemiskinan tegar dalam kalangan penduduk pelbagai kaum.

……………………………………………………………………………………………………
……………………………………………………………………………………………………
……………………………………………………………………………………………………
……………………………………………………………………………………………………

[4 markah]

**Jawapan**

F1 pemberian subsidi dan sokongan
F2 kepada penanam padi, nelayan
F3 mempertingkatkan produktiviti pengeluaran
F4 golongan belia diberi latihan di agnesi kerajaan
F5 seperti Pusat Latihan Kemahiran Giatmara dan ILP
F6 mendapat pekerjaan yang berkaitan dengan kemahiran

Buku teks MS176


Pembasmian Kemiskinan

Kerajaan meneruskan usaha untuk menghapuskan kemiskinan tegar dalam kalangan pelbagai kaum khasnya golongan bumiputera.
- Pemberian subsidi dan sokongan diteruskan kepada golongan penanam padi dan nelayan. Tumpuan diberikan ke arah mempertingkatkan produktiviti pengeluaran mereka.
- Golongan belia pula diberi latihan di agensi kerajaan seperti Pusat Latihan Kemahiran Giatmara dan Institut Latihan Perindustrian (ILP) bagi membolehkan mereka mendapatkan kerja yang berkaitan dengan kemahiran dan berpendapatan tinggi.

**[F/H/C/Inf]**

(d) Untuk mengatasi ketidakseimbangan pembangunan wilayah, konsep pertanian pintar digunakan. Apakah kepentingan amalan pertanian pintar?

……………………………………………………………………………………………………
……………………………………………………………………………………………………
……………………………………………………………………………………………………
……………………………………………………………………………………………………

[4 markah]

**Jawapan**

F1: meningkatkan pengeluaran hasil pertanian
C :contoh jentera moden digunakan/biji benih berkualiti
H : untuk membajak dan menuai
H. : dikendalikan menerusi alat kawalan jauh
H. : proses menyembur racun dan baja menggunakan dron
Inf : sistem pertanian lebih cepat dan pengeluaran hasil lebih banyak

*Mana-mana jawapan yang munasabah*

**3** Pelaksanaan Dasar Ekonomi Baru (DEB) dan DPN mewujudkan pelbagai bentuk kawasan perindustrian.







**(a)** Namakan 3 bentuk kawasan perindustrian di bawah Dasar Ekonomi Baru (DEB) dan DPN.

(i) ............................................................

(ii) ............................................................

(iii) ............................................................

[3 markah]

**Jawapan**

(i) Taman Teknologi Perindustrian
(ii) Zon Perindustrian Bebas
(iii) Estet Perindustrian

Buku teks MS186


Kawasan Perindustrian Baharu

Pelaksanaan DEB dan DPN mewujudkan pelbagai bentuk kawasan perindustrian. Antaranya termasuklah estet perindustrian, zon perindustrian bebas dan taman teknologi industri. Rasional

**(b)** Apakah rasional pembentukan kawasan perindustrian di (a) ?

............................................................
............................................................
............................................................
............................................................

[3 markah]

**Jawapan**

F1 berdekatan dengan sumber bahan mentah
F2 infrastruktur
F3 bekalan buruh yang mencukupi
F4 membantu membangunkan kawasan sekitar yang kurang maju
F5 menambah pelaburan modal

Buku teks MS186


Kawasan Perindustrian Baharu

Pelaksanaan DEB dan DPN mewujudkan pelbagai bentuk kawasan perindustrian. Antaranya termasuklah estet perindustrian, zon perindustrian bebas dan taman teknologi industri. Rasional pembentukan kawasan perindustrian ialah berdekatan dengan sumber bahan mentah, infrastruktur dan bekalan buruh yang mencukupi. Di samping itu, kawasan ini membantu pembangunan ekonomi di kawasan sekitarnya yang kurang maju serta menambah pelaburan modal dari dalam dan luar negara.

**[F/H/C/Inf]**

(c) Pendidikan merupakan salah satu usaha kerajaan untuk melahirkan tenaga kerja mahir agar dapat menampung keperluan dalam bidang perindustiran.
Bagaimanakah ia dilaksanakan ?

............................................................
............................................................
............................................................
............................................................

[4 markah]

**Jawapan**

F1 :Pendidikan menengah
H :jurusan akademik/ vokasional.
C. :Sekolah Teknik/ vokasional/ Maktab Perguruan Teknik, Politeknik/Universiti Teknologi Malaysia ditubuhkan.
H. : menyumbang kepakaran dalam bidang teknologi
H. : usahasama kepakaran dalaman dan luaran (Jepun)
Inf : pencapaian perindustrian negara mantap / keuntungan kepada negara/ pelaburan dari negara luar

*Mana-mana jawapan yang munasabah*

**4** Maklumat berikut adalah antara petikan ucapan YAB Tan Sri Dato' Hajil Muhyiddin Bin Haji Mohd Yassin sempena perasmian penutupan kongres ekonomi bumiputera I 1965-2020

> ….Kini selepas hampir 50 tahun sejak DEB diperkenalkan, komitmen kerajaan masih teguh terhadap pelaksanaan agenda Bumiputera, sebagaimana yang telah dapat dilihat melalui usaha memperkasakan modal insan bumiputera dan untuk meningkatkan penyertaan bumiputera dalam sektor ekonomi.
>
> Sumber: https://www.pmo.gov.my/wp-content/uploads/2020/10/Ucapan-MPM.pdf

**(a)** Jelaskan latar belakang pembentukan Dasar Ekonomi Baru

Latar belakang pembentukan Dasar Ekonomi Baru ialah hasil daripada penubuhan Majlis Perundingan Negara yang telah mengadakan garis panduan bagi kerjasama antara kaum dan integrasi nasional untuk memupuk identiti kebangsaan. Hal ini telah membawa kepada terbentuk satu dasar ekonomi negara yang dikenali sebagai DEB. Selain itu pakar ekonomi dari dalam/ luar negara diamanahkan untuk merancang/ merangka dasar DEB termasuk Dr Rais Saniman.

[4 markah]

**Jawapan**

F1 : Majlis Perundingan Negara (MAPEN)
F2 : mengadakan garis panduan bagi kerjasama antara kaum F3 : dan integrasi nasional untuk memupuk identiti kebangsaan
F4 : Hasilnya, terbentuk satu dasar ekonomi negara
F5 : dikenali sebagai DEB.
F6 : pakar ekonomi dari dalam/ luar negara diamanahkan untuk merancang/ merangka dasar berkenaan.
F7 : termasuklah Dr. Rais Saniman (Malaysia), Dr. Just Faaland (Norway) dan Dr. Jack R. Parkinson (Britain).

Buku teks MS166

**Latar Belakang Pembentukan**

Majlis Perundingan Negara (MAPEN) ditubuhkan pada bulan Januari 1970. MAPEN dianggotai oleh pelbagai lapisan masyarakat. MAPEN ditubuhkan untuk mengadakan garis panduan bagi kerjasama antara kaum dan integrasi nasional untuk memupuk identiti kebangsaan dalam kalangan rakyat. Hasilnya, terbentuk satu dasar ekonomi negara yang dikenali sebagai DEB. Beberapa pakar ekonomi dari dalam dan luar negara diamanahkan untuk merancang dan merangka dasar berkenaan. Antara pakar yang terlibat termasuklah Dr. Rais Saniman (Malaysia), Dr. Just Faaland (Norway) dan Dr. Jack R. Parkinson (Britain).

**(b)** Dasar Ekonomi Baru (DEB) dilaksanakan menggunakan beberapa pendekatan untuk mencapai matlamatnya. Antara pendekatan DEB ialah menerusi Peranan Agensi Kerajaan dan Pemilikan Modal Saham.
Buktikan pernyataan tersebut.

Agensi kerajaan ditubuhkan berperanan untuk **mempelbagaikan kegiatan** ekonomi yang boleh **menambahkan pendapatan** rakyat dan membuka **peluang pekerjaan** yang lebih banyak untuk semua kaum. Agensi ini juga memberikan **bantuan** dari segi kemudahan **pinjaman** dan khidmat nasihat. Antara agensi tersebut termasuklah Lembaga Beras dan Padi Negara **(LPN)** untuk mengawal selia sektor padi dan beras serta menstabilkan harga padi.

Selain itu DEB juga menggunakan pendekatan pemilikan modal saham. Hal ini dapat memastikan **kaum bumiputera tidak ketinggalan** dalam pemilikan saham syarikat perdagangan. Oleh itu usaha dilakukan untuk **menambah pemilikan modal saham** bumiputera dalam sektor korporat bagi **mewujudkan Masyarakat Perdagangan** dan Perindustrian Bumiputera (MPPB). Seterusnya Amanah Saham Nasional (**ASN)** dan Amanah Saham Bumiputera (ASB) diwujudkan untuk memudahkan kaum bumiputera **memiliki saham** dalam syarikat berhad.

[8 markah]

**Jawapan**

(i)
F1 mempelbagaikan kegiatan ekonomi
F2 menambahkan pendapatan rakyat
F3 membuka peluang pekerjaan
F3 bantuan dari segi peralatan/ biji benih/kemudahan pinjaman/ khidmat nasihat.
F4 contoh agensi Lembaga Beras dan Padi Negara (LPN), Lembaga Pertubuhan Peladang (LPP)
F5 Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (LKIM)- untuk meningkatkan
taraf hidup nelayan
F6 Lembaga Beras dan Padi Negara (LPN)- untuk mengawal selia sektor padi dan beras serta menstabilkan harga padi.
(ii)
F1 menambah pemilikan modal saham bumiputera dalam sektor korporat
F2 mewujudkan Masyarakat Perdagangan dan Perindustrian Bumiputera (MPPB)
F3 Mewujudkan Amanah Saham Nasional (ASN) dan Amanah Saham Bumiputera (ASB)
F4 memudahkan kaum bumiputera memiliki saham dalam syarikat berhad.
F5 Kaum bukan bumiputera turut diberi peluang dalam pemilikan modal saham dengan pengenalan Amanah Saham Malaysia.

Buku teks MS169 & 172


Peranan Agensi Kerajaan

Beberapa agensi kerajaan ditubuhkan untuk mempelbagaikan kegiatan ekonomi yang boleh menambahkan pendapatan rakyat dan membuka peluang pekerjaan yang lebih banyak untuk semua kaum. Agensi ini juga memberikan bantuan dari segi peralatan, biji benih, kemudahan pinjaman dan khidmat nasihat. Antara agensi tersebut termasuklah Lembaga Beras dan Padi Negara (LPN), Lembaga Pertubuhan Peladang (LPP), Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (LKIM) dan Rubber Industry Smallholders Development Authority (RISDA) atau dikenali sebagai Pihak Berkuasa Kemajuan Pekebun Kecil Perusahaan Getah.

**Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (LKIM)** Ditubuhkan pada tahun 1971 untuk meningkatkan taraf hidup nelayan dan memodenkan industri perikanan.

**Lembaga Pertubuhan Peladang (LPP)** Ditubuhkan pada tahun 1973 untuk membantu pekebun kecil, petani dan peladang yang terlibat dalam kegiatan koperasi.

**Lembaga Beras dan Padi Negara (LPN)** Ditubuhkan pada tahun 1971 untuk mengawal selia sektor padi dan beras serta menstabilkan harga padi. Pada tahun 1994, dikenali sebagai Beras Nasional (BERNAS).

**Pihak Berkuasa Kemajuan Pekebun Kecil Perusahaan Getah (RISDA)** Ditubuhkan pada tahun 1973 untuk membantu dalam penyelidikan dan penanaman semula getah.

Pemilikan Modal Saham

Kaum bumiputera ketinggalan dalam pemilikan saham syarikat perdagangan. Keadaan ini mewujudkan perbezaan dari segi taraf hidup dan jumlah pendapatan antara kaum bumiputera dengan bukan bumiputera.

- Usaha dilakukan untuk menambah pemilikan modal saham bumiputera dalam sektor korporat bagi mewujudkan Masyarakat Perdagangan dan Perindustrian Bumiputera (MPPB) melalui penubuhan Permodalan Nasional Berhad (PNB) pada 17 Mac 1978.
- Amanah Saham Nasional (ASN) dan Amanah Saham Bumiputera (ASB) dilancarkan untuk memudahkan kaum bumiputera memiliki saham dalam syarikat berhad.
- Kaum bukan bumiputera turut diberi peluang dalam pemilikan modal saham dengan pengenalan Amanah Saham Malaysia.

**[F/H/C/Inf]**

(c) Sebagai pemimpin tertinggi negara, anda telah merangka Pelan Ekonomi Negara untuk meningkatkan tahap sosioekonomi warga Malaysia.
Terangkan dasar tersebut.

Sebagai pemimpin tertinggi negara, saya akan mewujudkan **Pelan Ekonomi Jangka Panjang Negara**. Pelan yang saya rancang ini adalah **adil** untuk semua rakyat **tanpa mengira kaum**. Selain itu pengisian Pelan tersebut lebih mementingkan **kebajikan rakyat** misalnya dari segi penyediaan **kemudahan asas**. Perancangan Pelan tersebut memastikan semua warga di pedalaman mempunyai **bekalan air** dan letrik. Kesannya masyarakat akan dapat hidup **selesa** dan **sejahtera.**

Di samping itu di dalam Pelan Ekonomi Jangka Panjang itu juga saya memberi keutamaan kepada **peningkatan pendapatan rakyat**. Saya akan menyediakan **kemudahan pinjaman** kepada rakyat untuk **memulakan perniagaan** agar dapat membantu meningkatkan pendapatan mereka. Sebagai contoh pinjaman memulakan **perniagaan restoran** makanan.Kesannya rakyat dapat **keuntungan** dan **kreatif** menambah punca rezeki masing-masing.

[8 markah]

F1 : Pelan Ekonomi Jangka Panjang
H : adil / tanpa mengira kaum
H : mementingkan kebajikan
C. : kemudahan asas / bekalan air
In : selesa / sejahtera
F2 : meningkatkan pendapatan rakyat
H : kemudahan pinjaman / perniagaan
C. : restoran makanan
In. : keuntungan / kreatif

*Mana-mana jawapan yang munasabah*

**5** Selepas penamatan DEB, Dasar Pembangunan Nasional (DPN) pula diperkenalkan pada 1991 hingga 2000 dengan meneruskan beberapa dasar utama DEB.

**(a)** Apakah matlamat Dasar Pembangunan Nasional?

…………………………………………………………………………………………………
…………………………………………………………………………………………………
…………………………………………………………………………………………………
…………………………………………………………………………………………………

[4m]

**Jawapan**

F1 mencapai perpaduan negara
F2 melalui pengagihan kekayaan
F3 dicapai melalui pembangunan seimbang
F4 antara negeri dan antara bandar dengan luar bandar
F5 dilaksanakan melalui Rancangan Malaysia Keenam dan Rancangan Malaysia Ketujuh.

Buku teks MS174


**Matlamat Dasar Pembangunan Nasional (DPN)**

Matlamat DPN adalah untuk mencapai perpaduan negara melalui pengagihan kekayaan. Matlamat ini dapat dicapai melalui pembangunan seimbang antara negeri dan antara bandar dengan luar bandar melalui beberapa aspek. Matlamat DPN dilaksanakan melalui Rancangan Malaysia Keenam dan Rancangan Malaysia Ketujuh.

**(b)** Terangkan perlaksanaan Dasar Pembangunan Nasional melalui aspek berikut;
(i) Pembasmian Kemiskinan
(ii) Penyusunan Semula Masyarakat

…………………………………………………………………………………………………
…………………………………………………………………………………………………
…………………………………………………………………………………………………
…………………………………………………………………………………………………
…………………………………………………………………………………………………
…………………………………………………………………………………………………
…………………………………………………………………………………………………
…………………………………………………………………………………………………
…………………………………………………………………………………………………
…………………………………………………………………………………………………
…………………………………………………………………………………………………
…………………………………………………………………………………………………

[8 markah]

**Jawapan**

(i)
F1 menghapuskan kemiskinan tegar dalam kalangan pelbagai kaum
H1 khasnya golongan bumiputera.
F2 Pemberian subsidi dan sokongan
H2a penanam padi dan nelayan.
H2b mempertingkatkan produktiviti pengeluaran mereka
F3 Latihan kepada golongan belia
H3a Pusat Latihan Kemahiran Pelajar mengikuti latihan Giatmara dan Institut Latihan Perindustrian
H3a mendapatkan kerja berkaitan kemahiran
H3b memperoleh pendapatan tinggi
(ii)
F1pembentukan Masyarakat Perdagangan dan Perindustrian Bumiputera (MPPB)
F2 meningkatkan tenaga kerja dan penyertaan bumiputera
F3 latihan dalam bidang pengurusan harta dan etika perniagaan
F4 pemberian kontrak, kuota dan lessen
F5 galakkan penyertaan bumiputera dalam IKS
F6 Usaha sama secara aktif antara bumiputera dengan bukan bumiputera

Buku teks MS176-177


**Pembasmian Kemiskinan**

Kerajaan meneruskan usaha untuk menghapuskan kemiskinan tegar dalam kalangan pelbagai kaum khasnya golongan bumiputera.
- Pemberian subsidi dan sokongan diteruskan kepada golongan penanam padi dan nelayan. Tumpuan diberikan ke arah mempertingkatkan produktiviti pengeluaran mereka.
- Golongan belia pula diberi latihan di agensi kerajaan seperti Pusat Latihan Kemahiran Giatmara dan Institut Latihan Perindustrian (ILP) bagi membolehkan mereka mendapatkan kerja yang berkaitan dengan kemahiran dan berpendapatan tinggi.


**Penyusunan Semula Masyarakat**

Langkah menyusun semula masyarakat dilakukan dengan pembentukan Masyarakat Perdagangan dan Perindustrian Bumiputera (MPPB). Hal ini bertepatan dengan Perlembagaan Persekutuan (Perkara 153).
- Meningkatkan tenaga kerja dan penyertaan bumiputera dalam pengurusan sektor moden seperti pembuatan dan perkhidmatan.
- Latihan dalam bidang pengurusan harta dan etika perniagaan diberikan oleh agensi kerajaan.
- Pemberian kontrak, kuota dan lesen kepada perniagaan milik bumiputera dan syarikat usaha sama dengan bukan bumiputera turut dilaksanakan.
- Perhatian khusus diberikan kepada penyertaan bumiputera dalam IKS.
- Usaha sama secara aktif antara bumiputera dengan bukan bumiputera digalakkan untuk membolehkan syarikat bumiputera meningkatkan prospek perniagaan.
- Bagi membolehkan bumiputera bersaing dalam perniagaan moden, mereka akan didedahkan dengan teknologi terbaharu, di samping kemudahan modal, maklumat pasaran dan hubungan perniagaan dalam pasaran antarabangsa.

Matlamat penyusunan semula masyarakat akan memastikan corak tenaga kerja di pelbagai sektor dan pekerjaan dalam ekonomi bagi mencerminkan komposisi pelbagai kaum dalam negara.

| | |
|---|---|
| [F/H/C/Inf] | (c) Pemahaman rakyat terhadap dasar kerajaan sangat penting untuk mendukung pembangunan negara.<br>Ulaskan pernyataan tersebut.<br>…………………………………………………………………………………………………………<br>…………………………………………………………………………………………………………<br>…………………………………………………………………………………………………………<br>…………………………………………………………………………………………………………<br>…………………………………………………………………………………………………………<br>…………………………………………………………………………………………………………<br>…………………………………………………………………………………………………………<br>…………………………………………………………………………………………………………<br>[8 markah] |
| | F1 : penting bagi rakyat memahami hasrat kerajaan melalui satu-satu dasar kerajaan<br>H : membuat penilaian<br>H : memberi pendapat berkaitan<br>H : bersama-sama menyokong<br>H. : turut serta di dalam program kerajaan<br>C : program usahawan muda<br>In : ekonomi negara meningkat.<br>F2 : memberi peluang kepada rakyat menikmati bantuan<br>C. : subsidi benih tanaman<br>H. : pendapatan rakyat dapat ditingkatkan<br>In : hidup lebih selesa.<br>*Mana-mana jawapan yang munasabah* |

| T5B9 SK15.1 Asas Pembinaan Dasar Luar Malaysia | Soalan Subjektif Respons Terhad / Bahagian A |
|---|---|

| | |
|---|---|
| 1 | Penggubalan dasar luar Malaysia dipengaruhi oleh perkembangan ekonomi, sosial dan politik pada peringkat domestik dan antarabangsa. |
| (a) | Nyatakan **dua** faktor penggubalan dasar luar Malaysia<br><br>(v) Ikatan sejarah<br>(vi) Keperluan nasional<br><br>. [2 markah] |
| Jawapan | F1 Ikatan sejarah<br>F2 Keperluan nasional<br>F3 Kepimpinan<br>F4 Persekitaran luar<br><br>Buku teks MS197<br> |
| (b) | Jelaskan matlamat penggubalan dasar luar Malaysia.<br><br>Matlamat penggubalan dasar luar Malaysia ialah untuk mempertahankan kemerdekaan dan kedaulatan negara.serta melindungi kepentingan nasional. Selain itu, tujuannya ialah untuk memupuk hubungan baik dengan negara luar dan secara tidak langsung akan dapat mempertahankan dan memajukan kepentingan Malaysia.<br>[4 markah] |
| Jawapan | F1 mempertahankan kemerdekaan dan kedaulatan negara<br>F2 melindungi kepentingan nasional<br>F3 mempertahankan dan memajukan kepentingan Malaysia<br>F4 memupuk hubungan baik dengan negara luar<br>F5 menghadapi perkembangan serta cabaran politik, ekonomi dan sosial.<br><br>Buku teks ms196<br> |
| [F/H/C/Inf] | (g) Pada pandangan anda, mengapakah hubungan luar penting bagi sesebuah negara?<br><br>Hubungan luar penting bagi sesebuah negara kerana melalui hubungan luar ini akan dapat meningkatkan ekonomi negara. Hubungan ini dapat mewujudkan perdagangan dua hala. Contohnya hubungan antara Malaysia dengan negara China telah membuka ruang kepada Malaysia untuk memasarkan produk tempatan ke negara China dan sebaliknya. Jelaslah di sini bahawa hubungan luar penting untuk membantu membangunkan ekonomi sesebuah negara.<br>[4 markah] |
| | F1- Meningkat ekonomi negara<br>H1- Mewujudkan perdagangan dua hala<br>C1- Malaysia dengan negara China<br>Inf- Membangunkan negara |

| T5B9 SK15.1 Asas Pembinaan Dasar Luar Malaysia | Soalan Subjektif Respons Terhad / Bahagian A |
|---|---|

| | |
|---|---|
| 2 | Dasar Aparteid menjadi isu penting yang menarik perhatian Komanwel. |
| (a) | Jelaskan maksud Dasar Aparteid.<br>(i)……………………………………………………………………………………<br>(ii)……………………………………………………………………………………<br>[2 markah] |
| Jawapan | F1 Pemisah kaum<br>F2 Kulit putih dan kulit hitam<br>F3 kedudukan yang rendah<br>F4 layanan kelas kedua<br>F5 Wujud diskriminasi kaum<br>F6 Sah dari segi undang-undang<br>F7 kulit putih kekalkan dominasi |

Buku teks ms207


INFORMASI

Dasar Aparteid merujuk pemisahan antara kaum kulit putih dengan kaum kulit hitam yang dilaksanakan di Afrika Selatan dari tahun 1948 hingga tahun 1999. Kaum kulit hitam dianggap sebagai golongan yang mempunyai kedudukan yang rendah dan diberi layanan kelas kedua dalam pelbagai bidang sama ada ekonomi, sosial atau politik. Semua bentuk diskriminasi perkauman adalah sah dari segi undang-undang bagi membolehkan kaum kulit putih mengekalkan dominasi mereka. Tindakan kaum kulit putih ini bertentangan dengan prinsip hak asasi manusia.

| | |
|---|---|
| (b) | Terangkan penglibatan Malaysia dalam menentang dasar tersebut?<br>……………………………………………………………………………………<br>……………………………………………………………………………………<br>……………………………………………………………………………………<br>……………………………………………………………………………………<br>[4 markah] |
| Jawapan | F1 Salah guna<br>H1 Hak asasi manusia<br>F2 Bezakan hak seseorang<br>H2 Warna kulit<br>F3 Ketegasan Malaysia<br>H3 Suarakan isu<br>F4 Afrika Selatan<br>H4 Tarik diri daripada Komanwel |

Buku teks ms 207


**Penentangan Dasar Aparteid**

Dasar Aparteid menjadi isu penting yang menarik perhatian Komanwel. Malaysia turut lantang menentang dasar ini.

Asas penentangan Malaysia disebabkan dasar ini menyalahgunakan hak asasi manusia dengan membezakan hak seseorang berdasarkan warna kulit. Ketegasan Malaysia bersama-sama negara lain menyuarakan isu ini dalam Komanwel menyebabkan Afrika Selatan menarik diri daripada Komanwel.

Lawatan Nelson Rolihlahla Mandela ke Malaysia pada tahun 1997.
*Sumber:* Arkib Negara Malaysia.

**Mesyuarat Ketua-Ketua Negara Komanwel (CHOGM)**

Malaysia turut terlibat dalam Mesyuarat Ketua-Ketua Negara Komanwel (CHOGM) yang diadakan dua tahun sekali. Persidangan ini diadakan bagi membincangkan isu semasa antarabangsa yang berkaitan dengan negara anggota. Pada tahun 1989, Malaysia dipilih menjadi tuan rumah persidangan ini.

| | |
|---|---|
| [F/H/C/Inf] | (c) Pada pendapat anda, mengapakah kita perlu menghormati hak asasi manusia?<br>……………………………………………………………………………………<br>……………………………………………………………………………………<br>……………………………………………………………………………………<br>……………………………………………………………………………………<br>[4 markah] |
| | F1: Mewujudkan negara yang aman<br>H : Rakyat bersatu padu<br>C : Saling menghormati antara satu sama lain<br>Inf : Mempercepatkan proses pembangunan sesebuah negara<br>*Mana-mana jawapan yang munasabah* |

**T5B9 SK15.2 Pemantapan Dasar Luar Malaysia** | **Soalan Subjektif Respons Terhad / Bahagian A**

3 Pelibatan awal Malaysia dalam isu masyarakat Islam antarabangsa bermula sejak era Tunku Abdul Rahaman Putra al-Haj.

(a) Terangkan latar belakang penubuhan OIC.

……………………………………………………………………………………………………..
……………………………………………………………………………………………………..

[3 markah]

**Jawapan**

F1 Dianggotai 57 buah negara
F2 Ditubuhkan pada 25 September 1969 sempena Persidangan Dunia Islam Pertama di Rabat, Maghribi
F3 ketika kemuncak serangan ganas terhadap Masjid Al-Aqsa oleh puak Zionis
F4 mendorong pemimpin Islam menubuhkan pertubuhan antarabangsa
F5 memperjuangkan kepentingan umat Islam segenap bidang di seluruh dunia

Buku teks ms214


9.8 Malaysia dalam Pertubuhan Kerjasama Islam (OIC)

Malaysia menyertai OIC yang dianggotai oleh 57 buah negara. Pertubuhan ini ditubuhkan pada 25 September 1969 bersempena dengan Persidangan Dunia Islam pertama di Rabat, Maghribi, ketika memuncaknya serangan ganas terhadap Masjid al-Aqsa oleh puak Zionis. Tindakan puak Zionis itu mendorong para pemimpin Islam menubuhkan sebuah pertubuhan antarabangsa untuk memperjuangkan kepentingan umat Islam dalam segenap bidang di seluruh dunia. Malaysia merupakan anggota yang aktif menyuarakan pelbagai pandangan yang berkaitan dengan kepentingan Islam.

Pelibatan Malaysia

Pelibatan awal Malaysia dalam isu masyarakat Islam antarabangsa sebenarnya bermula sejak era Tunku Abdul Rahman Putra al-Haj. Beliau menyuarakan agar diwujudkan sebuah pertubuhan Islam untuk menjaga kepentingan masyarakat Islam di seluruh dunia. Hasrat ini semakin kuat selepas

Logo OIC.
Sumber: http://www.oic.org

(b) Jelaskan pelibatan Malaysia dalam menangani isu politik negara-negara Islam.

………………………………………………………………………………………………………
………………………………………………………………………………………………………
………………………………………………………………………………………………………
………………………………………………………………………………………………………

[3 markah]

**Jawapan**

F1 :Perantara menyelesaikan konflik Iran-Iraq
H1a :genjatan senjata antara Iran-Iraq Ogos 1988
H1b :sepasukan 15 orang pegawai tentera serta pasukan tentera pemerhati PBB
F2 :Sokongan kepada perjuangan rakyat Palestin
H2a :Palestin Liberation Organization (PLO)
H2b :Menjadi tuan rumah persidangan
H2c :menyokong hak rakyat Palestin menentukan nasib sendiri
H2d :hak mempunyai sebuah negara yang merdeka
F3 :menyokong perjuangan Muhajidin Afghanistan terhadap Rejim Kabul
H3a :Rejim Kabul dibantu oleh Kesatuan Rusia sejak tahun 1979
H3b :membenarkan Mujahidin Afghanistan membuka pejabat perwakilan di Kuala Lumpur [ada tahun 1984.

Buku teks ms216


Menangani Isu Politik Negara Islam

Pelibatan Malaysia dalam OIC jelas kelihatan sewaktu menyuarakan pandangan tentang isu politik yang melanda negara Islam seperti Palestin, Afghanistan dan perang Iran-Iraq.

- Malaysia menjadi perantara bagi menyelesaikan konflik Iran-Iraq melalui OIC. Berikutan pengumuman gencatan senjata antara Iran-Iraq pada bulan Ogos 1988, sepasukan 15 orang pegawai tentera Malaysia menyertai pasukan tentera pemerhati PBB.
- Malaysia memberikan sokongan kuat kepada perjuangan rakyat Palestin dan Palestine Liberation Organization – PLO (Pertubuhan Pembebasan Palestin). Malaysia menjadi tuan rumah bagi Persidangan Keserantauan Asia berkaitan dengan Palestin di Kuala Lumpur pada bulan Mei 1983. Negara kita menyokong hak rakyat Palestin bagi menentukan nasib sendiri termasuk hak mereka untuk mempunyai sebuah negara yang merdeka.
- Malaysia juga menyokong perjuangan Mujahidin Afghanistan terhadap Rejim Kabul. Rejim Kabul ini dibantu oleh Kesatuan Rusia sejak tahun 1979. Malaysia membenarkan Mujahidin Afghanistan membuka pejabat perwakilan di Kuala Lumpur pada tahun 1984.

BAB 9
216

**[F/H/C/Inf]**

(c) Pada pendapat anda, bagaimanakah untuk mengekalkan imej negara kita di peringkat antarabangsa?

………………………………………………………………………………………………………
………………………………………………………………………………………………………
………………………………………………………………………………………………………
………………………………………………………………………………………………………

[4 markah]

F1 : mengekalkan hubungan diplomatik yang baik
H : memainkan peranan dalam pertubuhan serantau dan antarabangsa
C. : bersedia memberi bantuan kepada negara yang memerlukan
Inf : negara akan terus disanjung oleh negara-negara lain.

*Mana-mana jawapan yang munasabah*

| T5B9 SK15.1 Asas Pembinaan Dasar Luar Malaysia | Soalan Subjektif Respons Terbuka / Bahagian B |
|---|---|

**4** Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) ditubuhkan pada tahun 1945 dan Malaysia menjadi anggota PBB sejak negara mencapai kemerdekaan.

**(a)** Jelaskan prinsip piagam PBB.

Antara prinsip piagam PBB ialah menegakkan hak asasi manusia, Selain itu, meningkatkan taraf hidup manusia untuk semua tanpa membezakan kaum, jantina, bahasa dan agama juga merupakan prinsip piagam PBB. Seterusnya, PBB menekankan konsep jormat-menghormati kedaulatan wilayah negara lain dengan tidak mencampuri urusan hal ehwal negara tersebut.

[4 markah]

**Jawapan**

F1 Meningkatkan hak asasi manusia
F2 Meningkatkan taraf hidup manusia untuk semua
F3 Tanpa membezakan kaum, jantina, bahasa dan agama
F4 Konsep hormat-menghormati kedaulatan wilayah negara lain
F5 Tidak campur tangan dalam urusan hal ehwal negara lain

Buku teks MS198



9.3 Malaysia dalam Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB)

Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) ditubuhkan pada tahun 1945 dengan matlamat mengekalkan keamanan dan kestabilan dunia. Malaysia menjadi anggota PBB sejak negara mencapai kemerdekaan. Dr. Ismail Abdul Rahman dilantik sebagai wakil tetap ke PBB yang pertama. Pelibatan Malaysia ini dilakukan dengan mendukung Piagam PBB serta menyertai agensi PBB. Pelibatan Malaysia dalam PBB menjadi bukti jelas komitmen Malaysia untuk bekerjasama dan mewujudkan keamanan pada peringkat dunia.

Pelibatan Malaysia

Malaysia memberikan komitmen dan kerjasama yang penuh kepada PBB. Hal ini sejajar dengan pendirian Malaysia dalam soal antarabangsa, iaitu "hidup bersama secara aman". Komitmen dan kerjasama ini dapat dilihat melalui empat perkara, iaitu mendukung Piagam PBB, terlibat dengan agensi di bawah PBB, memberikan sumbangan untuk misi pengaman dan membenarkan rakyat Malaysia terlibat dalam agensi PBB.

Mendukung Piagam PBB

- Mendukung penuh Piagam PBB yang selaras dengan pendirian negara kita, iaitu menegakkan hak asasi manusia dan menggariskan prinsip yang antaranya berkaitan dengan pencapaian taraf hidup dan hak asasi manusia untuk semua tanpa membezakan kaum, jantina, bahasa atau agama.
- Konsep hormat-menghormati kedaulatan wilayah negara lain.
- Tidak campur tangan dalam urusan hal ehwal negara lain.

**(b)** Malaysia memberikan komitmen dan kerjasama yang penuh kepada PBB.
Terangkan peranan Malaysia dalam PBB.

Antara peranan Malaysia dalam PBB ialah pelibatan aktif dalam **UNESCO** sehingga membolehkan beberapa tempat bersejarah di Malaysia telah diiktiraf sebagai **Tapak Warisan Dunia**. Contohnya seperti **Gunung Mulu** dan Taman Kinabalu. Selain itu Malaysia juga turut terlibat secara langsung dalam **UNCHR** iaitu sebuah badan yang bertanggungjawab melindungi golongan **pelarian** serta golongan yang **tidak bernegara.**

Malaysia juga pernah dipilih sebanyak empat kali sebagai **anggota tidak tetap** Kerusi Majlis Keselamatan PBB. Majlis ini bertanggungjawab mengekalkan **keamanan** dan **keselamatan** antarabangsa. Malaysia turut menyumbang dalam **misi Pengaman** yang bertujuan untuk membantu **menyelesaikan koflik** di negara-negara bergolak seperti di **Congo.**

[8 markah]

**Jawapan**

F1 :pelibatan aktif dalam UNESCO
H1 :pengiktirafan tempat bersejarah sebagai Tapak Warisan Dunia
C1 :Gunung Mulu dan Taman Kinabalu
F2 :sumbangan dalam UNCHR
H2a :golongan tidak bernegara
H2b :melindungi golongan pelarian
F3 :dipilih sebanyak empat kali sebagai anggota tidak tetap
H3 :kerusi Majlis Keselamatan PBB
H3a :mengekalkan keamanan dan keselamatan antarabangsa
F4 :menghantar misi pengaman
H4a :membantu selesaikan konflik
C4 :di Congo, Namibia, Somalia
F5 :menghantar misi pemerhati
H5a :di negara yang menghadapi konflik
C5 :Sierra leone, Bosnia Hersegovina

Buku teks ms199



Terlibat dalam Agensi PBB

- Terlibat dengan United Nations of Educational, Scientific and Cultural Organization – UNESCO (Pertubuhan Pendidikan, Sains dan Kebudayaan) PBB. Pelibatan aktif Malaysia membolehkan beberapa tapak di Malaysia, iaitu Gunung Mulu dan Taman Kinabalu (2000), Bandar Melaka dan Georgetown (2008) serta Lembah Lenggong (2012) diiktiraf sebagai Tapak Warisan Dunia.
- Bekerjasama dengan Food and Agriculture Organization – FAO (Pertubuhan Makanan Sedunia) dalam bidang pengeluaran makanan serta World Health Organization – WHO (Pertubuhan Kesihatan Sedunia) dalam bidang kesihatan dan perubatan.
- Memberikan kebenaran kepada PBB untuk membuka pejabat United Nations High Commissioner for Refugees – UNHCR (Pesuruhjaya Tinggi Bangsa-Bangsa Bersatu mengenai Pelarian) di Kuala Lumpur. UNHCR ialah badan yang bertanggungjawab menjaga dan melindungi golongan pelarian serta golongan yang tidak bernegara.
- Menyertai Majlis Keselamatan, badan penting di PBB. Majlis ini bertanggungjawab mengekalkan keamanan dan keselamatan antarabangsa. Malaysia dipilih sebanyak empat kali sebagai anggota tidak tetap Kerusi Majlis Keselamatan PBB, iaitu pada tahun 1965, 1989–1990, 1999–2000 dan 2015–2016.

| | |
|---|---|
| [F/H/C/Inf] | (c) Berdasarkan pengetahuan am anda, apakah langkah yang boleh diambil untuk mengekalkan keamanan dunia?<br><br>Antara langkah yang boleh diambil untuk mengekalkan keamanan dunia ialah dengan mengamalkan **Dasar Berkecuali** iaitu dengan menjalinkan **hubungan kerjasama** antara negara serantau dan antarabangsa. Contohnya seperti **Thailand**, Jepun, China dan sebagainya. Hubungan ini akan dapat **mengelakkan perbalahan** antara negara dan secara tidak langsung **keselamatan** negara akan terjamin.<br>Langkah yang kedua pula ialah mengamalkan **dasar berbaik-baik** dengan negara lain iaitu dengan memberi layanan yang **adil** terhadap semua negara supaya tidak timbul isu pilih kasih yang boleh menyebabkan rasa **tidak puas hati** dalam kalangan negara yang terlibat. Situasi ini secara tidak langsung akan mewujudkan rasa **saling hormat menghormati** antara negara dan kesejahteraan dunia dapat dikekalkan.<br>[8 markah] |
| | F1 :mengamalkan Dasar Berkecuali<br>H1 :menjalinkan hubungan kerjasama antara negara serantau dan antarabangsa<br>C :Thailand, Indonesia, Filipina, Amerika, Jepun, China<br>Inf :perbalahan antara negara dapat dielakkan dan keselamatan negara akan terjamin<br>F2 :mengamalkan dasar berbaik-baik<br>H2 :memberi layanan yang adil / saksama<br>C :pilih kasih akan menyebabkan rasa tidak puas hati.<br>Inf :saling hormat menghormati<br>Inf :kesejahteraan<br><br>*Mana-mana jawapan yang munasabah* |

**T5B9 SK15.2 Pemantapan Dasar Luar Malaysia** | **Soalan Subjektif Respons Terbuka / Bahagian B**

**5** Dasar luar Malaysia menghadapi cabaran yang meliputi aspek politik, pertahanan dan ekonomi.

**(a)** Jelaskan cabaran dasar luar Malaysia dalam :

(i) Politik serantau

……………………………………………………………………………………………………
……………………………………………………………………………………………………
……………………………………………………………………………………………………

[3 markah]

(ii) Politik antarabangsa

……………………………………………………………………………………………………
……………………………………………………………………………………………………
……………………………………………………………………………………………………

[3 markah]

**Jawapan**

(i)
F1 Perluasan pengaruh Komunis di Indochina
F2 kebanjiran pendatang asing Vietnam di Asia Tenggara
F3 menyebabkan ketidakstabilan kepada rantau Asia Tenggara
(ii)
F1 Malaysia mengamalkan dasar berkecuali
F2 menjalinkan hubungan luar tanpa mengira ideologi
F3 menjalinkan hubungan dengan negara China
H3 Lawatan Tun Abdul Razak ke negara China pada tahun 1974

Buku teks ms208



9.5 Cabaran Mengukuhkan Dasar Luar

Dasar luar Malaysia memasuki fasa baharu sejak tahun 1970-an. Perubahan yang berlaku dalam ekonomi, sosial dan politik pada peringkat antarabangsa turut memberikan kesan kepada negara kita. Tempoh masa ini menjadi penting dalam sejarah dasar luar Malaysia kerana merupakan tempoh pengukuhan serta menguji kemampuan Malaysia menghadapi cabaran baharu. Cabaran ini meliputi aspek politik, pertahanan dan ekonomi.

Cabaran Politik Antarabangsa

Cabaran politik antarabangsa sememangnya sangat mempengaruhi dasar luar Malaysia.
- Malaysia mengamalkan dasar berkecuali apabila menjalinkan hubungan dengan negara luar tanpa mengira ideologi.
- Keadaan ini membolehkan Malaysia menjalinkan hubungan dengan negara China melalui lawatan oleh Tun Abdul Razak Hussein ke negara tersebut pada tahun 1974.

Tun Abdul Razak Hussein (kiri) dan pemimpin China, Zhou Enlai (kanan).
*Sumber:* Arkib Negara Malaysia

Cabaran Politik Serantau

Peluasan pengaruh komunis di Indochina menyebabkan ketidakstabilan kepada rantau Asia Tenggara.
- Berlakunya kebanjiran pendatang asing Vietnam di Asia Tenggara. Malaysia turut terkesan dengan perkembangan tersebut.
- Pada tahun 1976, Malaysia menggerakkan usaha menyokong Sidang Kemuncak Ketua-Ketua Negara ASEAN di Bali, Indonesia, bagi membincangkan pergolakan di Indochina serta masa hadapan rantau Asia Tenggara.

**(b)** Terangkan pelibatan Malaysia dalam penyelesaian konflik serantau antara negara ASEAN.

……………………………………………………………………………………………………
……………………………………………………………………………………………………
……………………………………………………………………………………………………
……………………………………………………………………………………………………
……………………………………………………………………………………………………
……………………………………………………………………………………………………
……………………………………………………………………………………………………
……………………………………………………………………………………………………
……………………………………………………………………………………………………
……………………………………………………………………………………………………
……………………………………………………………………………………………………
……………………………………………………………………………………………………

[8 markah]

**Jawapan**

F1 terlibat secara aktif mencari penyelesaian konflik politik yang berlaku
F2 dibimbangi menjejaskan kestabilan rantau Asia Tenggara
F3 konflik di Vietnam dan Kemboja berkaitan dengan ancaman Komunis dan pelarian
H3a Malaysia menyeru agar kuasa besar tidak campur tangan dalam isu di Vietnam
H3b Isu di Kemboja berjaya diselesaikan melalui pilihan raya pada tahun 1993
F4 Malaysia turut menghantar Pasukan Pengaman di bawah PBB (misi UNTAC)

Buku teks ms210



BAB

Penyelesaian Konflik Serantau

Malaysia terlibat secara aktif mencari penyelesaian dalam konflik politik yang berlaku di Indochina, terutamanya di Vietnam dan Kemboja kerana dibimbangi akan menjejaskan kestabilan rantau Asia Tenggara.
- Konflik di Vietnam dan Kemboja berkaitan dengan ancaman komunis dan pelarian.
- Malaysia menyeru agar kuasa besar tidak campur tangan dalam isu di Vietnam.
- Isu di Kemboja pula berjaya diselesaikan melalui pilihan raya pada tahun 1993.
- Malaysia turut menghantar pasukan pengaman di bawah PBB (Misi UNTAC).

210
KPM

| | |
|---|---|
| [F/H/C/Inf] | (c) "… Kekuatan ASEAN ini banyak didokong oleh prinsip tidak campurtangan yang 'dilahirkan' bersama dan prinsip ini banyak menunjangi kerjasama dalam pertubuhan tersebut…"<br><br>Sumber : *Researchgate.net/publication*<br><br>Rasionalkan mengapa dasar ini perlu dikekalkan<br>……………………………………………………………………………………………………<br>……………………………………………………………………………………………………<br>……………………………………………………………………………………………………<br>……………………………………………………………………………………………………<br>……………………………………………………………………………………………………<br>……………………………………………………………………………………………………<br>……………………………………………………………………………………………………<br>……………………………………………………………………………………………………<br><br>[8 markah] |
| | F1 : Menjamin kedaulatan negara serantau<br>H : Menghormati kedaulatan dan kebebasan negara lain<br>C : mengelakkan ketegangan / isu sensitif<br>In : mengekalkan keamanan dunia<br>F2 : Mengekalkan kestabilan politik dan ekonomi<br>H. : Tidak mencampuri urusan negara lain<br>C : Perbalahan antara<br>In : mewujudkan kerjasama yang padu antara negara<br>*Mana-mana jawapan yang munasabah* |

| T5B10: SK: 15.2 Kecemerlangan Dasar Luar Malaysia | Soalan Subjektif Respons Terhad / Bahagian A |
|---|---|

| | |
|---|---|
| 1 | Penyalahgunaan dadah merupakan isu glabal yang dihadapi oleh Malaysia. |
| (a) | Nyatakan usaha Malaysia memerangi bahaya penyalahgunaan dadah di peringkat antarabangsa?<br>……………………………………………………………………………………………………<br>……………………………………………………………………………………………………<br>[2 markah] |
| Jawapan | F1 melalui forum antarabangsa<br>C1 dalam forum International Drug Enforcement Conference -IDEC / Persidangan Penguatkuasaan Dadah Antarabangsa<br>F2 mendapatkan kerjasama daripada International Criminal Police Organization – INTERPOL (Polis Antarabangsa)<br>F2 disuarakan dalam forum PBB<br>H2 Tun Dr. Mahathir Mohammad terpilih sebagai ketua Jawatankuasa Antidadah Antarabangsa pada tahun 1988<br><br>Buku teks MS226<br>• Kesungguhan Malaysia memerangi bahaya penyalahgunaan dadah disuarakan dalam forum antarabangsa seperti International Drug Enforcement Conference – IDEC (Persidangan Penguatkuasaan Dadah Antarabangsa) yang ditubuhkan pada tahun 1983 oleh Amerika Syarikat.<br>• Malaysia turut mendapatkan kerjasama daripada International Criminal Police Organization – INTERPOL (Polis Antarabangsa) dalam usaha memerangi dadah serta bekerjasama dengan negara lain bagi menggubal strategi operasi menangani masalah ini.<br>• Kelantangan Malaysia memerangi dadah turut disuarakan dalam forum PBB apabila Tun Dr. Mahathir Mohamad, Perdana Menteri Malaysia keempat terpilih sebagai Ketua Jawatankuasa Antidadah Antarabangsa pada tahun 1988. |
| | Hukuman mati adalah hukuman terbaik untuk kesalahan membabitkan pengedar dadah yang didapati bersalah, kata Pengarah Jabatan Siasatan Jenayah Narkotik (JSJN) Bukit Aman, Datuk Seri Mohmad Salleh.<br>*Hukuman Mati Paling Tepat Untuk Pengedar Dadah*. (12 Oktober, 2018). Retrieved from BERNAMA. |
| (b) | Adakah anda setuju bahawa hukuman mati adalah hukuman terbaik untuk menyelesaikan masalah penyalahgunaan dadah di negara kita?<br>Ya, saya **bersetuju** dengan kenyataan tersebut. Pada pendapat saya, hukuman mati dapat **menyelesai** masalah penyalahgunaan dadah di negara kita. Ini kerana hukuman mati merupakan satu **amaran keras** untuk mereka yang ingin melakukan jenayah tersebut. Hukuman berat ini memberi **kesan positif** untuk menghalang pengedaran dadah berlaku secara berleluasa. Ia juga dapat **menghalang sindiket-sindiket** antarabangsa menjadikan negara kita sebagai **pusat transit** pengedaran dadah ke negara lain. Kesannya, negara kita dapat membentuk **masyarakat bebas penyalahgunaan dadah** sekaligus dapat **menghapuskan jenayah berat** yang bersangkut paut dengan penyalahgunaan dadah.<br>[4 markah] |
| Jawapan | ATAU<br>**Tidak**, saya berpendapat hukuman mati tidak dapat menyelesaikan masalah penyalahgunaan dadah di negara kita. Ini kerana pelaksanaan hukuman mati mandatori sudah **sekian lama,** masih terdapat banyak kes pengedaran dadah **berlaku** di negara kita. Saya berpendapat bahawa hukuman mati bukan cara yang terbaik, tetapi **kesedaran** masyarakat tentang bahaya penyalahgunaan dadah lebih berkesan. Pesalah yang dipenjarakan diberi **hukuman maksimum** tapi bukan hukuman mati. Dalam masa dalam penjara, **kaunseling** dan didikan agama diberi secara intensif. Pesalah yang telah peroleh kesedaran dapat dijadikan **contoh** dan memberi **pengajaran** kepada masyarakat. Kesannya, kita dapat membentuk masyarakat yang **peka** akan bahaya penyalahgunaan dadah dan selesaikan masalah ini **tanpa kekerasan.** |
| | Ahad lepas, Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Liew Vui Keong dilaporkan berkata kajian itu dilakukan berikutan keputusan kerajaan berhasrat untuk memansuhkan hukuman mati mandatori yang dibuat bagi mengikut Standard Antarabangsa berkaitan Hak Asasi Manusia.<br>*Hukuman Mati Paling Tepat Untuk Pengedar Dadah. (12 Oktober, 2018). Retrieved from BERNAMA.* |

| | |
|---|---|
| (c) | Sekiranya hukuman mati mandatori dimansuhkan, berikan cadangan hukuman yang bersesuaian untuk menyelesaikan masalah penyalahgunaan dadah?<br>Sekiranya hukuman mati mandatori dimansuhkan, saya cadangkan **hukuman maksimum** dijatuhkan ke atas pengedar dadah. Saya cadangkan hukuman **penjara seumur hidup** agar mereka tidak ada **peluang** untuk melakukan jenayah tersebut lagi. Memandangkan kes pengedaran dadah memang merosakkan masyarakat, **sebatan** tidak kurang 15 kali turut dicadangkan. Selain itu, mereka juga wajib untuk menghadiri **kelas kaunseling** atau kelas agama dalam penjara supaya peroleh **kesedaran** bertapa banyak **dosa** dan kerosakan yang mereka telah lakukan ke atas masyarakat. Tuntasnya, hukuman berat sebagai satu peringatan dan mereka akan ada nilai moral yang baik selepas menerima hukuman.<br>[4 markah] |
| [F/H/C/Inf] | F : hukuman maksimum<br>C : penjara seumur hidup<br>H. : tidak ada peluang melakukan lagi<br>H. : sebatan<br>C : sebanyak 15 kali<br>H. : kelas kaunseling/agama/motivasi<br>H. : kesedaran /dosa<br>In. : satu peringatan dan nilai moral<br>*Mana-mana jawapan yang munasabah* |

| T5B10: SK: 15.2 Kecemerlangan Dasar Luar Malaysia | Soalan Subjektif Respons Terhad / Bahagian A |
|---|---|

**2** Gerakan antiminyak kelapa sawit dilancarkan oleh negara maju secara tidak langsung menggugat ekonomi negara sedang membangun.




**(a)** ASA (American Soybean Association) dan NGO Pencinta Alam di Eropa telah menggerakkan kempen Antiminyak Sawit. Apakah rasional mereka melancarkan kempen tersebut?

…………………………………………………………………………………………………………

…………………………………………………………………………………………………………

[2 markah]

**Jawapan**

| | Buku teks MS228 |
|---|---|
| F1 Bagi ASA, minyak sawit menjejaskan penjualan minyak kacang soya<br>F2 Bagi NGO Pencinta Alam di Eropah, penanaman kelapa sawit dikatakan menjadi punca pencemaran alam sekitar<br>H2a ia juga menjadi punca kemusnahan hutan<br>H2b begitu juga dengan kemusnahan habitat haiwan liar | • Gerakan antiminyak sawit dilaksanakan oleh pengeluar minyak kacang soya, iaitu ASA dan pihak NGO Pencinta Alam di Eropah. Bagi ASA, minyak sawit menjejaskan penjualan minyak kacang soya. Bagi NGO Pencinta Alam pula, penanaman kelapa sawit dikatakan menjadi punca pencemaran alam sekitar, kemusnahan hutan dan habitat haiwan liar. Keadaan ini menyebabkan berlaku bantahan dan sekatan terhadap minyak sawit. |

**(b)** Kerajaan Malaysia telah bertindak secara berhemah dalam menangani isu kempen antiminyak sawit. Jelaskan tindakan tersebut.

…………………………………………………………………………………………………………..

…………………………………………………………………………………………………………..

…………………………………………………………………………………………………………..

…………………………………………………………………………………………………………..

[4 markah]

**Jawapan**

| | Buku teks MS228 |
|---|---|
| F1 melalui pertubuhan Roundtable on Sustainable Palm Oil (RSPO)<br>F2 kempen secara berterusan<br>F3 mendapatkan skim pensijilan Malaysian Sustainable Palm Oil (MSPO) sejak tahun 2019<br>H3a langkah ini bertujuan menghasilkan pengeluaran minyak sawit secara mampan<br>H3b pelaksanaan amalan baik<br>C3 Good Agricultural Practice- GAP (Amalan Pertanian Baik) | Malaysia menangani isu ini melalui pertubuhan Roundtable on Sustainable Palm Oil (RSPO), kempen secara berterusan serta mendapatkan skim pensijilan Malaysian Sustainable Palm Oil (MSPO) sejak tahun 2019. Langkah ini bertujuan menghasilkan pengeluaran minyak sawit secara mampan dan pelaksanaan amalan baik seperti Good Agricultural Practices-GAP (Amalan Pertanian Baik).<br>Tindakan Malaysia secara berhemah dalam menangani isu kempen antiminyak sawit ini untuk mengelakkan sebarang konflik dengan negara lain. |

**(c)** Malaysia dan Indonesia telah bersetuju mengukuhkan Majlis Negara-negara Pengeluar Minyak Sawit (CPOPC) untuk melindungi industri minyak sawit dan pekebun kecil.
Pada pendapat anda, mengapa Malaysia bertindak sedemikian?

…………………………………………………………………………………………………………..

…………………………………………………………………………………………………………..

…………………………………………………………………………………………………………..

…………………………………………………………………………………………………………..

[4 markah]

| [F/H/C/Inf] | F1 :menangani isu kempen antiminyak sawit adalah lebih berkesan.<br>H :Malaysia dan Indonesia menyumbang 87% daripada bekalan minyak sawit global.<br>H :suara negara pengeluar minyak sawit lebih lantang untuk memerangi pelakuan berat sebelah terhadap minyak sawit.<br>H :tindakan Malaysia secara berhemah dalam menangani isu kempen antiminyak sawit bersama Indonesia dalam CPOPC amatlah bijak.<br>In :Pastinya Malaysia dapat mengelakkan sebarang konflik dengan negara lain.<br>*Mana-mana jawapan yang munasabah* |
|---|---|

| T5B10: SK: 15.2 Kecemerlangan Dasar Luar Malaysia | Soalan Subjektif Respons Terhad / Bahagian A |
|---|---|

**3**

> **KUALA LUMPUR:** Tindakan rejim Zionis Israel melancarkan serangan terhadap penduduk Palestin selepas solat Jumaat di Masjid Al-Aqsa membuktikan bahawa rejim itu tidak menghiraukan gesaan dunia.
>
> Rejim yang kejam, zalim dan tidak bertamadun itu dilihat seolah olah bermaharaja lela melakukan jenayah perang terhadap penduduk Palestin.

Azman, F. (22 May, 2021). *Cerita dari Gaza: Kekejaman Zionis perlu dihentikan*. Retrieved from Astro AWANI: https://www.astroawani.com/berita-dunia/cerita-dari-gaza-kekejaman-zionis-perlu-dihentikan-299281

**(a)** Penglibatan rakyat Malaysia dalam menangani isu kemanusiaan di Palestin jelas melalui Non-Government Organization (NGO) atau Pertubuhan Bukan Kerajaan.
Nyatakan **dua** NGO yang membantu Palestin.

(i) ……………………………………………………………………………………………………

(ii) ……………………………………………………………………………………………………

[2 markah]

**Jawapan**

F1 Aman Palestin
F2 Majlis Perundingan Pertubuhan Islam Malaysia (MAPIM)
F3 Cinta Gaza Malaysia (CGM)
F4 Muslim Care Malaysia

Buku teks MS234

| |
|---|
| Aman Palestin |
| Majlis Perundingan Pertubuhan Islam Malaysia (MAPIM) |
| Cinta Gaza Malaysia (CGM) |
| Muslim Care Malaysia |

**(b)** Jelaskan bentuk bantuan dan sokongan yang disampaikan oleh NGO dan rakyat Malaysia kepada warga Palestin.

……………………………………………………………………………………………………………..
……………………………………………………………………………………………………………..
……………………………………………………………………………………………………………..
……………………………………………………………………………………………………………..

[4 markah]

**Jawapan**

F1 menyalurkan bantuan kebajikan dan sumbangan orang ramai kepada rakyat Palestin
C1 Aman Palestin
F2 mengadakan Hari Solidariti Rakyat Palestin
C2 MAPIM
F3 menjalankan aktiviti kutipan dan sumbangan kepada penduduk Gaza terutamanya kanak-kanak, ibu tunggal dan warga emas
F4 melancarkan Projek Ramadan 2020 dengan tema "Ramadan Bulan Berkongsi Kebahagiaan"
H4 merangkumi bantuan perubatan/ kebajikan belia/ teknologi hijau / infrastruktur/ pendidikan / pengajian al-Quran serta seni dan budaya
C3 CGM
F5 menyatakan sokongan padu kepada rakyat Palestin
H5a melakukan demonstrasi sebagai tanda sokongan kepada Palestin
H5b menubuhkan Tabung Palestin untuk mengutip sumbangan kewangan kepada mangsa Zionis di Palestin

Buku teks MS234-235

| | |
|---|---|
| Aman Palestin | • Didaftarkan secara rasmi pada tahun 2006 dan menjadi organisasi yang giat membantu rakyat Palestin secara kolektif, sistematik, berterusan dan berkesan.<br>• Menyalurkan bantuan kebajikan dan sumbangan orang ramai kepada rakyat Palestin. |
| Majlis Perundingan Pertubuhan Islam Malaysia (MAPIM) | • Gabungan beberapa buah NGO dan turut menjalankan kerja-kerja kesukarelawanan dalam usaha membantu rakyat Palestin yang tertindas.<br>• Antara aktivitinya termasuklah mengadakan Hari Solidariti Rakyat Palestin. |
| Cinta Gaza Malaysia (CGM) | • Diasaskan oleh Muhammad Nadir Al-Nuri Kamarulzaman dan menjalankan operasi sejak tahun 2013.<br>• Menjalankan aktiviti kutipan dan sumbangan kepada penduduk Gaza terutama kanak-kanak, ibu tunggal dan warga emas.<br>• Melancarkan Projek Ramadan 2020 dengan tema "Ramadan Bulan Berkongsi Kebahagiaan" merangkumi bantuan perubatan, kebajikan belia, teknologi hijau, infrastruktur, pendidikan, pengajian al-Quran serta seni dan budaya. |
| Muslim Care Malaysia | • Ditubuhkan pada tahun 2006 dan secara aktif menjalankan misi kemanusiaan termasuk di Palestin. |

> Rakyat Malaysia turut menyatakan sokongan padu kepada rakyat Palestin. Mereka melakukan demonstrasi sebagai tanda sokongan kepada Palestin dan menubuhkan Tabung Palestin untuk mengutip sumbangan kewangan kepada mangsa Zionis di Palestin.
>
> Selain itu, rakyat Malaysia turut terlibat menghantar bantuan makanan dan perubatan ke Palestin menerusi program Freedom Flotilla, iaitu program kemanusiaan yang digerakkan oleh Free Gaza Movement yang ahlinya datang dari seluruh dunia.

| | | | |
|---|---|---|---|
| Jawapan | F6 menghantar bantuan makanan dan perubatan ke Palestin melalui program Freedom Flotilla<br>H6 Freedom Flotilla merupakan program kemanusiaan yang digerakkan oleh Free Gaza Movement yang ahlinya dari seluruh dunia | | |
| | **KUALA LUMPUR:** Pendakwah bebas, Ustaz Ebit Lew mengadakan misi bantuan kemanusiaan untuk menyampaikan sumbangan kepada rakyat Palestin yang terjejas akibat serangan Israel di Gaza.<br>Razi, F. D. (2021, Mei 25). *Ustaz Ebit Lew bawa misi kemanusiaan bantu rakyat Palestin.* | | |
| (c) | Misi bantuan kemanusiaan secara persendirian amatlah berisiko tinggi. Beri ulasan anda.<br>……………………………………………………………………………………………………..<br>……………………………………………………………………………………………………..<br>……………………………………………………………………………………………………..<br>……………………………………………………………………………………………………..<br>[4 markah] | | |
| [F/H/C/Inf] | F : kawasan tersebut adalah kawasan perang.<br>H :Tembakan /bom dari pihak Isreal tidak memilih mangsa.<br>C :Rakyat Malaysia yang menyertai misi bantuan kemanusiaan juga mungkin ditawan atau dipenjara oleh pihak Israel.<br>H : keselamatan terancam<br>In : sepatutnya menyumbang bantuan melalui NGO yang sedia ada di bumi Palestin.<br>*Mana-mana jawapan yang munasabah* | | |

| T5B10 SK: 15.2 Kecemerlangan Dasar Luar Malaysia | Soalan Subjektif Respons Terbuka / Bahagian B |
|---|---|

**4** Berikut adalah peta Antartika yang menjadi rebutan kuasa besar terutamanya Amerika Syarikat dan Kesatuan Soviet.




**(a)** Jelaskan pandangan Malaysia terhadap isu Antartika dalam Sidang Kemuncak NAM ketujuh di New Delhi, India.

Pandangan Malaysia terhadap isu Antartika ialah penerokaan terhadap benua Antartika dilakukan **secara tidak adil** dan **didominasi** oleh hanya sebahagian kecil negara. Selain itu Malaysia mendesak PBB untuk menjadikan Antartika sebagai **warisan manusia sejagat.** Pandangan Malaysia juga ialah mencadangkan **PBB** mentadbir Antartika supaya hasil benua dapat **dikongsi** bersama-sama oleh semua negara.

[4 markah]

**Jawapan**

F1 penerokaan terhadap benua Antartika dilakukan secara tidak adil
F2 didominasi oleh hanya sebahagian kecil negara
F3 Malaysia mendesak PBB untuk menjadikan Antartika sebagai warisan manusia sejagat
F4 Malaysia mencadangkan PBB mentadbir Antartika
H4 hasil benua dapat dikongsi bersama-sama oleh semua negara

Buku teks MS240

Malaysia merupakan antara negara yang membangkitkan isu Antartika menganggap bahawa penerokaan terhadap benua ais tersebut dilakukan secara tidak adil.
- Penerokaan terhadap Antartika didominasi oleh hanya sebahagian kecil negara.
- Pandangan Malaysia ini diutarakan sejak tahun 1983 melalui NAM. Dalam Sidang Kemuncak NAM ketujuh di New Delhi, India, Malaysia mendesak PBB mengambil langkah pertama menjadikan Antartika sebagai warisan manusia sejagat.
- Malaysia mencadangkan PBB mentadbir Antartika agar segala bentuk hasil yang terdapat di benua tersebut dapat dikongsi bersama-sama oleh semua negara. Pandangan ini mendapat sokongan daripada negara lain.

Tatkala dunia sedang menghadapi ancaman pemanasan global, kajian mengenai perubahan iklim dituntut untuk memahami dinamika perhubungan antara benua Antartika dan Tropika.

I

Sumber:Ridzuan, M. R. (2021, July 07). Tingkat Kefahaman Isu Antartika. Retrieved from Harian Metro.

**(b)** Malaysia sangat komited dalam penyelidikan di Antartika dalam isu ancaman pemanasan global. Buktikan.

Malaysia sangat komited dalam penyelidikan di Antartika dalam isu ancaman pemanasan global dapat dibuktikan dengan inisiatif negara **membentuk pasukan** dalam pelbagai bidang ke Antartika. Antara anak tempatan yang **mencatatkan sejarah** terlibat dalam penyelidikan ini termasuklah **Dr Haji Omar Abdul Rahman**. Beliau telah **melawat Antartika** pada tahun 1985.

Selain itu Malaysia secara giat melakukan **penyelidikan** di Antartika sejak tahun 1999 terutamanya dalam bidang **perubahan iklim** dan **kajian rumah hijau**. Malah Malaysia juga mewujudkan **Pusat Penyelidikan Antartika Kebangsaan** yang ditempatkan di Universiti Malaya yang diterajui oleh **Dr. Azizan Abu Samah**

[8 markah]

**Jawapan**

F1 Malaysia mengambil inisiatif membentuk pasukan dalam pelbagai bidang ke Antartika
C1 Antara anak tempatan yang mencatatkan sejarah terlibat dalam penyelidikan ini termasuklah Dr Haji Omar Abdul Rahman
H1 beliau telah melawat Antartika pada tahun 1985
F2 Malaysia secara giat melakukan penyelidikan di Antartika sejak tahun 1999
H2a terutamanya dalam bidang perubahan iklim
H2b kajian rumah hijau
F3 Malaysia juga mewujudkan Pusat Penyelidikan Antartika Kebangsaan
H3a yang ditempatkan di Universiti Malaya
H3b diterajui oleh Dr. Azizan Abu Samah
F4 Yayasan Penyelidikan Antartika Sultan Mizan (YPASM) di Kuala Lumpur turut terlibat melakukan penyelidikan saintifik di Antartika

Buku teks MS 241

- Malaysia mengambil inisiatif membentuk pasukan penyelidik dalam pelbagai bidang ke Antartika. Antara anak tempatan yang mencatatkan sejarah terlibat dalam penyelidikan ini termasuklah Dr. Haji Omar Abdul Rahman yang melawat Antartika pada tahun 1985.
- Malaysia secara giat melakukan penyelidikan di Antartika sejak tahun 1999 terutama dalam bidang perubahan iklim dan kajian gas rumah hijau.
- Malaysia juga mewujudkan Pusat Penyelidikan Antartika Kebangsaan yang ditempatkan di Universiti Malaya dan diterajui oleh Dr. Azizan Abu Samah.
- Yayasan Penyelidikan Antartika Sultan Mizan (YPASM) di Kuala Lumpur turut terlibat melakukan penyelidikan saintifik di Antartika.
- Komitmen Malaysia dalam penyelidikan Antartika membuktikan bahawa negara kecil juga mampu mencapai kejayaan jika diberi peluang dalam

(c) Sebagai warga global yang bertanggungjawab, cadangkan bagaimana generasi muda dapat bersama-sama mengatasi isu pemanasan global.

Generasi muda dapat bersama-sama mengatasi isu pemanasan global mengadakan **kempen cintai alam** melalui **media massa**, siaran radio dan televisyen. Sebagai contohnya generasi muda boleh membuat **rakaman 'Tik Tok'**, video dalam Facebook. Cadangan lain ialah dengan mengadakan **ceramah** tentang alam sekitar. Malah boleh juga **menjemput tokoh-tokoh** atau "influencer" contohnya, **Greta Thunberg** (Teenage activis). Kesannya program seperti ini dapat memberi **kesedaran** kepada mereka berkaitan isu pemanasan global.

Di samping itu generasi muda juga boleh mengamalkan **kitar semula** dengan memastikan setiap keluarga dapat **mengasing sampah** sebelum dibuang. Sebagai contohnya melabel **barang buangan plastik**,kaca,makanan,bateri,kain dan kertas. Hal ini dapat mengatasi masalah pencemaran yang boleh membawa kepada **pengeluaran toksin** dan mencemar alam sekitar. Oleh itu alam sekitar berada di dalam keadaan **selamat** untuk didiami oleh manusia.

[8 markah]

**[F/H/C/Inf]**

F1 mengadakan kempen cintai alam
H1b melalui media massa, siaran radio dan televisyen
C1 melalui rakaman 'Tik Tok', video dalam Facebook/ Instagram/ twiter
F2 mengadakan ceramah tentang alam sekitar dengan menjemput tokoh2 "influencer"
C2 contohnya, Greta Thunberg (Teenage activis)
F3 mengamalkan kitar semula
H3 memastikan setiap keluarga dapat mengasing sampah sebelum dibuang
C3 melabel barang buangan plastik/ kaca/ makanan/ bateri/ kain/ kertas
F4 menggalakkan penggunaan tenaga solar
H4 setiap rumah/ kampung memasang penal solar
F5 menyeru masyarakat mengguna air secara berhemah
F6 mengurangkan penggunaan kertas
Inf: Kesedaran generasi muda akan mempengaruhi ibubapa dan masyarakat dalam mengubah cara hidup lama. Perubahan ini akan memberi kesan jangka panjang yang diharapkan dapat mengatasi isu pemanasan global

*Mana-mana jawapan yang munasabah*

| T5B10 SK: 15.2 Kecemerlangan Dasar Luar Malaysia | Soalan Subjektif Respons Terbuka/ Bahagian B |
|---|---|

| | |
|---|---|
| 5 | Malaysia memberikan komitmen yang tinggi dalam usaha mengekalkan kelestarian global. |
| (a) | Buktikan kesungguhan Malaysia dalam usaha mengekalkan kelestarian global melalui pengisytiharan Deklarasi Langkawi.<br>……………………………………………………………………………………………………<br>……………………………………………………………………………………………………<br>……………………………………………………………………………………………………<br>……………………………………………………………………………………………………<br>……………………………………………………………………………………………………<br>……………………………………………………………………………………………………<br>[4 markah] |
| Jawapan | F1 Deklarasi Langkawi pada 1989<br>F2 Bersempena Mesyuarat Ketua-Ketua Negara Komanwel<br>F3 Dilaksanakan sebagai usaha menangani isu alam sekitar<br>H3a Terutama kesan Rumah Hijau<br>H3b kerosakan dan penipisan ozon<br>H3c Pencemaran yang disebabkan aktiviti manusia yang tidak terkawal<br>F4 Anugerah Langkawi dimulakan pada tahun 1991<br>F5 Kerajaan Kedah mengisytiharkan Langkawi sebagai geopark pada tahun 2006<br>F5 Melancarkan Dasar Teknologi Hijau Negara pada tahun 2009 |

Buku teks MS 238


Mengisytiharkan Deklarasi Langkawi

Pengisytiharan Deklarasi Langkawi merupakan bukti jelas komitmen Malaysia dan negara Komanwel untuk memelihara alam sekitar. Deklarasi Langkawi diadakan pada bulan Oktober 1989 bersempena dengan Mesyuarat Ketua-Ketua Negara Komanwel. Deklarasi Langkawi dilaksanakan sebagai usaha menangani isu alam sekitar terutama kesan rumah hijau, kerosakan dan penipisan ozon serta pencemaran yang disebabkan aktiviti manusia yang tidak terkawal.

- Anugerah Langkawi diberikan kepada warganegara Malaysia yang menunjukkan komitmen dan sumbangan besar dalam bidang alam sekitar. Anugerah ini dimulakan pada tahun 1991.
- Malaysia turut melaksanakan Dasar Alam Sekitar Negara 2002 yang menjadi asas dalam pembangunan negara.
- Pada tahun 2006, kerajaan negeri Kedah mengisytiharkan Langkawi sebagai *geopark* bagi memastikan kelestariannya terjamin.
- Malaysia telah melancarkan Dasar Teknologi Hijau Negara pada tahun 2009 untuk menggalakkan penggunaan produk teknologi hijau bagi mengawal perubahan iklim.



| | |
|---|---|
| (b) | PBB telah menganjurkan Sidang Kemuncak Bumi di Rio de Janeiro, Brazil pada tahun 1992.<br><br>Jelaskan komitmen Malaysia dalam memulihara alam sekitar dengan menyertai persidangan-persidangan antarabangsa.<br>……………………………………………………………………………………………………<br>……………………………………………………………………………………………………<br>……………………………………………………………………………………………………<br>……………………………………………………………………………………………………<br>……………………………………………………………………………………………………<br>……………………………………………………………………………………………………<br>……………………………………………………………………………………………………<br>……………………………………………………………………………………………………<br>……………………………………………………………………………………………………<br>……………………………………………………………………………………………………<br>……………………………………………………………………………………………………<br>……………………………………………………………………………………………………<br>[8 markah] |

**Jawapan**

F1 penglibatan negara dalam Sidang Kemuncak Bumi yang mengeluarkan deklarasi Agenda 21
H1a Agenda 21 ini merupakan satu dokumen umum yang penting bagi pengurusan aktiviti manusia dalam sesebuah negara.
H1b agenda ini menyentuh tindakan pembangunan abad ke-21
H1c bagi mengatasi masalah kemiskinan,
H1d kebuluran
H1e dan kemerosotan ekosistem
F2 Malaysia turut terlibat dalam Protokol Kyota 1997
F3 Malaysia juga terlibat dalam persidangan alam sekitar di Bali pada tahun 2007
H3 Persidangan-persidangan ini merupakan persetujuan sah dan persefahaman negara maju
H3 bahawa negara yang terlibat ini akan mengurangkan pembebasan gas rumah hijau secara kolektif
H3 menggalakkan tenaga baharu
C3 seperti tenaga solar
Inf : Hasrat Malaysia adalah untuk menerap dan mengguna pakai segala saranan agenda tersebut dalam program pembangunan bagi memastikan alam sekitar negara tidak terjejas dan dapat diwariskan kepada generasi akan datang

Buku teks MS 239


Menyertai Sidang Kemuncak Bumi

Isu pencemaran alam sekitar merupakan salah satu isu yang mencetuskan Sidang Kemuncak Bumi di Rio de Janeiro, Brazil pada tahun 1992. Sidang Kemuncak Bumi ini dianjurkan oleh PBB. Malaysia menunjukkan kesungguhan dalam memulihara alam sekitar dengan menyertai sidang ini.

- Komitmen Malaysia terpapar melalui pelibatan negara dalam Sidang Kemuncak Bumi ini yang mengeluarkan deklarasi Agenda 21.
- Agenda 21 ini merupakan satu dokumen umum yang penting bagi pengurusan aktiviti manusia dalam sesebuah negara. Agenda ini menyentuh tindakan pembangunan abad ke-21 bagi mengatasi masalah kemiskinan, kebuluran dan kemerosotan ekosistem.
- Selain itu, Malaysia turut terlibat dalam Protokol Kyoto 1997 dan persidangan alam sekitar di Bali pada tahun 2007. Persidangan-persidangan ini merupakan satu persetujuan sah dan persefahaman negara maju bahawa negara yang terlibat ini akan mengurangkan pembebasan gas rumah hijau secara kolektif dan menggalakkan penggunaan tenaga baharu seperti tenaga solar.
- Hasrat Malaysia adalah untuk menerapkan dan mengguna pakai segala saranan agenda tersebut dalam program pembangunan bagi memastikan alam sekitar negara tidak terjejas dan dapat diwariskan kepada generasi akan datang.

(c) Terangkan kepentingan kita memelihara alam sekitar.

…………………………………………………………………………………………………………..
…………………………………………………………………………………………………………..
…………………………………………………………………………………………………………..
…………………………………………………………………………………………………………..
…………………………………………………………………………………………………………..
…………………………………………………………………………………………………………..
…………………………………………………………………………………………………………..
…………………………………………………………………………………………………………..
…………………………………………………………………………………………………………..
…………………………………………………………………………………………………………..
…………………………………………………………………………………………………………..
…………………………………………………………………………………………………………..

[8 markah]

**[F/H/C/Inf]**

F1 Khazanah dunia dapat dinikmati oleh generasi akan datang
F2 Mengelakkan kepupusan flora dan fauna
F3 Mengelakkan masalah pencemaran alam
C3 berlaku jerebu
F4 Mengelakkan bencana alam akibat tanpa kemusnahan alam sekitar
C4 banjir kilat/ tanah runtuh
F5 Menangani masalah perubahan iklim
C5 pemanasan global
F6 Memastikan kawasan tadahan hujan tidak termusnah
F7 Memelihara keaslian hutan
Inf: Kelestarian kualiti alam sekitar merupakah amanah yang perlu dijaga bagi kepentingan generasi akan datang.

*Mana-mana jawapan munasabah*

SEKIAN TERIMA KASIH

SEMOGA SEMUA PELAJAR BEROLEH KEJAYAAN YANG CEMERLANG DI DALAM SUBJEK SEJARAH